BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Keperluan Berkanun

Mengikut seksyen 48 Akta Bank Negara Malaysia 1958, Bank Negara Malaysia dengan ini menerbitkan dan telah mengemukakan kepada Menteri Kewangan satu naskhah Laporan Tahunan ini berserta dengan satu salinan Kira-kira Tahunannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2006, yang telah diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara. Kira-kira Tahunan ini akan juga diterbitkan di dalam Warta.

Bagi maksud seksyen 115 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, laporan tahunan berhubung dengan pentadbiran Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan perkara lain yang berkaitan bagi tahun berakhir 2006, dimasukkan dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2006 yang menjadi satu daripada bahagian penting Laporan Tahunan 2006.

Zeti Akhtar Aziz
Pengerusi
Lembaga Pengarah

21 Mac 2007

Lembaga Pengarah

Dr. Zeti Akhtar Aziz
D.K. (Johor), P.S.M., S.S.A.P., D.P.M.J.
Gabenor dan Pengerusi

Dato' Ooi Sang Kuang
D.M.P.N.
Timbalan Gabenor

Datuk Zamani bin Abdul Ghani
D.M.S.M., D.S.M., K.M.N.
Timbalan Gabenor

Dato' Mohd Razif Abd Kadir
D.P.M.P., D.I.M.P.
Timbalan Gabenor

Dato' Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah
D.P.S.K., A.M.N.

Datuk Oh Siew Nam
P.J.N.

Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang bin Mohd. Nor
P.S.M., D.A., P.N.B.S., J.S.M., J.B.S., A.M.N., P.B.J. P.P.D.(Emas)

Dato' N. Sadasivan
D.P.M.P., J.S.M., K.M.N.

Tan Sri Dato Sri Mohd. Hassan Marican
P.S.M., S.P.M.T., D.S.M.T., P.N.B.S., A.M.K.

Dato' Mohd Razif Abd Kadir telah dilantik sebagai Timbalan Gabenor berkuat kuasa pada 1 Jun 2006.

Datuk Oh Siew Nam, Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang bin Mohd. Nor dan Dato' N. Sadasivan telah dilantik semula menjadi ahli Lembaga berkuat kuasa pada 1 Mac 2007.

Dato' Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah telah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah berkuat kuasa pada 28 Februari 2007. Tan Sri Dato' Sri Izzuddin bin Dali telah meletakkan jawatan dari Lembaga Pengarah pada 27 Februari 2007 setelah tamat tempoh perkhidmatan beliau sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Gabenor	Dr. Zeti Akhtar Aziz
Timbalan Gabenor	Dato' Ooi Sang Kuang
Timbalan Gabenor	Datuk Zamani bin Abdul Ghani
Timbalan Gabenor	Dato' Mohd Razif bin Abd. Kadir
Penolong Gabenor	Dato' Mohamad Daud bin Hj. Dol Moin
Penolong Gabenor	Muhammad bin Ibrahim
Penolong Gabenor	Nor Shamsiah binti Mohd Yunus
Penolong Gabenor	Dato' Mohd Nor bin Mashor
Penolong Gabenor	Gopala Krishnan Sundaram
Penolong Gabenor	Lillian Leong Bee Lian
Setiausaha kepada Lembaga Pengarah	Dato' Mohd Nor bin Mashor
Pengarah	
Komunikasi Korporat	Abu Hassan Alshari bin Yahaya
Audit Dalam	Hor Weng Keng
Penyiasatan Khas	Johar bin Mokhtar
Perisikan Kewangan	Jeremy Lee Eng Huat
Ekonomi	
Analisis dan Strategi Monetari	Dr. Sukhdave Singh
Ekonomi	V. Vijayaledchumy
Antarabangsa	Ismail bin Alowi
Pengawalan	
Pembangunan Sektor Kewangan	Ahmad Hizzad bin Baharuddin
Pemantauan dan Pengawasan Kewangan	Donald Joshua Jaganathan
Dasar Kewangan Pruden	S. Abd. Rasheed bin S. Abd Ghafur
Konsumer dan Amalan Pasaran	Koid Swee Lian
Perbankan Islam dan Takaful	Bakarudin bin Ishak
Kewangan Pembangunan dan Enterpris	Marzunisham bin Omar
Penyeliaan	
Penyeliaan Konglomerat Kewangan	Che Zakiah binti Che Din
Penyeliaan Perbankan	Chung Chee Leong
Penyeliaan Insurans dan Takaful	Yap Lai Kuen
Penyeliaan IT dan IKP	Mahdi bin Mohd. Ariffin
Dasar Sistem Pembayaran	Cheah Kim Ling
Pelaburan dan Operasi	
Operasi Pelaburan dan Pasaran Kewangan	Norzila binti Abdul Aziz
Pentadbiran dan Pertukaran Asing	Wan Hanisah binti Wan Ibrahim
Pengurusan dan Operasi Matawang	Ramli bin Saad
Sokongan Organisasi	
Pusat Pembangunan Sumber Manusia	Lim Lai Hong
Perkhidmatan Statistik	Chew Siew Kheam
Pengurusan Strategik	A. Kanagalingam
Pengurusan Risiko	Santhini a/p Chandrapal
Pengurusan Sumber Manusia	Kamari Zaman bin Juhari
Perkhidmatan Korporat	Dato' Mohd Nor bin Mashor
Harta dan Perkhidmatan	Zulkifli bin Abd Rahman
Keselamatan	Mior Mohd Zain bin Mior Mohd Tahir
Undang-Undang	Gopala Krishnan Sundaram
Perkhidmatan IT	Alizah binti Ali
Kewangan	Abdul Aziz bin Abdul Manaf
Pusat Sumber Perkhidmatan Kewangan	Lim Foo Thai
Ketua Unit	
Sokongan Pengawalan dan Penyeliaan	Siti Ramlah binti Ahmad
Ketua Perwakilan	
Pejabat Perwakilan London	Azman bin Mat Ali
Pejabat Perwakilan New York	Mahendran a/l Kanagaratnam
Pengurus Cawangan	
Pulau Pinang	Raman a/l Krishnan
Johor Bahru	Abdul Aziz bin Ahmad
Kota Kinabalu	Ahmad bin Abd Rahim
Kuching	Ishak bin Musa
Kuala Terengganu	Azizan bin Mohd Ali
Shah Alam	Mohd. Khir bin Hashim

Kandungan

Perutusan Gabenor

Ekonomi Malaysia pada Tahun 2006

3 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa pada Tahun 2006
8 Tinjauan Keseluruhan
8 Keadaan Permintaan Dalam Negeri
11 *Rencana: Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana*
19 Kajian Mengikut Sektor
34 Harga dan Guna Tenaga
43 Sektor Luar Negeri

Keadaan Monetari dan Kewangan

63 Tinjauan Keadaan Monetari dan Kewangan Antarabangsa
64 *Rencana: Keterbukaan Ekonomi Malaysia*
68 Perkembangan Kadar Pertukaran Ringgit
71 Mudah Tunai dan Bekalan Wang
73 Keadaan Pasaran Kewangan
77 *Rencana: Pergerakan Kadar Pulangan Islam dan Kadar Faedah Konvensional*
80 *Rencana: Peningkatan Kerjasama dalam Pembangunan Pasaran Bon Serantau*
86 Pembiayaan Ekonomi

Dasar Monetari pada Tahun 2006

99 Tinjauan Keseluruhan
99 Persekitaran Dasar dan Cabaran
101 Dasar Monetari pada Tahun 2006
106 *Rencana: Inisiatif Terpilih Bank Pusat yang sedang Dijalankan bagi Menggalakkan Kerjasama Serantau*
107 Operasi Monetari pada Tahun 2006
108 Pemberitahuan Dasar Monetari

Prospek dan Dasar

113 Prospek Ekonomi Antarabangsa
116 Ekonomi Malaysia pada Tahun 2007
125 Dasar Monetari Tahun 2007
126 *Rencana: Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia*
128 *Rencana: Liberalisasi Dasar Pentadbiran Pertukaran Asing*
130 Dasar Fiskal Tahun 2007

Tadbir Urus dan Pembangunan Organisasi

135 Tinjauan Keseluruhan
140 Pengurusan Risiko di Bank Negara Malaysia
144 Struktur Organisasi

Penyata Kewangan Tahunan

150 Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2006
151 Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006
152 Nota-nota bagi Penyata Kewangan

Tambahan

Perutusan Gabenor

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ekonomi Malaysia mencapai pertumbuhan yang mantap pada tahun 2006 dalam suasana inflasi yang semakin sederhana. Permulaan tahun itu menyaksikan tekanan inflasi yang semakin meningkat berikutan harga minyak yang berada pada paras yang tertinggi. Meskipun kadar dasar dinaikkan tiga kali dalam tempoh enam bulan, keputusan dasar monetari adalah hasil pertimbangan cermat antara keperluan menangani risiko inflasi dan keperluan mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Hasil daripada fleksibiliti ekonomi yang meningkat, struktur ekonomi yang lebih pelbagai, asas-asas makroekonomi yang lebih utuh, dan sektor kewangan yang diperkukuh, ekonomi menjadi lebih teguh dan lebih berdaya tahan pada tahun 2006. Walaupun kedudukan sektor luar negeri kekal mantap, aktiviti sektor swasta dalam negeri terus memacu pengembangan ekonomi. Trend ini turut disokong oleh kekukuhan aliran masuk pelaburan langsung asing. Sektor perkilangan, perkhidmatan dan pertanian terus berperanan sebagai penjana utama pertumbuhan, manakala sektor perlombongan dan pembinaan mencatat pemulihan pada tahun tersebut.

Jangkaan terhadap inflasi dapat dibendung pada tahun 2006. Biarpun inflasi meningkat pada separuh tahun pertama, inflasi yang berpunca daripada tekanan permintaan tetap rendah, dan tiada tanda-tanda jelas kesan pusingan kedua daripada kejutan harga yang didorong oleh penawaran terhadap harga pengguna keseluruhan. Oleh itu, selepas peningkatan kadar faedah pada akhir tahun 2005 dan awal tahun 2006, dasar monetari kekal tidak berubah sehingga ke akhir tahun.

Malaysia merupakan ekonomi yang amat terbuka dari segi jumlah perdagangan dan aliran kewangan, serta dari segi penyertaan asing dalam ekonomi dan sistem kewangannya. Eksport dan import terus berkembang pada kadar dua angka pada tahun 2006. Pelaburan langsung asing di Malaysia pula mencakupi lebih daripada satu perempat daripada jumlah pelaburan. Di samping itu, institusi kewangan asing dalam sektor perbankan mencakupi hampir 30% daripada bahagian pasaran, manakala dalam sektor insurans, penyertaan asing mencakupi kira-kira 70%. Penyertaan asing dalam pasaran modal juga ketara, dengan penyertaan dalam pasaran bon kini merangkumi bukan pemastautin yang melabur dalam sekuriti dan syarikat yang menerbitkan sekuriti.

Berikutan tahap integrasi yang tinggi dengan ekonomi global dan sistem kewangan antarabangsa, perkembangan global memberi kesan yang nyata terhadap pasaran kewangan dan ekonomi dalam negeri. Di samping itu, dasar kawalan pertukaran asing negara yang begitu liberal menyebabkan aliran modal yang besar dan tidak menentu. Oleh itu, Malaysia tidak terlindung daripada perkembangan luar negeri dan kesan kontagion. Namun begitu, keupayaan

Malaysia untuk menyerap kemeruapan yang bertambah ini kini meningkat dengan ketara. Peningkatan daya tahan ini berpunca daripada struktur ekonomi yang lebih pelbagai, asas-asas makroekonomi yang lebih baik, sistem kewangan yang diperkukuh dan pasaran kewangan yang lebih maju.

Sungguhpun peningkatan daya tahan ini bererti negara berkeupayaan menangani kejutan yang berpunca daripada perkembangan luaran yang tidak dijangka, sektor swasta juga perlu mengurus risiko secara aktif agar mereka lebih berupaya dan bersedia memanfaatkan peluang-peluang yang bertambah hasil daripada persekitaran baru ini. Pengukuhan tadbir urus korporat dan amalan pengurusan risiko yang disokong oleh peningkatan kecekapan dan inovasi, akan menyumbang kepada peningkatan daya saing dan daya tahan. Pemesatan pembangunan sistem kewangan kini menyebabkan kemunculan pengantara kewangan serta instrumen kewangan yang baru, pasaran kewangan yang lebih maju dan peraturan kawalan pertukaran asing yang lebih liberal. Perkembangan yang progresif ini bertujuan untuk memenuhi keperluan persekitaran yang berubah-ubah, memudahkan fleksibiliti dalam mengurus urus niaga kewangan dan meningkatkan pengurusan risiko oleh sektor swasta.

Sudah hampir dua tahun Malaysia beralih kepada rejim kadar pertukaran yang lebih fleksibel. Peralihan yang berjaya ini adalah hasil daripada pewujudan beberapa siri prasyarat bagi memastikan kejayaan pelaksanaannya. Antara prasyarat tersebut ialah pewujudan sektor perbankan yang lebih kukuh dan dinamik; pasaran bon yang mendalam dan cair; asas-asas makroekonomi yang diperkukuh; paras rizab yang tinggi secukupnya; dan liberalisasi akaun modal yang setara dengan keupayaan pasaran mengurus risiko berkaitan. Di samping itu, mekanisme pengawasan juga telah disediakan bagi memantau aliran modal, memandangkan ia semakin berpengaruh terhadap pergerakan kadar pertukaran mata wang.

Secara amnya, perkembangan dalam pasaran pertukaran asing ringgit adalah teratur, mencerminkan keadaan pasaran dan asas-asas ekonomi yang mendasarinya. Pada asasnya, kekukuhan ekonomi menjana aliran masuk dan keluar yang menyumbang kepada kestabilan trend asas kadar pertukaran. Sebahagian besar aliran masuk ini adalah daripada perolehan eksport, aktiviti pelaburan jangka panjang dan pelaburan portfolio. Teras aliran ini amat bergantung pada asas-asas yang teguh. Secara amnya, aliran keluar juga mencerminkan kekukuhan ekonomi, dengan peningkatan permintaan import, penghantaran balik keuntungan dan dividen oleh syarikat dan institusi kewangan asing, dan pembayaran balik dan prapembayaran hutang luar negeri. Di samping itu, pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia kini merupakan trend yang semakin ketara. Aliran keluar yang berpunca daripada kehadiran syarikat asing dalam jumlah yang besar di Malaysia dan sektor korporat yang lebih berorientasi pasaran antarabangsa juga besar. Pada tahun 2006, aliran keluar ini mencakupi 5.3% daripada KDNK dan sedikit sebanyak mengimbangi trend menaik mata wang ringgit lantaran aliran masuk.

Struktur kewangan yang pelbagai dan sistem kewangan yang semakin maju meningkatkan potensi pengantaraan yang lebih efektif oleh sektor kewangan. Mudah tunai yang mencukupi, keupayaan institusi kewangan yang diperkukuh dan pasaran modal yang semakin berkembang dari

segi kedalaman dan keluasannya telah menyokong momentum aktiviti pelaburan swasta yang meningkat. Peningkatan ketara akses kepada pembiayaan turut dinikmati oleh sektor isi rumah dan perusahaan kecil dan sederhana. Institusi perbankan pelaburan yang memulakan operasinya pada tahun 2006 merupakan pengantara penting pasaran modal yang menepati keperluan baru sektor korporat, manakala pengaturan keinstitusian bagi pembiayaan mikro yang diperkenalkan pada tahun 2006 turut meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan dan pembiayaan bagi perusahaan mikro.

Meskipun sektor kewangan telah dibangunkan untuk menjadi pemboleh pertumbuhan yang memudahkan pertumbuhan ekonomi dan proses transformasi, kini sektor itu muncul sebagai sumber langsung pertumbuhan. Peranan yang berubah ini tercermin pada kepesatan pembangunan industri perkhidmatan kewangan. Perkembangan yang nyata dialami oleh aktiviti bidang pertumbuhan baru termasuk perbankan pelaburan dan kewangan Islam. Kini, subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan menjadi semakin penting dalam ekonomi. Subsektor itu yang kini menggaji lebih daripada 770,000 orang berbanding dengan 500,200 orang pada tahun 2000 mencakupi 15.5% daripada KDNK, berbanding dengan 12.7% pada tahun 2000. Pertumbuhan ini adalah ketara meskipun konsolidasi dan rasionalisasi dilaksanakan dalam industri perbankan dan insurans. Dengan itu, industri perkhidmatan kewangan kini menjadi penjana penting guna tenaga, penjanaan pendapatan dan seterusnya pertumbuhan ekonomi.

Bank Negara Malaysia telah mengorak langkah secara progresif dalam usahanya meliberalisasikan landskap perkhidmatan kewangan, apabila sektor perkhidmatan semakin meningkat kecanggihan dan kedinamikannya. Khususnya, had ekuiti asing telah dinaikkan dalam bidang pertumbuhan baru termasuk perbankan pelaburan dan perbankan Islam serta takaful. Tiga lesen perbankan Islam yang baru juga diberikan kepada peserta asing dalam sektor kewangan Islam. Liberalisasi secara beransur-ansur tetapi progresif ini bukan sahaja bertujuan menggalakkan persekitaran yang kompetitif yang memastikan penetapan harga yang berkesan dari segi kos untuk manfaat pengguna dan sektor perniagaan Malaysia, malah untuk mengukuhkan rantaian perdagangan dan pelaburan dengan dunia luar. Pengalaman lampau juga menunjukkan bahawa limpahan langsung dan tidak langsung daripada liberalisasi bakal meningkatkan pertumbuhan, mempelbagaikan aktiviti dan membuka pasaran baru untuk Malaysia. Bagi pelabur asing, Malaysia bukan sahaja merupakan pusat keuntungan tinggi bahkan turut menyediakan platform untuk berada dalam rantau Asia Timur yang pesat berkembang.

Bank Negara Malaysia juga terus mengkaji semula peraturan pentadbiran pertukaran asingnya dan meliberalisasikan peraturan tersebut secara progresif dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian, dan menyediakan potensi yang lebih baik bagi pengurusan risiko oleh perusahaan perniagaan dan lantas meningkatkan daya saing Malaysia secara keseluruhan. Liberalisasi tersebut yang diumumkan sempena Laporan ini bertujuan menyumbang ke arah penyediaan lebih kefleksibelan dalam menjalankan perniagaan mata wang asing, meluaskan kumpulan pelabur bagi aset dan produk kewangan ringgit serta meningkatkan kecekapan perniagaan dan pasaran modal.

Pertumbuhan global pada tahun 2007 dijangka melebihi 4% meskipun ekonomi Amerika Syarikat mengalami sedikit penyederhanaan. Tahun ini bakal menjadi tahun kelima berturut-turut ekonomi dunia mencatat pertumbuhan yang kukuh. Secara keseluruhan, pertumbuhan dijangka terus kukuh meskipun pertumbuhan eksport menjadi sederhana, terutamanya pada separuh tahun pertama. Ekonomi dalam negeri dijangka meningkat dengan lebih kukuh pada separuh tahun kedua. Permintaan dalam negeri akan terus mampan dengan peningkatan keyakinan pengguna dan perniagaan dijangka merealisasikan perbelanjaan swasta yang lebih kukuh. KDNK benar diunjurkan mengembang 6% dalam suasana inflasi yang semakin sederhana.

Persekitaran makroekonomi dan kewangan yang stabil ini akan dimanfaatkan untuk mengalihkan sumber ke bidang pertumbuhan baru dan untuk beranjak ke tahap beroperasi yang lebih cekap. Komponen yang penting dalam pencapaiannya ialah peralihan yang giat kepada cara pembayaran secara elektronik. Kajian yang dijalankan di negara yang berpindah kepada pembayaran secara elektronik menunjukkan penjimatan jangka panjang hasil penerapan kaedah ini lebih daripada mengimbangi kos pembangunan dan pelaksanaan jangka pendeknya. Kos urus niaga dalam sistem pembayaran secara elektronik adalah antara separuh hingga sepertiga kos urus niaga dalam sistem berasaskan kertas. Di Malaysia, kos ini mencakupi 1% daripada KDNK setahun. Pastinya paras penjimatan sebegini menjadi perangsang penting bagi pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhan.

Jangkauan meluas bank dalam sistem kewangan Malaysia berserta penerapan kaedah pembayaran secara elektronik asas seperti kad mesin teler automatik bererti kita memang bersedia untuk menerapkan sistem yang lebih cekap ini secara meluas. Sesungguhnya, Malaysia berkemungkinan akan mempercepat pindahan kepada infrastruktur pembayaran secara elektronik terkini yakni platform berasaskan Internet dan peranti mudah alih yang lebih berkesan dari segi kos dan lebih cekap. Namun, pengembangan infrastruktur maklumat, khususnya penembusan komputer dan liputan jalur lebar yang lebih tinggi ialah prasyarat kejayaan penerapan sistem generasi seterusnya ini. Meskipun kos meluaskan liputan mungkin tampak tinggi, ganjaran dari segi ekonomi daripada liputan jalur lebar yang meluas ini sangat besar dan jauh lebih tinggi daripada penjimatan kos berikutan perpindahan kepada sistem pembayaran secara elektronik. Akses sedemikian memang berpotensi besar untuk menjana manfaat kepada ekonomi negara dari segi produktiviti, penyebaran maklumat dan keupayaan untuk komunikasi yang lebih efektif. Akses itu juga akan membolehkan urus niaga perniagaan dan kewangan berjalan secara lebih cekap dan berkesan. Ini menjurus pada pengurangan kos, peningkatan kualiti dan peningkatan taraf hidup.

Risiko masih wujud biarpun prospek global dan ekonomi tetap menggalakkan. Sehubungan dengan itu, usaha berterusan akan dijuruskan pada memperkuat daya tahan sistem kewangan dan ekonomi supaya berupaya menyerap kejutan yang mungkin berlaku untuk meminimumkan implikasi sebarang kejutan terhadap ekonomi dalam negeri. Persekitaran antarabangsa yang pesat berubah sememangnya telah mengubah prospek dan risiko potensi serta cabaran yang dihadapi rantau ini. Keadaan ini mendorong pendekatan yang lebih terselaras untuk menangani isu yang sama dalam rantau ini. Matlamat kerjasama yang lebih erat sedemikian bukan hanya untuk mencapai kestabilan makroekonomi dan kewangan yang lebih mantap malah untuk

melancarkan usaha ke arah mencapai pertumbuhan yang lebih saling memperkukuh. Oleh itu, kerjasama serantau tertumpu pada pengukuhan pengaturan keinstitusian dan mekanisme serantau dalam bidang pemantauan perkembangan, peningkatan kapasiti untuk pengurusan risiko, pembangunan dan pengintegrasian pasaran kewangan, pengurusan dan penyelesaian krisis dan bina upaya. Matlamat akhir ialah menggembleng sepenuhnya keupayaan rantau ini untuk mencapai kemakmuran ekonomi yang lebih hebat.

Bank Negara Malaysia terus menumpukan usaha ke arah memperkukuh kapasiti organisasi agar kejayaan yang dihasratkan dapat dicapai. Langkah Ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kemampuan dalaman Bank untuk mengurus persekitaran yang lebih mencabar. Pada tahun 2006, tumpuan terarah pada penambahbaikan selanjutnya dalam struktur tadbir urus, pengurusan tenaga mahir, pembelajaran dan pengurusan pengetahuan serta pengurusan teknologi komunikasi dan maklumat. Khususnya, penjajaran semula fungsi pengawalan dan penyeliaan di bawah pendekatan yang lebih bersepadu merupakan penambahbaikan utama, agar berada pada kedudukan yang lebih baik untuk mencapai kestabilan kewangan dan memacu pembangunan sistem kewangan. Pada tahun 2006, peningkatan dalam pengurusan tenaga mahir di Bank lebih terserlah. Ini termasuk pewujudan peranan dan keperluan kompetensi baru yang sejajar dengan matlamat strategik Bank Negara Malaysia. Usaha ini merupakan satu langkah dalam proses perubahan berterusan bagi memastikan amalan pengurusan tenaga mahir Bank menggalakkan lebih kejelasan organisasi tentang peranan dan jangkaan prestasi merentas pelbagai peringkat kakitangan Bank. Pengurusan kepimpinan dan pengetahuan dianggap komponen yang amat penting dalam pembinaan kapasiti dan kemampuan dalaman. Oleh itu, Bank Negara Malaysia meningkatkan kerjasamanya dengan bank-bank pusat dan penyedia pembelajaran antarabangsa lain untuk memupuk perkongsian pengetahuan dan kefahaman. Bank Negara Malaysia akan terus memberi keutamaan tertinggi dalam pembangunan organisasinya untuk membolehkan mandatnya dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, secara mampan.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor

21 Mac 2007

Ekonomi Malaysia pada Tahun 2006

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA PADA TAHUN 2006

Persekitaran ekonomi global menggalakkan pada tahun 2006 dengan pertumbuhan kekal pada kadar melebihi 4% bagi tahun keempat berturut-turut. Meskipun terdapat sedikit penyederhanaan di Amerika Syarikat (AS), khususnya menjelang separuh tahun kedua, momentum pertumbuhan global terus kukuh. Daya tahan itu disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, penyederhanaan pertumbuhan ekonomi AS tertumpu pada sektor perumahan dan sektor berkaitan dengan automobil yang lemah. Kedua, meskipun sumbangan AS terhadap pertumbuhan dunia masih lagi ketara, terdapat perluasan pertumbuhan merentas rantau ekonomi utama, khususnya dengan peningkatan pendorong ekonomi di Eropah, pemulihan yang berterusan di Jepun, dan pengembangan yang lebih kukuh di rantau Asia Timur[1] dan juga negara membangun lain. Ketiga, kekukuhan pasaran komoditi hampir sepanjang tahun memihak kepada pengeluar berasaskan sumber, lantas memberi manfaat kepada banyak negara sedang pesat membangun melalui peningkatan kadar syarat perdagangan dan perolehan pertukaran asing.

Pertumbuhan global lebih menyeluruh pada tahun 2006, dengan pemulihan berterusan di Eropah dan Jepun, dan pengembangan mampan di Asia meskipun terdapat sedikit penyederhanaan di Amerika Syarikat

Penurunan ekonomi **AS** sederhana sehingga kini, dengan permintaan dalam negeri masih lagi utuh meskipun terdapat kemerosotan dalam pasaran perumahan. Aktiviti penggunaan terus teguh dengan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan dan kedudukan pendapatan yang baik. Sejak bulan September 2003, pasaran pekerja AS terus bertambah ketat dalam suasana pewujudan peluang pekerjaan yang mantap dan kenaikan upah benar. Di samping itu, kejatuhan harga gasolin yang ketara menjelang akhir tahun 2006 turut memberi kesan positif kepada pendapatan boleh guna. Tambahan pula, biarpun harga rumah meningkat pada kadar yang lebih sederhana pada tahun 2006, kekayaan isi rumah dapat dikekalkan melalui penjanaan kekayaan ekoran prestasi pasaran ekuiti yang menggalakkan. Yang lebih penting, aktiviti pelaburan harta tanah bukan kediaman di AS kekal mantap dalam suasana

[1] Rantau Asia Timur tidak termasuk Jepun merujuk kepada Republik Rakyat China, China Taipei, Hong Kong SAR, Indonesia, Korea, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand.

Jadual 1.1
Ekonomi Dunia: Penunjuk Ekonomi Utama

	Pertumbuhan KDNK Benar (%)		Inflasi (%)	
	2005	2006*a*	2005	2006*a*
Pertumbuhan Dunia	**4.9**	**5.0**	**–**	**–**
Perdagangan Sedunia	**7.4**	**8.0**	**–**	**–**
Negara Perindustrian Utama	**2.6**	**2.9**	**2.3**	**2.3**
Amerika Syarikat	3.2	3.3	3.4	3.2
Jepun	1.9	2.2	-0.3	0.2
Kawasan euro	1.4	2.7	2.2	2.2
United Kingdom[1]	1.9	2.7	2.1	2.3
Asia Timur	**7.5**	**7.9**	**3.1**	**3.0**
NIE Asia	**4.8**	**5.4**	**2.2**	**1.6**
Korea	4.0	5.0	2.7	2.2
China Taipei	4.1	4.6	2.3	0.6
Singapura	6.6	7.9	0.5	1.0
Hong Kong SAR[2]	7.5	6.8	1.0	2.0
Republik Rakyat China	**10.4**	**10.7**	**1.8**	**1.5**
ASEAN[3]	**5.4**	**5.8**	**5.9**	**6.8**
Malaysia	5.2	5.9	3.0	3.6
Thailand	4.5	5.0	4.5	4.7
Indonesia	5.6	5.5	10.4	13.3
Filipina	5.0	5.4	7.6	6.3

[1] Inflasi berdasarkan indeks harga pengguna terharmoni Eurostat
[2] Inflasi merujuk kepada harga komposit
[3] Termasuk Singapura
a Anggaran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), pihak berkuasa negara dan anggaran Bank Negara Malaysia.

Rajah 1.1
Sumbangan kepada Pertumbuhan Dunia



a Anggaran
Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia berdasarkan data Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

pertumbuhan keuntungan yang menggalakkan dan kedudukan kewangan korporat yang baik. Prestasi sektor korporat yang menggalakkan mendapat faedah terutamanya daripada kekukuhan persekitaran luar negeri dan operasi syarikat-syarikat AS yang terdapat di seluruh dunia serta keadaan pembiayaan yang menggalakkan. Kedudukan luaran AS bertambah baik dengan defisit perdagangannya mengecil sejak bulan September 2006. Penurunan import AS disebabkan terutamanya oleh harga minyak yang lebih rendah dan permintaan yang sederhana terhadap import berkaitan dengan minyak.

Tahun 2006 juga menyaksikan tanda-tanda yang jelas tentang pengimbangan semula pertumbuhan global dalam kalangan negara perindustrian utama. Sehingga bulan November 2006, **Jepun** mengalami tempoh pengembangan ekonomi mampan yang paling lama sejak ledakan *"Izanagi"* selama 57 bulan pada akhir tahun 1960-an, walaupun kekukuhan pemulihan ekonominya kekal sederhana dan tidak seimbang. Keadaan perniagaan yang semakin kukuh seperti ditunjukkan oleh kaji selidik *Tankan* dan keuntungan korporat yang bertambah baik telah mendorong perbelanjaan modal. Permintaan luar negeri yang kukuh, terutamanya terhadap automobil dan jentera, juga menyumbang kepada pertumbuhan, dengan eksport ke Republik Rakyat China (RR China) mencatat pertumbuhan dua angka. Walau bagaimanapun, perbelanjaan isi rumah masih terkekang kerana kenaikan upah yang sederhana.

Sementara itu, pemulihan ekonomi di **kawasan euro** semakin mantap. Pemulihan didorong oleh pertumbuhan yang lebih kukuh di Jerman, yang memberikan kesan pengukuhan atas negara anggota lain. Pembaharuan struktur yang dilaksanakan di Jerman dalam beberapa tahun yang lalu mula memberi manfaat kepada ekonomi dalam negeri, seperti dilihat dalam daya saing syarikat Jerman yang semakin meningkat. Bagi kawasan euro keseluruhannya, meskipun perbelanjaan pelaburan dan permintaan eksport terus menjadi penyumbang pertumbuhan yang penting, terdapat pertumbuhan pesat dalam penggunaan swasta. Aktiviti penggunaan mendapat manfaat daripada pertambahan keyakinan pengguna dan keadaan pasaran pekerja yang nyata bertambah baik, dengan kadar pengangguran menurun ke paras terendah dalam tempoh lima tahun. Ekonomi United Kingdom pula berkembang dengan pesat, dipacu pemulihan pasaran perumahan, pertambahan peluang pekerjaan dan kekukuhan prestasi sektor perkhidmatan perniagaan dan kewangan.

Rantau Asia terus berdaya tahan walaupun pertumbuhan global mengalami penyederhanaan pada separuh kedua tahun 2006. Pertumbuhan terus kukuh, hasil sokongan berterusan daripada permintaan luar dan dalam negeri. Pertumbuhan turut didorong oleh integrasi serantau yang lebih mantap hasil pengembangan berterusan dalam perdagangan antara rantau. Harga komoditi yang lebih tinggi turut memantapkan pertumbuhan, khususnya di negara berasaskan sumber, seterusnya menyumbang kepada lebihan akaun semasa yang besar. Dengan ekonominya berkembang 10.7%, iaitu kadar tertinggi sejak tahun 1995, RR China kekal sebagai penyumbang penting kepada pengembangan serantau. Walau bagaimanapun, kebimbangan tentang kemampanan pertumbuhan itu mendorong pihak berkuasa RR China melaksanakan beberapa langkah yang bertujuan mencapai pertumbuhan yang lebih seimbang, iaitu lebih terarah kepada aktiviti penggunaan dan kurang kepada eksport dan pelaburan.

Inflasi di seluruh dunia terus tinggi hampir sepanjang tahun 2006 disebabkan kesan harga minyak. Harga minyak meningkat,

Rajah 1.2
Harga Minyak Mentah: WTI 1-Bulan



Sumber: Reuters

Rajah 1.3
Negara Perindustrian Utama: Kadar Faedah Rasmi



Sumber: Pihak berkuasa negara

terutamanya pada separuh tahun pertama, ekoran ketidakpastian terhadap bekalan dalam keadaan permintaan yang kukuh, dan ketegangan geopolitik yang menjejaskan beberapa negara pengeluar minyak utama. Namun begitu, tekanan inflasi reda apabila harga minyak mula menurun pada bulan Ogos 2006, sebahagiannya mencerminkan pengurangan risiko terhadap bekalan. Jangkaan tentang penyederhanaan pertumbuhan ekonomi AS pada separuh tahun kedua bersama-sama dengan pertambahan inventori di AS berikutan cuaca panas di luar jangkaan menyumbang kepada kebimbangan yang berkurang terhadap bekalan jangka pendek. Perkembangan ini, bersama-sama dengan pengagihan semula dana spekulatif ke pasaran lain, menyerlahkan lagi trend menurun dalam harga minyak meskipun Organisation of Petroleum Exporting Countries (OPEC) mengurangkan pengeluaran.

Kebanyakan bank pusat melaksanakan **dasar monetari** yang lebih ketat kerana terdapat keperluan untuk mengurangkan kesan sampingan harga minyak terhadap inflasi keseluruhan dan mengurus jangkaan inflasi. Di AS, Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (Federal Open Market Committee, FOMC) Federal Reserve Board menaikkan kadar faedah secara beransur-ansur sehingga 5.25% pada bulan Jun 2006. FOMC mengekalkan pendirian dasar monetarinya sehingga akhir tahun, meskipun terdapat penunjuk bahawa pertumbuhan semakin lembap dalam suasana inflasi teras yang lebih tinggi, penggunaan sumber yang semakin ketat dan kos pekerja yang meningkat. Sementara itu, tanda-tanda yang ekonomi Jepun akhirnya telah pulih daripada tempoh deflasi yang berpanjangan membolehkan Bank of Japan (BOJ) menamatkan dasar kelegaan kuantitatif pada bulan Mac 2006, dan seterusnya memansuhkan dasar kadar faedah sifar pada bulan Julai 2006. Namun begitu, trend peningkatan inflasi yang kurang jelas selepas itu telah mengehadkan skop BOJ untuk terus meningkatkan kadar faedah. Di Eropah, European Central Bank dan Bank of England menaikkan kadar faedah ekoran kebimbangan bahawa pertumbuhan wang dan kredit yang pesat akan menambahkan lagi tekanan inflasi.

Di rantau Asia Timur, trend inflasi berbeza-beza antara negara. Di negara ASEAN-4, tekanan inflasi mereda kerana impak penarikan balik subsidi minyak yang berkurang telah membolehkan pihak berkuasa di Indonesia, Thailand dan Filipina melaksanakan dasar monetari yang lebih akomodatif. Namun, inflasi di ekonomi perindustrian baru[2] meningkat, disebabkan keadaan pasaran pekerja yang ketat dan pengukuhan pasaran harta tanah. Walaupun tekanan inflasi yang berpunca daripada harga minyak telah reda, beberapa kebimbangan masih

[2] Ekonomi Perindustrian Baru (Newly Industrialised Economies, NIEs) merujuk kepada China Taipei, Hong Kong SAR, Korea dan Singapura.

Jadual 1.2 Malaysia - Penunjuk Ekonomi Utama

	2004	2005	2006*a*	2007*r*
Penduduk (juta orang)	25.6	26.1	26.6	27.2
Tenaga kerja (juta orang)	10.8	11.3	11.5	11.8
Guna tenaga (juta orang)	10.5	10.9	11.1	11.4
Pengangguran (% daripada tenaga kerja)	3.5	3.5	3.5	3.5
Pendapatan Per Kapita (RM)	16,638	18,040	19,764	20,900
(USD)	4,378	4,763	5,388	5,806
KELUARAN NEGARA (% perubahan)				
KDNK benar	7.2	5.2	5.9	6.0
(RM bilion)	249.3	262.2	277.7	294.4
Pertanian, perhutanan dan perikanan	5.0	2.5	6.4	3.2
Perlombongan dan kuari	3.9	0.8	-0.2	2.8
Perkilangan	9.8	5.1	7.0	6.6
Pembinaan	-1.5	-1.6	-0.5	3.0
Perkhidmatan	7.0	6.5	6.5	6.3
KNK nominal	14.2	10.7	11.7	7.9
(RM bilion)	425.6	471.3	526.5	567.9
KNK benar	7.4	5.5	6.4	5.3
(RM bilion)	233.4	246.2	261.9	275.7
Permintaan agregat benar[1]	7.5	7.3	7.4	7.4
Perbelanjaan swasta[1]	13.9	9.1	7.6	7.2
Penggunaan	10.5	9.2	7.0	6.4
Pelaburan	30.2	8.5	9.7	10.4
Perbelanjaan awam[1]	-3.3	3.6	7.2	7.7
Penggunaan	6.2	5.4	7.9	4.1
Pelaburan	-11.0	1.9	6.5	11.4
Tabungan negara kasar (% daripada KNK)	37.3	37.0	38.1	38.1
IMBANGAN PEMBAYARAN (RM bilion)				
Imbangan barangan	104.5	125.6	135.0	137.7
Eksport (f.o.b.)	481.2	537.0	589.6	638.5
Import (f.o.b.)	376.8	411.4	454.6	500.9
Imbangan perkhidmatan	-8.8	-9.0	-7.4	-6.7
(% daripada KNK)	-2.1	-1.9	-1.4	-1.2
Pendapatan, bersih	-24.5	-23.9	-19.8	-22.1
(% daripada KNK)	-5.8	-5.1	-3.8	-3.9
Pindahan semasa, bersih	-14.6	-17.0	-16.6	-16.2
Imbangan akaun semasa[2]	56.5	75.7	91.2	92.7
(% daripada KNK)	13.3	16.1	17.3	16.3
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih[3]	251.6	265.1	290.4	-
(dalam bilangan bulan import tertangguh)	7.9	7.7	7.8	-
HARGA (% perubahan)				
IHPG (2005=100)[4]	1.4	3.0	3.6	2.0 - 2.5
IHPK (2000=100)[5]	8.9	6.8	6.7	-
Upah benar bagi setiap pekerja di sektor perkilangan	3.7	-0.02	-1.4	-
(% perubahan)				

Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan penggenapan
[1] Tidak termasuk stok
[2] Data untuk tahun 2006 ialah anggaran
[3] Semua harta dan tanggungan dalam mata wang asing dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan keuntungan/kerugian penilaian tersebut telah diambilkira dalam akaun Bank
[4] Bermula 2006, Indeks Harga Pengguna telah disemak semula kepada tahun asas 2005=100 daripada 2000=100
[5] Bermula 2006, Indeks Harga Pengeluar telah disemak semula kepada tahun asas 2000=100 daripada 1989=100
a Awalan
r Ramalan

Jadual 1.3 Malaysia - Penunjuk Kewangan dan Monetari

	2004	2005	2006*a*
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM bilion)			
Hasil	99.4	106.3	123.5
Perbelanjaan mengurus	91.3	97.7	107.7
Perbelanjaan pembangunan bersih	27.5	27.3	35.0
Imbangan keseluruhan	-19.4	-18.7	-19.1
Imbangan keseluruhan (% daripada KDNK)	-4.3	-3.8	-3.5
Jumlah perbelanjaan pembangunan bersih sektor awam	56.7	64.5	84.4
Imbangan keseluruhan sektor awam (% daripada KDNK)	4.1	1.8	3.7
HUTANG LUAR NEGERI			
Jumlah hutang (RM bilion)	200.6	197.7	179.4
Hutang jangka sederhana dan panjang	156.8	150.7	138.1
Hutang jangka pendek[1]	43.7	47.0	41.3
Nisbah khidmat bayaran hutang (% daripada eksport barangan dan perkhidmatan)			
Jumlah hutang	4.6	5.4	4.7
Hutang jangka sederhana dan panjang	4.4	5.2	4.4

	Perubahan 2004		Perubahan 2005		Perubahan 2006	
	RM bilion	%	RM bilion	%	RM bilion	%
WANG DAN PERBANKAN						
Bekalan wang M1	12.2	11.9	9.8	8.5	17.1	13.8
Bekalan wang M3	68.0	12.4	49.7	8.0	82.4	12.3
Deposit sistem perbankan	70.1	12.7	68.6	11.0	116.1	16.8
Pinjaman sistem perbankan[2]	40.1	8.5	44.2	8.6	34.9	6.3

Nisbah pinjaman-deposit (pada akhir tahun)	78.4%	77.5%	70.8%
Nisbah pembiayaan-deposit[3]	87.7%	85.7%	79.1%

	2004 %	2005 %	2006 %
KADAR FAEDAH (PURATA PADA AKHIR TAHUN)			
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	2.70	3.00	3.50
Kadar Antara bank 3 bulan	2.80	3.20	3.65
Bank perdagangan			
Deposit tetap 3 bulan	3.00	3.02	3.19
12 bulan	3.70	3.70	3.73
Deposit tabungan	1.58	1.41	1.48
Kadar pemberian pinjaman asas (BLR)	5.98	6.20	6.72
Bil Perbendaharaan (3 bulan)	1.96	2.96	3.37
Sekuriti Kerajaan (1 tahun)	2.24	3.30	3.55
Sekuriti Kerajaan (5 tahun)	3.64	3.73	3.70

	2004 %	2005 %	2006 %
KADAR PERTUKARAN MATA WANG ASING			
Pergerakan Ringgit (pada akhir tahun)			
Perubahan berbanding dengan SDR	-4.3	8.9	1.8
Perubahan berbanding dengan USD[4]	0.0	0.5	7.0

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[3] Dilaraskan untuk merangkumi sekuriti hutang swasta
[4] Ringgit telah ditetapkan pada kadar RM3.80=USD1 pada 2 September 1998 dan beralih kepada apungan terurus berbanding dengan sekumpulan mata wang pada 21 Julai 2005
a Awalan

lagi wujud. Harga makanan khususnya, terus tinggi di kebanyakan negara Asia Timur kerana kekurangan bekalan akibat cuaca buruk.

TINJAUAN KESELURUHAN

Ekonomi Malaysia bertambah kukuh pada tahun 2006, dengan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) meningkat 5.9%. Pertumbuhan global yang mantap pada tahun 2006 menghasilkan permintaan yang kukuh terhadap keluaran elektronik dan komoditi utama. Persekitaran luar negeri yang kukuh ini disokong oleh aktiviti dalam negeri yang teguh berikutan peningkatan penggunaan swasta, yang sejajar dengan pertambahan dalam pendapatan dan pelaburan swasta untuk mengembangkan kapasiti produktif bagi memenuhi permintaan. Berikutan pengembangan dalam permintaan luar dan dalam negeri, guna tenaga juga meningkat, sebagaimana ditunjukkan oleh jumlah pemberhentian pekerja yang berkurang dan peluang pekerjaan yang bertambah. Kadar pengangguran kekal tidak berubah pada tahap 3.5% manakala upah nominal meningkat.

KDNK benar bertambah kukuh pada tahun 2006 didorong oleh permintaan dalam negeri yang mantap dan eksport yang terus kukuh

Meskipun pertumbuhan keluaran dan upah adalah mantap, pertumbuhan ekonomi masih lagi seimbang pada tahun 2006. Beberapa penunjuk juga mengesahkan kemampanan momentum pertumbuhan. Jurang keluaran terlalu kecil pada tahun 2006, manakala pertumbuhan produktiviti melebihi pertumbuhan upah, justeru membantu membendung tekanan inflasi. Satu-satunya sumber inflasi yang ketara pada tahun 2006 ialah faktor bekalan, dengan yang paling ketara ialah pelarasan terhadap beberapa harga yang ditadbir kerana sebahagian daripada subsidi telah dimansuhkan pada tahun itu. Memandangkan kesan pelarasan tersebut semakin berkurang sepanjang tahun 2006, kadar inflasi turut menjadi sederhana.

KEADAAN PERMINTAAN DALAM NEGERI

Permintaan agregat dalam negeri mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 7.4% pada tahun 2006, dipacu terutamanya oleh pengembangan dalam aktiviti sektor swasta yang berterusan. Perbelanjaan pengguna terus kukuh, dengan mendapat manfaat daripada pendapatan boleh guna yang lebih tinggi ekoran perolehan eksport yang lebih kukuh, harga komoditi yang tinggi dan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan. Pelaburan swasta terus meningkat dengan perbelanjaan modal yang ketara dalam sektor perkilangan, perkhidmatan, dan minyak dan gas. Sementara itu, sektor awam terus menyokong pertumbuhan. Kerajaan

Rajah 1.4
KDNK Benar, Perdagangan Dunia, dan Kadar Inflasi



Rajah 1.5
Permintaan Agregat dalam Negeri Benar



Rajah 1.6
KNK per Kapita



Rajah 1.7
Hutang Isi Rumah dan Nisbah Deposit Pinjaman



komited untuk menambah baik infrastruktur dan penyediaan perkhidmatan Kerajaan terutamanya dalam pendidikan dan kesihatan, khususnya di luar bandar.

Permintaan dalam negeri yang mantap dipacu terutamanya oleh pengembangan dalam aktiviti pelaburan swasta yang berterusan, khususnya dalam sektor perkilangan, dan minyak dan gas. Sektor awam pula terus menyediakan persekitaran yang menyokong pertumbuhan

Perbelanjaan **penggunaan swasta** terus berdaya tahan dan meningkat 7% pada tahun 2006 (2005: 9.2%), meskipun terdapat kebimbangan akan harga yang semakin meningkat, khususnya pada separuh tahun pertama. Penunjuk penggunaan utama mengesahkan trend perbelanjaan yang kukuh. Beberapa penunjuk mencatat kadar pertumbuhan dua angka, khususnya import barangan penggunaan, pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan untuk kredit penggunaan, serta perbelanjaan kad kredit. Faktor utama yang menyumbang kepada kekukuhan perbelanjaan pengguna ialah pertumbuhan pendapatan yang mantap hasil daripada harga komoditi yang tinggi, perolehan eksport yang kukuh, dan keadaan pekerjaan yang stabil. Harga komoditi utama seperti getah dan minyak sawit mentah kekal pada paras yang tinggi sepanjang tahun 2006. Keadaan pasaran pekerja terus stabil, dengan kekosongan jawatan bertambah dan pemberhentian pekerja berkurang. Perkembangan ini memberi kesan positif terhadap pendapatan boleh guna isi rumah di bandar dan di luar bandar, dan menyokong pandangan pengguna yang optimistik.

Selaras dengan prospek pendapatan dan pekerjaan yang bertambah baik, keyakinan dan perbelanjaan pengguna juga semakin kukuh. Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (Malaysian Institute of Economic Research, MIER), yang mengukur penilaian pengguna terhadap kewangan peribadi mereka dan juga ekonomi, mencerminkan sentimen yang bertambah baik pada tahun 2006. Indeks Sentimen Pengguna jatuh ke bawah paras ambang keyakinan 100 mata pada suku pertama tahun 2006, mencerminkan kebimbangan tentang kenaikan harga terutamanya ekoran kenaikan harga runcit bahan api sebanyak 30 sen pada bulan Mac dan pelarasan tarif elektrik. Bagi menampan kesan perubahan ini atas pengguna, Kerajaan telah mengurangkan cukai jalan dan mengehadkan bilangan pengguna yang terjejas akibat semakan tarif elektrik pada pertengahan tahun 2006. Tambahan lagi, jaminan Kerajaan

bahawa kenaikan harga runcit petrol pada bulan Mac 2006 berlaku hanya sekali telah mengekalkan keyakinan pengguna. Oleh itu, aktiviti penggunaan meningkat semula selepas melalui suatu tempoh pelarasan. Pada separuh tahun kedua, keadaan pasaran pekerja yang stabil berserta pembayaran bonus kepada kakitangan awam, memberikan kesan positif terhadap keyakinan pengguna. Hasilnya, Indeks Sentimen Pengguna naik kepada 110.9 mata pada suku keempat, iaitu paras tertinggi pada tahun tersebut.

Walaupun Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dinaikkan dua kali pada tahun 2006 (bulan Februari dan April 2006), kadar itu secara relatif masih rendah. Dalam persekitaran sebegini, kredit isi rumah terus berkembang walaupun nisbah deposit-pinjaman bagi isi rumah kekal di bawah pariti bagi tahun ketiga berturut-turut. Tambahan lagi, meskipun terdapat peningkatan dalam pinjaman kepada sektor isi rumah, hutang sektor ini kekal dalam had yang berhemat kerana kedudukan kewangan mereka secara relatif terus kukuh. Pegangan aset kewangan isi rumah, termasuk deposit dengan institusi kewangan, tabungan insurans hayat, dana unit amanah dan caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terus melebihi liabiliti mereka. Faktor ini, ditambah pertumbuhan pendapatan yang kukuh menyebabkan nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bagi kredit penggunaan dan hutang kad kredit menurun lagi, masing-masing kepada 6% dan 3.7% pada tahun 2006 (2005: masing-masing 7.3% dan 4.5%).

Meskipun terdapat sedikit kebimbangan tentang prospek perniagaan pada awal tahun berikutan harga minyak mentah yang lebih tinggi, namun keadaan ekonomi yang terus menggalakkan menyokong pertumbuhan **pelaburan swasta** sebanyak 9.7%. Indeks Keadaan Perniagaan MIER yang terus melebihi paras ambang 100 mata sejak suku pertama tahun 2005, menekankan sentimen perniagaan yang positif. Suasana pelaburan yang positif juga dapat dilihat melalui aliran masuk kasar FDI yang lebih tinggi pada tahun 2006. Sektor perkilangan, dan minyak dan gas merupakan penerima utama pelaburan itu. Perolehan

Rajah 1.8
Pelaburan dan Penggunaan Kapasiti



[1] Sumber: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)

korporat yang menggalakkan dalam beberapa tahun yang lalu kini telah mengukuhkan kedudukan kewangan syarikat justeru membolehkan mereka membiayai sebahagian besar daripada perbelanjaan modal menggunakan dana dalaman. Di samping itu, sistem kewangan terus menyokong aktiviti pelaburan swasta. Pada tahun 2006, terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) bagi aktiviti baru meningkat kepada RM21 bilion (2005: RM17.7 bilion), dan mencakupi sebahagian besar daripada jumlah terbitan PDS. Sebahagian besar daripada pengembangan perbelanjaan modal adalah dalam sektor perkilangan, perkhidmatan, dan minyak dan gas huluan.

Perbelanjaan pengilang untuk jentera dan peralatan baru terus kukuh, seperti ditunjukkan oleh import barangan tersebut yang meningkat pada tahun 2006. Pengilang melaksanakan pengembangan kapasiti yang ketara memandangkan permintaan luar negeri terhadap keluaran berasaskan sumber yang kukuh, dan tahap penggunaan kapasiti yang terus tinggi. Pengembangan dalam kapasiti pengeluaran industri pemprosesan di luar estet juga mencerminkan pengembangan kukuh dalam sektor hiliran berkaitan dengan komoditi berikutan jangkaan permintaan yang teguh. Pada tahun 2006, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri meluluskan sebanyak 1,077 projek perkilangan bernilai RM46 bilion (2005: RM31.1 bilion), terutamanya untuk pelaburan dalam

Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana

Pembangunan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang kukuh dan dinamik merupakan satu agenda ekonomi Kerajaan yang penting. Pada tahun 2006, Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan[1] (Majlis) telah mengambil beberapa inisiatif penting bagi menggalakkan pembangunan PKS, termasuk memperkukuh infrastruktur yang menyokong pembangunan PKS, membina kapasiti dan keupayaan PKS, dan meningkatkan akses PKS kepada pembiayaan.

Profil dan Sumbangan PKS kepada Ekonomi

Menyedari pentingnya data tentang status dan prestasi PKS untuk membantu penggubalan strategi dan dasar yang berkesan bagi menyokong pembangunan PKS, Banci Pertubuhan dan Perusahaan (Banci) dijalankan pada tahun 2005. Berdasarkan respons daripada 550,704 pertubuhan perniagaan dalam sektor pertanian, perkilangan dan perkhidmatan, hasil Banci menunjukkan bahawa 99.2% atau 546,218 pertubuhan perniagaan terdiri daripada PKS, dengan 433,517 atau kira-kira 80% daripadanya merupakan perusahaan mikro.

Sumbangan PKS kepada Ekonomi



Hasil Banci juga menunjukkan bahawa PKS merupakan sumber utama pekerjaan kepada 5.6 juta pekerja yang mencakupi 56% daripada jumlah guna tenaga negara. Meskipun PKS merupakan sebahagian besar daripada pertubuhan perniagaan yang memberi peluang pekerjaan kepada sebahagian besar pekerja, sumbangan PKS kepada ekonomi secara relatif adalah kecil. PKS hanya menyumbang kira-kira 19% daripada nilai eksport keseluruhan dan 32% daripada keluaran dalam negeri kasar. Tahap produktiviti PKS juga didapati jauh lebih rendah berbanding dengan perusahaan besar kerana PKS hanya menjana nilai ditambah bagi setiap pekerja sebanyak RM14,740 berbanding dengan RM47,830 yang dijana oleh perusahaan besar.

Inisiatif Utama bagi Pembangunan PKS

(i) Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan 2007

Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan 2007 yang diluluskan oleh Majlis pada bulan Januari 2007, memberikan penilaian terhadap program PKS utama yang dilaksanakan pada tahun 2006 serta mengenal pasti program yang akan dilaksanakan pada tahun 2007.

(a) Penilaian program utama pembangunan PKS pada tahun 2006

Sejumlah 213 program utama yang membabitkan perbelanjaan berjumlah RM7.8 bilion dilaksanakan pada tahun 2006. Program-program ini memberi tumpuan pada peningkatan kapasiti dan keupayaan PKS, terutamanya dalam bidang pembangunan keusahawanan, pemasaran dan promosi, pembangunan produk dan peningkatan teknologi. Program-

[1] Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan dianggotai Menteri dan Ketua daripada 18 Kementerian dan Agensi utama yang terbabit dalam pembangunan PKS. Bank Negara Malaysia ialah Sekretariat kepada Majlis.

program ini memberi manfaat kepada lebih daripada 287,000 PKS. Pencapaian utama daripada program-program ini ialah:

- Lebih daripada 128,000 PKS, usahawan wanita, graduan dan pelajar menerima latihan keusahawanan dan teknikal;
- Khidmat nasihat diberikan kepada kira-kira 34,000 PKS oleh pelbagai agensi Kerajaan;
- Lebih daripada 5,100 PKS disediakan dengan premis perindustrian dan perniagaan;
- Kira-kira 780 PKS mendapat manfaat daripada program pemadanan dan pengembangan perniagaan seperti Program Rangkaian Perindustrian dan SMIDEX 2006; dan
- Sejumlah 272 PKS menerima geran dan bantuan kewangan bagi menambah baik dan menaik taraf teknologi dan proses perniagaan mereka melalui Tabung Pemerolehan Teknologi, Geran untuk Pensijilan dan Sistem Pengurusan Kualiti, dan Geran untuk Peningkatan Produk dan Proses.

Untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS, Bank Negara Malaysia menambah peruntukan Tabung bagi Industri Kecil dan Sederhana 2 dan Tabung Usahawan Baru 2 sebanyak RM2.5 bilion pada tahun 2006, menubuhkan Tabung Khas untuk Pembiayaan Projek Luar Negeri bernilai RM1 bilion, dan memperkenalkan dua produk pembiayaan perdagangan baru. Sebuah tabung modal usaha niaga untuk sektor pertanian bernilai RM150 juta juga diwujudkan oleh Bank Negara Malaysia bersama satu kumpulan perbankan. PKS juga mendapat manfaat daripada khidmat nasihat kewangan yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia, Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan bank perdagangan.

(b) Program utama pembangunan PKS pada tahun 2007

Majlis meluluskan pelaksanaan sebanyak 189 program utama bagi pembangunan PKS pada tahun 2007 (213 pada tahun 2006), dengan peruntukan berjumlah RM3.7 bilion. Sebanyak 135 daripada 189 program tersebut bertujuan membina kapasiti dan keupayaan PKS. Sementara itu, 27 program akan dilaksanakan bagi meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS, manakala 27 program lagi untuk memperkukuh infrastruktur yang menyokong pembangunan PKS bagi terus membantu pertumbuhan PKS.

Program-program ini meliputi semua sektor, termasuk PKS dalam sektor pertanian dan industri asas tani, dan industri berasaskan pengetahuan. Usaha juga akan ditumpukan pada penggalakan penyertaan Bumiputera dalam sektor PKS. Dalam usaha menyediakan infrastruktur untuk menyokong pertumbuhan PKS, premis perniagaan, kilang dan bengkel akan disediakan bagi PKS di luar bandar. Di samping itu, pusat pembungkusan, pengedaran dan pemasaran produk akan ditubuhkan bagi memastikan pengagihan produk pertanian dan asas tani PKS yang cekap lagi berkesan. Bagi memperkukuh kapasiti dan keupayaan PKS, program akan ditumpukan pada pembangunan usahawan dan modal insan, pemasaran dan promosi dan pemberian khidmat nasihat kepada PKS. Antara program yang akan dilaksanakan ialah Skim Francais Baru, Pembangunan Usahawan Bioteknologi dan Pembangunan PKS ICT. Pelbagai program latihan akan dilaksanakan, termasuk dalam bidang pengurusan kewangan dan perakaunan, dan bagi membangunkan PKS dalam industri runcit dan pertanian.

Dalam bidang pembiayaan, institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan akan terus menjadi penyedia utama dana kepada sektor PKS. Institusi kewangan tersebut dijangka meluluskan pinjaman berjumlah RM51 bilion kepada kira-kira 110,000 akaun PKS

pada tahun 2007. Sebanyak 37,000 kelulusan pinjaman di bawah pelbagai skim Kerajaan turut disasarkan. Tabung ICT dijangka membiayai 40 syarikat baru dalam sektor ICT, sementara Geran Pengkomersilan Bioteknologi mensasarkan 35 projek untuk dilaksanakan.

(ii) Meningkatkan Kesedaran dan Maklumat Tersedia kepada PKS

(a) Penerbitan sulung Laporan Tahunan PKS 2005

Pada 7 Ogos 2006, Majlis buat pertama kali menerbitkan Laporan Tahunan PKS 2005. Laporan tersebut merupakan inisiatif penting untuk mempertingkatkan penyebaran maklumat tentang PKS di Malaysia. Ia memberikan tinjauan komprehensif terhadap status dan prestasi PKS serta program utama Kerajaan dalam menggalakkan pembangunan PKS.

(b) Menambah baik Portal SMEinfo

Portal SMEinfo (www.smeinfo.com.my) yang dilancarkan pada bulan Januari 2006, menyediakan pelbagai maklumat yang diperlukan oleh PKS, termasuk butiran tentang program Kerajaan, produk kewangan, program latihan, dan tip bagaimana memulakan dan mengurus perniagaan. Portal ini juga mengandungi Direktori Perniagaan PKS sebagai platform bagi PKS mengiklankan dan mempamerkan produk mereka. Untuk memberi liputan yang lebih luas kepada komuniti perniagaan tempatan dan antarabangsa, portal ini boleh diakses dalam Bahasa Melayu, Inggeris dan Mandarin. Portal SMEinfo ini digunakan secara meluas oleh PKS tempatan dan perusahaan perniagaan asing, dengan kira-kira 205,000 capaian sebulan, termasuk pelawat dari lebih 70 buah negara. Pada akhir bulan Februari 2007, lebih daripada 14,000 PKS telah mendaftar dalam Portal Direktori Perniagaan PKS. Pada tahun 2007, beberapa perkhidmatan nilai ditambah baru akan diperkenalkan, termasuk pembentukan Papan Buletin PKS untuk memberikan peluang kepada organisasi sektor awam dan swasta mengiklankan acara berkaitan PKS, dan Direktori Produk Kewangan PKS yang akan membolehkan PKS mencari produk kewangan yang sesuai bagi memenuhi keperluan perniagaan mereka.

(iii) Penubuhan Rangkaian Penasihat Perniagaan PKS (SME-NET)

PKS meletakkan keperluan untuk khidmat nasihat sebagai antara bidang yang terpenting yang memerlukan bantuan. Ini termasuk khidmat nasihat dalam pelbagai bidang termasuk pembangunan produk, penerapan teknologi, pengurusan perniagaan dan kewangan, pemasaran dan promosi. Dalam usaha untuk meningkatkan lagi kemampuan dan kualiti khidmat nasihat yang disediakan oleh agensi dan institusi kewangan, Majlis meluluskan penubuhan SME-NET, sebuah direktori sehenti berasaskan web dalam Portal SMEinfo yang mengandungi profil dan maklumat hubungan penasihat perniagaan PKS dalam pelbagai agensi Kerajaan, bank perdagangan dan institusi kewangan pembangunan. SME-NET menghubungkan pakar dan penasihat perniagaan PKS dalam semua organisasi ini serta menyatakan bidang kepakaran khusus, justeru membolehkan penasihat saling mendapat manfaat. PKS pula akan mendapat faedah daripada khidmat nasihat yang bermutu tinggi dan penyampaian yang lebih baik dalam bidang pemasaran, pengurusan teknologi dan operasi, sumber manusia, pembiayaan, pembangunan perniagaan dan pembangunan produk.

(iv) Pemasaran dan Promosi Produk dan Perkhidmatan PKS

Setelah mendapat kelulusan Majlis, Jawatankuasa Pemasaran PKS, iaitu sebuah Jawatankuasa antara Kementerian yang dipengerusikan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa, ditubuhkan untuk membangunkan strategi pemasaran dan pendekatan

pelaksanaan yang komprehensif bagi memasarkan produk dan perkhidmatan PKS ke luar negeri secara berkesan. Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Malaysian External Trade Development Corporation, MATRADE) telah diberi tugas untuk menyelaraskan pelaksanaan program dan aktiviti pemasaran antarabangsa. Pendekatan serampang dua mata ini bertujuan meningkatkan penyelarasan inisiatif Kerajaan dalam merancang dan melaksana strategi pemasaran luar negeri sambil menggunakan sumber dan kepakaran secara optimum. Jawatankuasa Pemasaran PKS mengenal pasti 14 strategi untuk terus meningkatkan keupayaan produk dan perkhidmatan PKS menembusi pasaran global. Program yang komprehensif akan dilaksanakan pada tahun 2007 oleh pelbagai Kementerian dan Agensi dalam membantu pembinaan kapasiti, promosi, pengurusan maklumat dan penyediaan sokongan kewangan untuk membantu PKS tempatan memasarkan produk dan perkhidmatan mereka di luar negeri.

Mempertingkatkan Akses kepada Pembiayaan bagi PKS

Sejak tahun 1998, pemberian pinjaman oleh institusi kewangan kepada PKS menunjukkan trend yang meningkat. Pada tahun 2006, institusi perbankan sebagai penyedia utama dana kepada PKS meluluskan pembiayaan sebanyak RM39.6 bilion kepada lebih daripada 84,000 akaun PKS, iaitu peningkatan sebanyak 10.7% berbanding dengan tahun 2005 (2005: RM35.8 bilion). Pengeluaran pinjaman bertambah 19.9% kepada RM132.6 bilion (2005: RM110.7 bilion), manakala pinjaman terkumpul PKS berkembang 4.2% kepada RM104.6 bilion pada akhir tahun 2006 (akhir tahun 2005: RM100.3 bilion). Pinjaman kepada PKS mencakupi 44.5% daripada jumlah pinjaman perniagaan terkumpul pada akhir tahun 2006 (akhir tahun 2005: 44.5%) dan merangkumi pelbagai sektor dengan hampir dua pertiga disalurkan kepada sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran, perkilangan dan pembinaan.

Pada tahun 2006, enam institusi kewangan pembangunan (iaitu SME Bank, EXIM Bank, Bank Simpanan Nasional, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan Bank Pertanian Malaysia), meluluskan pembiayaan sebanyak RM6.9 bilion kepada lebih daripada 18,000 akaun PKS (2005: RM2.3 bilion kepada 5,222 akaun PKS), dan mengeluarkan pinjaman sebanyak RM3.7 bilion kepada PKS (2005: RM1.5 bilion). Pinjaman terkumpul PKS institusi kewangan pembangunan meningkat 9.9% kepada RM13.2 bilion pada akhir tahun 2006 (akhir tahun 2005: RM12 bilion). Sejak penubuhannya pada bulan Oktober 2005, SME Bank telah meluluskan dan mengeluarkan pinjaman masing-masing sebanyak RM2.5 bilion dan RM1.6 bilion. Pinjaman terkumpul PKS SME Bank berjumlah RM2 bilion pada akhir tahun 2006. Syarikat pajakan dan pemfaktoran, sebagai pembiaya alternatif kelengkapan dan keperluan modal kerja, memberi pembiayaan baru sebanyak RM862.7 juta pada tahun 2006 (2005: RM819 juta). Bagi perusahaan perniagaan yang baru ditubuhkan, terutamanya dalam sektor ICT, pembiayaan juga boleh didapati daripada syarikat modal usaha niaga. Jumlah dana yang tersedia bagi pelaburan modal usaha niaga meningkat 27.8% kepada RM3.3 bilion pada akhir tahun 2006 (akhir tahun 2005: RM2.6 bilion). Dana ini dilaburkan dalam 460 syarikat berbanding dengan 380 syarikat pada akhir tahun 2005.

Tabung Khas untuk PKS

Kini terdapat 94 tabung dan skim Kerajaan untuk membantu PKS, dengan jumlah peruntukan kira-kira RM25 bilion. Lima daripada tabung khas ini ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia dengan jumlah peruntukan sebanyak RM11.4 bilion untuk membolehkan PKS yang layak dan berdaya maju mendapat akses kepada pembiayaan pada kos yang munasabah (kadar pinjaman dalam julat antara 3.75% hingga 6%). Tabung ini disalurkan melalui institusi peserta yang terdiri daripada institusi perbankan, institusi kewangan pembangunan dan ERF Sdn. Bhd. Lima tabung tersebut ialah:

- Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (saiz dana: RM6.75 bilion).
- Tabung Usahawan Baru 2 (saiz dana: RM2.85 bilion);
- Tabung untuk Makanan (saiz dana: RM1.3 bilion);
- Tabung Pemulihan Perniagaan Kecil (saiz dana: RM200 juta); dan
- Tabung Projek Usahawan Bumiputera (saiz dana: RM300 juta)

Berdasarkan permintaan yang sungguh menggalakkan, peruntukan bagi Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 dan Tabung Usahawan Baru 2 masing-masing ditambah sebanyak RM2 bilion dan RM500 kepada RM6.75 bilion dan RM2.85 bilion pada tahun 2006. Untuk memastikan dana ini mempunyai jangkauan yang lebih luas, Bank Negara Malaysia telah meminda kriteria kelayakan kedua-dua tabung tersebut pada bulan April 2006.

Inisiatif untuk Meningkatkan Akses kepada Pembiayaan bagi PKS

Dasar untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS pada tahun 2006 terus memberi tumpuan pada memperkukuh infrastruktur sedia ada untuk memastikan dana disalurkan kepada PKS dengan lebih berkesan, menyediakan sokongan nasihat kewangan, dan meningkatkan kesedaran PKS tentang produk kewangan dan program bantuan yang tersedia untuk mereka. Antara inisiatif penting yang diperkenalkan pada tahun 2006 ialah:

(i) Rangka Kerja Mikrokewangan yang Mampan

Hasil Banci menunjukkan kira-kira 80% daripada PKS ialah perusahaan mikro dan kebanyakan mereka bergantung pada sumber dana sendiri. Menyedari hakikat ini, Majlis meluluskan rangka kerja keinstitusian mikrokewangan yang komprehensif untuk menggalakkan pembangunan industri mikrokewangan yang mampan di Malaysia bagi memastikan perusahaan mikro mempunyai akses kepada pembiayaan yang mencukupi dan berterusan. Dalam rangka kerja ini, institusi perbankan, institusi kewangan pembangunan dan koperasi kredit dikenal pasti untuk menyediakan produk mikrokewangan bagi melengkapi program mikrokewangan tajaan Kerajaan yang sedia ada seperti Amanah Ikhtiar Malaysia dan Yayasan TEKUN Nasional.

Dengan pengenalan rangka kerja mikrokewangan, beberapa institusi kewangan telah mula memberikan individu dan perusahaan mikro akses kepada pembiayaan yang cepat, fleksibel dan mudah, bagi tujuan perniagaan. Institusi perbankan mula melancarkan produk mikrokewangan sejak bulan Disember 2006. Dengan saiz pinjaman dalam julat antara RM500 hingga RM50,000, produk mikrokewangan yang ditawarkan oleh institusi kewangan mempunyai beberapa ciri menarik. Untuk memberikan akses yang paling luas, produk mikrokewangan tersebut dilengkapi ciri seperti keperluan cagaran yang fleksibel, kelulusan pinjaman yang cepat (antara 5 hingga 11 hari bekerja) dan insentif untuk menggalakkan amalan bayaran balik yang baik oleh peminjam .

Majlis juga bersetuju supaya logo khas mikrokewangan dihasilkan bagi mewujudkan kesedaran tentang mikrokewangan. Institusi kewangan yang menawarkan mikrokewangan akan mempamerkan logo ini bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang institusi kewangan yang menawarkan perkhidmatan mikrokewangan. Penerima atau peminjam kemudahan mikrokewangan juga akan digalakkan mempamerkan logo ini di premis perniagaan mereka. Bank Negara Malaysia juga sedang membantu membangunkan "Program Peningkatan Pembiayaan bagi Perusahaan Mikro" bagi membolehkan perusahaan mikro yang lebih besar mendapat jumlah dan jenis pembiayaan yang wajar. Melalui program berstruktur ini, perusahaan mikro yang memerlukan jumlah dana yang lebih besar bagi membiayai pengembangan perniagaan mereka akan dibantu mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan yang sesuai.

(ii) Dana Modal Usaha Niaga untuk Sektor Pertanian

Bagi menyokong matlamat membangunkan potensi sektor pertanian sebagai penjana ketiga pertumbuhan ekonomi negara, dua dana modal usaha niaga berjumlah RM350 juta ditubuhkan secara bersama oleh Bank Negara Malaysia, Khazanah Nasional Berhad dan satu kumpulan perbankan pada bulan September 2006. Matlamat dana ini adalah untuk mewujudkan dan membangunkan perniagaan pertanian yang bersepadu terutamanya dalam sektor perladangan, perikanan dan penternakan selain membiayai projek pertanian intensif teknologi yang baru. Satu lagi dana modal usaha niaga pertanian berjumlah RM150 juta akan dilancarkan bersama satu kumpulan perbankan pada separuh pertama tahun 2007.

(iii) Pembiayaan Projek Luar Negeri

Bank Negara Malaysia menubuhkan Tabung Projek Luar Negeri bernilai RM1 bilion di EXIM Bank pada bulan Disember 2006 untuk membantu syarikat Malaysia yang mempunyai projek di luar negeri mendapatkan pembiayaan daripada institusi perbankan domestik melalui kemudahan jaminan dan pembiayaan bersama di bawah Tabung tersebut. Di bawah kemudahan jaminan yang diperkenalkan, EXIM Bank memberi jaminan atas pinjaman daripada institusi perbankan domestik kepada syarikat yang layak untuk membiayai projek mereka di luar negeri. Dengan kemudahan jaminan kredit ini, syarikat, kontraktor dan penyedia perkhidmatan profesional Malaysia akan mempunyai akses kepada pembiayaan yang lebih mudah untuk menyokong usaha niaga mereka di luar negeri. Kini, skim jaminan ini disertai empat kumpulan perbankan domestik.

(iv) Khidmat Nasihat SME Bank

SME Bank menubuhkan Pusat Penasihat SME Bank bagi membantu PKS berkembang, berinovatif dan mencapai kecemerlangan dalam aktiviti perniagaan mereka serta untuk mengatasi masalah kewangan. Khidmat nasihat yang disediakan oleh Pusat tersebut termasuk nasihat tentang pemasaran, pembangunan perniagaan, operasi dan khidmat pelanggan.

(v) Produk Pembiayaan Perdagangan Baru

Dua produk pembiayaan perdagangan baru bagi PKS diperkenalkan pada bulan Januari 2006, iaitu Pembiayaan Perdagangan Pelbagai Mata Wang dan Skim Pembiayaan Pengeksport Tidak Langsung. Matlamat produk tersebut adalah untuk menggalakkan PKS mengeksport barangan dan perkhidmatan mereka, terutamanya ke pasaran bukan tradisional seperti negara Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam. Di bawah pengaturan ini, PKS boleh mendapatkan pembiayaan tanpa cagaran daripada bank, dengan risiko kredit dikongsi bersama antara bank terbabit dengan EXIM Bank. Pembiayaan yang diluluskan kepada PKS di bawah dua produk ini berjumlah RM26.1 juta pada 31 Disember 2006. Produk pembiayaan perdagangan Islam dijangka tersedia kepada PKS pada tahun 2007.

Khidmat Nasihat Kewangan

Laman Informasi, Nasihat dan Khidmat (LINK) di Bank Negara Malaysia menawarkan khidmat nasihat kewangan kepada PKS dalam perkara berikut:

- maklumat tentang pelbagai sumber pembiayaan;
- bantuan untuk memudahkan proses permohonan pinjaman; dan
- nasihat tentang keperluan kewangan dan masalah PKS.

Pada tahun 2006, bilangan pertanyaan dan bantuan yang dipohon oleh PKS berjumlah 4,186 kes (2005: 4,037) mencerminkan kesedaran yang berterusan dalam kalangan PKS tentang wujudnya khidmat berkenaan di Bank Negara Malaysia. Daripada jumlah ini, 77% ialah pertanyaan tentang

tabung khas yang disediakan oleh Kerajaan dan nasihat berkenaan pinjaman, sementara 23% ialah permohonan mendapatkan bantuan, terutamanya bagi pinjaman yang ditolak dan penstrukturan semula pinjaman.

Prestasi Skim Penyelesaian Hutang Kecil

Skim Penyelesaian Hutang Kecil yang ditubuhkan pada 1 November 2003 terus membantu penyusunan semula pinjaman tidak berbayar (non-performing loans, NPL) PKS yang masih beroperasi. Pada akhir tahun 2006, sebanyak 562 permohonan untuk penstrukturan semula dengan NPL berjumlah RM405 juta telah diterima di bawah skim ini (akhir tahun 2005: 394 permohonan dengan NPL berjumlah RM278 juta). Daripada jumlah ini, 424 permohonan atau 75.4% daripada jumlah permohonan yang membabitkan NPL berjumlah RM267 juta diluluskan untuk penstrukturan semula. Dari segi permohonan bagi pembiayaan baru, sebanyak RM301 juta dalam bentuk dana baru dipohon (akhir tahun 2005: RM244 juta), dengan sebanyak RM18 juta daripadanya diluluskan di bawah Tabung Pemulihan Perniagaan Kecil. Prestasi skim tersebut menunjukkan bahawa penstrukturan semula NPL terus menjadi tonggak dalam menyokong daya maju dan daya tahan PKS yang menghadapi masalah kewangan, dengan pembiayaan baru disediakan secara terpilih terutamanya kepada PKS yang mempunyai projek baru yang sedang diusahakan.

industri keluaran petroleum, keluaran kimia dan keluaran elektrik dan elektronik. Sebahagian besar daripada projek yang diluluskan merupakan projek baru dan tertumpu terutamanya dalam pengeluaran biodiesel, sejajar dengan aspirasi Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan biobahan api (biofuel). Pada masa yang sama, perbelanjaan modal untuk mengembangkan operasi pengeluaran semasa turut meningkat, terutamanya dalam sektor keluaran elektronik yang mempunyai penyertaan asing yang ketara. Bagi projek yang diluluskan pada tahun 2006, nisbah pelaburan modal bagi setiap pekerja juga meningkat, menunjukkan peralihan kepada projek yang lebih berintensif modal dan mempunyai nilai ditambah yang tinggi.

Rajah 1.9
Pelaburan Swasta mengikut Sektor (% bahagian)



2006

Aktiviti penerokaan medan minyak di dasar laut dalam yang bertambah giat bagi projek cari gali dan pengeluaran minyak telah mendorong perbelanjaan modal dalam sektor minyak dan gas untuk kekal mantap. Dalam sektor perkhidmatan, pelaburan paling ketara adalah dalam subsektor pengangkutan dan komunikasi. Pengembangan kemudahan pelabuhan, pelaburan dalam segmen pengangkutan udara dan laut serta penambahbaikan rangkaian telekomunikasi merupakan punca utama bagi perbelanjaan modal yang lebih tinggi. Sementara itu, dalam sektor pertanian, kenaikan harga minyak sawit mentah dan pengukuhan permintaan terhadap komoditi telah menggalakkan perbelanjaan modal tambahan untuk menggiatkan lagi aktiviti tanaman. Perbelanjaan modal bagi infrastruktur jalan raya meningkat pada tahun 2006 berikutan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan, dengan projek yang sedang berjalan dipergiatkan manakala kerja-kerja pembangunan awal bagi beberapa lebuh raya baru telah dimulakan.

Penggunaan awam meningkat lebih kukuh kepada 7.9% pada tahun 2006 (2005: 5.4%),

terutamanya disebabkan perbelanjaan emolumen, dan bekalan dan perkhidmatan yang terus tinggi. Perbelanjaan emolumen yang meningkat mencerminkan usaha Kerajaan yang berterusan untuk meningkatkan pembangunan modal insan bagi memperkukuh produktiviti dan daya saing negara. Sementara itu, perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan meningkat, sebahagian besarnya disebabkan tumpuan Kerajaan terhadap penambahbaikan jentera pentadbiran dan sistem penyampaian sektor awam.

Walaupun penggunaan awam lebih tinggi, tabungan sektor awam meningkat dengan ketara kepada RM101.7 bilion atau 19.3% daripada KNK (RM70.5 bilion atau 15% daripada KNK pada tahun 2005) disebabkan hasil lebihan kendalian perusahaan awam bukan kewangan (PABK) yang lebih tinggi. Sebaliknya, corak tabungan sektor swasta lebih stabil. Hasilnya, **tabungan negara kasar** (gross national savings, GNS) meningkat 15.1% kepada RM200.7 bilion atau 38.1% daripada KNK. Dalam sektor swasta, paras tabungan yang tinggi (RM99 bilion atau 18.8% daripada KNK) berpunca daripada pendapatan boleh guna yang lebih tinggi dan aliran tunai yang meningkat hasil daripada perolehan eksport yang kukuh, harga komoditi yang tinggi dan keadaan guna tenaga yang stabil pada tahun itu. Deposit individu dalam sektor perbankan meningkat dengan ketara sebanyak RM25.4 bilion pada tahun 2006 (RM15.2 bilion pada tahun 2005), menekankan kekukuhan kedudukan kewangan isi rumah.

Pelaburan awam meningkat 6.5% pada tahun 2006 (2005: 1.9%). Pada tahun itu, Kerajaan Persekutuan terus komited untuk melaksanakan projek pembangunan yang boleh mempertingkatkan keadaan sosioekonomi di bandar dan luar bandar. Yang penting, lebih banyak perbelanjaan modal disalurkan kepada pembinaan jalan raya dan penyediaan kemudahan awam serta penambahbaikan kemudahan pendidikan di luar bandar. Sebahagian besar perbelanjaan dalam sektor perkhidmatan ekonomi disalurkan kepada usaha meningkatkan infrastruktur pengangkutan dan perindustrian serta memperluaskan asas sektor pertanian. Bagi sektor perkhidmatan sosial, perbelanjaan modal

Rajah 1.10
Tabungan Negara Kasar dan Jurang Tabungan-Pelaburan



disalurkan terutamanya untuk meningkatkan perkhidmatan asas seperti pendidikan dan kesihatan. Peruntukan yang lebih besar disalurkan kepada pendidikan tinggi, latihan perindustrian, dan kemudahan dan kelengkapan perubatan.

Perbelanjaan modal oleh PABK kekal tinggi, terutamanya disebabkan peruntukan untuk tujuan pengembangan kapasiti dan peningkatan kecekapan operasi yang dibuat oleh tiga PABK terbesar, iaitu Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia (TM). Perbelanjaan modal PETRONAS disalurkan terutamanya ke dalam aktiviti penerokaan dan pengeluaran minyak huluan. TNB terus membuat perbelanjaan untuk menaik taraf sistem penjanaan kuasa dan transmisi bagi meningkatkan pengedaran bekalan elektrik, dan bagi memenuhi permintaan terhadap elektrik yang meningkat pada tahun 2006. Perbelanjaan modal oleh TM sebahagian besarnya juga adalah untuk mempertingkatkan dan memperluas rangkaian komunikasinya. Meskipun kadar penembusan telefon mudah alih tinggi, namun melalui anak syarikatnya, TM terus menambah perbelanjaan untuk mengoptimumkan rangkaian sedia ada dan menaik taraf infrastruktur jalur lebarnya bagi mengekalkan daya saing. Di samping itu, TM juga menumpukan pada penaikan taraf dan pengembangan perkhidmatan internet, khususnya akses jalur lebar.

Namun demikian, meskipun pelaburan sektor swasta dan awam lebih tinggi, peningkatan yang lebih ketara dalam tabungan negara

kasar telah mendorong imbangan tabungan-pelaburan yang lebih besar pada tahun 2006. Imbangan ini, yang bersamaan dengan akaun semasa imbangan pembayaran, mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM91.2 bilion atau 17.3% daripada KNK.

KAJIAN MENGIKUT SEKTOR

Sektor Perkhidmatan

Selain menyokong pengembangan ekonomi, **sektor perkhidmatan** telah berkembang untuk menjadi penyumbang penting pertumbuhan. Sektor ini meningkat pada kadar yang lebih pesat daripada kadar pertumbuhan ekonomi keseluruhan, justeru meningkatkan bahagiannya kepada KDNK kepada 59% (2000: 54%). Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh dua subsektor utama yang mengalami pengembangan yang pesat pada tempoh tersebut, iaitu susbsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan; dan subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Kedua-dua subsektor tersebut kini mencakupi hampir satu perempat daripada keseluruhan KDNK.

Pertumbuhan sektor perkhidmatan semakin didorong oleh perkhidmatan kewangan dan aktiviti baru lain

Peralihan profil ini dicirikan oleh transformasi penting dalam sektor perkhidmatan kewangan, dan kemunculan aktiviti baru seperti kewangan Islam, takaful, telekomunikasi, perkhidmatan IT, dan perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga. Sektor perkhidmatan kewangan kini menjadi lebih pelbagai dan berdaya saing hasil penyahkawalseliaan, liberalisasi, konsolidasi industri dan kemasukan peserta baru, terutamanya dalam kewangan Islam. Peningkatan akses kepada perkhidmatan kewangan bagi semua pihak, dan kemajuan teknologi dalam keadaan persaingan yang meningkat, turut mewujudkan rangkaian produk dan perkhidmatan yang lebih banyak, seterusnya menyumbang

Rajah 1.11
Bahagian Sektor Perkhidmatan kepada KDNK



a Awalan

KIHK ialah subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan
PPK ialah subsektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

kepada peningkatan dalam nilai ditambah pada tempoh tersebut.

Sementara itu, usaha menggalakkan bidang pertumbuhan baru dalam sektor perkhidmatan telah juga mencapai kemajuan yang ketara. Ini terutamanya ialah aktiviti intensif pengetahuan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Sektor telekomunikasi merupakan antara bidang baru yang mencatat pertumbuhan pesat berikutan rasionalisasi segmen selular dan pengenalan aplikasi dan perkhidmatan baru, seperti perkhidmatan data; perkhidmatan dalam talian berkaitan dengan e-perdagangan, industri hiburan dan liburan; dan pelancaran perkhidmatan generasi ketiga (3G).

Pada tahun 2006, pertumbuhan sektor perkhidmatan terus mantap dan berkembang 6.5%. Dengan pertumbuhan penggunaan swasta kembali secara beransur-ansur ke trend yang biasa, iaitu pertumbuhannya hampir kepada pertumbuhan KDNK, sektor perkhidmatan disokong oleh aktiviti berkaitan dengan perdagangan, kewangan dan pelancongan yang semakin meningkat serta peningkatan sumbangan daripada sumber pertumbuhan baru.

Yang penting, subsektor **kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan**

Rajah 1.12
Pertumbuhan Tahunan Sektor Perkhidmatan dan Penggunaan Swasta



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

mencatat prestasi yang menggalakkan. Sektor ini berkembang lebih pesat, pada kadar 7.1% untuk menyumbangkan sebanyak 1.1 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan pada tahun 2006. Peningkatan aktiviti pengantaraan kewangan, inovasi produk dan penawaran perkhidmatan baru seperti khidmat nasihat kewangan dan pengurusan dana dan kekayaan, menghasilkan pendapatan faedah dan berasaskan fi yang lebih tinggi. Pertumbuhan turut disokong aktiviti insurans yang lebih tinggi, didorong terutamanya oleh insurans perubatan dan kesihatan, dan produk berkaitan pelaburan daripada segmen insurans hayat. Pengembangan dalam bidang yang baru muncul memperkukuh lagi pertumbuhan. Aktiviti perbankan Islam dan takaful berkembang dengan pesat apabila lapan peserta baru memulakan operasi. Pada tahun 2006, inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC) dilancarkan untuk menggalakkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam dalam mata wang antarabangsa untuk pasaran global. Sepanjang tempoh tahun 2002 hingga 2006, bahagian hasil daripada aktiviti pemberian pembiayaan dan aktiviti berasaskan fi daripada perbankan Islam meningkat tiga kali ganda untuk mencakupi bahagian sebanyak 6.4% daripada jumlah hasil sistem perbankan pada tahun 2006. Industri takaful juga mencatat peningkatan hasil (caruman tolak tuntutan) dengan bahagiannya meningkat kepada 8.2% daripada jumlah hasil industri insurans pada tahun tersebut (tahun 2002: 6.6%).

Bidang pertumbuhan baru yang lain ialah segmen perkhidmatan perniagaan yang dirangsang oleh permintaan terhadap perkhidmatan IT, aktiviti penggunaan perkhidmatan pihak ketiga dan perkhidmatan profesional berikutan kesan limpahan daripada pengembangan pesat segmen minyak dan gas, dan perkhidmatan kewangan. Pada tahun 2006, sebanyak 307 syarikat baru telah diberi status Koridor Raya Multimedia (Multimedia Super Corridor, MSC), dengan 27 daripada syarikat tersebut menjalankan aktiviti perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga. Peluasan kawasan MSC ke kawasan yang tertentu di Melaka, Johor dan Kuala Lumpur

Jadual 1.4
Pertumbuhan Sektor Perkhidmatan pada Harga Malar Tahun 1987

	2005	2006*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Perkhidmatan	**6.5**	**6.5**
Perkhidmatan pengantara	5.9	6.8
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	6.2	6.3
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	5.7	7.1
Perkhidmatan akhir	6.9	6.3
Elektrik, gas dan air	5.6	4.9
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	8.0	5.9
Perkhidmatan Kerajaan[1]	7.6	9.6
Perkhidmatan lain[2]	4.9	4.5

[1] Termasuk perkhidmatan awam (pentadbiran awam; hal ehwal luar serta keamanan dan keselamatan awam), pertahanan, kesihatan, pendidikan dan lain-lain.

[2] Termasuk bayaran sewa kediaman yang didiami oleh pemilik; perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian; perkhidmatan pengeluar swasta yang bukan berasaskan keuntungan kepada isi rumah dan perkhidmatan domestik bagi isi rumah.

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 1.5
Bidang yang Membangun dalam Sektor Perkhidmatan

	Akhir tahun 2005	Akhir tahun 2006*a*
Perkhidmatan Kewangan Islam		
Bank-bank Islam[1]	6	10
Syarikat takaful[1]	4	8
Industri Perkhidmatan IT		
Jumlah syarikat MSC yang diluluskan	1,421	1,728
Jumlah pelaburan persendirian yang diluluskan untuk MSC	18.2 bilion	212.2 bilion
Perkhidmatan Berkaitan Perkilangan		
Ibu Pejabat Operasi (OHQ)	106	131
Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC)	177	191
Pusat Pengedaran Serantau (RDC)	10	17
Perkhidmatan Pelajaran Tinggi Swasta		
Jumlah institut pengajian tinggi swasta (IPTS)	559	515
Jumlah pelajar di IPTS (Tahun)	292,728	313,900
Jumlah pelajar asing di IPTS (Tahun)	33,903	38,900
Perkhidmatan Kesihatan Persendirian		
Jumlah hospital persendirian yang terlibat dalam promosi pelancongan kesihatan	35	35

[1] Merujuk institusi yang sedang beroperasi
a Awalan

Sumber: Perbadanan Pembangunan Multimedia, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Persatuan Hospital Swasta Malaysia, Bank Negara Malaysia

menyokong pertumbuhan aktiviti yang berkaitan dengan IT.

Prestasi subsektor **pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi** juga meningkat pada tahun 2006. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh aktiviti telekomunikasi, khususnya dalam segmen selular. Bilangan pelanggan yang banyak ekoran kejatuhan harga telefon selular dan penggunaan perkhidmatan suara dan data yang lebih tinggi berikutan promosi menarik oleh syarikat telekomunikasi, telah menyokong pengembangan segmen ini. Sektor telekomunikasi turut disokong oleh pertumbuhan dalam segmen jalur lebar dan Internet berikutan pengenalan jalur lebar tanpa wayar di kawasan perumahan dan produk jalur lebar tanpa wayar baru menerusi teknologi 3G. Pelancaran Bursa Internet Malaysia oleh konsortium 17 penyedia perkhidmatan internet Malaysia pada tahun 2006, menyemarakkan lagi aktiviti tempatan.

Sementara itu, pertumbuhan segmen pengangkutan berkait rapat dengan pengukuhan aktiviti perkilangan dan perdagangan, yang meningkatkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan barangan dan juga perkhidmatan berkaitan pelabuhan tempatan. Hasil daripada aktiviti pemunggahan, iaitu perjalanan kargo dari negara serantau melalui pelabuhan utama negara ini, juga mengembang dengan pesat pada tahun 2006. Segmen pengangkutan udara disokong oleh peningkatan dalam aktiviti perjalanan ekoran ketibaan pelancong yang lebih tinggi dan juga peningkatan perjalanan dalam negeri oleh rakyat Malaysia untuk berlibur berikutan promosi yang agresif oleh syarikat penerbangan, terutamanya syarikat penerbangan tambang murah. Pada tahun 2006, syarikat penerbangan tambang murah mencatat lebih banyak aktiviti, seperti dicerminkan oleh pengembangan kapasiti, peningkatan kekerapan penerbangan dan pengenalan destinasi baru. Aktiviti lapangan terbang terus bertambah dengan pembukaan terminal syarikat penerbangan tambang murah yang baru pada suku pertama tahun 2006.

Selepas pengembangan kukuh selama dua tahun berturut-turut, subsektor **perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran** kembali mencatat pertumbuhan lebih sederhana sebanyak 5.9%. Perkembangan ini dipengaruhi terutamanya oleh trend penggunaan swasta yang kembali normal. Namun begitu, sebahagian daripada kesan itu diimbangi oleh aktiviti pelancongan yang lebih giat. Peningkatan ketibaan pelancong, khususnya pelancong yang berbelanja tinggi, seperti dari Timur Tengah, telah menyokong segmen hospitaliti dan runcit, terutamanya segmen barangan mewah. Perkembangan ini dipertingkatkan oleh aktiviti pelancongan domestik yang digalakkan menerusi promosi agresif syarikat penerbangan tambang murah

dan minggu bekerja lima hari bagi kakitangan sektor awam.

Pada tahun 2006, industri perdagangan edaran juga terjejas akibat margin yang semakin kecil akibat persaingan yang sengit dalam kalangan peserta industri ini. Pasar raya besar dan juga peruncit besar membuat perancangan strategik untuk mendapatkan bahagian pasaran yang lebih besar. Tawaran diskaun dan pembukaan saluran dagang baru di kawasan tumpuan penduduk dan di pusat membeli-belah baru merupakan antara langkah yang diambil untuk menjangkau kawasan yang lebih luas bagi meningkatkan bahagian pasaran. Tambahan lagi, para peruncit menawarkan pelan bayaran ansuran tanpa faedah dan skim pembayaran yang menarik untuk menggamit pembelian barangan pengguna tahan lama. Pertumbuhan nilai ditambah subsektor itu sebahagiannya dijejaskan oleh margin yang semakin kecil. Sementara itu, aktiviti dalam industri perdagangan automotif yang mencakupi kira-kira 11% daripada jumlah industri perdagangan edaran, menjadi lemah pada tahun 2006, terjejas oleh nilai jualan balik yang rendah bagi kenderaan terpakai.

Jadual 1.6
Penunjuk Terpilih bagi Sektor Perkhidmatan

	2005	2006*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Utiliti		
Indeks pengeluaran elektrik	5.8	5.1
Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoran		
Kredit penggunaan terkumpul	18.7	14.9
Ketibaan pelancong	4.6	6.8
Jumlah jualan kenderaan	13.3	-11.2
Kewangan, Insurans, Harta Tanah dan Perkhidmatan Perniagaan		
Pinjaman terkumpul dalam sistem perbankan	8.6	6.3
Premium insurans	7.7	5.5
Urus niaga Bursa Malaysia (jumlah)	-4.7	93.3
Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi		
Jumlah kargo yang dikendali di enam pelabuhan utama (tan)[1]	7.6	5.8
Jumlah penumpang di lapangan terbang	4.8	2.2
Kargo udara yang dikendalikan	4.3	5.7
Trafik SMS	130.8	51.6
	%	
Kadar Penembusan:		
- Internet	13.9	14.0
- Jalur lebar	1.9	3.3
- Telefon bimbit	74.1	72.3
- Talian tetap	16.6	16.1

[1] Kontena dan kargo pukal di Pelabuhan Klang, Pelabuhan Johor, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan-pelabuhan Sabah dan Pelabuhan Bintulu.

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; Malaysia Airports Holdings Berhad; Bursa Malaysia Berhad; Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia; pengendali-pengendali pelabuhan; Persatuan Automotif Malaysia; Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan Bank Negara Malaysia.

Subsektor **perkhidmatan lain** terus berkembang dengan mantap disokong oleh pertumbuhan dalam perkhidmatan swasta lain, iaitu hiburan, pengiklanan, perkhidmatan pendidikan swasta dan perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta. Segmen hiburan mendapat manfaat daripada perubahan sikap dan cita rasa pengguna serta peningkatan tumpuan terhadap aktiviti waktu libur. Selain segmen hiburan, perkhidmatan pengiklanan dan penyiaran telah disokong oleh pesta bola Piala Dunia, dan kempen sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 serta promosi yang agresif yang dijalankan oleh industri perkhidmatan kewangan, telekomunikasi dan perniagaan runcit.

Bidang aktiviti ekonomi baru yang mendapat perhatian Kerajaan pada tahun-tahun kebelakangan ini ialah perkhidmatan pendidikan swasta dan perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta. Perkhidmatan ini terus berkembang pada tahun 2006. Jumlah bilangan penuntut di institusi pengajian tinggi swasta meningkat 7.2%, disokong oleh penuntut asing dari negara serantau, dan juga rakyat Malaysia. Pada tahun 2006, bilangan kursus yang diakreditasikan oleh Lembaga Akreditasi Kebangsaan Malaysia dan bilangan institusi yang memohon mendapatkan status MSC telah bertambah. Pada akhir tahun 2006, sebanyak 35 buah hospital swasta yang menyertai pelancongan kesihatan telah menarik lebih banyak pesakit warga asing yang

mendapat rawatan di Malaysia. Pesakit tersebut datang terutamanya dari Indonesia, Jepun dan Eropah, kerana kadar yang kompetitif, kepakaran perubatan dan kemudahan yang canggih.

Segmen **perkhidmatan Kerajaan** terus kukuh berikutan pengenalan elaun kos hidup dan kenaikan gaji serta pemberian bonus kepada kakitangan awam. Subsektor **utiliti** pula disokong oleh pengembangan dalam aktiviti ekonomi.

Sektor Perkilangan

Pertumbuhan **sektor perkilangan** bertambah kukuh, didorong oleh kitaran elektronik global yang menaik sejak separuh kedua tahun 2005. Prestasi sektor ini telah dipertingkatkan oleh permintaan luar negeri yang kukuh terhadap keluaran industri berasaskan sumber seperti petroleum, getah dan pemprosesan di luar estet, yang mendapat kadar syarat perdagangan yang lebih baik berikutan kenaikan harga eksport. Industri berorientasikan dalam negeri juga menunjukkan peningkatan yang ketara pada tahun itu. Secara keseluruhan, sektor perkilangan mencatat pertumbuhan sebanyak 7%, dan bahagiannya kepada KDNK kekal pada 32%. Ekoran prestasi yang menggalakkan, kadar penggunaan kapasiti sektor perkilangan kekal stabil pada tahun itu berikutan pelaburan untuk meningkatkan kapasiti dan menambah baik kemudahan dalam industri tertentu.

Pertumbuhan sektor perkilangan bertambah kukuh, disokong kitaran elektronik global yang menaik dan prestasi industri berorientasikan dalam negeri yang meningkat

Sektor **elektronik dan elektrik** dalam negeri mendapat manfaat daripada kitaran separa konduktor yang menaik dan ini menghasilkan pertumbuhan yang kukuh, terutamanya pada separuh tahun pertama. Pemulihan separa konduktor global adalah menyeluruh dan disokong oleh permintaan terhadap kesemua segmen keluaran, termasuk komputer, keluaran elektronik pengguna, telekomunikasi dan automotif. Syarikat multinasional di Malaysia mengambil kesempatan untuk mengeluarkan produk terbaru yang menerapkan kemajuan teknologi terkini.

Jadual 1.7
Prestasi Sektor Perkilangan

	2005	2006
	Perubahan tahunan (%)	
Nilai ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	**5.1**	**7.0**
Pengeluaran keseluruhan	**5.1**	**7.5**
Industri berorientasikan eksport	**5.7**	**7.5**
antaranya:		
Elektronik dan keluaran elektrik	3.5	7.9
Bahan kimia dan keluaran kimia	11.0	3.2
Keluaran petroleum	10.8	13.6
Keluaran getah	-0.4	7.2
Pemprosesan di luar estet	8.1	5.7
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**2.8**	**7.2**
antaranya:		
Barangan berkaitan dengan pembinaan	-0.5	3.2
Keluaran logam yang direka	-4.9	26.5
Eksport	**10.0**	**10.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.13
Penggunaan Kapasiti di Sektor Perkilangan



a Awalan
^ Data keluaran mulai tahun 2001 adalah berdasarkan Indeks Pengeluaran Perindustrian yang baru (2000=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Bank Negara Malaysia

Permintaan yang meningkat terhadap komputer riba dalam pasaran AS dan pengenalan mikropemproses baru pada tahun 2006, menyokong pertumbuhan pengeluaran komputer dan keluaran berkaitan dengan komputer. Pengilang dalam negeri juga meningkatkan pengeluaran kelengkapan telekomunikasi manakala beberapa pengilang dalam segmen elektronik pengguna mengalih ke rantaian nilai yang lebih tinggi dengan mengeluarkan televisyen skrin rata dan perakam DVD.

Selepas menunjukkan prestasi yang menggalakkan pada tiga suku pertama tahun 2006, sektor perkilangan berkembang pada kadar lebih sederhana menjelang akhir tahun. Data eksport dan pengeluaran dalam negeri serta penunjuk di AS memperlihatkan beberapa tanda kelemahan dalam sektor elektronik dan elektrik. Walau bagaimanapun, kesan ini dijangka bersifat sementara kerana kitaran elektronik global yang menaik sekarang ini dijangka berterusan ke 2008.

Dalam **segmen berasaskan sumber**, industri keluaran getah pulih untuk mencatat pertumbuhan positif sebanyak 7.2% (2005: -0.4%), didorong pengembangan yang kukuh dalam keluaran sarung tangan getah. Dalam beberapa tahun ini, pengilang utama sarung tangan getah berkembang secara agresif melalui penggabungan dan pengambilalihan, dan pelaburan dalam operasi pengeluaran baru bagi memenuhi permintaan global yang semakin meningkat yang didorong oleh faktor yang berkaitan dengan kesihatan. Meskipun harga susu getah naik dengan ketara, peserta utama masih kekal kompetitif dan telah meningkatkan bahagian pasaran masing-masing.

Rajah 1.14
Pengeluaran dan Eksport Elektronik



Rajah 1.15
Sektor Perkilangan: Pengeluaran, Eksport dan Jualan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Industri keluaran petroleum mempamerkan pertumbuhan yang lebih kukuh, disebabkan terutamanya oleh peningkatan aktiviti penapisan pada tahun itu. Kekukuhan permintaan luar negeri terhadap keluaran petroleum telah merangsang pertumbuhan keluaran ini. Prestasi industri pemprosesan di luar estet juga terus menggalakkan berikutan pertumbuhan kukuh dalam keluaran minyak sawit mentah dan getah.

Pertumbuhan industri bahan kimia dan keluaran kimia lebih lemah pada tahun 2006 disebabkan penyusutan pengeluaran gas perindustrian, berikutan pengeluaran gas asli yang lebih rendah. Industri ini juga sebahagiannya terjejas oleh permintaan dari RR China yang lebih lemah terhadap keluaran plastik perantaraan. Ini disebabkan langkah pengeluar dalam negeri itu meningkatkan pengeluaran mereka dan seterusnya mengurangkan pergantungan terhadap import keluaran. Namun begitu, segmen

Rajah 1.16
Industri Berkaitan Sektor Pembinaan Disokong Permintaan Domestik dan Luar Negeri



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

keluaran plastik terus berkembang disebabkan pertambahan permintaan daripada industri elektronik dan elektrik, dan permintaan dari Kesatuan Eropah. Malaysia, sebagai salah sebuah negara pengeluar utama oleokimia perantaraan di dunia juga mendapat manfaat daripada permintaan yang semakin meningkat terhadap produk kecantikan dan produk isi rumah.

Sejak beberapa tahun yang lalu, industri kimia semakin menjadi lebih pelbagai, dengan rangkaian keluarannya merangkumi gas perindustrian kepada keluaran plastik hingga keluaran oleokimia, dan yang terkini, biodiesel. Pengeluaran biodiesel adalah terutamanya untuk memenuhi pasaran Kesatuan Eropah yang terdapat permintaan terhadap sumber tenaga yang boleh diperbaharui yang semakin meningkat, memandangkan harga minyak adalah tinggi dan kesedaran terhadap alam sekitar bertambah.

Pada tahun 2006, sektor perkilangan turut disokong oleh **industri berorientasikan dalam negeri**, yang berkembang pada kadar lebih pantas, iaitu 7.2% (tahun 2005: 2.8%). Pertumbuhan ini disebabkan terutamanya oleh prestasi yang lebih baik bagi industri yang berkaitan dengan sektor pembinaan, iaitu besi dan keluli, keluaran bukan logam, dan juga keluaran logam yang direka. Industri-industri tersebut mendapat manfaat daripada peningkatan sektor pembinaan yang beransur-ansur dan juga permintaan dari negara serantau yang kukuh. Sementara itu, industri kelengkapan pengangkutan merosot sedikit, terjejas akibat permintaan yang lembap terhadap kenderaan bermotor baru.

Sektor Pertanian

Sektor pertanian, perhutanan dan perikanan (pertanian) mencatat pertumbuhan tertinggi sejak tahun 1992, iaitu pada kadar 6.4% pada tahun 2006. Pertumbuhan adalah menyeluruh, merangkumi tanaman perindustrian dan tanaman makanan. Peningkatan tanaman perindustrian disokong oleh pertumbuhan keluaran minyak sawit mentah, getah dan koko. Bagi aktiviti yang berkaitan dengan makanan seperti perikanan, ternakan, padi, buah-buahan dan sayur-sayuran, pengeluaran telah pulih daripada keadaan cuaca buruk pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan sektor pertanian disokong terutamanya oleh kadar hasil yang lebih tinggi, dalam keadaan harga komoditi yang tinggi dan keadaan cuaca yang baik. Amalan pertanian yang baik yang dilaksanakan oleh para petani dengan penggunaan input pertanian, baja dan penggunaan klon yang berhasil tinggi turut menyumbang kepada peningkatan hasil pada tahun itu.

Sektor pertanian mencatat prestasi yang kukuh, mencerminkan pengembangan yang menyeluruh merangkumi tanaman perindustrian dan aktiviti yang berkaitan dengan makanan, dalam keadaan kadar hasil yang lebih tinggi dan harga komoditi yang menggalakkan

Usaha Kerajaan untuk mengoptimumkan potensi sektor pertanian dan mentransformasikannya menjadi penjana pertumbuhan ekonomi yang penting terus membuahkan hasil. Sektor ini merupakan penyumbang ketiga terbesar kepada aktiviti ekonomi negara, dari segi bahagiannya

kepada KDNK (8.3%), perolehan eksport (7.1%) dan guna tenaga (12.5%). Peningkatan dalam keuntungan syarikat-syarikat perladangan mempengaruhi trend harga saham mereka yang menaik. Indeks Perladangan Bursa Malaysia meningkat kepada 4,316 mata pada akhir tahun 2006, iaitu peningkatan sebanyak 54% berbanding dengan akhir tahun 2005 (2,799 mata).

Sektor pertanian juga mempunyai kesan limpahan yang meluas terhadap masyarakat luar bandar. Pendapatan petani dan pekebun kecil meningkat dengan kukuh. Bagi pekebun kecil getah, pendapatan mereka naik 45% kepada purata RM2,900 sebulan (2005: RM2,000; 1990-an RM600), seterusnya mendorong aktiviti penggunaan penduduk di luar bandar yang lebih tinggi. Bagi meningkatkan hasil dan memaksimumkan pendapatan, pekebun kecil getah menggiatkan lagi aktiviti penorehan, dengan menerapkan teknologi perolehan yang lebih baik seperti sistem penorehan berfrekuensi rendah (LITS) dan penggunaan perangsang. Langkah Kerajaan untuk menyediakan geran penanaman semula bagi menggalakkan petani menanam semula dengan menggunakan klon yang berhasil tinggi, turut membantu meningkatkan pendapatan pekebun kecil.

Pengeluaran **minyak sawit mentah** terus berkembang 6.1% kepada 15.9 juta tan. Ini merupakan pertumbuhan teguh bagi tahun keempat berturut-turut. Peningkatan pengeluaran berpunca daripada kawasan matang yang bertambah (2% kepada 3.7 juta hektar), dan peningkatan hasil dari segi tandan buah segar sebanyak 3.8% kepada 19.6 tan sehektar. Pengurusan penuaian yang lebih baik dan penggunaan input pertanian secara cekap telah menjana hasil yang lebih tinggi. Mengikut wilayah, Semenanjung Malaysia yang mencakupi lebih daripada separuh jumlah pengeluaran, menyumbang kepada peningkatan pengeluaran pada tahun itu, sementara pengeluaran di Sabah berkembang pada kadar yang lebih sederhana.

Harga minyak sawit terus menyokong industri itu pada tahun 2006 dengan harga hantaran tempatan minyak sawit mentah berpurata RM1,521 setan, atau peningkatan sebanyak 8.8%. Kenaikan harga didorong oleh permintaan yang kukuh terhadap kegunaan baru, iaitu dalam pengeluaran biodiesel di samping permintaan daripada pengeluar makanan di AS untuk menggunakan minyak sawit sebagai pengganti kepada minyak sayuran lain yang mengandungi asid trans fatty. Walaupun harga tidak banyak berubah yakni sekitar RM1,400 - RM1,550 setan pada sepuluh bulan pertama tahun 2006 ekoran peningkatan yang kukuh dalam bekalan, dan stok yang lebih tinggi, harga kemudiannya naik hampir kepada RM2,000 pada akhir tahun 2006. Namun begitu, minyak sawit mentah kekal berdaya saing berbanding dengan minyak sayuran utama lain, dengan diskaun harganya terhadap harga minyak kacang soya dan minyak sesawi bertambah besar pada tahun itu, masing-masing kepada USD121 setan dan USD316 setan.

Jadual 1.8
Sektor Pertanian:
Nilai Ditambah, Pengeluaran dan Eksport

	2005	2006*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Nilai ditambah	**2.5**	**6.4**
Tanaman perindustrian	**4.0**	**6.2**
Pengeluaran antaranya:		
Minyak sawit mentah	7.0	6.1
Getah	-3.7	11.9
Kayu balak	1.6	-4.2
Bijih koko	-16.3	14.2
Tanaman makanan	**0.2**	**6.7**
Pengeluaran antaranya:		
Ikan	-7.6	8.3
Ternakan [1]	9.1	17.6
Sayur-sayuran	-2.8	3.8
Buah-buahan	-18.7	5.3
Eksport (nilai)	**0.6**	**12.5**

[1] Merujuk kepada Semenanjung Malaysia sahaja
a Awalan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Lembaga Getah Malaysia
Jabatan Perhutanan (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak)
Lembaga Koko Malaysia
Jabatan Perikanan Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia
Jabatan Pertanian Malaysia

Rajah 1.17
Kelapa Sawit: Kawasan, Pengeluaran dan Hasil



a Awalan
Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Pertumbuhan pengeluaran minyak sawit mentah diiringi dengan prestasi eksport yang kukuh pada tahun 2006. Eksport minyak sawit ke RR China meningkat dengan ketara disebabkan terutamanya oleh pemansuhan kuota minyak sayuran dan pengenaan struktur tarif yang serupa (pada kadar 9%) atas kesemua import minyak sayuran berkuat kuasa 1 Januari 2006. Pindaan kepada struktur tarif ini membolehkan minyak sawit bersaing secara setara dengan minyak sayuran lain di pasaran. Hasilnya, bahagian eksport ke RR China meningkat untuk mencakupi kira-kira satu perempat daripada jumlah eksport. Sementara itu, India mengurangkan pembeliannya disebabkan perubahan struktur tarif import yang lebih berpihak kepada minyak lain seperti minyak kacang soya dan sesawi. Permintaan dari AS pula terus meningkat dengan kukuh bagi tahun ketiga berturut-turut, ekoran langkah pengilang makanan AS meningkatkan penggunaan minyak sawit dalam industri makanan.

Rajah 1.18
Harga Minyak Sawit dan Stok



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Minat yang kukuh terhadap biodiesel berasaskan minyak sawit, terutamanya bagi pasaran eksport ialah perkembangan penting dalam industri minyak sawit pada tahun 2006. Antara sumber tenaga yang boleh diperbaharui, minyak sawit mempunyai kelebihan yang nyata berbanding dengan sumber lain dari segi daya saing harga dan bekalan yang sentiasa tersedia. Pada tahun 2006, industri itu berjaya menarik pelaburan yang ketara ekoran permintaan luar negeri yang kukuh terhadap biodiesel dan insentif cukai menarik yang disediakan. Pada akhir tahun 2006, Kerajaan meluluskan pembinaan sebanyak 84 loji biodiesel dengan jumlah kapasiti tahunan sebanyak 9.45 juta tan. Menjelang akhir tahun 2007, kapasiti biodiesel tahunan dijangka mencecah kira-kira 1 juta tan, yang kesemuanya menepati standard antarabangsa yang dikenali sebagai EN 14214. Ini akan membolehkan industri minyak sawit meningkatkan nilai tambahnya dengan menjalankan pemprosesan hiliran, lalu mewujudkan sumber perolehan eksport baru dan menstabilkan pergerakan harga minyak sawit pada masa depan.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, **getah asli** berjaya mendapat semula statusnya sebagai salah satu komoditi pertanian yang penting. Getah asli mencatat prestasi kukuh dengan pertumbuhan pengeluaran pada kadar dua angka kepada 1.26 juta tan. Dengan itu, pengeluaran getah asli melepasi paras ambang penting 1 juta tan bagi tahun ketiga berturut-turut. Yang penting, Malaysia merupakan pengeluar getah asli yang paling responsif di dunia kerana ia mencatat peningkatan pengeluaran tertinggi (140,000 tan) pada tahun itu. Prestasi yang kukuh ini didorong terutamanya oleh peningkatan pengeluaran daripada pekebun kecil, yang mencakupi hampir 95% daripada jumlah pengeluaran getah dalam negara. Harga yang tinggi dan hasil yang bertambah disebabkan keadaan cuaca yang

Rajah 1.19
Getah Asli: Pengeluaran, Harga dan Hasil



a Awalan
Sumber: Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan Jabatan Perangkaan Malaysia

menggalakkan, mendorong peningkatan prestasi getah. Perkembangan yang positif ini dicapai meskipun jumlah keluasan kawasan tanaman merosot pada tahun 2006 (-2% kepada 1.23 juta hektar). Walaupun Malaysia mengekalkan kedudukannya sebagai pengeluar getah asli ketiga terbesar selepas Thailand dan Indonesia, bahagiannya kepada pengeluaran dunia meningkat lagi kepada 13.8% (2005: 13%).

Harga SMR20, yang menjadi tanda aras Malaysia, meningkat dengan ketara untuk mencatat paras tertinggi melebihi 700 sen sekilogram pada tahun 2006 berbanding di sekitar 285 sen pada tahun 2002. Harga memuncak hingga 895 sen sekilogram pada 3 Julai 2006, iaitu ketika harga minyak mentah antarabangsa mencecah USD78 setong. Sejak itu, harga menjadi sederhana sejajar dengan penurunan harga minyak dan peningkatan pengeluaran getah. Kenaikan harga yang ketara didorong oleh beberapa faktor. Stok global mencecah paras terendah dalam sejarah dalam keadaan permintaan yang berterusan terutamanya dari RR China. Di samping itu, harga getah tiruan juga mencecah paras tertinggi yang baru sejajar dengan kekukuhan harga minyak mentah. Selain RR China, pembeli utama lain ialah negara-negara Kesatuan Eropah (terutama Jerman dan Perancis), yang mencakupi 28.6% daripada jumlah eksport getah.

Aktiviti berkaitan makanan, yang merangkumi perikanan, ternakan dan komoditi pertanian lain (termasuk padi, buah-buahan dan sayur-sayuran) menunjukkan prestasi yang memuaskan pada tahun 2006. Pertumbuhan nilai ditambah sebanyak 6.7% didorong oleh keadaan cuaca yang lebih baik dan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh. Subsektor ternakan terus berkembang, didorong oleh keluaran ayam yang lebih tinggi, disebabkan penggunaan teknik penternakan moden dan permintaan yang lebih kukuh, terutamanya daripada industri hiliran pemprosesan makanan.

Dalam sektor **perhutanan,** aktiviti pembalakan terus merosot pada tahun 2006 sejajar dengan usaha pemuliharaan hutan yang dilaksanakan sebagai sebahagian daripada pengurusan hutan yang mampan. Dengan itu, eksport balak dan kayu siap digergaji merosot dengan ketara. Perkembangan ini ditambah pula dengan pengharaman eksport balak dan kayu siap digergaji oleh Indonesia mengakibatkan purata harga balak Malaysia mencecah paras tertinggi sebanyak RM474 semeter padu, dengan harga kayu siap digergaji meningkat sebanyak 18.8% pada tahun 2006.

Kerajaan mempertingkatkan usaha untuk menggalakkan perladangan hutan sebagai sebahagian daripada strategi dalam pelaksanaan pengurusan hutan yang mampan, di samping memastikan bekalan bahan mentah yang berterusan bagi aktiviti hiliran, terutamanya perabot. Perladangan hutan ialah cadangan nilai yang menarik kerana spesies kayu balak dalam skim perladangan hutan memerlukan tempoh perhutanan semula yang lebih pendek selama 10-15 tahun berbanding dengan spesies kayu tropika yang memerlukan masa selama 30-50 tahun. Kerajaan menubuhkan wahana tujuan khas dengan dana permulaan sebanyak RM200 juta pada bulan Oktober 2006 untuk mengurus dan membiayai skim perladangan hutan yang dijalankan oleh entiti swasta, dengan sasaran tuaian sebanyak 25,000 hektar kayu balak yang ditanam semula bagi menjana sehingga 5 juta meter padu kayu setiap tahun. Dianggarkan sebanyak 50% daripada kawasan di bawah perladangan hutan akan ditanam dengan

kayu getah. Kawasan selebihnya akan ditanam dengan spesies kayu balak lain seperti Acacia, Kayu Jati dan Sentang.

Pengeluaran **koko** pulih dengan mencatat prestasi yang kukuh. Pertumbuhan dua angka yang dicatat itu adalah hasil daripada langkah-langkah yang diambil untuk menangani kemerosotan pengeluaran pada beberapa tahun yang lepas. Pemulihan ladang koko, pengurangan penukaran ladang koko kepada tanaman lain, dan penggalakan secara aktif penanaman semula koko melalui Program Pembangunan Pekebun Kecil Koko telah mendatangkan hasil yang positif. Pada masa yang sama, bantuan yang diberikan kepada pekebun dalam bentuk anak benih yang berhasil tinggi dan bahan penanaman yang tahan penyakit juga menyumbang ke arah pengurangan insiden jangkitan *black pod*.

Sektor Perlombongan

Sektor perlombongan mencatat penguncupan kecil sebanyak 0.2% pada tahun 2006 disebabkan pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih rendah. Penutupan beberapa medan minyak bagi tujuan penyelenggaraan di samping penambahbaikan secara berperingkat untuk meningkatkan kapasiti di loji MLNG 2 menyebabkan aktiviti yang lebih rendah dalam sektor perlombongan pada tahun itu. Namun begitu, sektor ini memberi sumbangan yang ketara kepada ekonomi keseluruhan dari segi perolehan pertukaran asing daripada eksport, hasil kepada Kerajaan dan pelaburan dalam aktiviti cari gali dan aktiviti hiliran. Malaysia terus kekal sebagai negara pengeksport bersih tenaga. Perolehan eksport daripada mineral meningkat lagi disebabkan keseluruhannya oleh harga minyak yang lebih tinggi, manakala jumlah eksport merosot pada tahun 2006. Semenjak beberapa tahun lalu, bahagian eksport mineral kepada jumlah eksport kasar meningkat secara beransur-ansur daripada 7.2% pada tahun 2000 kepada 9.7% pada tahun 2006.

Pada tahun 2006, pengeluaran **minyak mentah** (termasuk kondensat) berpurata 699,796 tong sehari (barrels per day, bpd), iaitu kemerosotan sebanyak 0.5%. Pengeluaran minyak mentah (tidak termasuk kondensat: -3.5% kepada 548,487 bpd) yang lebih rendah disebabkan penutupan beberapa kemudahan pemasangan minyak pada tahun itu bagi tujuan pembaikan dan penyenggaraan. Ini sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan sumbangan kondensat kepada pengeluaran minyak keseluruhan. Kondensat, yang dalam keadaan semula jadinya berbentuk gas, tetapi memeluwap kepada cecair semasa proses pengeluaran, mempunyai sifat berkualiti tinggi yang sama dengan jenis minyak mentah Malaysia "light sweet". Pada tahun 2006, pengeluaran kondensat meningkat lagi pada kadar dua angka (12%) untuk mencatat bahagian yang meningkat sebanyak 21.6% daripada jumlah pengeluaran minyak mentah (2001: 13%).

Penutupan medan minyak bagi tujuan penyelenggaraan di samping penambahbaikan secara berperingkat untuk meningkatkan kapasiti di loji MLNG 2 menyebabkan aktiviti yang lebih rendah dalam sektor perlombongan

Berikutan pertumbuhan berterusan selama enam tahun dalam sektor itu, pengeluaran **gas asli** merosot sedikit, iaitu sebanyak 0.4%

Jadual 1.9
Sektor Perlombongan:
Nilai Ditambah, Pengeluaran dan Eksport

	2005	2006*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Nilai ditambah	**0.8**	**-0.2**
Pengeluaran		
antaranya:		
Minyak mentah dan kondensat	-8.0	-0.5
Gas asli	11.3	-0.4
Eksport	**26.4**	**8.6**

a Awalan

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.20
Pengeluaran Minyak Mentah dan Kondensat



a Awalan

Sumber: PETRONAS

Rajah 1.21
Harga Minyak Mentah (Niaga Hadapan 1 Bulan) pada Tahun 2006



pada tahun 2006. Penutupan berperingkat-peringkat kemudahan di loji MLNG 2 di Sarawak bagi menaikkan taraf untuk meningkatkan kapasiti mempengaruhi aktiviti sektor ini. Pertambahan kapasiti ini adalah untuk memenuhi permintaan masa depan daripada pembeli tradisional serta daripada pasaran baru, iaitu RR China. Kini, Malaysia yang menguasai satu perlima daripada pasaran gas domestik di Jepun dan Korea, merupakan pembekal utama LNG ke kedua-dua negara itu.

Sektor minyak dan gas terus mendapat manfaat daripada harga minyak global yang kukuh yang wujud sejak tahun 2004. Harga tanda aras Malaysia bagi gred minyak Tapis Blend meningkat 20% kepada purata USD68 setong pada tahun 2006. Harga Tapis Blend meningkat secara stabil daripada USD64 setong pada awal tahun dan mencecah USD80 setong bagi tempoh waktu yang singkat pada bulan Ogos sebelum mengalami konsolidasi dan seterusnya diniagakan di sekitar USD60 setong menjelang akhir tahun.

Pasaran minyak global dicirikan oleh permintaan yang kukuh dari AS dan ekonomi sedang pesat membangun. Faktor permintaan telah menjadi lebih penting berbanding faktor bekalan dalam mempengaruhi perkembangan harga minyak, memandangkan kekangan bekalan global yang berterusan berikutan pengeluaran di negara pengeluar minyak utama mencapai tahap hampir kepada kapasiti penuh, dan kapasiti penapisan tidak mencukupi, terutamanya di AS. Penglibatan dana lindung nilai yang ketara dalam pasaran niaga hadapan minyak global turut mempengaruhi harga minyak pada tahun 2006. Di samping itu, pasaran terus sensitif terhadap risiko geopolitik di rantau pengeluar minyak. Berdasarkan faktor-faktor ini, harga minyak telah mewujudkan paras "ketegaran" baru sebanyak USD50 setong, lebih tinggi daripada paras "ketegaran" sebanyak USD20 setong yang dialami sepanjang tahun 1990-an. Sejajar dengan perkembangan harga minyak mentah, harga eksport LNG juga terus meningkat 14.2% kepada RM1,081 setong pada tahun 2006.

Secara keseluruhan, tahap pengeluaran minyak mentah pada tahun 2006 berada dalam lingkungan sasaran yang ditetapkan di bawah Dasar Susutan Negara, yang telah dilaksanakan sejak tahun 1980 bagi memastikan pembangunan sumber minyak negara yang mampan. Dasar susutan dan penemuan medan minyak dan gas baru menyumbang ke arah peningkatan rentangan hayat rizab minyak dan gas negara. Sebanyak 20 medan minyak dan gas dasar laut dalam di kawasan luar pesisir Sabah ditemui sejak tahun 2002, hasil perkongsian dengan syarikat minyak asing melalui kontrak perkongsian pengeluaran. Hasilnya, rizab minyak Malaysia meningkat kepada 5.25 bilion tong dengan

Jadual 1.10
Malaysia: Rizab Minyak Mentah dan Gas Asli [1]

	Pada akhir tahun	
	2005	2006*a*
Minyak mentah (termasuk kondensat)		
Jumlah rizab (bilion tong)	5.25	5.25
Rizab/Pengeluaran (tahun)	20	21
Gas asli		
Jumlah rizab (trilion kaki padu standard)	87.95	87.95
Rizab/Pengeluaran (tahun)	34	34

[1] Dasar Susutan Negara diperkenalkan pada tahun 1980 untuk mengawal selia eksploitasi rizab minyak negara dengan menangguhkan pembangunan dan menjalankan kawalan terhadap pengeluaran medan minyak utama (yang mempunyai rizab sebanyak 400 juta tong atau lebih)

a Awalan

Sumber: PETRONAS

rentangan hayat yang lebih panjang selama 21 tahun berdasarkan tahap pengeluaran semasa. Penemuan ini juga mendorong peningkatan pelaburan yang ketara sejak dua tahun yang lepas, khususnya dalam bentuk pelaburan langsung asing dalam sektor minyak dan gas dan perkhidmatan yang berkaitan. Di samping itu, hubung kait yang kukuh antara sektor ini dengan sektor perkilangan terbukti dengan kepesatan perkembangan aktiviti hiliran seperti pengeluaran petrokimia, pemprosesan gas dan penapisan minyak. Ini turut menyokong pertumbuhan dalam industri berasaskan sumber.

Sektor Pembinaan

Aktiviti pembinaan terus bertambah baik, dan hanya mencatat penguncupan kecil sebanyak 0.5% pada tahun 2006. Perkembangan ini didorong oleh pemulihan secara beransur-ansur dalam aktiviti kejuruteraan awam dan peningkatan aktiviti dalam segmen bukan kediaman. Pertumbuhan segmen kediaman pula kembali menjadi lebih sederhana berikutan pengembangan yang kukuh selama beberapa tahun.

Pada tahun 2006, Kerajaan mengumumkan beberapa keputusan dasar penting yang akan mempengaruhi aktiviti pembinaan pada masa depan. Ini termasuk pengumuman pertambahan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan bagi projek infrastruktur di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Peningkatan perbelanjaan sebanyak 17.6% adalah terutamanya untuk pembinaan lebuh raya, jambatan, sekolah dan projek yang berkaitan dengan air. Tumpuan juga diberikan pada projek pembangunan di luar Lembah Kelang, termasuk Jambatan Pulau Pinang Kedua dan Monorel Pulau Pinang, dan penubuhan Wilayah Pembangunan Iskandar untuk menyokong pertumbuhan ekonomi di selatan Johor. Menjelang bulan-bulan terakhir tahun 2006, peraturan penting juga diliberalisasikan. Ini termasuk kelonggaran peraturan berhubung dengan pembelian harta tanah oleh warga asing dan pindaan kepada Akta Hak Milik Strata dan Akta Pembangunan Perumahan untuk memudahkan kelulusan pengawalseliaan yang lebih cekap dalam sektor pembinaan.

Aktiviti pembinaan semakin bertambah baik didorong oleh segmen kejuruteraan awam dan bukan kediaman

Subsektor **kejuruteraan awam** mula menunjukkan tanda-tanda yang menggalakkan berikutan aktiviti yang pulih secara beransur-ansur, lalu mencatat pertumbuhan yang positif pada suku terakhir tahun itu. Di samping projek yang terus berjalan, Kerajaan mengumumkan sebanyak 880 projek baru bernilai RM15 bilion, dengan 425 daripada projek ini dibiayai melalui

Rajah 1.22
Pertumbuhan Sektor Pembinaan Berbanding Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Jabatan Akauntan Negara

Jadual 1.11
Senarai Projek Utama Rancangan Malaysia Kesembilan

Lorong ketiga Lebuh raya Utara Selatan antara Rawang - Tanjung Malim
Projek Laluan Subang-Kelang
Menaik taraf KLIA untuk menampung kapal terbang A380 yang baru
Lebuhraya Pantai Timur Fasa Kedua, Terengganu
Menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah
Pembangunan kerja raya di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur
Kompleks Penjara Pulau Pinang
Kuarters pelajar di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Pembangunan keretapi di Batu Gajah, Perak
Sistem Kumbahan Vakum I, Mukim Kelang
Institut Latihan Perindustrian (Miri, Sarawak)

Projek Berimpak Tinggi

Jambatan Pulau Pinang Kedua
Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang
Monorel Pulau Pinang
Lebuh raya Pantai Barat
Projek Pemindahan Air Pahang-Selangor
Loji Pemulihan Air Langat 2
Penukaran paip dan kumbahan
Lebuh raya Kajang -Seremban

Wilayah Pembangunan Iskandar (IDR), Johor

Pusat Pentadbiran Negeri, Nusajaya
Kawasan Technopolis di Tanjung Langsat
Pembangunan Zon Bebas Masuk
Pembersihan Sungai Segget, Sungai Skudai dan Sungai Tebrau
Trek keretapi ke Pelabuhan Tanjung Pelepas
Persimpangan Jalan Lingkaran Dalam Johor Bahru
Menaik taraf Jalan Ulu Tiram - Kota Tinggi kepada empat lorong
Persimpangan Skudai
Menaik taraf persimpangan Johor Baharu-Kota Tinggi dan Pasir Gudang
Menaik taraf Jalan Tampoi kepada empat lorong
Dua persimpangan bertingkat di Jalan Tampoi
Jalan menyambungkan Nusajaya dan Jambatan Laluan Kedua Malaysia - Singapura
Persimpangan Senai ke Lapangan Terbang Antarabangsa Senai
Menaik taraf sistem perparitan
Lebuhraya Senai-Skudai
Persimpangan Permas Jaya kedua
Menaik taraf infrastruktur di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai
Menaik taraf Persimpangan Perling
Infrastruktur keselamatan dan balai polis yang baru
Lebuhraya Senai-Desaru
Menaik taraf sistem penyuraian trafik

Inisiatif Pembiayaan Swasta. Segmen kejuruteraan awam juga disokong oleh aktiviti pembinaan dalam industri minyak dan gas, terutama dalam pembangunan dan pengeluaran kemudahan baru berikutan penemuan medan minyak dan gas baru luar pesisir di Sabah. Sementara itu, beberapa syarikat kejuruteraan awam besar terus mendapat projek di luar negeri. Antara projek yang dilaksanakan oleh syarikat itu ialah projek pembinaan lebuh raya, lapangan terbang dan loji kuasa hidroelektrik di Asia, terutamanya di India dan Timur Tengah.

Aktiviti dalam subsektor **bukan kediaman** meningkat dengan lebih tinggi pada tahun 2006 sejajar dengan aktiviti perniagaan yang memberangsangkan. Pertumbuhan ini disokong permintaan yang kukuh terhadap ruang komersial dan pejabat seperti yang dicerminkan oleh kadar penghunian yang tinggi dan kadar sewa yang lebih tinggi pada tahun itu. Khususnya, bilangan kompleks membeli belah yang bakal berada dalam pasaran pada tahun 2006 mencatat peningkatan yang ketara memandangkan 10 pusat membeli belah yang besar sedang dibina di Lembah Kelang. Kompleks membeli belah ini dijangka menambah 4 juta kaki persegi kepada stok yang sedia ada yang

Rajah 1.23
Penawaran Akan Datang dan Kadar Penghunian Ruang Perniagaan di Malaysia (pada akhir tempoh)



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Rajah 1.24
Penawaran Akan Datang dan Kadar Penghunian Ruang Pejabat Dibina Khas di Malaysia



Sumber:Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Rajah 1.25
Jualan dan Pelancaran Baru dalam Subsektor Kediaman



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

berjumlah 36 juta kaki persegi pada tahun 2007. Peruncit telah menggiatkan aktiviti perniagaan mereka di kawasan tumpuan penduduk yang utama manakala pusat membeli belah baru mempunyai konsep yang berbeza mengikut segmen pengguna yang disasarkan.

Segmen ruang pejabat disokong aktiviti perniagaan baru khususnya di kawasan bandar. Penyewa-penyewa, yang terutamanya terdiri daripada syarikat multinasional, institusi kewangan, syarikat yang menawarkan perkhidmatan kepada pihak ketiga, syarikat berkaitan dengan IT serta syarikat perkhidmatan berkaitan dengan perniagaan minyak dan gas. Kadar sewaan purata di Lembah Kelang meningkat 20% kepada RM5.90 kaki persegi, dalam suasana kadar penghunian yang tinggi sebanyak 84%.

Sejajar dengan prospek sektor bukan kediaman yang bertambah baik, dari segi hasil dan tambah nilai modal, sektor **Amanah Pelaburan Harta Tanah Malaysia (Malaysian Real Estate Investment Trust, M-REIT)** terus berkembang dengan enam M-REIT baru disenaraikan di Bursa Malaysia. Ini meningkatkan jumlah bilangan M-REIT kepada sembilan pada akhir bulan Februari 2007. M-REIT, sebagai kelas aset baru yang mempunyai ciri boleh bertahan, menawarkan satu lagi peluang bagi pempelbagaian risiko. Walaupun permodalan pasaran industri REIT di Malaysia secara relatif kecil apabila dibandingkan dengan negara serantau lain (kira-kira USD850 juta, Singapura: USD13.5 bilion), potensi untuk terus berkembang adalah besar.

Aktiviti dalam segmen **kediaman** meningkat pada kadar yang lebih sederhana ekoran keredaan permintaan selepas menunjukkan prestasi kukuh pada tahun-tahun sebelumnya. Ini ditunjukkan oleh penyederhanaan permohonan pinjaman pada tahun 2006. Pemaju perumahan juga bertindak balas terhadap keadaan pasaran yang berubah-ubah, dengan mengurangkan pelancaran harta tanah kediaman baru dan menyediakan harta tanah kediaman mengikut keperluan pengguna. Meskipun usaha ini diambil, harta tanah kediaman yang tidak terjual meningkat kepada kira-kira 28,827 unit pada akhir bulan September 2006.

Rajah 1.26
Indeks Harga Rumah Malaysia



a Awalan

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Jadual 1.12
Harta Kediaman yang Tidak Terjual di Malaysia mengikut Julat Harga

Julat harga kediaman	Unit	Bahagian (%)	Unit	Bahagian (%)
	Pada akhir tahun 2005		Pada akhir bulan Sept 2006*a*	
RM50,000 atau kurang	3,777	19.3	4,539	15.8
RM50,001 - RM100,000	5,806	29.7	7,554	26.2
RM100,001 - RM150,000	3,813	19.5	6,116	21.2
RM150,001 - RM200,000	2,666	13.6	4,327	15.0
RM200,001 - RM250,000	1,554	7.9	2,305	8.0
Lebih daripada RM250,000	1,961	10.0	3,986	13.8
Jumlah	**19,577**	**100**	**28,827**	**100**

a Awalan

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Sejajar dengan keadaan pasaran keseluruhan, Indeks Harga Rumah Malaysia meningkat pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 2% pada separuh pertama tahun 2006. Permintaan terhadap harta tanah kediaman yang hampir dengan kawasan bandar terus kukuh biarpun secara keseluruhannya pengguna mengambil sikap berhati-hati.

Kerajaan mengambil beberapa langkah penting bagi membantu pertumbuhan segmen kediaman pada tahun 2006. Akta Hak Milik Strata dan rang undang-undang yang berkaitan dipinda pada bulan Disember 2006 untuk membolehkan proses kelulusan hak milik strata yang cepat dan lebih telus, serta menyediakan pengawasan yang lebih jelas terhadap pengurus harta tanah kediaman berhubung dengan pengurusan dana yang dikutip dan dikeluarkan. Pindaan juga dibuat pada Akta Pembangunan Perumahan. Sijil Layak Menduduki yang sebelum ini diberikan oleh pihak berkuasa tempatan, akan diganti dengan Sijil Penyiapan dan Pematuhan (Certificate of Completion and Compliance, CCC). Sijil Penyiapan dan Pematuhan ini akan dikeluarkan oleh jurubina dan jurutera swasta, dengan itu membantu pembeli untuk menduduki bangunan lebih awal. Kerajaan juga meliberalisasikan peraturan tentang pemilikan harta tanah kediaman oleh pemilik asing. Warga asing tidak perlu lagi mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Pelaburan Asing bagi membeli rumah yang berharga lebih daripada RM250,000. Melalui inisiatif ini, urus niaga harta tanah dijangka meningkat.

HARGA DAN GUNA TENAGA

Harga Pengguna

Di peringkat global, inflasi terus menjadi isu utama makroekonomi pada tahun 2006. Prestasi ekonomi global yang teguh sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah mendorong permintaan dan menyumbang kepada tekanan menaik terhadap harga komoditi. Pada masa yang sama, persaingan dan kos pengeluaran yang lebih rendah di China dan India membantu menyederhanakan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan di seluruh dunia. Malaysia, sebagai sebuah ekonomi kecil yang terbuka, tidak terlindung daripada faktor-faktor yang mempengaruhi harga global.

Kadar inflasi keseluruhan tahunan, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna

Rajah 1.27
Indeks Harga Pengguna



Rajah 1.28
Sumbangan kepada Perubahan Tahunan Indeks Harga Pengguna



(IHP) meningkat daripada 3% pada tahun 2005 kepada 3.6% pada tahun 2006. Paras inflasi adalah menepati ramalan Bank Negara Malaysia untuk berada antara 3.5 - 4.0%. Kadar inflasi teras meningkat pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 2.1% (2% pada tahun 2005) berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu. Kadar inflasi teras, iaitu ukuran inflasi IHP yang tidak termasuk faktor-faktor sementara seperti barangan yang harganya turun naik dan barangan yang harganya ditadbir, mencerminkan perubahan asas dalam harga yang berpunca daripada tekanan permintaan. Kadar kenaikan yang berbeza antara inflasi keseluruhan dengan inflasi teras sepanjang tahun 2006 menunjukkan faktor-faktor sementara merupakan penyumbang penting kepada tekanan harga. Khususnya, pelarasan harga yang ditadbir bagi keluaran petroleum runcit dan utiliti asas pada tahun itu, memberi kesan yang ketara terhadap paras inflasi.

Hampir keseluruhan kenaikan kadar inflasi yang lebih ketara pada tahun 2006 disebabkan kenaikan harga bahan api dan pelincir dalam kategori pengangkutan. Kenaikan ketara harga minyak antarabangsa pada awal tahun itu memberi kesan yang besar atas perbelanjaan mengurus Kerajaan. Dengan bertambahnya kos pemberian subsidi, Kerajaan mengambil langkah menaikkan harga keluaran petroleum runcit sekali sahaja pada bulan Mac 2006 dengan purata kenaikan sebanyak 18.5%. Berikutan kenaikan harga ini, kadar inflasi meningkat dengan nyata kepada 4.8% pada bulan Mac 2006 dan terus berada pada paras tinggi sepanjang separuh pertama tahun 2006. Kesan langsung harga keluaran petroleum runcit yang lebih tinggi menyumbang 1.1 mata peratusan kepada kadar inflasi purata pada tahun 2006, berbanding dengan 0.31 mata peratusan pada tahun 2005.

Selain harga yang lebih tinggi bagi keluaran petroleum runcit, harga minyak yang tinggi memberi kesan yang ketara atas kos perjalanan udara melalui kenaikan surcaj bahan api yang

Jadual 1.13
Penunjuk Harga

	Wajaran	2006
		Pertumbuhan tahunan (%)
Indeks Harga Pengguna (2005=100)	**100.0**	**3.6**
antaranya:		
Makanan dan minuman bukan alkohol	31.4	3.4
Minuman alkohol dan tembakau	1.9	6.9
Pakaian dan kasut	3.1	-1.3
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	21.4	1.5
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.3	1.1
Kesihatan	1.4	2.1
Pengangkutan	15.9	11.0
Komunikasi	5.1	-1.4
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.6	0.7
Pendidikan	1.9	1.6
Restoran dan hotel	3.0	3.7
Pelbagai barang dan perkhidmatan	6.0	2.2
Indeks Harga Pengguna		
Barang tahan lama	8.0	-1.5
Barang semi tahan lama	4.3	-0.9
Barang tidak tahan lama	40.6	6.8
Perkhidmatan	47.1	2.1
Indeks Harga Pengeluar (2000=100)	**100.0**	**6.7**
antaranya:		
Pengeluaran tempatan	65.7	9.0
Import	34.3	2.2

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

dikenakan oleh syarikat penerbangan. Harga utiliti lain seperti tarif elektrik dan caj air di negeri-negeri tertentu juga dinaikkan. Namun begitu, kesan kumulatif daripada pelarasan ini adalah agak kecil dan dengan itu, hanya memberi kesan yang kecil atas kadar inflasi.

Isu penting yang timbul berikutan pelarasan harga yang ditadbir ialah skala dan kadar kesan sampingan kepada harga barangan dan perkhidmatan lain dalam ekonomi serta kepada upah. Pada umumnya, kesan tidak langsung atas harga barangan dan perkhidmatan lain adalah terbatas. Kadar inflasi asas yang tidak mengambil kira kesan langsung kenaikan harga keluaran petroleum runcit, mula menjadi sederhana sejak bulan Januari 2006. Seterusnya, walaupun sebahagian besar barangan dalam kumpulan IHP mencatatkan kenaikan harga akibat kenaikan harga keluaran petroleum runcit, kesan ini menjadi sederhana pada separuh tahun kedua. Ini menunjukkan tekanan inflasi tidak menyeluruh dan hanya meliputi sebahagian barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi. Akhir sekali, tidak terdapat bukti yang kukuh wujudnya tekanan upah-harga pada tahun 2006, memandangkan ukuran pertumbuhan upah kekal lemah. Kadar pertumbuhan tahunan upah nominal sektor swasta pada tahun 2006 tidak berubah pada 5.8%, menurut Kaji Selidik Gaji dan

Rajah 1.29
Kesan Langsung Inflasi Produk Petroleum Runcit kepada Inflasi



Rajah 1.30
Bahagian Item dalam Kumpulan IHP yang menunjukkan Kenaikan Harga Tahunan



Kemudahan Sampingan yang dijalankan oleh Persekutuan Majikan Malaysia. Kenaikan upah ini diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan dalam produktiviti pekerja. Peningkatan tahunan yang lebih tinggi dalam produktiviti pekerja sebanyak 3.5% pada tahun 2006 (2005: 1.2%) menyebabkan tekanan kos keseluruhan dalam pasaran pekerja secara relatif rendah sepanjang tahun 2006.

Meskipun permulaan kenaikan kadar inflasi berlaku pada bulan Mac 2006, jangkaan inflasi oleh orang ramai secara umumnya adalah tegar sepanjang tahun 2006. Kerajaan telah mengumumkan bahawa kenaikan harga petrol runcit pada bulan Mac 2006 akan berlaku sekali sahaja bagi tahun itu, lalu membataskan kesan tekanan harga daripada kos pengeluaran kepada paras harga keseluruhan. Ini disokong oleh usaha agensi Kerajaan yang terus menjalankan pemantauan yang aktif dan memastikan ketelusan harga barangan dan perkhidmatan asas yang dikawal. Penambahan nilai kadar pertukaran ringgit juga mengurangkan sedikit tekanan inflasi pada tahun itu melalui pengurangan kos barangan import.

Walau bagaimanapun, harga bahan api yang lebih tinggi memberi sedikit kesan atas sektor ekonomi tertentu. Khususnya, kos utiliti yang lebih tinggi meningkatkan perbelanjaan operasi peruncit makanan. Harga makanan cenderung untuk bergerak balas dengan lebih cepat terhadap perubahan kos bahan mentah. Namun begitu, persekitaran yang kompetitif membendung kadar inflasi harga makanan, yang akhirnya menjadi sederhana pada separuh kedua tahun 2006. Bagi tahun 2006 keseluruhannya, inflasi makanan menjadi sederhana kepada 3.4% daripada 3.6% pada tahun 2005.

Walau bagaimanapun, dari sudut pandangan pengeluar, terutamanya bagi pengeluar dalam industri intensif sumber, kesan harga komoditi yang lebih tinggi sememangnya ketara. Kenaikan harga pengeluar pada separuh tahun pertama didorong terutamanya oleh inflasi dalam kategori bahan berkaitan dengan komoditi. Walau bagaimanapun, trend menaik ini bertukar arah pada separuh tahun kedua apabila harga minyak mentah semerta antarabangsa menurun. Secara keseluruhan, kadar purata inflasi harga pengeluar menjadi sederhana sedikit kepada 6.7% pada tahun 2006 (2005: 6.8%).

Meskipun minyak dan komoditi lain sememangnya merupakan input penting dalam proses pengeluaran, dan pergerakan yang ketara dalam harga barangan itu telah memberi kesan terhadap kos keseluruhan pengeluar dan mendorong tekanan tolakan kos, kepentingan minyak dan komoditi lain dalam inflasi harga

Rajah 1.31
Inflasi Makanan



Rajah 1.32
Indeks Harga Pengeluar



pengeluar telah berkurang mengikut peredaran masa. Pada tahun 2006, Jabatan Perangkaan Malaysia mengumumkan pertukaran tahun asas bagi Indeks Harga Pengeluar (IHPR) kepada tahun 2000 (sebelum ini 1989 = 100) dan semakan terhadap wajaran barangan dalam kumpulan IHPR berdasarkan sumbangan barangan itu kepada jumlah nilai pengeluaran dalam ekonomi. Berbanding dengan wajaran sebelumnya, wajaran barangan yang berkaitan dengan bukan komoditi seperti jentera dan kelengkapan pengangkutan; dan barang perkilangan dalam Indeks Harga Pengeluar baru adalah lebih tinggi. Oleh itu, wajaran baru lebih mencerminkan keadaan semasa ekonomi Malaysia, yang berkembang daripada ekonomi berasaskan komoditi kepada ekonomi berasaskan perkilangan.

Setelah mengambil kira semua faktor, inflasi agak rendah memandangkan kesan sampingan yang terbatas ekoran harga minyak yang tinggi. Ini sebahagiannya mencerminkan fenomena global umum, yakni peningkatan dalam kecekapan pasaran produk dan persaingan global yang lebih hebat telah mengurangkan kuasa penentuan harga oleh pengeluar dan mewujudkan pasaran produk dan pekerja yang lebih fleksibel, lantas menurunkan kadar inflasi global ke paras terendah pernah dicatat. Dengan itu, pada masa depan kesan kejutan terhadap inflasi diramal akan menjadi lebih kecil.

Perkembangan Pasaran Pekerja

Pasaran pekerja dalam negeri terus kukuh pada tahun 2006 berikutan peningkatan permintaan terhadap pekerja pada tahun itu sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih pantas. Kadar pengangguran kekal rendah pada 3.5% daripada tenaga kerja, kerana peluang pekerjaan yang diwujudkan adalah amat menggalakkan. Kadar penyertaan tenaga kerja terus meningkat manakala jumlah pemberhentian pekerja yang tercatat pada tahun itu berkurang.

Keadaan pasaran pekerja lebih baik

Jumlah **guna tenaga** berkembang 2.3% mengatasi peningkatan tenaga kerja sebanyak 2.2%. Dengan itu, kadar penyertaan tenaga kerja juga meningkat pada tahun itu. Indeks Guna Tenaga MIER meningkat daripada 98.9 mata pada suku pertama kepada 114.8 mata pada suku keempat, mencerminkan pasaran pekerjaan yang terus menggalakkan. Secara keseluruhan, sektor perkhidmatan terus menjadi majikan terbesar dalam negara (bahagian sebanyak 51%), dengan subsektor perdagangan edaran, hotel dan restoran

Jadual 1.14
Penunjuk Terpilih Pasaran Pekerja

	2002	2003	2004	2005	2006*a*
Guna tenaga ('000 orang)[1]	9,709.0	10,047.2	10,463.7	10,892.8	11,144.1
Tenaga kerja ('000 orang)[1]	10,064.3	10,426.4	10,846.0	11,290.5	11,544.5
Jumlah pemberhentian pekerja (orang)	26,452	21,206	19,956	16,109	15,360
Jumlah pencari kerja aktif (orang)	32,305	28,404	27,227	72,573	84,046
Jumlah jawatan kosong baru (jawatan)	162,787	96,918	49,975	304,500	834,675
Kadar pengangguran (%)[1]	3.5	3.6	3.5	3.5	3.5
Kadar penyertaan tenaga kerja (%)[1]	65.2	65.6	66.1	66.7	66.9
Pertumbuhan produktiviti pekerja benar (%)[2]	0.8	1.9	2.9	1.2	3.5

[1] Anggaran oleh Unit Perancang Ekonomi
[2] Anggaran oleh Bank Negara Malaysia
a Anggaran

Sumber: Bank Negara Malaysia
Kementerian Sumber Manusia
Unit Perancang Ekonomi

Rajah 1.33
Keluaran dan Guna Tenaga



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Unit Perancang Ekonomi

(bahagian sebanyak 18%) kekal sebagai majikan terbesar dalam sektor itu. Sektor perkilangan pula mencatat pertumbuhan guna tenaga tertinggi pada tahun 2006 (3.3%), berbanding dengan sektor lain, sejajar dengan peningkatan yang kukuh dalam aktiviti perkilangan pada tahun tersebut (7%). Namun, bahagian guna tenaga sektor itu stabil pada 29%. Sektor pembinaan mencatat pengurangan pekerjaan yang lebih kecil pada tahun ini berbanding dengan tahun sebelumnya (masing-masing -0.6% dan -1%), ekoran peningkatan aktiviti pembinaan menjelang akhir tahun 2006 dan jangkaan bahawa lebih banyak projek pembangunan akan dimulakan tidak lama lagi.

Pada tahun 2006, kadar peningkatan bilangan **pekerja asing** yang bekerja di Malaysia menurun dengan ketara. Pada akhir tahun, jumlah bilangan pekerja asing (termasuk ekspatriat asing) yang bekerja di Malaysia meningkat 3% berbanding dengan peningkatan sebanyak 22% pada tahun 2005. Namun begitu, bilangan pekerja pehijrah masih ketara, mencakupi 17% daripada jumlah guna tenaga. Pada tahun 2006, Kerajaan meluluskan pengambilan 1,869,208 pekerja pehijrah baru dan 33,567 ekspatriat asing untuk bekerja di Malaysia. Majoriti pekerja pehijrah diambil bekerja oleh majikan dalam sektor perkilangan dan pertanian (masing-masing 35% dan 26%) untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja separuh mahir dan tidak mahir. Dalam sektor pertanian dan perkhidmatan kerja-kerja rumah, kebanyakan pekerja datang dari Indonesia, sementara pekerja pehijrah dalam sektor perkilangan datang terutamanya dari Indonesia, Nepal dan Vietnam. Sebahagian besar ekspatriat asing di Malaysia terbabit dalam sektor perkhidmatan (bahagian sebanyak 55%) dan perkilangan (bahagian sebanyak 37%). Ekspatriat asing dari India, Jepun, RR China, United Kingdom dan Singapura, mencakupi lebih daripada separuh jumlah profesional asing yang berkemahiran di Malaysia.

Jumlah **pemberhentian pekerja** menurun bagi tahun kelima berturut-turut kepada 15,360 orang pada tahun 2006, terutama membabitkan

Rajah 1.34
Guna Tenaga mengikut Sektor



Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Rajah 1.35
Pemberhentian Pekerja mengikut Sektor



Sumber: Kementerian Sumber Manusia

kakitangan bukan eksekutif dalam bidang seperti operator dan pemasang loji dan jentera, kerja pertukangan dan berkaitan, dan pekerja am. Lebih daripada separuh pemberhentian pekerja berlaku dalam sektor perkilangan, berikutan beberapa pemberhentian pekerja oleh syarikat dalam industri E&E (bahagian sebanyak 27% dalam sektor itu). Sektor perkhidmatan secara keseluruhan memberhentikan lebih banyak pekerja pada tahun 2006, mencakupi 36% daripada pemberhentian pekerja. Pemberhentian pekerja berlaku dalam industri pengangkutan, hotel dan perdagangan edaran. Pada umumnya, kebanyakan pemberhentian pekerja disebabkan penjualan dan penutupan syarikat serta kesukaran ekoran kos pengeluaran yang tinggi dan pengurangan permintaan.

Trend **kekosongan jawatan** juga memperlihatkan keadaan guna tenaga yang positif. Bilangan jawatan kosong baru yang dilaporkan menerusi Bursa Buruh Elektronik (Electronic Labour Exchange, ELX) meningkat dengan ketara pada tahun 2006. Permintaan yang lebih kukuh terhadap pekerja dicatat dalam semua sektor utama, terutama sektor perkilangan (bahagian sebanyak 42%) dalam keadaan jualan di dalam dan luar negeri yang lebih kukuh, pemulihan aktiviti pembinaan dan pembukaan lebih banyak saluran runcit dan saluran perkhidmatan lain. Kebanyakan jawatan pekerjaan yang diiklankan dalam ELX ialah pekerjaan asas (bahagian sebanyak 60%), yang lebih sesuai bagi bukan eksekutif. Bagi pekerjaan berkemahiran tinggi, majikan lebih berminat memanfaatkan kepakaran dan liputan luas agensi pekerjaan swasta dan media cetak. Oleh itu, jumlah kekosongan jawatan yang ada dalam ekonomi berkemungkinan besar jauh lebih tinggi daripada yang dilaporkan oleh ELX.

Bilangan pekerja yang ada juga bertambah sejajar dengan peningkatan terhadap permintaan pekerja pada tahun 2006. Jumlah pencari kerja aktif yang mendaftar dengan Jabatan Tenaga Manusia meningkat sebanyak 16% kepada 84,046 orang. Perkembangan yang ketara ialah kemasukan semula ramai pencari kerja yang telah bekerja dalam pasaran pekerja dengan harapan mendapat pekerjaan yang lebih baik. Kumpulan ini mencakupi 44% daripada pencari kerja yang berdaftar dan ini menunjukkan prospek pasaran pekerja yang lebih optimistik. Sementara itu, siswazah (lulusan diploma dan ijazah) mencakupi hampir 48% daripada jumlah pencari kerja aktif, dengan 45% daripada kumpulan ini mempunyai sedikit pengalaman bekerja. Pencari kerja ini terutamanya adalah siswazah bidang ICT, Pengurusan Perdagangan dan Perniagaan, Kejuruteraan Elektrik dan Mekanikal, dan Perakaunan.

Meskipun ekonomi ternyata lebih baik, **tekanan upah** secara relatif lemah disebabkan sebahagiannya oleh kehadiran bilangan besar siswazah yang menganggur dan ketersediaan pekerja pehijrah. Kaji Selidik Gaji dan Kemudahan Sampingan yang dilakukan oleh Persekutuan Majikan Malaysia menunjukkan kenaikan gaji purata sektor swasta ialah 5.8%, sama seperti tahun sebelumnya. Secara umum, kakitangan eksekutif menerima kenaikan gaji yang lebih tinggi berbanding dengan kakitangan bukan eksekutif. Dari segi sektor, pekerja dalam sektor perkilangan mendapat manfaat daripada kadar pertumbuhan aktiviti perkilangan yang mantap pada tahun itu. Purata kenaikan gaji dalam sektor perkilangan ialah 6%, yakni lebih tinggi daripada sektor bukan perkilangan (5.5%). Kaji Selidik Keadaan Gaji, Manfaat dan Guna Tenaga dalam sektor perkilangan yang dijalankan oleh Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia juga menunjukkan bahawa purata kenaikan gaji yang dibayar kepada pekerja ialah 6% (2005: 6.3%).

Rajah 1.36
Trend Produktiviti



Sumber: Bank Negara Malaysia
Jabatan Perangkaan, Malaysia

Rajah 1.37
Kos Upah dalam Sektor Perkilangan



Sumber: Bank Negara Malaysia
Jabatan Perangkaan, Malaysia

Produktiviti pekerja, seperti yang diukur oleh nilai ditambah benar bagi setiap pekerja meningkat dengan ketara kepada 3.5% (2005: 1.2%), dirangsang oleh peningkatan produktiviti yang lebih tinggi dalam sektor pertanian, perkilangan dan perkhidmatan. Peningkatan produktiviti yang lebih baik adalah hasil daripada penggunaan modal yang meningkat dan penambahbaikan proses perniagaan, serta nilai keluaran dan perkhidmatan yang lebih tinggi. Anggaran Bank Negara Malaysia menunjukkan produktiviti faktor menyeluruh mencatat peningkatan sebanyak 2.3% (2005: 2.1%), menandakan produktiviti lebih baik ekoran penambahbaikan dalam penggunaan input faktor menerusi kemajuan teknologi dan penambahbaikan kecekapan secara keseluruhan. Sektor pertanian mendapat manfaat daripada keadaan cuaca yang baik, yang mendatangkan hasil yang tinggi, dan juga daripada amalan pertanian yang bertambah baik dan peningkatan penjenteraan. Data daripada Kaji Selidik Perkilangan Bulanan yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan jualan barangan perkilangan berkembang 11.1% dalam sebutan nominal pada tahun 2006. Walau bagaimanapun, nilai jualan benar bagi setiap pekerja mencatat kemerosotan kecil, iaitu sebanyak 0.2% disebabkan jumlah pekerja dan inflasi meningkat pada kadar yang lebih pantas (masing-masing 7.3% dan 3.6%) berbanding dengan tahun sebelumnya (masing-masing 3.9% dan 3%).

Berlatarkan keadaan ekonomi antarabangsa yang menggalakkan dan peningkatan tenaga kerja yang kian mudah berpindah tempat kerja, persaingan bagi mendapatkan pekerja mahir dan berkebolehan semakin sengit. Pekerja yang lengkap dengan kepakaran teknikal dan pengurusan kini dianggap penting bagi mana-mana negara yang berusaha untuk menjadi kompetitif, mempertingkatkan produktiviti dan meningkatkan nilai ditambah. Persaingan untuk mendapatkan tenaga mahir paling sengit dalam industri perkilangan berteknologi tinggi, tetapi keadaan itu semakin menular ke industri perkhidmatan. Dalam hal ini, Malaysia tidak bersendirian menghadap masalah **kekurangan tenaga mahir**, malahan di negara-negara maju dan negara-negara yang pesat berkembang seperti India dan RR China[3] , kekurangan tenaga mahir sedang pantas muncul sebagai isu perniagaan yang penting. Di Malaysia, pengumuman Rancangan Malaysia Kesembilan baru-baru ini, yang merupakan rangka tindakan pembangunan meliputi tempoh 2006-2010, telah mengenal pasti pembangunan modal insan sebagai teras yang kedua daripada lima teras utama yang memerlukan perhatian segera. Khususnya, teras kedua Rancangan itu adalah untuk meningkat kapasiti negara bagi pengetahuan dan inovasi. Program yang akan dijalankan termasuk penambahbaikan yang komprehensif dalam sistem pendidikan, merangkumi prasekolah hingga institusi pengajian tinggi dan vokasional; peningkatan akses kepada sistem pendidikan; pewujudan lebih banyak saluran untuk pembangunan kemahiran, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat; dan menggalakkan inovasi dengan memupuk

[3] Di Britain, kekurangan pemohon kerja yang mempunyai kemahiran yang betul menyebabkan empat daripada 10 majikan menghadapi kesukaran dalam mengisi kekosongan jawatan siswazah (Association of Graduate Recruiters, 2006). Kaji selidik yang dijalankan oleh Deloitte Consulting pada tahun 2005 menunjukkan lebih daripada 80% daripada pengilang Amerika mengalami kekurangan pekerja yang berkelayakan keseluruhannya yang merentas kumpulan industri. Kajian oleh Kumpulan McKinsey menunjukkan Bangalore, di India telah pun mengalami kenaikan upah dan jumlah pusing ganti dalam kalangan jurutera IT, manakala di RR China, syarikat dijangka menghadapi kesukaran mendapatkan bilangan pekerja sesuai yang mencukupi bagi pekerjaan dalam sektor perkhidmatan pengurusan yang utama.

kemampuan penyelidikan dan saintifik yang berkualiti tinggi. Pada umumnya, Rancangan itu menekankan keperluan untuk mengembangkan kelompok pekerja peribumi yang mempunyai kemahiran yang sesuai untuk memacu perubahan ke arah ekonomi berasaskan ilmu.

Masalah kekurangan kemahiran amat ketara berdasarkan jumlah besar bilangan siswazah yang menganggur di Malaysia. Data terkini Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan terdapat 66,900 siswazah peringkat diploma dan ijazah yang menganggur pada akhir bulan September 2006, yang bersamaan dengan kira-kira 4% daripada tenaga kerja siswazah atau 20% daripada jumlah pekerja yang menganggur. Antara faktor utama yang dinyatakan sebagai halangan utama bagi mendapatkan pekerjaan termasuk kekurangan pengalaman bekerja (kira-kira 45% daripada siswazah menganggur tidak mempunyai pengalaman bekerja), kekurangan kemahiran berkomunikasi dan IT, dan mempunyai kelulusan dalam bidang pengajian yang kurang permintaan. Berdasarkan maklumat ini, Kerajaan telah membentuk Jawatankuasa Kabinet untuk menangani isu ini.

Langkah-langkah jangka pendek segera termasuk melatih semula siswazah menganggur, menyerap siswazah yang layak ke dalam jawatan kosong dalam perkhidmatan awam, dan membantu kemasukan siswazah ke dalam program keusahawanan. Pada tahun 2006, sebanyak 8,510 siswazah menganggur menjalani Skim Latihan Graduan Ketiga (2005: 7,992) dengan mengambil pelbagai kursus seperti Bahasa Inggeris (45%), Program Pembangunan Eksekutif (22%), dan penerbitan laman web dan pembangunan aplikasi (9%). Sehingga kini, program latihan ini berjaya dalam melatih semula siswazah dan melengkapkan mereka dengan kemahiran yang sesuai kerana kira-kira 61% daripada mereka berjaya mendapat pekerjaan apabila kursus selesai. Di samping itu, terdapat peningkatan pembabitan sektor korporat, terutamanya syarikat berkaitan Kerajaan dan syarikat lain untuk melatih siswazah menganggur.

Dalam sektor awam, halangan yang menangguhkan pengisian lebih daripada 70,000 jawatan kosong (30,000 merupakan jawatan pada peringkat siswazah) sedang ditangani. Data terkini menunjukkan kira-kira 24,378 siswazah menganggur adalah layak diambil untuk menyandang jawatan pengurusan dan profesional dalam sektor Kerajaan.

Pada masa yang sama, terdapat rancangan untuk meningkatkan kerjasama antara industri dengan universiti serta membaharui beberapa bahagian kurikulum akademik bagi memastikan kursus pengajian sesuai dengan kehendak pasaran. Rangka Tindakan Pendidikan baru-baru ini memberi lebih penekanan pada teknologi, sains, matematik, kemahiran berbahasa dan ICT untuk memastikan kelompok tenaga kerja yang berkemahiran dan cekap pada masa depan. Sementara itu, universiti awam baru-baru ini memperkenalkan "modul kemahiran diri" pada tahun 2007 dan modul ini merangkumi komunikasi; pemikiran kritis dan penyelesaian masalah; kerja berpasukan; kepimpinan; keusahawanan; pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat; dan etika dan norma kesusilaan profesional.

Majikan juga cepat melaksanakan langkah untuk menambah baik strategi modal insan dan menangani jurang kemahiran. Pada umumnya, pendekatan yang diambil boleh dikategorikan kepada tiga bahagian: perekrutan berfokus; pengurusan aset modal insan dalaman yang lebih baik; dan bekerjasama dengan sekolah, kolej dan universiti untuk menambah baik aspek kurikulum. Perekrutan berfokus memastikan bakat dan kemahiran yang betul dikenal pasti dan diperoleh pada peringkat awal. Bagi kemahiran yang sukar diperoleh dalam pasaran pekerja dalam negeri, syarikat memasuki pasaran pekerja antarabangsa dan merekrut ahli profesional asing. Ini dapat dilihat melalui kumpulan ekspatriat yang pelbagai, yang kini terlibat dalam pelbagai industri seperti perkilangan, minyak dan gas, pembinaan, pengangkutan dan komunikasi, IT, perdagangan edaran dan pendidikan.

Di samping itu, syarikat juga memberi lebih penekanan pada latihan dan pembangunan kerjaya untuk memenuhi perubahan sikap tentang kerjaya dan kepuasan bekerja, selain

faedah kewangan. Di samping menggunakan pendekatan "membeli bakat dalam pasaran", falsafah "membangunkan tenaga kerja mahir dari dalam" mula mendapat perhatian seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan bahagian pelaburan syarikat dalam latihan dan pembangunan kerjaya. Dalam hal ini, Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) terus memainkan peranan penting dalam menggalakkan latihan kakitangan oleh majikan. Pada tahun 2006, bantuan kewangan yang diluluskan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) untuk latihan meningkat 20% kepada RM289.2 juta. Tidak termasuk kursus yang diadakan di luar negeri, pembayaran balik bagi kesemua kursus lain yang digalakkan, dinaikkan untuk mencakup keseluruhan levi. Pada tahun 2006, program latihan popular yang diluluskan oleh PSMB termasuk kursus teknikal dan kursus berkaitan dengan kualiti (30%), penyeliaan dan pengurusan (16%), komputer (13%), dan keselamatan dan kesihatan (8%).

Rajah 1.38
KWPSM: Bilangan Tempat Latihan yang Diluluskan



Sumber: Pembangunan Sumber Manusia Berhad

SEKTOR LUAR NEGERI

Imbangan Pembayaran

Kedudukan sektor luar negeri Malaysia kekal kukuh pada tahun 2006. Berikutan lebihan

Jadual 1.15
Imbangan Pembayaran

Butiran	2005			2006*a*		
	+	-	Bersih	+	-	Bersih
	RM bilion					
Barangan	537.0	411.4	125.6	589.6	454.6	135.0
Akaun perdagangan	*533.8*	*434.0*	*99.8*	*589.0*	*480.8*	*108.2*
Perkhidmatan	74.1	83.1	-9.0	78.0	85.3	-7.4
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**611.1**	**494.5**	**116.6**	**667.6**	**539.9**	**127.7**
Pendapatan	20.3	44.3	-23.9	30.5	50.3	-19.8
Pindahan semasa	1.1	18.1	-17.0	1.1	17.7	-16.6
Imbangan akaun semasa	**632.6**	**556.9**	**75.7**	**699.1**	**607.9**	**91.2**
% daripada KNK			**16.1**			**17.3**
Akaun modal			-			-
Akaun kewangan			-37.0			-39.9
Pelaburan langsung			3.8			4.3
Pelaburan portfolio			-14.2			14.7
Pelaburan lain			-26.6			-59.0
Imbangan akaun modal dan kewangan			**-37.0**			**-39.9**
Kesilapan dan ketinggalan			-25.1			-26.0
antaranya:						
Penambahan (+) atau pengurangan (-) nilai rizab hasil daripada penilaian semula pertukaran asing			*-15.5*			*-6.9*
Imbangan keseluruhan			**13.6**			**25.3**
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih			**265.1**			**290.4**
Nilai dalam USD bilion			**70.2**			**82.5**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

akaun semasa yang lebih besar, **imbangan pembayaran keseluruhan** mencatat lebihan yang lebih tinggi. Lebihan akaun semasa yang besar mencerminkan lebihan dagangan yang kukuh, ekoran pengembangan berterusan dalam eksport barangan perkilangan dan komoditi, serta penambahbaikan akaun perkhidmatan dan pendapatan. Defisit yang dicatat dalam akaun perkhidmatan lebih rendah disebabkan terutamanya oleh perolehan yang lebih tinggi daripada sektor pelancongan. Peningkatan keuntungan dan dividen yang terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri menyumbang kepada defisit akaun pendapatan yang lebih rendah. Dalam akaun kewangan, terdapat aliran masuk pelaburan langsung dan portfolio yang ketara ke Malaysia. Walau bagaimanapun, pelaburan langsung di luar negeri yang lebih tinggi oleh syarikat Malaysia serta aliran keluar pelaburan lain, yang mencerminkan pembayaran balik bersih pinjaman luar negeri yang lebih tinggi oleh sektor awam dan penempatan aset di luar negeri yang lebih tinggi oleh bank-bank, lebih daripada mengimbangi aliran masuk bersih ini. Selepas mengambil kira kesilapan dan ketinggalan, termasuk pengurangan nilai rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia hasil daripada penilaian semula pertukaran asing disebabkan pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang utama, rizab antarabangsa bersih meningkat RM25.3 bilion kepada RM290.4 bilion (atau USD82.5 bilion) pada 31 Disember 2006. Pada 28 Februari 2007, rizab berjumlah RM305.9 bilion (atau USD86.9 bilion). Paras rizab ini memadai untuk membiayai 8.2 bulan import tertangguh dan ialah sembilan kali hutang luar negeri jangka pendek.

Akaun Semasa

Pada tahun 2006, **akaun semasa** mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM91.2 bilion, bersamaan dengan 17.3% daripada KNK (2005: RM75.7 bilion atau 16.1% daripada KNK), disebabkan lebihan dagangan yang besar dan penambahbaikan dalam akaun perkhidmatan dan pendapatan. Pengembangan dalam eksport kasar disokong oleh pertumbuhan yang berterusan dalam eksport barangan perkilangan dan komoditi. Aliran masuk perolehan pelancongan yang lebih besar dan peningkatan dalam komisen yang diterima daripada pemerolehan barangan untuk jualan semula kepada bukan pemastautin, menyumbang kepada defisit akaun perkhidmatan yang lebih rendah. Akaun pendapatan yang bertambah baik mencerminkan keuntungan dan dividen yang lebih besar terakru kepada syarikat Malaysia daripada pelaburan luar negeri mereka dan pulangan yang lebih tinggi daripada rizab luar negeri.

Rajah 1.39
Akaun Semasa



a Anggaran

Kedudukan sektor luar negeri Malaysia kekal kukuh. Lebihan akaun semasa yang lebih besar dipacu terutamanya oleh lebihan dagangan yang lebih kukuh, mencerminkan pengembangan eksport barangan perkilangan dan komoditi

Sejajar dengan persekitaran luar negeri yang lebih baik, pertumbuhan **eksport kasar** kekal pada kadar dua angka sebanyak 10.3% pada tahun 2006. Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan kukuh yang berterusan terhadap komoditi utama, serta pengembangan yang mampan dalam eksport barangan perkilangan.

Pengembangan dalam eksport **barangan perkilangan** disebabkan prestasi yang kukuh dalam industri berasaskan sumber terpilih, serta

Jadual 1.16
Eksport Kasar

	2005	2006*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Eksport kasar	**10.9**	**10.3**
Perkilangan	**10.0**	**10.1**
antaranya:		
Elektronik dan barangan elektrik	*9.9*	*6.4*
Bahan kimia and keluaran kimia	*6.8*	*10.7*
Keluaran logam	*7.4*	*33.0*
Keluaran petroleum	*24.7*	*27.2*
Pertanian	**0.6**	**12.5**
antaranya:		
Minyak kelapa sawit	*-8.7*	*13.7*
Getah	*11.2*	*42.3*
Mineral	**26.4**	**8.6**
antaranya:		
Minyak mentah dan kondensat	*32.6*	*8.1*
Gas asli cecair	*21.0*	*12.0*

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

pertumbuhan yang berterusan dalam eksport **keluaran elektronik dan elektrik (E&E)**. Kitaran elektronik global yang menaik menyebabkan peningkatan penghantaran komputer dan komponen serta separa konduktor yang lebih tinggi terutamanya pada separuh tahun pertama. Permintaan terhadap separa konduktor juga didorong oleh pengenalan mikroprosesor baru pada tahun 2006. Eksport kelengkapan telekomunikasi juga menyaksikan peningkatan yang ketara, ekoran pengembangan kapasiti oleh pengeluar utama berikutan permintaan global yang kukuh. Kesan positif daripada peningkatan jumlah eksport keluaran elektronik dan elektrik diimbangi sebahagiannya oleh kejatuhan harga eksport keluaran terpilih berikutan persaingan sengit dalam kalangan pengeluar global utama.

Eksport **industri berasaskan sumber**, khususnya keluaran kayu, petroleum dan getah serta bahan kimia mempamerkan prestasi kukuh pada tahun 2006. Pertumbuhan ini disokong oleh harga yang lebih tinggi bagi keluaran mereka serta permintaan yang kukuh dari negara serantau.

Rajah 1.40
Prestasi Eksport Industri Elektronik dan Bukan Elektronik



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Produk yang berkaitan dengan sektor pembinaan, iaitu keluaran logam dan mineral bukan logam, juga menyaksikan peningkatan eksport yang ketara pada tahun itu. Perolehan yang lebih tinggi ini disebabkan sebahagiannya oleh kenaikan harga keluli global, dan sebahagiannya pula disebabkan permintaan yang kukuh terhadap paip dan kaca sebagai input pengantara bagi industri di negara serantau. Di samping itu, keluaran terkini seperti struktur terapung bagi industri minyak dan gas terus mendorong peningkatan yang pesat dalam segmen kelengkapan pengangkutan. Sementara itu, eksport perabot dan barangan perabot juga disokong oleh permintaan yang menggalakkan dari AS, Jepun dan Australia.

Eksport **komoditi utama** terus berkembang pada kadar dua angka disebabkan oleh harga yang lebih tinggi, manakala jumlah eksport merosot 2.4%. Eksport komoditi utama sejak beberapa tahun lalu menjadi sumber penting perolehan pertukaran asing negara, dengan mengambil manfaat terutamanya daripada harga komoditi yang kukuh dan permintaan yang lebih tinggi daripada pasaran sedang pesat membangun di rantau ini. Nilai komoditi eksport telah meningkat sekali ganda sejak enam tahun lepas kepada kira-kira RM99 bilion dan bahagiannya daripada jumlah eksport meningkat kepada hampir 16.8% (2000: 13.3%).

Perolehan eksport daripada **pertanian** meningkat 12.5% pada tahun 2006, didorong terutamanya oleh peningkatan eksport minyak

sawit dan getah. Eksport minyak sawit pulih daripada kemerosotan pada tahun 2005 untuk mencatat pertumbuhan yang positif sebanyak 13.7%, disebabkan harga dan jumlah eksport yang lebih tinggi. Perkembangan positif ini berikutan pempelbagaian penggunaan minyak sawit daripada minyak sayuran hingga penggunaan bukan makanan, khususnya dalam pengeluaran biodiesel, yang mendorong peningkatan kukuh dalam eksport ke Kesatuan Eropah. Sementara itu, eksport minyak sawit ke pasaran AS terus menunjukkan prestasi yang kukuh ekoran pengilang makanan menggantikan secara beransur-ansur minyak sayuran lain yang mengandungi asid *trans fatty* dengan minyak sawit. Ini disokong oleh peningkatan yang berterusan dalam permintaan daripada pembeli tradisional, khususnya RR China. Dari segi harga, potensi sentimen permintaan yang positif bagi tujuan biobahan api, perubahan dalam paras stok domestik serta peningkatan harga minyak kacang soya iaitu pengganti terdekat minyak sawit, telah mendorong trend harga untuk meningkat secara beransur-ansur pada sepanjang tahun. Sementara itu, eksport getah juga menyaksikan peningkatan yang ketara pada sepanjang tahun didorong terutamanya oleh harga yang lebih tinggi berikutan stok global yang rendah berikutan kekangan bekalan di rantau pengeluar utama, peningkatan permintaan dari RR China serta peningkatan dalam harga getah tiruan sejajar dengan kenaikan harga minyak mentah.

Eksport **mineral** juga berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 8.6% pada tahun 2006 selepas mengalami prestasi yang kukuh selama tiga tahun berturut-turut. Pertumbuhan ini disebabkan jumlah eksport yang lebih rendah bagi minyak mentah dan LNG selaras dengan pengeluaran yang lebih rendah pada tahun 2006. Prestasi eksport juga dipengaruhi oleh harga tenaga yang semakin sederhana menjelang separuh tahun kedua. Beberapa faktor utama yang mempengaruhi trend harga itu termasuk peningkatan dalam inventori di AS serta permintaan yang lebih lemah berikutan musim sejuk yang tidak sesejuk seperti yang dijangkakan di negara perindustrian utama.

Import kasar berkembang 10.8% (2005: 8.6%). **Import barangan pengantara**, yang merupakan komponen utama pertumbuhan import, berkembang 8.8%. Permintaan global terhadap keluaran E&E menyokong permintaan terhadap komponen diimport, terutamanya alat ganti dan aksesori bagi keluaran elektronik

Jadual 1.17
Import mengikut Penggunaan Akhir

	2005	2006*a*
	Perubahan tahunan (%)	Perubahan tahunan (%)
Barangan modal	**9 .5**	**7.4**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	11.5	5.4
Alat kelengkapan pengangkutan perusahaan	-4.5	23.5
Barangan pengantara	**7.1**	**8.8**
Makanan dan minuman, terutamanya untuk industri	-4.9	24.9
Bekalan perindustrian, t.s.t.l.	7.4	11.1
Bahan api dan pelincir	42.6	25.7
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali kelengkapan pengangkutan)	1.9	5.1
Barangan penggunaan	**7.5**	**13.4**
Makanan dan minuman, terutamanya untuk penggunaan isi rumah	4.1	4.8
Barangan pengguna, t.s.t.l.	10.0	18.8
Eksport semula	**26.1**	**50.6**
Import kasar	**8.6**	**10.8**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
t.s.t.l. Tidak disenarai di tempat lain
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

dan telekomunikasi. Komponen ini diperoleh terutamanya dari RR China, Korea dan Thailand. Import bekalan perindustrian, seperti bahan kimia yang digunakan oleh industri E&E, meningkat. Perbelanjaan pengguna yang mampan mendorong peningkatan import bagi bahan utama dan diproses yang digunakan oleh industri makanan dan minuman. Sementara itu, peningkatan import bahan api dan pelincir mencerminkan terutamanya harga minyak yang lebih tinggi.

Sejajar dengan sentimen perniagaan yang kukuh dan peningkatan dalam aktiviti pelaburan, import **barangan modal** meningkat 7.4%. Pelaburan dalam jentera dan kelengkapan dalam bidang seperti biodiesel, logam dan industri elektrik dan elektronik bernilai tinggi meningkatkan import jentera, peralatan logam serta penjana kuasa, turbin dan motor elektrik bagi penjanaan kuasa. Peningkatan aktiviti penerokaan dan pembangunan dalam industri minyak dan gas mendorong import kelengkapan pembinaan dan perlombongan yang lebih tinggi. Yang paling ketara, import kapal, kapal sokongan luar pesisir dan pesawat udara, didorong oleh permintaan luar negeri yang kukuh terhadap eksport komoditi, penerokaan minyak dan gas serta pengembangan dalam sektor pelancongan serantau, ekoran permintaan tinggi yang dijana oleh ketersediaan perkhidmatan penerbangan udara tambang murah.

Sejajar dengan perbelanjaan pengguna swasta dan keyakinan pengguna yang mampan, import **barangan penggunaan** meningkat 13.4%. Pertumbuhan import barangan penggunaan mencerminkan terutamanya import yang lebih tinggi barangan separa tahan lama, khususnya pakaian dan kasut serta barangan tidak tahan lama, seperti ubat-ubatan, sabun dan kosmetik. Pertumbuhan lebih tinggi juga dicatat bagi import makanan dan minuman.

Satu perkembangan yang ketara ialah pertumbuhan yang mantap sebanyak 50.6% dalam **import barangan untuk dieksport semula,** disebabkan terutamanya daripada aktiviti yang dijalankan di zon perdagangan bebas di pelabuhan dan lapangan terbang. Aktiviti ini termasuk perdagangan, pemecahan pukal, penggredan, pembungkusan semula, pelabelan semula, transit dan logistik. Barangan import ini kebanyakannya dieksport semula ke Singapura, AS, Thailand, RR China dan Hong Kong SAR. Mesin pejabat dan kelengkapan pemprosesan data automatik, jentera dan alat ganti elektrik dan kelengkapan telekomunikasi mencakupi kira-kira separuh daripada jumlah barangan import untuk dieksport semula. Aktiviti penerokaan dalam industri minyak dan gas juga menyumbang kepada pertumbuhan ini kerana paip besi dan keluli diimport, disalut untuk mengelakkan kakisan, dan kemudiannya dieksport semula.

Hubungan ekonomi yang lebih baik dan langkah-langkah yang diambil untuk mempelbagaikan pasaran ke negara bukan tradisional yang lain telah membawa perubahan dalam pola perdagangan. Seterusnya, indeks kepelbagaian eksport dan import yang diukur oleh indeks Herfindahl-Hirschmann yang dinormalkan meningkat masing-masing kepada 0.14 dan 0.13 pada tahun 2006 (2000: masing-masing 0.18 dan 0.18). Perdagangan Malaysia dengan rakan dagangan utama, iaitu AS, Singapura, Jepun dan Kesatuan Eropah (EU), merosot kepada 52.6% (2000: 64.3%) daripada jumlah perdagangan. Sebaliknya, perdagangan dengan RR China, Korea, India dan Australia mencatat trend menaik dan mencakupi bahagian pasaran yang lebih besar.

Rajah 1.41
Indeks Kepelbagaian Eksport Dan Import



Indeks kepelbagaian eksport dan import ialah Indeks Herfindahl-Hirschmann yang telah diubahsuaikan. Ia telah dinormalkan untuk mendapatkan indeks dalam lingkungan 0 hingga 1. Indeks yang lebih rendah menunjukkan tahap kepelbagaian yang lebih tinggi.

AS terus menjadi rakan dagangan terbesar Malaysia. Walaupun begitu, bahagian perdagangan Malaysia dengan AS merosot kepada 16% daripada jumlah perdagangan pada tahun 2006 daripada 18.7% pada tahun 2000. **Singapura** kekal sebagai rakan perdagangan kedua terbesar Malaysia dengan perdagangan terutamanya dalam keluaran E&E, keluaran berkaitan dengan petroleum, pembuatan keluaran logam dan keluaran kimia. Sementara itu, **Jepun** mengekalkan kedudukannya sebagai rakan perdagangan ketiga terbesar dengan pertumbuhan eksport yang bertambah kukuh, disokong oleh eksport gas asli cecair (LNG). Perjanjian Perkongsian Ekonomi Jepun-Malaysia telah memacu pertumbuhan eksport minyak sawit yang telah mendapat akses keutamaan di bawah Perjanjian ini. Jepun kekal sebagai sumber import Malaysia yang paling penting walaupun bahagian pasarannya merosot, mencerminkan pempelbagaian yang semakin berkembang dalam sumber import.

Aktiviti ekonomi yang lebih kukuh di **EU** serta peningkatan perniagaan dan keyakinan pengguna menyebabkan perdagangan dengan EU bertambah kukuh dan mencakupi bahagian pasaran yang lebih tinggi. Rakan dagangan utama dalam kalangan kumpulan ialah Jerman, Belanda dan United Kingdom (UK) yang kesemuanya mencakupi lebih daripada separuh perdagangan Malaysia dengan EU. Lebihan perdagangan yang menyebelahi Malaysia meningkat dengan ketara kepada RM20.3 bilion, disebabkan lebihan perdagangan dengan Belanda, UK, Sepanyol dan Finland.

Perdagangan dengan **Asia Timur Laut** (tidak termasuk Jepun) berkembang, disokong terutamanya oleh pertumbuhan dalam komponen diimport dari RR China dan Korea. Oleh itu, RR China muncul sebagai sumber import yang ketiga terbesar, yang terdiri terutamanya daripada import barangan pengantara bagi sektor E&E. Eksport ke RR China berkembang sebanyak 21.1%, disebabkan pertumbuhan ekonomi China yang utuh dan permintaan terhadap komoditi yang lebih tinggi. Import yang lebih tinggi dari Korea disokong oleh import litar bersepadu, mesin dan

Jadual 1.18
Haluan Perdagangan Luar Negeri

	2006*a*				
	Eksport		Import		Imbangan perdagangan
	RM bilion	Perubahan tahunan (%)	RM bilion	Perubahan tahunan (%)	RM bilion
Jumlah	**589.0**	**10.3**	**480.8**	**10.8**	**108.2**
antaranya:					
Amerika Syarikat	**110.6**	**5.3**	**60.2**	**7.7**	**50.4**
Kesatuan Eropah (EU)	**74.9**	**19.7**	**54.6**	**8.2**	**20.3**
Negara ASEAN tertentu[1]	**152.5**	**10.7**	**116.7**	**9.7**	**35.8**
Negara-negara Timur Laut Asia tertentu	**109.1**	**10.0**	**123.0**	**15.8**	**-13.8**
Republik Rakyat China	*42.7*	*21.1*	*58.2*	*16.7*	*-15.6*
Hong Kong SAR	*29.1*	*-6.6*	*12.7*	*17.2*	*16.5*
China Taipei	*16.0*	*8.3*	*26.2*	*9.4*	*-10.2*
Korea	*21.3*	*18.6*	*25.9*	*19.9*	*-4.6*
Asia Barat	**16.0**	**21.5**	**20.0**	**42.6**	**-3.9**
Jepun	**52.2**	**4.6**	**63.6**	**0.9**	**-11.4**
India	**18.8**	**25.5**	**4.9**	**17.3**	**13.9**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.42
Destinasi Eksport (% bahagian)



[1] Negara ASEAN terpilih tidak termasuk Singapura
[2] Hong Kong SAR, Korea dan China Taipei

alat ganti pejabat, serta kapal. Eksport ke Korea bertambah 18.6%, mencerminkan sebahagiannya permintaan yang lebih tinggi terhadap LNG, yang mencakupi kira-kira satu perempat daripada eksport.

Perdagangan dengan **India** meningkat pada kadar yang pesat, dipacu oleh prestasi pelaburan yang kukuh. Eksport terdiri daripada petroleum mentah, keluaran E&E dan bahan kimia, sementara import merangkumi bahan kimia, bahan makanan dan jentera elektrik. Lebihan perdagangan meningkat kepada RM13.9 bilion. Perdagangan dengan Asia Barat terus meningkat. Sejak tahun 2005, imbangan perdagangan telah berubah untuk menyebelahi **Asia Barat** apabila minyak mentah berat diimport untuk pasaran domestik sementara kira-kira separuh daripada minyak mentah "light" Malaysia, yang mendapat harga yang tinggi di pasaran antarabangsa, dieksport. Eksport ke Asia Barat yang kukuh mencerminkan terutamanya eksport jentera elektrik, komputer dan komponen komputer, minyak sawit, serta besi dan keluli. Aktiviti promosi dan pemasaran bagi makanan halal menghasilkan peningkatan eksport makanan yang diproses, minuman, sabun dan kosmetik ke Asia Barat. Emiriyah Arab Bersatu, Arab Saudi dan Iran merupakan rakan dagangan utama di rantau ini.

Pengembangan industri perkhidmatan diperlihatkan dalam penambahbaikan defisit perkhidmatan yang progresif dalam imbangan pembayaran. Dari segi KNK, defisit **akaun perkhidmatan** menurun kepada 2.3% daripada KNK dalam tempoh 2001-2006 daripada 3.9% dalam tempoh 1990-2000. Penurunan defisit ini disokong terutamanya oleh peningkatan yang ketara dalam perolehan pelancongan dan sedikit sebanyak peningkatan dalam komisen yang diperoleh melalui aktiviti

Defisit akaun perkhidmatan menurun, disokong oleh perolehan pelancongan dan komisen yang diperoleh melalui aktiviti perdagangan antarabangsa. Peningkatan keuntungan dan dividen yang terakru kepada syarikat-syarikat Malaysia daripada pelaburan mereka di luar negeri mendorong penambahbaikan akaun pendapatan

Jadual 1.19
Akaun Perkhidmatan dan Pendapatan

	2005	2006*a*		
	RM bilion			
	Bersih	+	-	Bersih
Akaun Perkhidmatan	**-9.0**	**78.0**	**85.3**	**-7.4**
% daripada KNK	*-1.9*			*-1.4*
Pengangkutan	-16.4	16.3	34.9	-18.6
Perjalanan	19.4	35.3	13.7	21.6
Perkhidmatan lain	-11.7	26.0	35.8	-9.9
Urusniaga Kerajaan t.d.t.l.	-0.4	0.4	0.8	-0.4
Akaun Pendapatan	**-23.9**	**30.5**	**50.3**	**-19.8**
% daripada KNK	*-5.1*			*-3.8*
Pampasan pekerja	-0.5	4.8	5.2	-0.3
Pendapatan pelaburan	-23.4	25.6	45.1	-19.5

Nota: Angka-angka tidak semestinyav terjumlah disebabkan oleh penggenapan
t.d.t.l. Tidak dicatat di tempat lain
a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

perdagangan antarabangsa serta eksport perkhidmatan komputer dan maklumat. Dasar untuk mempromosi pelancongan dan usaha untuk membangunkan sektor ini mendorong peningkatan lebih daripada tiga kali ganda dalam perolehan sektor pelancongan sejak tahun 2001 (2001-2006: purata RM27.7 bilion; 1990-2000: purata RM8.6 bilion) dan menghasilkan lebihan yang lebih besar dalam akaun perjalanan. Sejajar dengan pengembangan dalam perdagangan dan penyertaan aktif pedagang Malaysia dalam pasaran antarabangsa, komisen yang diperoleh daripada pemerolehan barangan di luar negeri bagi tujuan jualan semula kepada bukan pemastautin juga telah meningkat. Dasar untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga untuk proses perniagaan, serta penubuhan Koridor Raya Multimedia (Multimedia Super Corridor, MSC) dan kehadiran syarikat IT milik asing yang besar, mendorong pertumbuhan dalam eksport perkhidmatan komputer dan maklumat. Perolehan daripada perkhidmatan komputer dan maklumat datang terutamanya daripada pembangunan sistem perisian dan perkhidmatan sokongan IT.

Pada tahun 2006, defisit akaun perkhidmatan terus bertambah baik dan mengecil kepada RM7.4 bilion atau 1.4% daripada KNK (2005: -1.9% daripada KNK). Pengembangan perolehan kasar disebabkan terutamanya oleh ketibaan pelancong yang lebih tinggi dan kehadiran ramai pelancong harian bandar sempadan yang berterusan. Ini secara keseluruhannya, menyumbang sebanyak RM34.7 bilion (2005: RM33.1 bilion) dalam perolehan pertukaran asing. Peningkatan perolehan pelancongan mencerminkan pengembangan dalam perjalanan serantau berikutan peningkatan tahap pendapatan di negara serantau, hubungan perkhidmatan udara yang lebih baik dan pelonggaran syarat-syarat untuk mendapatkan visa. Pembukaan terminal pesawat tambang murah, tambang penerbangan yang murah serta pakej percutian menarik yang ditawarkan oleh syarikat penerbangan tambang murah juga turut membantu meningkatkan perjalanan serantau.

Usaha promosi yang lebih banyak melalui kerjasama antara sektor awam dengan sektor swasta dalam sektor pelancongan khusus seperti ekopelancongan, pelancongan sukan dan rekreasi, serta penganjuran mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (meetings, incentives, conventions and exhibitions, MICE) mendorong peningkatan perolehan sektor pelancongan. Meskipun ketibaan pelancong dari Singapura, Thailand dan Indonesia terus mencakupi sebahagian besar daripada ketibaan pelancong, pelawat dari RR China, Korea, India dan pelancong jarak jauh dari AS serta Asia Barat juga meningkat.

Yang paling ketara, segmen pelancongan MICE telah menarik pelawat yang tinggal lama

Rajah 1.43
Ketibaan Pelancong dan Perolehan Pelancongan



Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

dan berbelanja besar. Kewujudan banyak hotel mewah dengan kemudahan pusat konvensyen yang komprehensif memacu pengembangan aktiviti MICE. Tumpuan yang berterusan dalam mempromosi Malaysia sebagai destinasi MICE yang menarik di bawah jenama "Meet and Experience Malaysia Truly Asia" dicerminkan dengan negara dipilih sebagai salah satu daripada sepuluh destinasi MICE yang terbaik di Asia.

Satu lagi faktor penyumbang kepada penurunan defisit akaun perkhidmatan ialah pembayaran bersih yang lebih rendah bagi perkhidmatan lain, khususnya bagi perkhidmatan pembinaan dan komunikasi. Permintaan yang rendah terhadap perkhidmatan pembinaan yang diimport adalah sejajar dengan peningkatan yang sederhana dalam subsektor kejuruteraan awam sementara pengembangan kapasiti yang berterusan dalam kemudahan rangkaian dan jalur lebar menghasilkan eksport perkhidmatan komunikasi yang lebih tinggi.

Sementara itu, komisen yang diperoleh daripada pemerolehan barangan di luar negeri untuk jualan semula kepada bukan pemastautin berkembang kukuh, disebabkan terutamanya oleh perdagangan barangan elektronik dan elektrik, minyak mentah dan keluaran berkaitan dengan petroleum. Sebahagian besar daripada perolehan ini adalah dari Singapura, Afrika Selatan dan AS. Pengembangan dalam penggunaan pihak ketiga untuk perkhidmatan sokongan perniagaan serta perkhidmatan sokongan rangkaian juga menyumbang kepada perolehan eksport yang lebih tinggi dalam perkhidmatan lain.

Pengembangan dalam jumlah perdagangan mengakibatkan pembayaran yang lebih tinggi bagi perkhidmatan pengangkutan meskipun caj tambang muatan adalah lebih rendah disebabkan pengembangan kapasiti oleh syarikat perkapalan. Aliran keluar bersih yang lebih besar mencerminkan pergantungan yang berterusan pada syarikat asing untuk pengangkutan barangan. Perolehan kasar meningkat, disokong oleh perolehan daripada perkhidmatan penumpang, kargo dan sewa khas oleh syarikat perkapalan dan penerbangan domestik. Peningkatan kargo pemunggahan yang dikendalikan oleh pelabuhan-pelabuhan di Malaysia mendorong pertumbuhan dalam perolehan. Kargo pemunggahan datang sebahagian besarnya dari Singapura, Hong Kong SAR, Jepun dan RR China.

Minat yang bertambah di kalangan syarikat Malaysia untuk melabur di luar negeri dalam usaha mempelbagaikan operasi dan memberikan sinergi kepada aktiviti dalam negeri telah membawa hasil yang positif. Ini dicerminkan oleh penurunan defisit **akaun pendapatan,** disebabkan terutamanya oleh keuntungan dan dividen yang ketara lebih tinggi yang terakru kepada syarikat Malaysia daripada pelaburan mereka di luar negeri, khususnya dalam sektor perlombongan, perkilangan dan perkhidmatan kewangan. Sementara itu, keuntungan dan dividen yang terakru kepada pelabur langsung asing meningkat, sejajar dengan prestasi eksport industri berorientasikan eksport yang bertambah baik, khasnya dalam segmen E&E serta sektor minyak dan gas. Keuntungan dan dividen terakru kepada pelabur langsung asing yang terus tinggi mencerminkan kejayaan operasi syarikat multinasional (multinational companies, MNC) di Malaysia. Bagaimanapun, aliran keluar sebenar pendapatan pelaburan adalah lebih rendah disebabkan lebih kurang separuh daripada pendapatan ini dikekalkan dalam negara untuk pelaburan semula. Akaun pendapatan yang bertambah baik juga adalah hasil daripada pulangan yang lebih tinggi dari pegangan rizab luar.

Rajah 1.44
Pendapatan Pelaburan Langsung



a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Akaun Kewangan

Pada tahun 2006, **akaun kewangan** mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar sebanyak RM39.9 bilion berikutan pelaburan luar negeri yang lebih tinggi dan aliran keluar bersih bagi pelaburan lain yang lebih daripada mengimbangi aliran masuk pelaburan langsung asing dan pelaburan portfolio. Lebihan akaun semasa yang lebih besar adalah lebih daripada mencukupi untuk membiayai aliran keluar dalam akaun kewangan.

Aliran masuk FDI dan pelaburan portfolio yang lebih tinggi mencerminkan keyakinan para pelabur yang lebih kukuh terhadap ekonomi Malaysia. Peningkatan daya saing dan minat syarikat Malaysia untuk mempelbagaikan operasi mereka mendorong aliran keluar yang lebih tinggi bagi pelaburan di luar negeri

Pada sepanjang tahun, **pelaburan langsung asing (FDI)** kasar meningkat dengan ketara kepada RM37.2 bilion (2005: RM26.8 bilion), bersamaan dengan 7.1% daripada KNK, disokong terutamanya oleh perolehan tertahan MNC sedia ada untuk pelaburan semula dan peningkatan aktiviti pengambilalihan yang dipacu oleh pelabur asing. Trend ini mencerminkan keyakinan dan komitmen yang berterusan oleh pelabur asing yang beroperasi di Malaysia, dan juga sebagai petunjuk bahawa negara ini kekal menjadi pusat keuntungan bagi MNC global. Selepas mengambil kira pelarasan bagi aliran keluar disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik hutang kepada syarikat induk di luar negeri, aliran masuk FDI bersih adalah lebih tinggi, iaitu sebanyak RM25.9 bilion atau 4.9% daripada KNK.

FDI dalam *sektor perkilangan* kekal tinggi, khususnya bagi pelaburan untuk meningkatkan kapasiti dan mempelbagaikan rangkaian produk,

Rajah 1.45
Akaun Kewangan



a Anggaran

dan bagi perpindahan ke pengeluaran komponen yang lebih intensif modal, bernilai tambah lebih tinggi dan berorientasikan teknologi, sebagaimana yang dilihat daripada nisbah pelaburan modal kepada setiap pekerja yang lebih tinggi bagi pelaburan ini. Pelaburan yang lebih tinggi dalam industri penapisan petroleum dan keluaran yang berkaitan dengan petroleum dibuat untuk menyokong aktiviti huluan yang pesat dalam sektor minyak dan gas di Malaysia.

Sementara itu, FDI dalam *sektor perkhidmatan* terutamanya adalah dalam subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, diikuti oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran serta subsektor pengangkutan dan komunikasi. Liberalisasi sektor kewangan, khususnya subsektor perkhidmatan kewangan Islam, menarik aliran masuk FDI yang ketara. Peningkatan pelaburan ini dicerminkan oleh pembukaan cawangan-cawangan baru dan pengembangan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh institusi kewangan asing di Malaysia, serta pembukaan operasi oleh sebuah lagi bank asing yang diberikan lesen perbankan Islam.

Malaysia terus menjadi destinasi tarikan bagi MNC untuk menjalankan aktiviti perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga (shared services and outsourcing, SSO) mereka. Sepanjang tahun 2006, 184 kemudahan antarabangsa dan serantau, termasuk yang

Jadual 1.20
Imbangan Pembayaran: Akaun Kewangan

	2005	2006*a*
	RM bilion	
Akaun Kewangan	**-37.0**	**-39.9**
Pelaburan Langsung	**3.8**	**4.3**
Di Malaysia	15.0	25.9
Di luar negeri	-11.3	-21.5
Pelaburan Portfolio	**-14.2**	**14.7**
Pelaburan Lain	**-26.6**	**-59.0**
Sektor awam	-3.2	-8.0
Kerajaan Persekutuan	*-0.6*	*-3.1*
PABK	*-2.6*	*-5.0*
Sektor swasta	-23.5	-51.0

Nota: Angka - angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

terlibat dalam aktiviti SSO, dan 38 syarikat milik asing penuh berstatus MSC diberi kelulusan untuk menjalankan operasi di Malaysia. Pembukaan operasi ini akan menggalakkan aktiviti bernilai tambah yang lebih tinggi dan memperkukuh rangkaian hubungan merentas pelbagai segmen dalam sektor perkhidmatan. Sementara itu, pembukaan gedung peruncitan baru di perbandaran yang sedang berkembang disokong oleh penggunaan dalam negeri dan pelancongan yang kukuh. Aliran masuk FDI ke dalam *sektor minyak dan gas* adalah untuk pelaburan dalam aktiviti huluan dan hiliran, disokong oleh harga minyak yang kekal tinggi dan penemuan beberapa medan minyak dan gas laut dalam di luar pantai Sabah dan Terengganu dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Pelaburan dari operasi penerokaan dan cari gali ke aktiviti pengeluaran dan pembangunan ini, dijalankan terutamanya oleh syarikat minyak negara secara usaha sama dengan rakan kongsi antarabangsanya menerusi kontrak perkongsian pengeluaran.

Meskipun FDI kekal penting kepada pembangunan jangka panjang Malaysia dari segi modal, pemindahan teknologi, dan akses kepada pasaran global, Kerajaan juga telah memainkan peranan yang aktif bagi menyokong inisiatif syarikat Malaysia yang menjalankan usaha niaga di luar negeri. Dalam Bajet 2007, Kerajaan telah meluluskan tambahan modal berbayar EXIM Bank untuk meningkatkan pembiayaan yang tersedia kepada syarikat domestik yang melabur di luar negeri, serta penubuhan *Dana Pelaburan Luar Negeri* (OIF) untuk membiayai kos permulaan syarikat domestik yang menjalankan perniagaan di luar negeri. Dalam usaha untuk menggalakkan bank-bank Malaysia berkembang di luar negeri dan mewujudkan kehadiran serantau, Kerajaan mengumumkan pengecualian cukai sehingga lima tahun akan diberikan bagi pendapatan yang diterima daripada cawangan bank baru atau kiriman wang daripada anak syarikat bank di luar negeri. Bank Negara Malaysia juga telah menubuhkan *Dana Pembiayaan Projek Luar Negeri* di EXIM Bank untuk membantu syarikat-syarikat Malaysia yang membida dan memperoleh kontrak di luar negeri dengan menyediakan akses yang lebih luas kepada pembiayaan bagi projek mereka di luar negeri.

Pada tahun 2006, **pelaburan langsung luar negeri** bersih oleh syarikat Malaysia meningkat kepada RM21.5 bilion. Pelaburan luar negeri dalam *sektor perkhidmatan* diterajui oleh syarikat dalam subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Pelaburan ini termasuk pemerolehan kepentingan yang ketara dalam institusi kewangan dan syarikat harta tanah asing. Dalam subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi, pelaburan disalurkan terutamanya untuk memperoleh kepentingan dalam perniagaan telekomunikasi, dan bagi pengembangan operasi sedia ada untuk memenuhi keperluan pengguna telefon mudah alih yang meningkat dalam pasaran yang semakin berkembang seperti India, Indonesia dan Thailand. Syarikat Malaysia juga telah menembusi subsektor utiliti yang sedang berkembang di luar negeri khususnya dalam pasaran yang besar seperti RR China melalui pengambilalihan loji jana kuasa dan pembangunan loji baru. Dalam *sektor minyak dan gas*, syarikat minyak dan gas negara terus menjalankan aktiviti penerokaan dan cari gali minyak dan gas huluan dan aktiviti pemprosesan hiliran, khususnya di Afrika dan Asia Tengah. Aktiviti ini lazimnya dijalankan dengan kerjasama syarikat minyak asing yang besar dan syarikat minyak negara dari negara tuan rumah. Dalam *sektor perkilangan*, pelaburan luar negeri diterajui oleh syarikat dalam industri

elektrik dan elektronik serta industri automotif dan perkapalan. Terdapat juga pelaburan dalam pemprosesan minyak sawit dan pembuatan kaca gentian, perabot dan keluaran getah. Walaupun berskala lebih kecil, pelaburan ini mengambil manfaat daripada kos buruh yang lebih rendah di luar negeri dan bertujuan untuk memberikan sinergi melalui penubuhan rantaian bekalan bersepadu dengan operasi mereka yang sedia ada di Malaysia. Dalam *sektor pertanian*, pelaburan disalurkan terutamanya ke ladang kelapa sawit di Indonesia. Sementara itu, syarikat-syarikat pembinaan dan kejuruteraan Malaysia yang sudah mantap terus melabur di luar negeri, dengan mengambil manfaat kepakaran dan pengalaman mereka dalam kejuruteraan awam dan pembangunan harta tanah untuk memperoleh pelbagai kontrak untuk *pembinaan* projek infrastruktur yang besar, perumahan kediaman dan lebuh raya, khususnya di Timur Tengah dan Asia Selatan. Kejayaan operasi syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri terbukti dengan peningkatan yang ketara dalam keuntungan dan dividen terakru kepada syarikat Malaysia, daripada RM4.1 bilion pada tahun 2005 kepada RM11.7 bilion pada tahun 2006.

Pelaburan portfolio bertukar arah untuk mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM14.7 bilion pada tahun 2006. Pada separuh tahun pertama, aliran masuk dana portfolio terutamanya adalah untuk pembelian sekuriti hutang, khususnya bon dan nota, termasuk bon jangka panjang yang diterbitkan oleh PABK, dan instrumen pasaran wang jangka pendek. Aliran ini didorong oleh keadaan mudah tunai global yang tinggi dan sekuriti Malaysia yang secara relatif menarik. Sementara itu, terdapat aliran keluar bersih bagi dana ekuiti apabila pelabur asing mencairkan saham mereka, khususnya pada suku kedua tahun 2006, berikutan pembetulan pasaran kewangan global pada bulan Mei. Pada separuh tahun kedua, aliran masuk dana portfolio terutamanya adalah bagi pasaran ekuiti. Dana asing meningkatkan pendedahan mereka dalam pasaran ekuiti domestik selari dengan prestasi bursa serantau yang lebih kukuh. Gabungan pelbagai faktor positif menyumbang kepada sentimen pelabur yang lebih baik. Ini termasuk jangkaan perolehan yang lebih kukuh oleh syarikat Malaysia, berita penggabungan dan pengambilalihan yang besar dalam sektor perladangan, perbankan dan pembinaan, prospek makroekonomi yang lebih baik dan pengumuman tentang pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), serta kenaikan nilai ringgit, khususnya pada suku keempat tahun 2006. Sementara itu, terdapat sedikit pencairan pelaburan dalam sekuriti hutang, apabila tekanan inflasi yang sederhana dan jangkaan inflasi yang lebih rendah mempengaruhi trend yang menurun pada kadar hasil. Perkembangan ini, serta kematangan satu bon jangka panjang oleh PABK menyebabkan aliran keluar bersih dana yang dilaburkan dalam sekuriti hutang.

Akaun **pelaburan lain** mencatat aliran keluar bersih yang ketara lebih tinggi sebanyak RM59 bilion pada tahun 2006, mencerminkan terutamanya aliran keluar bersih yang lebih besar oleh sektor rasmi dan swasta. **Sektor rasmi** mencatat pembayaran balik pinjaman bersih yang lebih tinggi berjumlah RM8 bilion. Selain daripada kematangan beberapa pinjaman besar oleh Kerajaan Persekutuan dan PABK pada sepanjang tahun, terdapat juga prabayaran pinjaman luar oleh PABK untuk mengurangkan pendedahan hutang keseluruhan mereka. Pelaburan lain oleh **sektor swasta**, yang merangkumi terutamanya peminjaman dan pemberian pinjaman, serta penempatan dan pengeluaran deposit oleh sektor perbankan, dan urus niaga sektor swasta bukan bank dengan rakan niaga yang tiada hubungan dengan syarikat berkenaan, juga mencatat aliran keluar bersih yang lebih tinggi. Aliran keluar oleh sektor perbankan mencerminkan terutamanya penempatan aset yang lebih tinggi di luar negeri serta pelunasan peminjaman antara bank oleh bank-bank. Sementara itu, aliran keluar yang lebih tinggi oleh sektor swasta bukan bank mencerminkan terutamanya pemberian kredit perdagangan yang lebih tinggi oleh pengeksport Malaysia, dan pembayaran balik kredit perdagangan yang lebih besar oleh pengimport Malaysia sejajar dengan prestasi perdagangan yang lebih kukuh.

Hutang Luar Negeri

Malaysia terus menjalankan strategi pengurusan hutang yang berhemat. Garis panduan berhemat termasuk usaha meminimumkan pendedahan

risiko terhadap kejutan kadar faedah global, pergerakan kadar pertukaran yang merugikan dan perubahan dalam sentimen pelabur. Rasional bagi garis panduan ini ialah untuk membolehkan pempelbagaian peminjaman luar negeri oleh sektor awam dan swasta dari segi mata wang, struktur kematangan, instrumen hutang dan pemiutang, bagi membolehkan pengurusan risiko yang aktif. Sistem pemantauan hutang yang komprehensif membolehkan pihak berkuasa memantau paras hutang keseluruhan, struktur hutang serta obligasi melunaskan hutang oleh sektor awam dan swasta.

Kedudukan hutang luar negeri terus bertambah baik, mencerminkan pembayaran balik hutang bersih oleh Kerajaan Persekutuan dan PABK. Hutang luar negeri jangka pendek kekal kecil dan hanya mencakupi 23% daripada jumlah hutang luar negeri

Pada tahun 2006, jumlah hutang luar negeri Malaysia berkurang kepada RM179.4 bilion (USD50.3 bilion) pada akhir tahun 2006 (akhir tahun 2005: RM197.7 bilion atau USD51.8 bilion), bersamaan dengan 34.1% daripada KNK. Keupayaan negara untuk membayar hutang luar negeri juga telah meningkat. Pada akhir tahun 2006, jumlah hutang luar negeri mencakupi hanya 61.8% daripada rizab antarabangsa (akhir tahun 2005: 74.6%) dan 26.9% daripada eksport barangan dan perkhidmatan (akhir tahun 2005: 32.4%). Begitu juga, keadaan mudah terjejas negara terhadap perubahan pada hutang luar negeri jangka pendek juga menurun kerana hutang jangka pendek kini mencakupi hanya 7.8% daripada KNK (akhir tahun 2005: 10%), 14.2% daripada rizab (akhir tahun 2005: 17.7%) dan 6.2% daripada eksport barangan dan perkhidmatan (akhir tahun 2005: 7.7%). Hutang jangka pendek mencakupi 23% daripada jumlah hutang luar negeri.

Jadual 1.21
Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2005	2006*a*	2005	2006*a*
	RM bilion	RM bilion	USD bilion	USD bilion
Jumlah hutang	**197.7**	**179.4**	**51.8**	**50.3**
Jangka sederhana dan panjang	150.7	138.1	39.5	38.7
Jangka pendek[1]	47.0	41.3	12.3	11.6
% daripada jumlah hutang	*23.7*	*23.0*		
% daripada rizab antarabangsa bersih	*17.7*	*14.2*		
% daripada KNK				
Jumlah hutang	41.9	34.1		
Hutang jangka sederhana dan panjang	32.0	26.2		
% daripada eksport barangan dan perkhidmatan				
Jumlah hutang	32.4	26.9		
Hutang jangka sederhana dan panjang	24.7	20.7		
Nisbah khidmat bayaran hutang (%)	**5.4**	**4.7**		

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia

Kedudukan hutang luar negeri yang lebih baik mencerminkan pengurangan hutang jangka pendek dan hutang jangka sederhana dan panjang. **Sektor awam** mencatat pembayaran

Rajah 1.46
Hutang Luar Negeri Terkumpul



[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin

a Awalan

balik bersih bagi tahun keempat berturut-turut pada tahun 2006 (-RM7.7 bilion; 2005: -RM11 bilion). Pada tahun 2006, **Kerajaan Persekutuan** mengekalkan amalannya untuk mendapatkan keperluan pendanaan terutamanya daripada sumber dalam negeri bukan inflasi. Bagi tahun ketiga berturut-turut, tidak ada pinjaman pasaran diperoleh daripada pasaran modal antarabangsa. Sebaliknya, pembayaran balik pinjaman yang besar dibuat berikutan kematangan dua pinjaman bersindiket berjumlah RM2.9 bilion, yang menyumbang kepada pengurangan hutang Kerajaan Persekutuan bagi tahun ketiga berturut-turut pada tahun 2006. **PABK** mencatat pembayaran balik bersih bagi tahun kelima berturut-turut pada tahun 2006, meskipun membuat peminjaman kasar yang lebih besar untuk membiayai perbelanjaan modal. Pembayaran balik tersebut mencerminkan sebahagian besarnya kematangan beberapa pinjaman yang besar serta prabayaran beberapa pinjaman luar negeri, khususnya oleh syarikat dalam sektor minyak dan gas, untuk mengurangkan pendedahan hutang luar negeri mereka. Pembayaran balik bersih oleh Kerajaan Persekutuan dan PABK menyumbang kepada hutang luar negeri terkumpul yang lebih rendah bagi sektor awam (RM73.3 bilion; akhir tahun 2005: RM86.2 bilion) dan mengurangkan bahagiannya daripada jumlah hutang luar negeri (40.8%; akhir tahun 2005: 43.6%).

Sektor swasta mencatat pengambilan bersih pinjaman luar negeri, berjumlah RM3.4 bilion pada tahun 2006. Peminjaman kasar dan pembayaran balik adalah lebih rendah. Peminjaman kasar yang lebih rendah mencerminkan sebahagiannya peningkatan perolehan korporat dan pertambahan pembiayaan melalui perbankan dan pasaran modal dalam negeri dalam persekitaran kewangan dan kadar faedah yang kompetitif. Sejumlah besar daripada pembayaran balik dibuat oleh syarikat dalam sektor perkilangan, minyak dan gas, dan pengangkutan. Walaupun hutang jangka sederhana dan panjang sektor swasta mencakupi kira-kira 47% daripada jumlah hutang jangka sederhana dan panjang, kira-kira dua pertiga daripada peminjaman ini adalah pinjaman antara syarikat yang mempunyai terma yang fleksibel dan kadar faedah konsesi.

Hutang luar negeri jangka pendek terkumpul yang lebih rendah (RM41.3 bilion; akhir tahun 2005: RM47 bilion), mencerminkan terutamanya penurunan yang ketara hutang jangka pendek bagi sektor perbankan. Pengurangan hutang sektor perbankan adalah disebabkan

Rajah 1.47
Hutang Luar Negeri mengikut Sektor (% bahagian)



a Awalan

terutamanya oleh pelunasan peminjaman antara bank oleh bank-bank. Sementara itu, terdapat peningkatan dalam hutang luar negeri jangka pendek bagi sektor swasta bukan bank, yang terdiri terutamanya pinjaman bertempoh, kredit pusingan dan kemudahan overdraf. Peningkatan ini disebabkan pinjaman antara syarikat yang lebih tinggi. Peminjaman jangka pendek bagi sektor swasta bukan bank mencakupi 30.2% daripada jumlah hutang luar negeri jangka pendek.

Pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang utama memberi kesan positif kepada hutang luar negeri Malaysia. Keuntungan penilaian semula pertukaran asing bernilai RM8 bilion yang diperoleh daripada naik nilai ringgit berbanding mata wang utama pada tahun 2006 menyumbang kepada hutang jangka sederhana dan panjang yang lebih rendah. Selain itu, ringgit yang lebih kukuh juga telah mengurangkan pembayaran khidmat hutang pada tahun 2006.

Rizab Antarabangsa

Pegangan rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia terdiri daripada pertukaran mata wang asing dan emas, kedudukan rizab IMF dan pegangan Hak Pengeluaran Khas (Special Drawing Rights, SDR). Pada tahun 2006, rizab antarabangsa bersih bertambah sebanyak RM25.3 bilion kepada RM290.4 bilion (USD82.5 bilion) pada 31 Disember 2006. Peningkatan rizab berlaku dalam suasana aliran dua hala yang ketara, mencerminkan aktiviti ekonomi yang lebih pesat dan asas ekonomi Malaysia yang kukuh. Pada 28 Februari 2007, rizab bernilai RM305.9 bilion (USD86.9 bilion). Paras rizab ini memadai untuk membiayai 8.2 bulan import tertangguh dan ialah sembilan kali hutang luar negeri jangka pendek.

Pada tahun 2006, aliran masuk pertukaran asing dijana terutamanya daripada aliran masuk perolehan eksport yang lebih tinggi hasil daripada prestasi perdagangan yang lebih kukuh. Aliran masuk pelaburan langsung asing dan dana portfolio turut menyumbang kepada pengumpulan rizab. Aliran masuk pelaburan langsung asing yang mantap sepanjang tahun mencerminkan keyakinan yang berterusan pelabur asing dalam ekonomi Malaysia. Prestasi korporat dan prospek ekonomi yang lebih baik juga menarik aliran masuk dana portfolio untuk pelaburan, khususnya dalam pasaran ekuiti.

Peningkatan rizab antarabangsa terutamanya adalah daripada aliran masuk perolehan eksport dan aliran masuk yang berkaitan pelaburan yang lebih tinggi. Peningkatan aktiviti ekonomi dan asas ekonomi yang kukuh mewujudkan aliran dua hala yang ketara sepanjang tahun

Peningkatan aktiviti ekonomi sepanjang tahun mengakibatkan aliran keluar yang lebih tinggi melalui pembayaran import bagi barangan dan perkhidmatan serta penghantaran balik keuntungan dan dividen terakru kepada syarikat asing yang beroperasi di Malaysia. Pembayaran

Jadual 1.22
Rizab Antarabangsa Bersih

	Pada akhir tahun			Perubahan
	2004	2005	2006	2006
	RM juta			
Milikan SDR	765.3	748.3	756.9	8.6
Kedudukan rizab dengan IMF	3,068.4	1,186.3	793.4	-392.9
Emas dan pertukaran wang asing[1]	247,786.6	263,235.7	288,871.2	25,635.5
Rizab Antarabangsa Kasar	**251,620.3**	**265,170.3**	**290,421.5**	**25,251.2**
Tolak Tanggungan luar negeri Bank Negara Malaysia	24.5	22.5	22.9	0.4
Rizab Antarabangsa Bersih	**251,595.8**	**265,147.8**	**290,398.6**	**25,250.8**
Nilai bersamaan USD juta	**66,209.4**	**70,169.3**	**82,450.8**	**12,281.5**
Bulan import tertangguh	7.9	7.7	7.8	
Rizab/Hutang luar negeri jangka pendek (kali)	5.8	5.6	7.0	

[1] 'Tuntutan Mata Wang Asing Lain Terhadap Pemastautin' kini diklasifikasikan semula daripada 'Emas dan Pertukaran Wang Asing' kepada 'Aset-aset Lain' Bank Negara Malaysia

Rajah 1.48
Rizab Antarabangsa Bersih (akhir bulan)



balik dan prabayaran pinjaman luar negeri yang besar mengurangkan kedudukan hutang luar negeri Malaysia dan mengukuhkan ketahanannya pada kejutan luar. Pelaburan luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia juga lebih tinggi pada tahun 2006, mencerminkan minat syarikat Malaysia yang berterusan untuk mempelbagaikan dan mengembangkan perniagaan mereka di luar negeri.

Pada sepanjang tahun 2006, jumlah pengurangan nilai rizab hasil daripada pelarasan suku tahunan berikutan penilaian semula pertukaran asing adalah sebanyak RM6.9 bilion ekoran pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang utama, khususnya pada suku pertama dan keempat.

Dengan pertumbuhan dalam rizab antarabangsa, Bank Negara Malaysia secara progresif mengukuhkan strategi dan amalan pengurusan rizabnya. Kelas aset dan instrumen yang baru, dinilai dan dikaji semula secara berterusan untuk dimasukkan ke dalam portfolio. Pada masa yang sama, amalan dan infrastruktur pengurusan risiko, serta teknik operasi, telah dipertingkatkan untuk mengurus portfolio dan persekitaran operasi yang semakin kompleks dengan lebih baik. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada strategi pelaburan keseluruhan Bank Negara Malaysia yang tertumpu kepada memastikan pemeliharaan modal dan mudah tunai rizab sambil mengoptimumkan pulangan.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai kedudukan imbangan pembayaran yang kukuh, Malaysia telah dimasukkan ke dalam Pelan Transaksi Kewangan IMF yang menyediakan sumber kepada negara-negara ahli yang menghadapi masalah imbangan pembayaran jangka pendek. **Kedudukan rizab dengan IMF** bernilai RM793.4 juta pada akhir 2006. Kedudukan rizab yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh pembelian semula bersih sebanyak SDR69.9 juta berikutan pembayaran balik kepada akaun ringgit oleh beberapa negara ahli di bawah Pelan Transaksi Kewangan. Pada akhir tahun 2006, pegangan rizab Malaysia dalam bentuk **SDR** meningkat kepada RM756.9 juta, disebabkan terutamanya oleh perolehan imbuhan hasil daripada kedudukan pemiutang bersih Malaysia dengan IMF.

Rizab antarabangsa yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia boleh digunakan dan tiada halangan untuk menggunakannya. Rizab tersebut tidak mengandungi pinjaman dalam mata wang asing dengan opsyen terkandung; dan tidak terdapat kemudahan kredit tanpa syarat yang belum digunakan, yang diberikan oleh atau kepada bank-bank pusat lain, organisasi antarabangsa, bank dan institusi kewangan lain. Bank Negara Malaysia juga tidak terbabit dengan aktiviti berkaitan dengan opsyen dalam pasaran mata wang asing.

Bank Negara Malaysia menyiarkan maklumat tentang kedudukan rizab antarabangsa melalui penyata aset dan liabiliti Bank setiap dua minggu sekali, dengan lat satu minggu. Di samping itu, Bank juga memenuhi keperluan Piawaian Penyebaran Data Khas (Special Data Dissemination Standards, SDDS) IMF untuk menzahirkan maklumat terperinci rizab antarabangsa dan mudah tunai mata wang asing pada penghujung setiap bulan, dengan lat satu bulan. Rangka data rizab turut meliputi maklumat jangkaan hadapan tentang saiz, komposisi dan kebolehgunaan rizab dan aset mata wang asing lain, serta aliran keluar masuk pertukaran asing hasil daripada operasi

Kerajaan Persekutuan dan Bank Negara Malaysia pada masa depan dan potensinya (luar jangka) untuk tempoh masa 12 bulan yang akan datang. Pada asas tahunan, Bank Negara Malaysia turut menzahirkan komposisi mata wang rizab dengan pembahagian dari segi mata wang yang berada dalam kumpulan SDR (merangkumi terutamanya mata wang utama) dan mata wang yang lain.

Keadaan Monetari dan Kewangan

Bagi sebuah negara yang mempunyai tahap keterbukaan ekonomi dan kewangan yang tinggi, perkembangan dalam pasaran kewangan global yang mendorong pergerakan modal mempengaruhi keadaan monetari dan kewangan dalam negeri dengan mendalam. Keadaan ini amat nyata bagi Malaysia memandangkan integrasinya dalam sistem ekonomi dan kewangan global kini berada pada tahap yang sangat tinggi jika dibandingkan dengan masa lepas (lihat rencana mengenai keterbukaan ekonomi Malaysia). Pergerakan dan trend kitaran dalam pengagihan aset global serta kesannya atas harga aset kewangan dan aset benar akan memberi implikasi yang nyata terhadap keadaan mudah tunai dalam negeri, kadar pertukaran mata wang, harga relatif dan kos pembiayaan.

TINJAUAN KEADAAN MONETARI DAN KEWANGAN ANTARABANGSA

Pada tahun 2006, perkembangan dalam pasaran kewangan global didorong oleh prospek pertumbuhan ekonomi global yang positif dan risiko inflasi yang meningkat serta implikasinya terhadap hala tuju dasar monetari dalam persekitaran mudah tunai lebihan yang berterusan. Prospek pertumbuhan yang kukuh dan potensi inflasi yang berpunca daripada harga komoditi yang meningkat, banyak mempengaruhi dasar monetari negara utama dunia. Dalam keadaan mudah tunai global yang tinggi, pelabur lebih berani mengambil risiko dalam mencari pulangan yang lebih lumayan, lantas menyebabkan aliran modal yang ketara masuk ke pasaran sedang pesat membangun. Seperti di negara lain di rantau ini, keadaan monetari dan kewangan di Malaysia sensitif terhadap perubahan dalam aliran modal antarabangsa.

Pada umumnya, perkembangan ekonomi global pada permulaan tahun 2006 adalah positif. Di Jepun, penunjuk awal membayangkan bahawa kuasa-kuasa deflasi yang wujud dalam ekonomi selama hampir sedekad sudah mula bertukar arah lalu menimbulkan potensi untuk kenaikan kadar faedah. Pertumbuhan ekonomi di Amerika Syarikat kekal menggalakkan meskipun kadar Fed Fund meningkat berturut-turut sepanjang tahun 2005. Pertumbuhan kawasan Euro juga menunjukkan ketahanan yang lebih tinggi dalam menghadapi inflasi yang berkemungkinan lebih tinggi akibat kenaikan harga komoditi.

Dalam ekonomi pasaran sedang pesat membangun pula, asas makroekonomi juga berterusan kukuh. Sektor eksport bagi kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun dan seterusnya pertumbuhan KDNK, menunjukkan prestasi yang memberangsangkan didorong oleh permintaan luaran yang mampan, harga komoditi yang lebih kukuh, dan permintaan sektor swasta dalam negeri yang bertambah teguh. Banyak ekonomi sedang pesat membangun turut mempamerkan kedudukan fiskal yang lebih utuh berikutan kemajuan dalam proses konsolidasi fiskal. Berlatarbelakangkan pendalaman sistem kewangan yang semakin meningkat dalam ekonomi sedang pesat membangun, perkembangan ini telah meningkatkan daya tarikan pasaran sedang pesat membangun sebagai destinasi pelaburan sewaktu sistem kewangan dunia mengalami limpahan mudah tunai. Sikap pelabur global yang umumnya optimistik terhadap pengukuhan asas makroekonomi dalam pasaran sedang pesat membangun, terus mantap di sepanjang tahun meskipun ketidakpastian dan turun naik muncul sekali-sekala.

Perkembangan dalam pasaran kewangan global didorong oleh prospek pertumbuhan ekonomi dan inflasi global, serta hala tuju dasar monetari dalam persekitaran mudah tunai lebihan yang berterusan

Berlatarbelakangkan prestasi pertumbuhan yang kukuh dan harga minyak yang tinggi, hala tuju dasar monetari ekonomi perindustrian utama pada sepanjang tahun 2006 bergantung pada perkembangan dalam prospek inflasi. Pertumbuhan yang terus kukuh menandakan permintaan akan kekal utuh, dan ini menggambarkan harga minyak

Keterbukaan Ekonomi Malaysia

Rajah 2.1
Keterbukaan Perdagangan dan Kewangan Pada Tahun 2004



Nota:
1 Keterbukaan Sektor Perdagangan ialah jumlah eksport dan import berbanding dengan KDNK
2 Keterbukaan Sektor Kewangan ialah jumlah aset dan liabiliti luaran berbanding dengan KDNK
3 Berdasarkan hitungan BNM; Data Lane dan Milessi-Ferreti (2006); IMF Direction of Trade Statistics (2006, Ogos)
4 Tidak termasuk negara *outlier,* iaitu Luxembourg

Ciri yang membezakan ekonomi Malaysia ialah tahap keterbukaannya yang tinggi terhadap aliran perdagangan dan kewangan merentas sempadan. Sebagai ukuran keterbukaan ekonomi, jumlah perdagangan Malaysia kira-kira dua kali saiz ekonomi pada tahun 2004. Dari segi keterbukaan kewangan pula, stok aset dan liabiliti luaran Malaysia juga adalah lebih daripada dua kali saiz ekonominya[1].

Bagi mendapatkan perspektif yang lebih jelas tentang magnitudnya, Rajah 2.1 menunjukkan tahap keterbukaan ekonomi Malaysia berbanding dengan 58 ekonomi yang terdiri daripada 30 ekonomi maju yang merupakan anggota Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), dan 28 ekonomi sedang pesat membangun dari Asia, Eropah Timur dan Amerika Latin[2]. Malaysia terletak pada kedudukan yang tinggi dari segi keterbukaan perdagangan. Hanya Hong Kong dan Singapura mempunyai tahap keterbukaan yang lebih tinggi.

1 Aset dan liabiliti luaran merujuk kepada tuntutan antara pemastautin dengan bukan pemastautin sesebuah negara. Pegangan antarabangsa diklasifikasikan kepada Pelaburan Portfolio (yang dibahagikan kepada ekuiti dan sekuriti hutang), Pelaburan Langsung Asing (yang merujuk kepada penyertaan ekuiti melebihi 10 peratus), Pelaburan Lain (yang merangkumi instrumen hutang seperti pinjaman, deposit dan kredit perdagangan), Derivatif Kewangan dan Aset Rizab.

2 Ekonomi sedang pesat membangun yang termasuk dalam sampel ini ialah Argentina, Brazil, Brunei, Kemboja, Chile, China, Colombia, Croatia, Cyprus, Estonia, Hong Kong, India, Indonesia, Laos, Latvia, Lithuania, Malta, Myanmar, Peru, Filipina, Rusia, Singapura, Slovenia, Thailand, Ukraine, Uruguay, Venezuela dan Vietnam.

Malaysia juga berada pada kedudukan yang agak tinggi dari segi keterbukaan kewangan, iaitu melebihi skor median sebanyak 2.03. Apa yang penting ialah Malaysia tampak lebih terbuka dari segi kewangan berbanding dengan ekonomi yang lebih maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun. Malaysia juga merupakan negara yang paling terbuka dari segi kewangan di Asia Timur selepas Hong Kong, Singapura dan Brunei. Peranan Hong Kong dan Singapura sebagai pusat kewangan menjadikan kedua-dua negara itu sangat terbuka.

Sementara itu, gambar rajah sisipan dalam Rajah 2.1 menunjukkan bahawa tahap keterbukaan ekonomi Malaysia telah meningkat dengan ketara mengikut peredaran masa. Evolusi ini berkemungkinan besar tercetus daripada perubahan struktur yang berlaku dalam ekonomi, langsungan daripada orientasi perdagangan Malaysia, akaun semasa yang terbuka dan liberalisasi akaun modal. Justeru, sistem ekonomi dan kewangan Malaysia pula mungkin, dengan aliran masa, menjadi semakin sensitif terhadap perkembangan luaran berikutan meningkatnya tahap integrasi Malaysia dalam ekonomi global.

Rajah 2.2
Perubahan Tahunan Keluaran Dalam Negeri Kasar (2000 - 2006) (Negara Perindustrian Tertentu)



Rajah 2.3
Perubahan Tahunan Indeks Harga Pengguna (2000 - 2006) (Negara Perindustrian Tertentu)



dan komoditi mungkin akan kekal tinggi. Kedua-dua perkembangan ini merupakan faktor penting dalam menentukan prospek inflasi yang secara langsung mempengaruhi tindak balas dasar monetari pada tahun itu. Sesungguhnya jangkaan inflasi amat dipengaruhi perkembangan dalam harga komoditi khususnya harga minyak, yang secara umumnya meningkat pada separuh tahun pertama.

Justeru, pandangan umum pasaran pada permulaan tahun 2006 ialah kebanyakan Bank Pusat akan cenderung ke arah dasar monetari yang lebih ketat. Sememangnya bank-bank pusat utama meneruskan dasar pengetatan sepanjang tahun. Sejak bulan Jun 2004, Federal Reserve Board menaikkan kadar faedah sebanyak 17 kali kepada 5.25% pada bulan Jun 2006, dan kini mengekalkannya pada paras itu, manakala Bank of Japan menamatkan dasar kadar faedah sifarnya pada bulan Julai 2006. European Central Bank dan Bank of England turut menaikkan kadar faedah bagi membendung tekanan inflasi yang baru hendak muncul. Beberapa bank pusat Asia juga turut mengetatkan dasar monetari pada tahun 2006.

Rajah 2.4
Indeks Komoditi dan Harga Minyak 2006



Meskipun keadaan monetari semakin ketat dan kadar faedah global lebih tinggi, keadaan mudah tunai global yang tinggi banyak mempengaruhi keadaan pasaran kewangan pada tahun 2006. Persekitaran mudah tunai global yang tinggi menyebabkan pelabur terus mencari pulangan yang lebih lumayan dalam pelbagai kelas aset dan profil risiko. Kesanggupan pelabur mengambil risiko yang lebih tinggi berserta asas-asas makroekonomi yang semakin kukuh dan daya tarikan ekonomi sedang pesat membangun sebagai destinasi pelaburan, menyaksikan aliran masuk modal yang ketara ke pasaran sedang pesat membangun ini sepanjang tahun. Pada tahun 2006, negara sedang pesat membangun di Asia menerima sebahagian besar daripada aliran masuk ini yang kebanyakannya berbentuk pelaburan ekuiti. Hasilnya, ekuiti pasaran sedang

Rajah 2.5
Kadar Dasar Faedah Global dan Pegangan Tukaran Asing (2000-2006)



Rajah 2.6
Aliran Masuk Modal ke Asia Pasifik (1997-2006)



* MSCI EM: Indeks Pasaran yang Sedang Pesat Membangun Morgan Stanley Capital International
* Tebaran EBMI JP Morgan: Indeks Tebaran Bon Pasaran yang Sedang Pesat Membangun JP Morgan

a Anggaran
Sumber: Institut Kewangan Antarabangsa (IIF)

pesat membangun, seperti yang ditunjukkan oleh indeks Pasaran Sedang Pesat Membangun Morgan Stanley Capital International (MSCI) mencatat kenaikan yang kukuh pada tahun 2006. Spread bon bagi pasaran sedang pesat membangun mengalami penyusutan dan sikap keberatan mengambil risiko berada pada tahap terendah dalam sejarah, seperti yang diukur oleh Indeks Turun Naik Tersirat Chicago Board of Exchange (CBOE) (Implied Volatility Index). Memandangkan harga ekuiti dan bon dalam pasaran ini didorong sehingga meningkat dengan ketara, terdapat juga tanda-tanda aktiviti spekulatif dalam pasaran pertukaran asing dalam beberapa ekonomi sedang pesat membangun.

Aliran modal ini menyebabkan mata wang beberapa negara sedang pesat membangun berhadapan tekanan untuk meningkat. Walaupun tekanan ini nyata sekali adalah akibat daripada permintaan yang kukuh terhadap mata wang ekonomi sedang pesat membangun, memandangkan aliran masuk ke dalam pasaran ekuiti dan bon terus memberangsangkan, terdapat juga bukti bahawa aliran masuk adalah untuk tujuan spekulasi terhadap kadar pertukaran mata wang. Aliran spekulatif jangka pendek sedemikian cenderung untuk memilih instrumen jangka pendek.

Rajah 2.7
Indeks Pasaran Ekuiti dan Bon bagi Pasaran Sedang Pesat Membangun (2000-2006)



* MSCI EM: Indeks Morgan Stanley Capital International bagi Pasaran Sedang Pesat Membangun (PSPB)
* EMBI JP Morgan: Indeks Bon PSPB JP Morgan
* Tebaran EMBI JP Morgan: Tebaran Indeks Bon PSPB JP Morgan

Sepanjang tahun 2006, kebimbangan tertumpu pada kekuatan pengetatan dasar monetari, khususnya di Amerika Syarikat dan Eropah, yang didorong oleh prospek inflasi yang cenderung untuk terus meningkat, ekoran harga minyak dan komoditi yang mencatat paras tertinggi serta pertumbuhan global yang terus kukuh. Kebimbangan ini mengakibatkan perubahan yang ketara dalam prospek risiko, yang menyebabkan pelabur menetapkan semula harga premium risiko yang berkaitan dengan pelaburan yang lebih berisiko. Pasaran ekuiti dan bon di negara sedang pesat membangun mengalami pembetulan pada bulan Mei 2006, didorong oleh penilaian semula risiko ini, meskipun tiada sebarang perubahan ketara dalam asas-asas pasaran sedang pesat membangun.

Rajah 2.8
Indeks Turun Naik Tersirat Chicago Board of Exchange (CBOE) (2006)



Walau bagaimanapun, pemulihan berikutnya juga kukuh, dipacu oleh perubahan keinginan pelabur untuk mengambil risiko, berikutan penilaian semula yang positif prospek inflasi dan pertumbuhan. Khususnya, prospek inflasi menjadi bertambah lemah berikutan kejatuhan harga komoditi sementara Federal Reserve mengumumkan pemberhentian sementara kenaikan kadar faedah.

Satu ciri prestasi pasaran kewangan pada tahun 2006 ialah prestasi kukuh pelbagai pasaran dan kelas aset. Dalam pasaran sedang pesat membangun, aliran modal global kembali apabila pelabur mendapati bahawa prospek risiko-ganjaran menjadi semakin menggalakkan. Dengan asas-asas makroekonomi negara sedang pesat membangun yang semakin baik, aliran masuk dana menaikkan pasaran ekuiti sedang pesat membangun ke tahap yang jauh lebih tinggi sehingga akhir tahun, menyebabkan kebanyakan pasaran ekuiti mengatasi paras tertinggi mereka yang terdahulu. Dalam pasaran bon, hasil jangka panjang merosot dengan ketara apabila dana memasuki pasaran yang tempoh matangnya lebih panjang. Oleh itu, bentuk keluk hasil domestik semakin dipengaruhi oleh kadar faedah global. Dalam beberapa negara sedang pesat membangun, kemerosotan hasil jangka panjang mengakibatkan keluk hasil menyongsang kerana kadar faedah jangka pendek kekal tidak berubah. Perkembangan dalam pasaran kewangan global ini meninggalkan kesan yang penting terhadap keadaan monetari dan pasaran kewangan di Malaysia pada tahun 2006.

Rajah 2.9a
Indeks Saham Eropah dan AS (2006)



* DJIA: Indeks Dow Jones Industrial Average
* Euro Stoxx: Indeks Euro Stoxx Dow Jones

Rajah 2.9b
Indeks Saham Pasaran Sedang Pesat Membangun (2006)



Asia tidak termasuk Jepun
Amerika Latin
Pasaran Eropah Sedang Pesat Membangun
MSCI BRIC*

* MSCI BRIC: Indeks Morgan Stanley Capital International untuk Brazil, Rusia, India dan China

Rajah 2.9c
JP Morgan EMBI Berbanding dengan Kadar Hasil UST 10 tahun (2006)



* JP Morgan EMBI: Indeks Bon JP Morgan Pasaran Sedang Pesat Membangun
* UST: Perbendaharaan Amerika Syarikat

Sumber: Bloomberg, Datastream

PERKEMBANGAN KADAR PERTUKARAN RINGGIT

Ringgit menunjukkan peningkatan pergerakan dua hala pada tahun 2006, didorong secara umumnya oleh permintaan dan penawaran ringgit yang lebih besar dalam pasaran pertukaran mata wang asing. Faktor utama yang mempengaruhi ringgit sepanjang tahun 2006 ialah lebihan perdagangan, aliran pelaburan ke dalam negara berikutan prospek pertumbuhan ekonomi yang mantap, dan jangkaan pasaran tentang kenaikan nilai kadar pertukaran bagi ringgit. Namun begitu, semua faktor ini diimbangi oleh permintaan yang kukuh terhadap mata wang asing untuk pelaburan langsung dan pelaburan portfolio di luar negeri, bayaran balik dan prabayaran pinjaman luar negeri dan penghantaran balik keuntungan dan dividen dalam jumlah yang besar.

Ringgit menunjukkan peningkatan pergerakan dua hala pada tahun 2006, didorong secara umumnya oleh permintaan dan penawaran ringgit yang lebih besar dalam pasaran pertukaran asing

Pada umumnya, prestasi ringgit berbanding dengan dolar AS sejajar dengan mata wang serantau yang lain. Ringgit memulakan tahun 2006 dengan menambah nilai berbanding dengan dolar AS berikutan peningkatan aliran portfolio yang mendadak ke rantau ini yang memperkukuh perolehan perdagangan bersih Malaysia yang positif pada awal tahun.

Rajah 2.10
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia dan Mata Wang Serantau Terpilih berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat



* Renminbi China, rupiah Indonesia, won Korea, peso Filipina, dolar Singapura, dolar Taiwan dan baht Thailand. Setiap mata wang berwajaran seimbang

Nota: Peningkatan indeks menunjukkan penambahan nilai ringgit atau mata wang serantau terpilih berbanding dengan dolar AS

Pada separuh kedua bulan Mei, trend kenaikan ringgit bertukar arah ekoran pengunduran pelaburan secara umum dari pasaran ekuiti dan bon sedang pesat membangun. Pengunduran dari pasaran aset kewangan sedang pesat membangun disebabkan penilaian semula risiko oleh pelabur yang bimbang kadar pertumbuhan ekonomi global akan menjadi sederhana berikutan pengetatan kadar faedah, khususnya oleh negara-negara ekonomi utama, dan kenaikan harga komoditi.

Rajah 2.11
Pelaburan Portfolio Bersih dan Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia (RM) berbanding dengan Dolar AS



Nota: Peningkatan indeks menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS

Sumber: Sistem Pelaporan Imbangan Pembayaran Berdasarkan Tunai Bank Negara Malaysia

Dengan redanya kesan pengunduran dari pasaran ekuiti dan bon sedang pesat membangun pada bulan Julai, ringgit secara relatif kekal stabil berbanding dengan dolar AS. Ini kerana aliran masuk bersih daripada perdagangan diimbangi oleh aliran keluar untuk pelaburan langsung di luar negeri, pelaburan portfolio, bayaran balik dan prabayaran pinjaman luar negeri dan penghantaran balik keuntungan dan dividen. Trend syarikat Malaysia membuat pelaburan di luar negeri semakin berkembang, mencerminkan peluang yang bertambah di rantau ini.

Pada bulan Disember, ringgit terus mengukuh ekoran aliran portfolio kembali ke pasaran sedang pesat membangun, dalam suasana sentimen pelabur yang kembali positif terhadap asas-asas ekonomi serantau. Pengenaan langkah akaun modal oleh pihak berkuasa Thailand pada separuh kedua bulan Disember hanya memberi kesan yang sedikit atas sentimen pelabur terhadap aset kewangan Malaysia dan ringgit. Pada 28 Disember, dengan aliran masuk yang baru, ringgit mengukuh ke paras RM3.5305 berbanding dengan dolar AS. Pada tahun 2006 keseluruhannya, ringgit menambah nilai sebanyak 7% berbanding dengan dolar AS.

Operasi campur tangan dalam pasaran pertukaran mata wang asing dijalankan hanya untuk membantu mewujudkan keadaan pasaran yang teratur dengan trend dasar pergerakannya ditentukan oleh pasaran dan disokong oleh asas-asas ekonomi. Ringgit tidak mempunyai satu kadar pertukaran yang sudah ditetapkan. Ketidakstabilan keadaan pasaran yang berlaku pada separuh kedua bulan Mei ekoran aliran keluar modal yang ketara menyebabkan Bank Negara Malaysia bertindak untuk menstabilkan keadaan pasaran. Apabila pasaran pertukaran mata wang asing kembali stabil setelah penjualan aset serantau selesai pada bulan Julai, kadar pertukaran terus ditentukan oleh keadaan pasaran. Peningkatan pergerakan kadar pertukaran ringgit berbanding dengan dolar AS yang berpunca daripada pergerakan

Rajah 2.12
Perubahan dalam Rizab Antarabangsa dan Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia (RM) Berbanding dengan Dolar AS



Nota: Peningkatan indeks menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS

Sumber: Bank Negara Malaysia

dua hala ringgit pada tahun 2006 berlaku serentak dengan pengembangan 42% dalam jumlah urus niaga pasaran pertukaran mata wang asing antara bank Kuala Lumpur, dengan sebahagian besar didorong oleh peningkatan 83% dalam urus niaga semerta (spot). Memandangkan kedalaman dan mudah tunai pasaran pertukaran mata wang asing semakin meningkat, aliran perdagangan dan modal yang mengimbangi boleh dipadankan dengan mudah seterusnya berpotensi

Rajah 2.13
Jumlah Urus Niaga Antara Bank dalam Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Kuala Lumpur



Nota : Data dari tahun 2002 dan seterusnya berdasarkan Sistem Pemantauan Operasi Ringgit (ROMS) yang baru, manakala data bagi tahun-tahun sebelumnya berdasarkan transaksi lapan Peniaga yang Dibenarkan

Rajah 2.14
Ringkasan Prestasi Ringgit berbanding dengan Mata Wang Utama dan Serantau
(Peratus perubahan, 1 Jan-29 Dis 2006)



Nota: (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang
(-) menunjukkan penyusutan nilai

mengurangkan keperluan Bank Negara Malaysia untuk berada dalam pasaran.

Berbanding dengan mata wang utama yang lain, ringgit mengakhiri tahun 2006 lebih kukuh berbanding dengan yen Jepun, tetapi lebih lemah berbanding dengan euro. Yen Jepun menyusut nilai disebabkan jangkaan pasaran bahawa kadar faedah di Jepun akan kekal rendah dan dengan demikian menawarkan peluang yang besar bagi strategi perdagangan mata wang carry trade (pelabur meminjam dalam mata wang dengan kadar faedah

Rajah 2.15
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia Berbanding dengan Mata Wang Utama



Nota: Peningkatan indeks menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding mata wang tersebut

rendah dan melabur dalam mata wang dengan kadar pulangan yang tinggi). Sementara itu, euro menambah nilai berikutan jangkaan pasaran bahawa European Central Bank akan menaikkan kadar dasar dan penilaian data ekonomi yang positif yang memihak kepada euro berbanding dengan dolar AS dan yen Jepun. Dalam tempoh bulan Januari hingga Februari 2007, ringgit terus menambah nilai berbanding dengan mata wang utama, berikutan aliran pelaburan dan perdagangan bersih yang berterusan.

Prestasi ringgit berbanding dengan mata wang serantau yang lain mencerminkan terutamanya perkembangan dalam negara terbabit. Khususnya, baht Thailand dan rupiah Indonesia menarik jumlah aliran masuk modal yang besar yang disebabkan sentimen pelabur yang positif terhadap aset berhasil tinggi di negara tersebut. Peso Filipina pula mendapat manfaat daripada aliran masuk kiriman wang dari luar negeri dan sentimen pasaran yang positif disebabkan kedudukan kewangan kerajaan yang bertambah baik. Dalam tempoh bulan Januari hingga Februari 2007, ringgit terus mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau. Perkembangan dalam pasaran ekuiti global, serantau dan domestik pada akhir bulan Februari tidak memberi kesan yang ketara terhadap ringgit.

Memandangkan trend ringgit yang berbeza-beza berbanding dengan mata wang utama dan serantau, kadar pertukaran efektif nominal (nominal effective exchange rate, NEER) ringgit stabil pada tahun 2006 dengan peningkatan hanya sebanyak 0.7%. Antara bulan Julai 2005, apabila rejim apungan terurus berbanding dengan sekumpulan mata wang dilaksanakan, hingga akhir bulan Februari 2007, NEER ringgit telah menambah nilai kira-kira 4%.

MUDAH TUNAI DAN BEKALAN WANG

Berikutan mudah tunai global yang tinggi dan aliran masuk yang ketara sepanjang tahun, mudah tunai lebihan dalam sistem kewangan dalam negeri meningkat pada tahun 2006. Selain aliran masuk bersih pelaburan langsung dan dana portfolio, lebihan akaun semasa dan pengeluaran

Rajah 2.16
Penentu-penentu Wang Rizab



deposit Kerajaan di Bank Negara Malaysia juga menyumbang kepada peningkatan mudah tunai. Matlamat operasi pensterilan Bank Negara Malaysia adalah untuk mengimbangi kesan aliran atas mudah tunai dalam negeri dan mengekalkan keadaan monetari yang secara relatif stabil. Hasilnya, wang rizab meningkat RM5.6 bilion atau 10.6% pada tahun 2006.

Dari perspektif kedudukan kewangan sistem perbankan, deposit yang disimpan dalam sistem perbankan (termasuk syarikat diskaun) meningkat 13.7%. Sebaliknya, pemberian pinjaman oleh sistem perbankan kepada sektor swasta, seperti yang dicerminkan oleh pinjaman terkumpul dan pegangan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS), berkembang pada kadar

Rajah 2.17
Nisbah Pembiayaan-Deposit dan Pinjaman-Deposit



* Pembiayaan termasuk pelaburan dalam PDS

Rajah 2.18
Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Perbankan[1] pada akhir tahun 2006



[1] Termasuk syarikat diskaun

yang secara relatif lebih perlahan berbanding dengan deposit. Ini menyebabkan trend nisbah pembiayaan-deposit menurun. Lebihan mudah tunai itu disalurkan kepada aset lain, terutamanya dalam bentuk pemberian pinjaman kepada Bank Negara Malaysia. Aset luaran bersih sistem perbankan juga meningkat, yang sedikit sebanyak mencerminkan peningkatan kepelbagaian portfolio di pihak institusi perbankan domestik dalam persekitaran yang lebih liberal.

Wang secara luas atau M3 yang merangkumi mata wang dan deposit sektor swasta bukan bank, terus berkembang pada tahun 2006. Pertumbuhan M3 menurun pada separuh tahun pertama tetapi meningkat selepas itu. Pada akhir tahun 2006, M3 berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi sebanyak 12.3% (2005: 8%). Penyumbang utama kepada pengembangan keseluruhan ini dan trend umum pertumbuhan M3 pada tahun 2006

Rajah 2.19
Perubahan dalam Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Perbankan[1]



[1] Termasuk syarikat diskaun

Jadual 2.1
Wang Secara Luas, M3

	Perubahan (RM bilion)	
	2005	2006
M3	**49.7**	**82.4**
Mata wang dalam edaran	1.6	3.3
Deposit permintaan	8.6	11.8
Separuh wang secara kecil	39.4	67.3
Deposit tetap	*4.9*	*32.7*
Deposit tabungan	*1.9*	*5.2*
NID	*12.8*	*14.3*
Repo	*17.3*	*11.8*
Deposit mata wang asing	*2.5*	*3.2*
Penentu-penentu M3		
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-5.4	9.2
Tuntutan terhadap sektor swasta	44.4	34.7
Pinjaman	*44.8*	*36.8*
Sekuriti	*-0.4*	*-2.1*
Operasi luar bersih*	18.5	58.6
*Bank Negara Malaysia**	*30.2*	*31.0*
Sistem perbankan	*-11.7*	*27.6*
Pengaruh lain	-7.9	-20.2

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa

ialah aset asing bersih yang meningkat RM58.6 bilion. Ini menyumbang sebanyak 71% kepada peningkatan tahunan M3. Berbanding dengan tahun 2005, operasi Kerajaan juga memberi kesan pengembangan terhadap M3 pada tahun 2006, khususnya pada separuh kedua tahun itu. Tuntutan bersih terhadap Kerajaan yang meningkat mencerminkan perbelanjaan Kerajaan yang lebih tinggi, sebahagian besarnya dibiayai melalui

Rajah 2.20
Agregat Monetari



Rajah 2.21
Sumbangan Kepada Pertumbuhan M3



pengeluaran deposit Kerajaan yang disimpan di Bank Negara Malaysia.

Aliran luaran dan operasi kerajaan merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan monetari yang lebih tinggi

Pertumbuhan pembiayaan juga menyumbang kepada pengembangan M3, tetapi pada magnitud yang lebih kecil berbanding dengan tahun 2005, berpunca daripada penyederhanaan pertumbuhan dalam pinjaman terkumpul pada akhir tahun dan pegangan sekuriti hutang swasta sistem perbankan yang lebih rendah.

M1 sebagai pengukur baki urus niaga, meningkat 13.8% pada tahun 2006 (2005: 8.5%). Peningkatan ini mencerminkan terutamanya simpanan deposit permintaan yang lebih tinggi oleh sektor perniagaan dan sebahagian kecilnya oleh sektor isi rumah. Selain itu, mata wang dalam edaran turut meningkat.

KEADAAN PASARAN KEWANGAN

Dalam persekitaran pasaran kewangan global yang sangat aktif pada tahun 2006, pasaran kewangan dalam negeri juga sama memberangsangkan.

Jangkaan pasaran berubah dengan pantas pada tahun itu, bukan hanya sebagai tindak balas kepada perkembangan pasaran kewangan luar negeri, tetapi juga sebagai tindak balas kepada keadaan pasaran dalam negeri. Justeru, pasaran wang, bon dan ekuiti mencerminkan pelbagai faktor yang saling berkait, termasuk keputusan dasar monetari Bank Negara Malaysia pada tahun 2006.

Perkembangan Kadar Faedah

Pada permulaan tahun 2006, pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang kukuh berserta harga komoditi yang lebih tinggi banyak mempengaruhi prospek inflasi dalam negeri. Perkembangan harga global juga dijangka memberi kesan terhadap inflasi dalam negeri. Sesungguhnya, trend inflasi yang meningkat pada awal tahun menimbulkan lebih kebimbangan tentang potensi kesan persekitaran kadar faedah benar negatif yang berpanjangan terhadap ekonomi negara. Oleh itu, dengan asas-asas makroekonomi yang terus kukuh, Bank Negara Malaysia mengambil peluang untuk menjajarkan keadaan monetari dengan persekitaran semasa inflasi yang lebih tinggi. Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dinaikkan 25 mata asas pada 22 Februari dan 25 mata asas lagi pada 26 April.

Dalam pasaran wang, kadar antara bank semalaman purata berada hampir dengan OPR sepanjang tahun 2006. Sebelum OPR dinaikkan pada bulan Februari, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat antara 2.98% - 3.01%. Selepas kenaikan yang pertama, kadar itu bergerak dalam julat yang kecil antara 3.22% - 3.25%. Walau bagaimanapun, julat itu melebar sedikit pada baki tahun 2006 dengan kadar semalaman antara 3.46% - 3.56%. Khususnya, turun naik meningkat buat sementara pada bulan September apabila peserta pasaran wang memperoleh dana dalam persediaan menghadapi terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) yang lebih besar daripada jangkaan.

Walaupun kadar pinjaman meningkat berikutan peningkatan OPR, kadar faedah terus berada pada paras terendah dalam sejarah

Kadar antara bank bagi tempoh matang lain, iaitu tempoh matang 1 minggu dan 1 bulan juga meningkat sepanjang tahun, sejajar dengan jangkaan pasaran tentang kenaikan kadar faedah. Kadar antara bank 1 bulan mencapai tahap tertinggi pada bulan Jun dan menurun selepas itu apabila peserta pasaran mengurangkan jangkaan terhadap peningkatan kadar faedah selepas trend inflasi mula menurun dan apabila OPR dibiarkan tidak berubah selepas mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) keempat pada bulan Mei.

Rajah 2.22
Kadar Antara Bank



Rajah 2.23
Kontrak Niaga Hadapan KLIBOR 3 bulan
(Separuh pertama tahun 2006)



Pada permulaan tahun 2006, pasaran menjangkakan lebih banyak peningkatan kadar faedah sepanjang tahun itu, berikutan kenaikan kadar faedah pada bulan November 2005, sebagaimana yang dicerminkan oleh perkembangan kadar faedah di pasaran derivatif. Keluk hasil kontrak niaga hadapan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rates, KLIBOR) 3 bulan meningkat sepanjang tempoh bulan Januari hingga Jun. Trend swap kadar faedah juga meningkat dalam tempoh yang sama, mencerminkan jangkaan pasaran tentang kenaikan kadar faedah pada separuh tahun pertama. Jangkaan peningkatan OPR didorong oleh jangkaan bahawa inflasi akan meningkat dalam suasana prospek pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan. Jangkaan itu semakin diperteguh oleh kenaikan harga runcit petrol sebanyak 30 sen pada 28 Februari dan inflasi yang mencecah paras yang tinggi, iaitu 4.8% pada bulan Mac dan 4.6% pada bulan April.

Namun begitu, jangkaan kenaikan OPR selanjutnya mula reda pada separuh tahun kedua. Kontrak niaga hadapan KLIBOR 3 bulan bagi kontrak bulan Disember menurun 19 mata asas pada 31 Julai daripada kadar tertingginya pada 15 Jun 2006. Keluk kontrak niaga hadapan KLIBOR terus menurun dan mendatar menjelang bulan Disember, menunjukkan jangkaan OPR akan menjadi stabil secara relatif dalam jangka masa terdekat. Sementara itu, swap kadar faedah kekal stabil selepas mesyuarat MPC keempat pada bulan

Rajah 2.24
Kontrak Niaga Hadapan KLIBOR 3 bulan
(Separuh kedua tahun 2006)



Rajah 2.25
Swap Kadar Faedah



Mei kerana peserta pasaran telah pun mengambil kira kadar yang lebih tinggi. Apabila OPR kekal tidak berubah pada bulan Mei, swap kadar faedah mula menurun kira-kira sejak pertengahan bulan Julai hingga bulan Disember apabila kadar faedah itu mula stabil. Sekali lagi, trend kadar faedah yang menyederhana pada separuh tahun kedua mencerminkan perubahan dalam jangkaan yang berkurang terhadap kadar inflasi serta kenaikan dalam kadar dasar.

Dari segi kadar faedah runcit, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan berubah dengan cepat mengikut perubahan OPR. BLR purata semua bank perdagangan meningkat selepas kenaikan OPR pertama pada bulan November 2005 dan naik lagi selepas perubahan OPR pada bulan Februari dan April dan akhirnya stabil pada 6.72% mulai

Rajah 2.26
Kadar Pinjaman Bank Perdagangan
(pada akhir tempoh)



pertengahan bulan Mei hingga akhir tahun. Secara keseluruhan, BLR purata meningkat 74 mata asas, iaitu kurang sedikit daripada jumlah kenaikan OPR sejak bulan November 2005 sebanyak 80 mata asas. Kebanyakan bank perdagangan telah membuat pelarasan dengan menaikkan BLR mereka dalam julat 50 - 100 mata asas dalam tempoh bulan Januari hingga bulan Mei 2006.

Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) bank perdagangan meningkat pada tahun 2006 sejajar dengan kenaikan BLR. Ini disebabkan penetapan semula kadar faedah bagi pinjaman sedia ada yang ditambat BLR, pemberian pinjaman baru pada kadar yang lebih tinggi, dan pinjaman lama yang kadar faedahnya lebih rendah yang telah matang. Kira-kira 32% daripada bank mempunyai ALR dalam julat antara 7 - 8% pada akhir tahun 2006, berbanding dengan hanya 13% pada akhir tahun 2005. Secara keseluruhan, ALR mencapai tahap tertinggi 6.64% pada bulan Ogos dan menurun sedikit kepada 6.57% pada bulan Disember. Namun begitu, peningkatan 59 mata asas dalam ALR adalah lebih rendah daripada peningkatan BLR disebabkan tekanan persaingan serta hakikat bahawa beberapa pinjaman dikenakan kadar tetap dan dengan itu tidak tertakluk pada kadar BLR yang lebih tinggi. Pinjaman kadar tetap ini, iaitu pinjaman sewa beli dan sebahagian daripada pinjaman perumahan, masing-masing mencakupi 17% dan 5% daripada jumlah pinjaman terkumpul pada akhir tahun 2006. Sebahagian daripada pinjaman perniagaan juga ditetapkan berasaskan kadar tokok kos (10% daripada jumlah pinjaman) yang lebih rendah daripada BLR.

Rajah 2.27
Julat ALR Bank Perdagangan



Rajah 2.28
Kadar Antara Bank dan Deposit Tetap (FD) Satu Bulan



Bagi pinjaman baru yang diluluskan, purata wajaran kadar pinjaman juga 59 mata asas lebih tinggi daripada kadar purata bagi tahun 2005. Kenaikan yang lebih kecil dalam ALR wajaran bagi pinjaman baru yang diluluskan berbanding dengan BLR sebahagian besarnya mencerminkan persaingan yang meningkat antara institusi perbankan.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) bank perdagangan pada mulanya lambat berubah mengikut kenaikan pertama OPR pada bulan November 2005. Dasar untuk memastikan kadar pulangan benar yang positif kepada pendeposit

Rajah 2.29
Kadar Deposit Tetap (FD) Bank Perdagangan



Pergerakan Kadar Pulangan Islam dan Kadar Faedah Konvensional

Satu ciri penting sistem kewangan Malaysia ialah sistem dwiperbankan di mana sistem perbankan Islam yang tidak berasaskan kadar faedah beroperasi bersama-sama sistem perbankan konvensional yang berasaskan kadar faedah. Dengan kewujudan bersama kedua-dua sistem ini, adalah penting untuk mengkaji setakat manakah harga antara kedua-dua sistem ini berbeza. Selain itu, adalah penting untuk memahami bagaimana kadar pulangan perbankan Islam berubah mengikut kadar dasar Bank Negara Malaysia bagi mengetahui setakat mana kepantasan dan kecekapan transmisi monetari menerusi sistem kewangan Islam. Pada umumnya, struktur pembiayaan Islam memerlukan perkongsian risiko dan keuntungan dalam nisbah yang dipersetujui lebih awal. Memandangkan kos bagi sebahagian besar pembiayaan Islam sedia ada tidak berkait secara langsung dengan perubahan dalam kos dana, dari segi teorinya, perubahan dasar monetari mungkin mempunyai kesan yang terbatas atas kos pinjaman sedia ada.

Dalam pasaran wang antara bank, Rajah 2.30 menunjukkan bahawa kadar keuntungan dalam pasaran wang Islam pada umumnya lebih rendah berbanding dengan pasaran wang konvensional. Meskipun begitu, pergerakan dalam kadar keuntungan Islam mengikut rapat perubahan kadar faedah pasaran wang konvensional. Dalam Rajah 2.31, kadar pembiayaan asas (base financing rate, BFR) dua bank Islam utama yang ditunjukkan bergerak hampir dengan BLR bank konvensional. Oleh itu, operasi monetari untuk mengurus mudah tunai dalam sistem perbankan konvensional dan sistem perbankan Islam mempunyai kesan yang serupa.

Rajah 2.30
Kadar Pulangan Perbankan Islam dan Kadar Semalaman Konvensional



Rajah 2.31
Kadar Pinjaman Utama Bank-bank Islam dan Bank Perdagangan



dan situasi mudah tunai yang mencukupi, menyebabkan kadar FD sudah pun lebih tinggi daripada kadar antara bank. Dalam suasana sebegini, institusi perbankan boleh mendapatkan dana yang lebih murah daripada pasaran antara bank, lalu mengurangkan insentif untuk menaikkan kadar deposit. Kebanyakan bank juga menanti kenaikan OPR seterusnya sebelum melakukan perubahan yang besar dalam kadar FD mereka. Hasilnya, pelarasan kadar FD hanya meningkat selepas kenaikan kedua OPR pada bulan Februari. Kos dana antara bank meningkat sejajar dengan peningkatan OPR. Contohnya, kadar antara bank 1 bulan meningkat melepasi kadar FD pada bulan Disember 2005. Mulai bulan Mac, sejumlah 13 bank melaraskan kadar FD 1 bulan mereka sebanyak 10 - 30 mata asas. Menjelang bulan Disember, kadar FD bagi tempoh

matang antara 1 bulan dan 12 bulan meningkat 2-46 mata asas berbanding dengan bulan November 2005. Rajah 2.29 menunjukkan perubahan dalam kadar FD purata dari bulan Disember 2005 hingga bulan Disember 2006, serta kadar FD maksimum, minimum dan mod yang ditawarkan oleh bank pada akhir bulan Disember 2006. Kadar FD benar yang negatif sejak bulan Mei 2005, iaitu apabila inflasi mula meningkat melebihi 3%, berubah kepada positif bagi semua tempoh matang pada bulan Oktober 2006.

Pasaran Bon

Perkembangan global dan dalam negeri menerangkan prestasi pasaran bon pada tahun 2006. Perkembangan pasaran global dalam suasana mudah tunai lebihan yang tinggi memainkan peranan penting dalam mempengaruhi haluan hasil pada tahun 2006, khususnya pada separuh tahun kedua. Pencarian terhadap hasil, akibat daripada keadaan mudah tunai global yang tinggi, menyebabkan aliran modal yang besar memasuki pasaran sedang pesat membangun.

Prospek inflasi, kadar faedah dalam negeri dan keadaan mudah tunai global merupakan antara faktor yang menentukan pergerakan hasil dalam pasaran bon ringgit

Perkembangan global ini dan prospek makroekonomi dan pertumbuhan di Malaysia yang kukuh menyumbang kepada pasaran bon yang memberangsangkan dan aktif pada tahun 2006. Perkembangan dalam negeri berkaitan prospek terhadap inflasi sangat mempengaruhi jangkaan pelabur tentang tindak balas dasar monetari Bank Negara Malaysia, yang kemudiannya mempengaruhi haluan hasil. Jangkaan tentang prestasi kadar pertukaran ringgit juga memainkan peranan dalam mempengaruhi hasil pada tahun 2006.

Rajah 2.32
Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) (2006)



*OPR: Kadar Dasar Semalaman

Kesan faktor-faktor ini terhadap prestasi pasaran bon ringgit pada tahun 2006 dimanifestasikan oleh pergerakan hasil dan premium risiko yang berkait dengan pasaran Malaysia. Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) meningkat, dan pada bulan Jun berada pada paras kira-kira 80 mata asas lebih tinggi berbanding dengan paras pada permulaan tahun 2006. Pasaran meningkat kemudiannya dan kadar hasil bertukar arah pada separuh kedua tahun 2006.

Rajah 2.33
Keluk Hasil Tanda Aras Sekuriti Kerajaan Malaysia 2006



Kadar hasil MGS mencecah tahap tertinggi pada bulan Jun dengan kadar hasil MGS 10 tahun melepasi paras 5%, iaitu pada 5.05%. Spread tempoh matang MGS antara 10 tahun dan 1 tahun adalah yang terluas apabila kadar hasil pasaran bon mencecah tahap tertinggi pada pertengahan tahun. Pembetulan dalam pasaran kewangan global pada bulan Mei memberi kesan yang sedikit terhadap pasaran bon jika dibandingkan dengan pasaran ekuiti.

Lebih penting lagi, terdapat pengecilan spread tempoh matang yang ketara menjelang akhir tahun 2006. Dengan terhapusnya ketidakpastian terhadap prospek makroekonomi global dan inflasi, spread antara tempoh matang 10 tahun dan 1 tahun yang berada di sekitar 80 mata asas pada sebahagian besar separuh tahun pertama, mengecil dengan ketara menjelang akhir tahun. Keluk kadar hasil tanda aras MGS mencuram pada tempoh bulan Januari hingga Jun sebelum kembali mendatar pada separuh tahun kedua berikutan minat pembelian yang tertumpu pada tempoh matang jangka panjang hingga akhir tahun.

Dari segi perkembangan kewangan dalam negeri, jangkaan tentang persekitaran kadar faedah menguasai minat pelabur dalam pasaran bon. Pelabur memulakan tahun 2006 dengan berhati-hati berikutan kenaikan 25 mata asas OPR pada bulan November 2005, apabila Bank Negara Malaysia mula menjajarkan kadar faedah mengikut keadaan ekonomi semasa secara beransur-ansur. Dengan inflasi terus menunjukkan kecenderungan untuk meningkat pada awal tahun, pelabur mula mengambil kira kemungkinan kenaikan kadar sebelum mesyuarat MPC pada bulan Februari dan April. Penyederhanaan tekanan inflasi dan jangkaan inflasi yang lebih rendah pada separuh tahun kedua mempengaruhi tanggapan pelabur bahawa kadar faedah tidak akan meningkat lagi. Jangkaan ini menjadi semakin kukuh apabila inflasi mula menyederhana lantas menaikkan keyakinan pelabur bahawa OPR akan kekal tidak berubah pada 3.5%.

Mudah tunai global yang berlebihan yang menyebabkan pencarian terhadap kadar hasil,

Rajah 2.34
Aliran Pelaburan Portfolio Bersih ke Malaysia (2006)



Sumber: Sistem Pelaporan Imbangan Pembayaran berasaskan Tunai Bank Negara

khususnya berikutan pembetulan pada bulan Mei, juga ketara dalam menjelaskan prestasi pasaran bon Malaysia. Pengecilan kadar hasil MGS selepas bulan Ogos disebabkan terutamanya oleh kadar jangka panjang yang dipengaruhi oleh peningkatan minat mengambil risiko dalam kalangan pelabur yang menjurus kepada aliran pelaburan yang lebih besar kepada keluk hasil sekuriti dengan tempoh matang jangka panjang. Pasaran bon Malaysia juga dilihat semakin menarik berbanding dengan pasaran serantau.

Rajah 2.35
Spread Kadar Hasil (10 tahun -1 tahun) bagi Negara-negara Tertentu (2006)



Rajah 2.36
Urus Niaga Sekuriti Kerajaan Malaysia 2006



Terdapat beberapa faktor lain yang turut menyebabkan spread kadar hasil Malaysia terus mengecil. Menjelang akhir tahun, kadar hasil juga dipengaruhi oleh spekulasi bahawa ringgit akan terus menambah nilai. Ini mendorong pelabur untuk menambah pelaburan dalam pasaran bon ringgit, khususnya dalam sekuriti jangka pendek, yang menyebabkan trend kadar hasil terus menurun. Pada masa yang sama, peningkatan saiz dan kematangan pasaran bon Malaysia menyebabkannya dipertimbangkan masuk ke dalam indeks Citigroup World Government Bond. Kemasukan yang akan berkuat kuasa pada bulan Julai 2007 ini, mendorong beberapa pembelian awal oleh pengurus dana global. Tambahan pula, terbitan sulung MGS boleh panggil pada 15 Disember 2006 juga meningkatkan minat terhadap pasaran bon dalam negeri. Hasilnya, jumlah urus niaga pasaran secara yang relatif rendah selepas pembetulan pada bulan Mei, apabila pelabur asing menarik balik modal dari pasaran sedang pesat membangun, meningkat ke paras tertingginya pada separuh kedua tahun 2006.

Dalam pasaran bon korporat pula, penerbit memasuki pasaran dengan lebih agresif kerana menjangkakan OPR akan meningkat lagi. Peningkatan dalam pasaran MGS juga mencetus minat membeli terhadap segmen pasaran bon korporat bergred tinggi.

Walaupun bilangan penurunan taraf yang dicatat pada tahun 2006 adalah lebih tinggi berbanding dengan tahun 2005, spread kredit dalam pasaran bon korporat kekal stabil sepanjang tahun. Bilangan penurunan taraf yang lebih tinggi adalah terutamanya bagi kategori pelaburan dan merupakan kes yang terpencil disebabkan kriteria penarafan yang lebih ketat diguna pakai. Oleh itu, penurunan taraf ini tidak menjejaskan sentimen pasaran secara keseluruhan.

Rajah 2.37
Kadar Hasil Bon Korporat (2006)



Peningkatan Kerjasama dalam Pembangunan Pasaran Bon Serantau

Usaha kerjasama untuk terus membangunkan pasaran bon serantau yang bertujuan untuk meningkatkan kedalaman dan keluasan pasaran bon serantau menampakkan kemajuan pada tahun 2006 dengan beberapa pencapaian pembangunan penting.

Inisiatif Pasaran Bon Asia

Di bawah naungan Inisiatif Pasaran Bon Asia (**Asian Bond Market Initiative, ABMI**), pelbagai kumpulan kerja yang ditubuhkan pada tahun 2003 untuk menggalakkan terbitan dan perdagangan bon di rantau ini telah meraih beberapa pencapaian penting dalam pelbagai isu. Ini termasuk kajian tentang kemungkinan mewujudkan Bon Mata Wang Kumpulan Serantau (Regional Basket Currency Bond, RBCB), yang merangkumi kajian tentang struktur, penghalang dan rangka kerja pengawalseliaan yang efektif bagi membantu pewujudan RBCB. Kajian tentang "Jaminan Kredit dan Mekanisme Pelaburan" pula memasuki Fasa 2 ke arah membangunkan model perniagaan jaminan kredit dan mekanisme pelaburan bagi rantau ini.

Di bawah Kumpulan Kerja tentang Isu Transaksi dan Penyelesaian Pertukaran Asing yang dipengerusikan oleh Bank Negara Malaysia, laporan awal tentang "Peminimuman Risiko Penyelesaian Pertukaran Asing dalam Rantau ASEAN+3" telah disempurnakan dan diedarkan kepada negara anggota. Matlamat kajian itu adalah untuk menyediakan pilihan kepada rantau ini dalam meminimumkan risiko penjelasan dan penyelesaian untuk urus niaga bon merentas sempadan termasuk kemungkinan mewujudkan pengantara serantau.

Bidang kerjasama lain tertumpu pada langkah-langkah yang perlu dikenal pasti untuk menggalakkan pengharmonian penarafan dan penggunaan lanjut agensi penarafan kredit tempatan dalam rantau ASEAN+3. Usaha juga diambil untuk menghimpunkan pengalaman berharga negara anggota untuk mengenal pasti rangka kerja dasar yang sesuai yang boleh membantu membiayai pembangunan infrastruktur melalui pasaran bon Asia. Fasa 2 program bantuan teknikal untuk lima negara peserta, iaitu Kemboja, Indonesia, Filipina, Thailand dan Vietnam juga telah disempurnakan. Bagi terus meningkatkan keupayaan membandingkan maklumat tentang pasaran bon domestik di rantau ini, Laman Web Asian Bond Online yang dibangunkan pada tahun 2004 juga dipertingkatkan.

Dana Bon Asia

Dana Bon Asia 2 (Asian Bond Fund 2, ABF2) yang dilancarkan pada tahun 2005 mengalami pertumbuhan bilangan unit yang menggalakkan sebanyak 48% dan mencapai pulangan USD sebanyak 6.9% setahun selepas dilancarkan. Dana ini juga semakin mendapat pengiktirafan komuniti pelaburan antarabangsa. Bagi tahun berakhir 3 Ogos 2006, Lipper meletakkan Pan-Asian Investment Fund di tempat pertama dalam kaji selidik dana terbuka bon Asia.

Dana Indeks Bon ABF Malaysia, iaitu satu daripada dana di bawah ABF2 telah disenaraikan pada tahun 2005, dan sejak itu, dana ini membantu meningkatkan minat pelabur dalam pasaran bon Malaysia. Sejak tersenarai, dana ini mencatat pulangan sebanyak 3.9% setahun dalam sebutan ringgit (8.5% dalam sebutan dolar AS[1]) yang meletakkannya antara tiga dana pasaran dalam negeri tunggal di bawah ABF2 yang mencatat prestasi terbaik. Dari segi bilangan unit, dana ini mencatat pertumbuhan sebanyak 13%. Bagi tahun 2006, dana ini mencapai pulangan ringgit sebanyak 4.6% (12.2% dalam sebutan dolar AS). Bilangan unit ABF Malaysia yang didagangkan di Bursa Malaysia pula adalah rendah disebabkan terutamanya oleh pelabur konservatif yang jenis beli-dan-simpan. Namun begitu, keadaan ini dijangka bertambah baik apabila pasaran dalam negeri menjadi matang dan mudah tunainya meningkat.

[1] Ini merupakan jumlah pulangan, termasuk pendapatan diagih berkala tetap, keuntungan modal daripada sebarang kenaikan dalam harga unit dan keuntungan pertukaran asing ke dalam dolar AS, jika ada.

Pasaran Ekuiti

Pasaran ekuiti Malaysia mengakhiri tahun 2006 pada paras yang amat positif, walaupun ia memulakan tahun itu dengan hati-hati dan terdapat beberapa tempoh turun naik yang jelas. Antara faktor yang menyumbang kepada prestasi yang lebih baik ialah aliran masuk asing yang baru ke dalam pasaran ekuiti, perolehan korporat yang kukuh, penggabungan dan pengambilalihan (mergers and acquisition, M&A) syarikat dan sentimen yang didorong jangkaan berikutan pengumuman projek infrastruktur Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9).

Jadual 2.2
Bursa Malaysia : Penunjuk Tertentu

	2005	2006
Indeks Harga:		
FBM30	5,882.5	7,059.9
Komposit	899.8	1,096.2
FBMEMAS	5,737.5	7,169.6
Papan Kedua	80.4	92.0
Pasaran MESDAQ	87.1	119.9
Jumlah Urus Niaga:		
Jumlah (bilion unit)	102.3	197.5
Nilai (RM bilion)	177.3	250.6
Purata Urus Niaga Harian:		
Jumlah (juta unit)	414.3	802.9
Nilai (RM juta)	716.9	1,018.9
Permodalan Pasaran (RM bilion)	695.3	848.7
Permodalan Pasaran / KDNK (%)	140.4	155.3
Jumlah Syarikat Tersenarai:	1,021	1,027
Papan Utama	646	649
Papan Kedua	268	250
Pasaran MESDAQ	107	128
Bilangan Syarikat Dinyahsenarai:		
Papan Utama	9	21
Papan Kedua	5	8
Pasaran MESDAQ	1	1
Mudah Tunai Pasaran:		
Nilai Urus Niaga / Purata Modal Pasaran (%)	25.1	35.9
Jumlah Urus Niaga / Bilangan Sekuriti Disenaraikan (%)	31.4	59.2
Penumpuan Pasaran:		
* Permodalan Pasaran 10 Saham dengan Nilai Pasaran Tertinggi / Jumlah Permodalan Pasaran (%)	36.1	35.4

* Berdasarkan transaksi pasaran sahaja
Sumber: Bursa Malaysia

Selepas menunjukkan prestasi yang lemah secara relatif pada tahun 2005, Indeks Komposit Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Composite Index, KLCI) mengakhiri tahun 2006 pada 1,096.24 mata atau 21.8% lebih tinggi berbanding dengan akhir tahun 2005. Walaupun indeks tanda aras ditutup pada paras tertingginya sejak tahun 1996, pasaran Malaysia ketinggalan di belakang pasaran serantau lain. Walaupun prestasi KLCI lemah pada separuh pertama tahun 2006, ia mencatat keuntungan yang lebih kukuh pada separuh tahun kedua apabila minat pelabur asing dalam pasaran meningkat.

Didorong oleh asas-asas makroekonomi yang positif dan minat pelabur asing, pasaran ekuiti tempatan menunjukkan prestasi yang baik pada tahun 2006

Terdapat juga perbezaan yang ketara dalam prestasi ketiga-tiga indeks utama dalam negeri, dengan MESDAQ yang kecil permodalannya mencatat prestasi yang lebih baik berbanding dengan Papan Utama Bursa Malaysia. Dari segi sektor, sektor pembinaan dan perladangan merupakan sektor yang mencatat prestasi terbaik, masing-masing mencatat kenaikan sebanyak 57.5% dan 54.2% pada tahun 2006.

KLCI memulakan tahun 2007 dengan positif, disokong oleh aliran masuk dana bukan pemastautin yang dipacu oleh jangkaan pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang lebih kukuh, perolehan korporat yang menggalakkan, dan prospek inflasi yang stabil. KLCI mencapai paras tertinggi 1,283.47 mata pada 23 Februari sebelum pembetulan pada akhir bulan Februari dan awal bulan Mac. Pada 7 Mac 2007, KLCI berada pada 1,156.58 mata, atau 5.50% lebih tinggi berbanding pada akhir tahun 2006.

Aliran modal ke dalam pasaran ekuiti penting untuk menerangkan prestasi KLCI pada tahun 2006. Sifat aliran modal ke dalam pasaran ekuiti berbeza dengan ketara antara separuh

Rajah 2.38
Indeks Serantau



Rajah 2.39
Indeks Bursa Malaysia



Rajah 2.40
Indeks Bursa Malaysia mengikut Sektor



tahun pertama dengan kedua. Meskipun aliran masuk modal ke dalam pasaran ekuiti dalam negeri lemah pada separuh tahun pertama, bukti anekdot menunjukkan kehadiran dana lindung nilai luar pesisir dalam saham teknologi tertentu, didorong oleh jangkaan prestasi eksport yang bertambah kukuh dalam sektor keluaran elektronik dan elektrik. Memandangkan sebahagian besar syarikat tersenarai di Papan Kedua dan pasaran MESDAQ merupakan syarikat berkaitan teknologi, minat dan perdagangan yang lebih besar dalam pasaran ini menghasilkan turun naik pasaran yang nyata. Berikutan pembetulan pasaran pada bulan Mei, terdapat aliran keluar yang besar. Walau bagaimanapun, pada separuh tahun kedua, peningkatan aliran masuk ke dalam pasaran ekuiti oleh dana asing tertumpu pada saham permodalan yang lebih besar di Papan Utama yang lebih cair dan mempunyai liputan penyelidikan yang lebih luas.

Jangkaan perolehan korporat yang lebih kukuh dan prospek makroekonomi yang bertambah baik turut memacu pasaran ekuiti ke tahap lebih tinggi pada separuh tahun kedua. Menjelang suku ketiga, harga komoditi, khususnya harga minyak, mulai merosot. Dengan tekanan inflasi yang semakin berkurang, terdapat penunjuk yang jelas bahawa pengetatan dasar monetari global dan domestik telah ditangguh. Tambahan pula, terbukti bahawa meskipun terdapat kenaikan OPR sebanyak tiga kali sejak bulan November 2005, perolehan sektor korporat masih lagi kukuh. Jumlah perolehan korporat meningkat 7.6% pada suku ketiga tahun 2006 berbanding dengan suku yang sama tahun 2005. Dalam tempoh yang sama, pendapatan operasi naik 18.4%. Nisbah perlindungan faedah sektor korporat kekal tinggi pada 5.3, dan keupayaan mereka untuk terus membayar hutang secara relatif tidak terjejas oleh kadar faedah yang lebih tinggi.

Berita positif tentang beberapa sektor juga menyumbang kepada momentum pasaran ekuiti. Permintaan yang memberangsangkan terhadap minyak sawit mentah sepanjang tahun dan penarafan semula yang terus menaik oleh penganalisis pasaran memberi daya pendorong kepada prestasi teguh sektor perladangan berbanding dengan sektor lain KLCI. Selain itu,

Rajah 2.41a
Penggabungan dan Pengambilalihan Mengikut Jenis, 2006



Sumber: Bursa Malaysia

Rajah 2.41b
Penggabungan dan Pengambilalihan Mengikut Sektor, 2006



Sumber: Bursa Malaysia

pengumuman projek infrastruktur di bawah RMK9 semasa pembentangan Bajet 2007, meningkatkan jangkaan pasaran terhadap perolehan yang lebih kukuh dalam sektor pembinaan yang dianggap sebagai antara sektor yang akan mendapat banyak faedah daripada Rancangan itu. Berita baik tentang saham dalam kedua-dua sektor tersebut mengembalikan semula minat asing dalam sektor tersebut dan dalam pasaran ekuiti secara umum.

Aktiviti penggabungan dan pengambilalihan (mergers and acquisitions, M&A) juga membantu mendorong KLCI. Sebanyak 84 M&A berjaya disempurnakan pada tahun 2006, dengan nilai sebanyak RM90 bilion. Kebanyakan M&A ini sama ada dalam bentuk penjualan pegangan saham majoriti dalam entiti tersenarai di Bursa Malaysia atau usaha penswastaan. Dari segi nilai, aktiviti M&A didorong dengan ketara oleh usaha penggabungan dalam sektor perladangan yang bakal mewujudkan syarikat perladangan terbesar di dunia, bernilai RM31.4 bilion. Sektor kewangan juga menyaksikan beberapa aktiviti konsolidasi dalam sektor perbankan.

Rajah 2.43
Urus Niaga Pasaran Bursa Malaysia



Sumber: Bursa Malaysia

Rajah 2.44
Turun Naik[1] di Pasaran Bursa Malaysia



[1] Merujuk kepada pulangan harian yang dikira mengikut purata tahunan pusingan sisihan piawai 90-hari

Sumber: Pengiraan Bank Negara Malaysia

Rajah 2.42a
Prestasi KLCI pada Separuh Pertama Tahun 2006



Rajah 2.42b
Prestasi KLCI pada Separuh Kedua Tahun 2006



Rajah 2.45
Perbandingan Nisbah Harga Perolehan Serantau



Sumber: Bloomberg, Anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 2.46
Perbandingan Nisbah Harga Perolehan Mengikut Sektor dalam Bursa Malaysia



Sumber: Bloomberg, anggaran Bank Negara Malaysia

Urus niaga pasaran bagi KLCI pada tahun 2006 adalah yang tertinggi sejak tahun 2000. Meskipun turun naik pasaran lebih ketara semasa pembetulan pasaran pada pertengahan tahun, tahap turun naik masih lagi di bawah paras yang lalu. Pasaran Malaysia juga tidak begitu terjejas oleh perkembangan di Thailand pada separuh tahun kedua, dengan indeks domestik meningkat semula dengan kukuh.

Walaupun prestasi KLCI pada tahun 2006 lebih teguh, nilai KLCI pada umumnya masih sejajar dengan trend lampau. Pada akhir tahun 2006, nisbah harga-perolehan (price-earnings, P/E) KLCI tinggi sedikit daripada purata lalu. Walau bagaimanapun, mengikut sektor, keuntungan yang nyata dalam sektor pembinaan dan perladangan telah menghasilkan nisbah P/E yang lebih tinggi bagi kedua-dua sektor ini berbanding dengan sektor lain. Kesemua sektor menunjukkan nisbah P/E yang lebih tinggi kecuali sektor perusahaan dan harta benda yang terus berada di bawah purata jangka panjang sektor berkenaan.

PEMBIAYAAN EKONOMI

Dalam suasana monetari dan kewangan dalam negeri yang menyokong kuat aktiviti ekonomi, sektor swasta boleh memilih saluran dan struktur yang paling sesuai dengan keperluan pembiayaan mereka. Jangkaan pada awal tahun 2006 ialah kadar faedah akan meningkat. Ini mendorong para peminjam untuk mendapatkan pembiayaan melalui pasaran sekuriti hutang untuk mengambil peluang daripada kos kadar peminjaman yang lebih rendah. Di samping itu, terdapat anjakan yang ketara ke arah saluran pembiayaan yang memberikan peminjam fleksibiliti yang perlu untuk memenuhi keperluan pembiayaan jangka panjang mereka. Oleh itu, sementara pembiayaan melalui pasaran sekuriti hutang swasta kekal pada tahap yang tinggi, pembiayaan melalui sistem perbankan dan pasaran ekuiti pula lebih perlahan.

Tinjauan Keseluruhan

Pada tahun 2006, jumlah pembiayaan bersih yang disalurkan kepada ekonomi, yang merangkumi

Rajah 2.47
Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Jadual 2.3
Pembiayaan Ekonomi: Terkumpul sehingga akhir Disember 2006

Mengikut pengguna / Mengikut jenis pembiayaan/ Institusi	Perusahaan Perniagaan[1]		Isi rumah	Kerajaan	Jumlah Pembiayaan
	Jumlah	untuk: PKS			
	RM juta				
Perantaraan Kewangan	**346,668**	**120,222**	**386,409**	**1,755**	**734,833**
Institusi Perbankan	258,103	102,501	333,104	1,755	592,962
Institusi Kewangan Pembangunan (IKP)[2]	23,542	13,221	27,596		51,138
Lain-lain perantaraan tempatan[3]	65,024	4,500	25,709		90,733
Pasaran Modal					
Pasaran Bon[4]	186,081			207,590	393,671
Pasaran Ekuiti[5]	1,916				1,916
Modal Teroka[5]	3,310				3,310
Pembiayaan Luar Negeri					
Pelaburan Langsung Asing[5]	25,900				25,900
Hutang Luar Negeri[6]	77,323			73,156	150,479
Perubahan Bersih dalam Pembiayaan (2005)					
Perantaraan Kewangan	**19,852**	**8,540**	**45,902**	**(1,581)**	**64,174**
Institusi Perbankan	5,790	7,655	39,980	(1,581)	44,189
Institusi Kewangan Pembangunan (IKP)[2]	4,324	203	5,578		9,902
Lain-lain perantaraan tempatan[3]	9,738	682	344		10,082
Pasaran Modal					
Pasaran Bon[4]	17,969			13,700	31,669
Pasaran Ekuiti[5]	6,315				6,315
Modal Teroka[5]	2,589				2,589
Pembiayaan Luar Negeri					
Pelaburan Langsung Asing[5]	15,000				15,000
Hutang Luar Negeri[6]	3,662			(10,780)	(7,118)
Jumlah	**65,388**	**8,540**	**45,902**	**1,339**	**112,630**
Perubahan Bersih Pembiayaan (2006)					
Perantaraan Kewangan	**11,960**	**7,571**	**34,274**	**(1,669)**	**44,566**
Institusi Perbankan	7,824	6,545	28,741	(1,669)	34,896
Institusi Kewangan Pembangunan (IKP)[2]	2,544	1,193	5,219		7,763
Lain-lain perantaraan tempatan[3]	1,593	(167)	314		1,907
Pasaran Modal					
Pasaran Bon[4]	10,510			17,120	27,630
Pasaran Ekuiti[5]	1,916				1,916
Modal Teroka[5]	3,310				3,310
Pembiayaan Luar Negeri					
Pelaburan Langsung Asing[5]	25,900				25,900
Hutang Luar Negeri[6]	6,006			(12,963)	(6,956)
Jumlah	**59,602**	**7,571**	**34,274**	**2,488**	**96,365**

[1] Perusahaan perniagaan termasuk institusi kewangan bukan bank, entiti bukan perusahaan perniagaan milik tempatan dan entiti asing.

[2] Merujuk kepada IKP di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan, 2002.

[3] Lain-lain perantaraan tempatan termasuk syarikat insurans, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Institusi Kredit Perumahan, syarikat pemajakan dan pemfaktoran dan Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan.

[4] Pasaran Bon merangkumi sekuriti hutang swasta (PDS) dan Sekuriti Kerajaan Malaysia terkumpul.
PDS merujuk kepada terbitan korporat bon termasuk stok pinjaman tidak boleh tebus, boleh tukar dan tidak bercagar (ICULS) dan nota jangka pertengahan (MTN).

[5] Merujuk kepada aliran pada tahun semasa.

[6] Pinjaman luar negeri oleh Kerajaan merangkumi pinjaman yang dibuat kepada perusahaan awam bukan kewangan (PABK).

Jadual 2.4
Tabung - tabung Khas untuk PKS yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia

Jenis Tabung	RM juta					%	
	Peruntukan	Kelulusan	Pengeluaran	Bayaran Balik	Pinjaman Terkumpul	Kadar Penggunaan[1]	Pinjaman belum dikeluarkan[2]
	Pada akhir tahun 2006						
Tabung Untuk Makanan	1,300.0	1,768.3	1,682.1	981.7	700.4	136.0	4.9
Tabung Usahawan Baru 2	2,850.0	3,206.7	2,864.1	547.8	2,316.3	112.5	10.7
Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2	6,750.0	7,820.2	7,059.0	2,259.7	4,799.2	115.9	9.7
Tabung Projek Usahawan Bumiputera	300.0	599.9	516.8	454.0	62.8	200.0	13.9
Tabung Pemulihan Perniagaan Kecil	200.0	18.3	15.7	5.6	10.1	9.1	14.1
Jumlah	**11,400.0**	**13,413.4**	**12,137.7**	**4,248.8**	**7,888.9**	**117.7**	**9.5**
	Perubahan pada tahun						
Tabung Untuk Makanan	-	144.1	147.6	153.2	-5.6		
Tabung Usahawan Baru 2	500.0	508.4	594.1	162.8	431.3		
Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2	2,000.0	1,471.6	1,655.7	1,233.4	422.2		
Tabung Projek Usahawan Bumiputera	-	66.6	68.8	59.7	9.1		
Tabung Pemulihan Perniagaan Kecil	-	1.8	7.1	4.9	2.2		
Jumlah	**2,500.0**	**2,192.5**	**2,473.3**	**1,614.0**	**859.3**		

[1] Nisbah keseluruhan kepada peruntukan.
[2] Nisbah keseluruhan tolak pengeluaran, kepada kelulusan

pembiayaan awam dan swasta, meningkat pada kadar perlahan sebanyak 5.9% (7.4% pada 2005). Ini secara umumnya selari dengan kadar pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Operasi perniagaan dan aktiviti pelaburan disokong oleh dana dalaman dan peningkatan dalam pembiayaan bersih sebanyak 5.9% (2005:7%), dengan sumber pembiayaan asing, iaitu pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) menambah pembiayaan dalam negeri. Pergantungan pada dana dalaman sedikit sebanyak menjelaskan ketidakselarasan antara kadar pertumbuhan yang lebih perlahan dalam pembiayaan bersih kepada sektor perniagaan berbanding dengan pertumbuhan yang mampan dalam aktiviti pelaburan swasta. Pasaran PDS merupakan sumber utama pembiayaan jangka panjang dalam negeri. Syarikat-syarikat besar semakin giat memperoleh dana dalam pasaran PDS untuk membiayai aktiviti baru mereka. Meskipun sistem perbankan terus menyediakan pembiayaan kepada sektor perniagaan, yang mencakupi bahagian terbesar pengeluaran dana, kebanyakan daripadanya merupakan kemudahan pusingan jangka pendek dengan pembayaran balik yang secara umumnya sepadan dengan pengeluaran. Walau bagaimanapun, dalam kalangan PKS, kredit terus diperoleh terutamanya daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Ini termasuk pembiayaan di bawah Tabung-tabung Khas PKS yang ditadbir Bank Negara Malaysia dan disalurkan melalui institusi perbankan dan IKP.

Pembiayaan sektor isi rumah yang tertumpu terutamanya dalam sistem perbankan, meningkat pada kadar lebih sederhana, iaitu 9.7% (2005:15%), yang secara umumnya selari dengan pertumbuhan perbelanjaan penggunaan.

Pembiayaan Sektor Perniagaan

Sektor perniagaan kurang bergantung pada dana pinjaman bagi modal kerja dan pelaburan pada tahun 2006. Ini seperti yang ditunjukkan oleh jumlah pengeluaran pinjaman bank yang

lebih rendah dan tahap terbitan PDS kasar yang stabil. Berikutan kedudukan lebihan tunai yang kukuh, banyak syarikat besar, khususnya syarikat dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan komoditi, terus bergantung pada dana dalaman, selain ditambah oleh FDI. Pada masa yang sama, syarikat yang menanggung kos operasi yang lebih tinggi, dan juga permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan yang lebih sederhana, mengambil pendirian yang lebih berhati-hati dalam mendapatkan pembiayaan tambahan. Faktor-faktor ini mendorong peningkatan dalam pembiayaan bersih yang stabil walaupun bukan ketara. Pinjaman perniagaan dan PDS terkumpul berkembang 5% (2005: 6.5%).

Operasi perniagaan dan aktiviti pelaburan terus disokong oleh sumber pembiayaan yang pelbagai dan dana yang dijana secara dalaman

Pembiayaan Perniagaan Melalui Sistem Perbankan

Pengambilan pinjaman bank oleh sektor perniagaan, seperti ditunjukkan oleh pengeluaran pinjaman, merosot 3.3% pada tahun 2006 (+6.9% pada 2005). Ini terutamanya mencerminkan keperluan terhadap pembiayaan modal kerja yang lebih rendah dalam sektor perkilangan, dan perniagaan borong dan runcit. Dari segi pinjaman terkumpul kepada sektor perkilangan, kira-kira 26% adalah bagi industri berkaitan dengan sektor pembinaan, iaitu industri besi dan keluli, keluaran bukan logam, dan logam yang direka. Pengeluaran pinjaman merosot apabila pertumbuhan industri berkaitan dengan pembinaan terus menguncup pada separuh pertama tahun 2006. Pertumbuhan sederhana pada separuh kedua tahun 2006 dalam subsegmen tertentu dalam industri keluaran getah dan plastik juga mungkin menyebabkan pengeluaran pinjaman yang lebih rendah.

Rajah 2.49
Penunjuk Pinjaman Bank bagi Sektor Perniagaan*



* Sektor perniagaan termasuk institusi kewangan bukan-bank, entiti bukan perusahaan perniagaan milik tempatan dan entiti asing.

Rajah 2.48
Pinjaman Terkumpul bagi Sub-sektor Pembuatan sehingga akhir 2006



Rajah 2.50
Permohonan Pinjaman oleh Perusahaan Perniagaan Mengikut Sektor Pada Tahun 2006



Rajah 2.51
Pengeluaran Pinjaman oleh Perusahaan Perniagaan Mengikut Sektor Pada Tahun 2006



Pengeluaran pinjaman yang lebih rendah kepada sektor perkilangan sebahagiannya mencerminkan prestasi pengeluaran pinjaman kepada sektor perdagangan borong dan runcit, yang juga meliputi pembiayaan untuk kemudahan pengedaran produk perindustrian dan juga produk isi rumah. Sektor perdagangan borong dan runcit juga menghadapi persaingan yang hebat di dalam keadaan pertumbuhan penggunaan swasta yang mampan.

Sepanjang tahun 2006, nisbah kelulusan pinjaman kepada permohonan secara relatif stabil bagi perniagaan besar dan PKS. Ini menunjukkan bahawa pengeluaran pinjaman yang lebih rendah sebahagian besarnya disebabkan faktor permintaan dan bukan faktor penawaran. Persaingan yang wujud dalam suasana mudah tunai yang berlebihan mendorong institusi perbankan menyediakan pilihan pembiayaan yang menarik. Dalam beberapa kes, syarikat dan PKS berdaya maju yang sedang berkembang mendapat pembiayaan pada kadar tokok kos (cost-plus) yang lebih rendah daripada BLR.

Meskipun prestasi pertumbuhan sektor pembinaan dan industri berkaitan dengan sektor pembinaan bertambah baik pada separuh tahun kedua, ini tidak digambarkan dengan serta-merta oleh peningkatan dalam pengeluaran pinjaman keseluruhan. Namun demikian, permohonan dan kelulusan pinjaman baru pulih dengan kukuh pada suku keempat, mencerminkan sedikit peningkatan dalam keperluan pembiayaan. Bagi tahun 2006 secara keseluruhan, permohonan dan kelulusan pinjaman baru masing-masing meningkat 4.1% dan 12.5% (2005: masing-masing 6.8% dan 9.4%).

Pembiayaan Perniagaan Melalui Pasaran Bon

Pasaran bon kekal sebagai satu daripada sumber pembiayaan penting sektor swasta. Dalam persekitaran inflasi dan kadar faedah yang semakin meningkat pada separuh pertama tahun 2006, syarikat terus memanfaatkan pasaran bon domestik bagi memenuhi keperluan pembiayaan mereka serta mengambil peluang daripada kadar faedah semasa berikutan jangkaan meningkatnya kadar faedah.

Pasaran bon menjadi sumber pembiayaan penting sektor swasta dengan jumlah dana kasar yang diperoleh melalui pasaran sekuriti hutang swasta berterusan besar

Tambahan pula, apabila aktiviti pasaran meningkat pada separuh tahun kedua, minat syarikat untuk menerbitkan sekuriti hutang bagi m emenuhi keperluan pembiayaan mereka, terus tinggi.

Rajah 2.52
Dana yang Diperoleh melalui Pasaran PDS



Jadual 2.5
Dana yang Diperoleh daripada Pasaran Bon

	2005	2006
	RM juta	
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan (kasar)	28,276	26,830
Tolak Penebusan	15,800	12,850
Bersamaan Penerimaan Bersih Persekutuan	12,476	13,980
Terbitan Pelaburan Kerajaan (bersih)	1,000	9,500
Bon Khazanah (bersih)	833	-630
Bon Simpanan Malaysia (bersih)	1,516	-1,931
Dana Bersih yang Diperoleh	**15,825**	**20,919**
Oleh Sektor Swasta		
Sekuriti Hutang Swasta (kasar)	38,196	38,887
Bon Biasa	3,869	8,667
Bon Boleh Tukar	3,745	156
Bon Islam	9,537	4,781
Bon Disokong Aset	6,210	1,546
Nota Jangka Pertengahan	12,296	16,588
Bon Cagamas	2,540	7,150
Tolak Penebusan	18,617	31,519
Sekuriti Hutang Swasta	13,432	20,617
Bon Cagamas	5,185	10,902
Dana Bersih yang Diperoleh	**19,579**	**7,368**
Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Bon	**35,404**	**28,287**

Pada tahun 2006, jumlah dana kasar yang diperoleh melalui pasaran PDS (tidak termasuk Cagamas) masih besar, iaitu sebanyak RM31.7 bilion (2005: RM35.7 bilion). Walau bagaimanapun, pasaran PDS mencatat perolehan dana bersih yang lebih rendah sebanyak RM11.1 bilion kerana penebusan yang lebih tinggi pada tahun itu.

PDS diterbitkan oleh 95 syarikat, terutamanya dalam sektor pembinaan dan harta tanah, perkhidmatan kewangan dan perniagaan serta utiliti (elektrik, gas dan air). Penerbit utama dalam sektor pembinaan dan harta tanah terdiri daripada syarikat yang terbabit dalam projek infrastruktur utama termasuk projek di bawah RMK9. Dalam sektor perkhidmatan kewangan dan perniagaan, terbitan sekuriti hutang oleh syarikat adalah terutamanya untuk membiayai modal kerja dan aktiviti kewangan mereka.

Sementara itu, penjana tenaga bebas dan syarikat yang terbabit dalam projek yang berkaitan dengan air terus bergantung pada pasaran sekuriti hutang untuk memenuhi

Rajah 2.53
Sekuriti Hutang Swasta mengikut Sektor pada tahun 2006: dari segi Penerbit dan Jumlah Terbitan



Rajah 2.54
Pembiayaan PDS mengikut Tujuan



keperluan pembiayaan jangka panjang, yang memerlukan pembiayaan diperoleh dalam jumlah-jumlah yang lebih kecil dalam tempoh yang panjang.

Selain itu, liberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing sejak bulan April 2004, telah mendorong dua lagi terbitan PDS dalam pasaran modal Malaysia oleh entiti asing yang terdiri daripada sebuah bank pembangunan pelbagai hala dan sebuah syarikat multinasional. Terbitan ini telah berjaya dan mendorong entiti tersebut memilih untuk membuat terbitan lain dalam pasaran Malaysia. Dijangkakan lebih banyak entiti sedemikian akan memilih untuk menerbitkan PDS mereka dalam pasaran Malaysia di masa hadapan.

Kebanyakan PDS yang diterbitkan pada tahun 2006 disalurkan untuk aktiviti pelaburan baru (66.1%) dan pembiayaan semula hutang sedia ada (28%). Trend dalam pembiayaan korporat melalui pasaran PDS telah berkembang sejak berlakunya Krisis. Pada tahun-tahun kebelakangan ini, kebanyakan syarikat mendapatkan pembiayaan melalui pasaran hutang bagi membiayai aktiviti pelaburan baru mereka. Keperluan pembiayaan untuk tujuan penstrukturan semula semakin berkurang sejak tahun 2004, memandangkan sektor korporat telah berjaya melaksanakan usaha penstrukturan semula.

Profil tempoh matang PDS yang baru pada tahun 2006 tertumpu pada tempoh antara satu hingga sepuluh tahun (74.2% daripada jumlah terbitan PDS baru), mencerminkan kecenderungan penerbit terhadap pembiayaan jangka pendek dan sederhana. Sementara itu, PDS yang bertempoh matang melebihi 20 tahun (termasuk PDS bertempoh matang paling panjang, iaitu 33 tahun) meningkat pada tahun 2006 dan diterbitkan terutamanya oleh syarikat yang terbabit dalam sektor kewangan, penjanaan tenaga dan projek infrastruktur yang memerlukan pembiayaan jangka panjang disebabkan tempoh tunggu hasil yang panjang bagi projek tersebut.

Sejajar dengan kecenderungan penerbit untuk menerbitkan sekuriti jangka pendek dan sederhana, program nota jangka pertengahan

Rajah 2.56
Terbitan PDS mengikut Tempoh Matang
(Tidak Termasuk Cagamas)



Rajah 2.55
Terbitan PDS mengikut jenis Instrumen (tidak termasuk Cagamas)



Rajah 2.57
Dana yang Diperoleh melalui Sekuriti Hutang Swasta Berasaskan Prinsip Islam dan Konvensional



kekal sebagai bentuk pembiayaan sekuriti hutang pilihan utama (52% daripada jumlah terbitan baru) kerana instrumen ini memberikan fleksibiliti kepada penerbit untuk mendapatkan pembiayaan apabila diperlukan. Selain itu, langkah-langkah dan inisiatif yang dilaksanakan untuk membangunkan pasaran modal Islam yang lebih inovatif dan sofistikated, telah mendorong lebih banyak terbitan produk Islam. Terbitan sekuriti Islam terus berkembang dan mencakupi 50.3% daripada jumlah PDS yang diterbitkan pada tahun 2006.

Jadual 2.6
Pembiayaan Melalui Pasaran Ekuiti (RM juta)

	2005		2006	
	Jumlah (RM)	% Bahagian	Jumlah (RM)	% Bahagian
Tawaran Awam Awal	5,305.1	84.0	1,518.7	79.3
Awam	2,534.7	40.1	619.8	32.4
Tawaran untuk Jualan	2,167.7	34.3	313.4	16.4
Penempatan Persendirian	602.8	9.5	585.6	30.6
Terbitan Hak	967.7	15.3	367.4	19.2
Waran	42.3	0.7	29.4	1.5
Jumlah	**6,315.2**	**100.0**	**1,915.5**	**100.0**

Sumber: Bursa Malaysia

Pembiayaan Perniagaan Melalui Pasaran Ekuiti

Pembiayaan melalui pasaran ekuiti berjumlah RM1.92 bilion pada tahun 2006, jauh lebih rendah berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Kurangnya daya tarikan terbitan ekuiti sebagai saluran untuk memperoleh dana, disebabkan sentimen lemah yang dikaitkan dengan pasaran ekuiti Malaysia pada separuh tahun pertama. Persekitaran kadar faedah yang rendah sepanjang tahun itu dan pengetatan kriteria penyenaraian di Pasaran MESDAQ oleh Suruhanjaya Sekuriti merupakan faktor penyumbang lain bagi pengurangan dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti.

Berikutan ketidakpastian berhubung dengan prospek inflasi dan kemungkinan kenaikan kadar faedah yang berturut-turut pada separuh pertama tahun 2006, terbitan telah ditangguhkan kerana menjangkakan hasil yang lebih baik bagi tawaran awam mereka pada tarikh terkemudian. Manakala itu, persekitaran kadar faedah yang rendah menjadikan bentuk pembiayaan lain lebih menarik. Khususnya, lebih banyak syarikat mendapatkan pembiayaan melalui pasaran PDS. Penyenaraian di Pasaran MESDAQ juga terjejas teruk oleh keputusan Suruhanjaya Sekuriti untuk mengetatkan kriteria penyenaraian. Walau bagaimanapun, langkah dasar tersebut yang bertujuan terutamanya untuk melindungi pelabur, dijangka dapat

Rajah 2.58a
Dana yang Diperoleh - Mengikut Papan Senarai (RM juta, % bahagian)



Sumber: Bursa Malaysia

Rajah 2.58b
Jumlah Penyenaraian Bursa Malaysia pada Tahun 2006



Sumber: Bursa Malaysia

membantu memastikan aliran urus niaga berkualiti ke dalam pasaran dalam jangka panjang.

Namun demikian, sentimen pasaran ekuiti bertukar menjadi lebih menggalakkan pada akhir tahun. Hasilnya, penyenaraian di Papan Utama, Papan Kedua, dan Pasaran MESDAQ lebih aktif pada separuh tahun kedua. Pada lima bulan pertama tahun itu, 18 syarikat disenaraikan di pasaran saham, namun dari bulan Jun seterusnya, 23 syarikat disenaraikan di Bursa Malaysia. Dari segi jumlah dana yang diperoleh, Papan Utama kekal menjadi saluran paling penting penyenaraian di Bursa Malaysia. Lebih banyak dana diperoleh melalui Papan Utama (73.8%)

Rajah 2.59
Jumlah Penyenaraian oleh Bursa Malaysia 2006 - Pecahan mengikut Papan Senarai



berbanding dengan Papan Kedua (12.4%), dan Pasaran MESDAQ (13.8%). Yang paling ketara ialah meskipun syarat penyenaraian lebih ketat, Pasaran MESDAQ terus mencatat bilangan penyenaraian paling tinggi antara ketiga-tiga papan tersebut.

Sektor yang menerima pembiayaan paling banyak ialah sektor yang secara relatif masih

Rajah 2.60
Tawaran Awam Permulaan (IPO) 2006 - Pecahan mengikut Sektor



baru, iaitu Amanah Pelaburan Harta Tanah (Real Estate Investment Trusts, REIT), diikuti sektor perdagangan dan perkhidmatan, dan teknologi. Sebagai menyokong usaha Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan REIT dalam pasaran modal melalui insentif seperti layanan cukai yang menarik, empat REIT baru disenaraikan pada tahun 2006. Dana yang diperoleh sektor REIT berjumlah RM642.9 juta dan mencakupi 33.6% daripada jumlah dana yang diperoleh di Bursa Malaysia pada tahun 2006 (2005: 11.3%). Sektor perdagangan dan perkhidmatan merupakan penerbit kedua terbesar dengan bahagian sebanyak 13.7%, diikuti sektor teknologi, 12.3%.

Pembiayaan Kepada Sektor Isi Rumah

Permintaan terhadap kredit oleh sektor isi rumah mencerminkan pertumbuhan yang agak perlahan dalam perbelanjaan penggunaan. Pinjaman terkumpul sektor isi rumah dengan sistem perbankan, iaitu sumber pembiayaan utama sektor ini, meningkat pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 9.4% pada tahun 2006 (2005: 15.1%). Kadar pertumbuhan yang lebih perlahan ini disebabkan terutamanya oleh pembiayaan lebih rendah untuk pembelian kereta penumpang dan sebahagian lagi untuk pembelian harta kediaman. Secara keseluruhan, pelbagai faktor seperti pelarasan harga dan ketidakpastian umum tentang pasaran kereta telah mempengaruhi keputusan berhubung dengan pembelian barangan mewah pada tahun 2006.

Pembiayaan sektor isi rumah meningkat pada kadar yang lebih sederhana, terutamanya kerana pinjaman kereta penumpang yang lebih rendah

Pinjaman terkumpul bagi pembelian kereta penumpang meningkat pada kadar lebih perlahan, iaitu 6.6%. Secara am, peningkatan ini selari dengan permintaan terhadap kereta baru yang lebih perlahan. Nisbah kelulusan pinjaman kepada permohonan secara relatif terus stabil sepanjang tahun 2006, menunjukkan trend yang semakin sederhana dalam penunjuk

Rajah 2.61
Penunjuk Pinjaman Bank bagi Isi Rumah



pinjaman kereta penumpang yang berpunca terutamanya daripada faktor permintaan dan bukan faktor penawaran. Pada awal tahun 2006, jumlah pembelian kereta menurun kerana sektor isi rumah bersikap "tunggu dan lihat" memandangkan butiran tentang Dasar Automotif Nasional (National Automotive Policy, NAP) pada ketika itu masih belum diumumkan. Berikutan pengumuman butiran NAP, permintaan terhadap kereta menjadi lebih sederhana disebabkan pelbagai faktor. Sektor isi rumah kebanyakannya menangguhkan pembelian disebabkan nilai tukar beli kereta terpakai yang lebih rendah. Ini berlaku

Rajah 2.62
Pinjaman Terkumpul Isi Rumah Di Dalam Sistem Perbankan: Jumlah Pertumbuhan dan Sumbangan Mengikut Tujuan



terutamanya dalam kalangan pembeli yang menukar kereta sedia ada, yang mencakupi sebahagian besar daripada jumlah pembelian dalam pasaran kereta. Sesetengah bakal pembeli kereta juga menangguhkan pembelian kerana menjangka harga akan jatuh lagi.

Pinjaman terkumpul bagi pembelian harta kediaman meningkat pada kadar yang agak sederhana, iaitu 8.5% (12.5% pada tahun 2005). Pertumbuhan dalam permohonan dan pengeluaran pinjaman lebih rendah, masing-masing sebanyak 1% dan 3.6%. Aktiviti pembiayaan bagi harta kediaman terus sederhana kerana permintaan terpendam bagi rumah, jelas telah pun dipenuhi sepanjang beberapa tahun yang lalu. Malah, sebahagian daripada permintaan ini telah dipercepatkan bagi mengambil peluang insentif yang ditawarkan untuk menggalakkan pemilikan rumah, dan juga pakej pembiayaan menarik yang disediakan oleh bank. Di samping itu, sektor isi rumah juga lebih berhati-hati pada tahun 2006, terutamanya dalam aspek pembelian harta tanah untuk tujuan pelaburan. Dengan permintaan yang secara keseluruhan lebih sederhana dan keadaan penawaran yang berlebihan di beberapa lokasi, beberapa keputusan isi rumah untuk menangguhkan pembelian mungkin juga membayangkan harapan agar harga turun lagi pada masa akan datang.

Penggunaan kad kredit meningkat pada tahun 2006. Namun demikian, nisbah pembayaran balik[1] yang menunjukkan jumlah purata hutang yang dibayar sepenuhnya, terus stabil pada 60%. Ini mencerminkan bahawa kad kredit terus digunakan sebagai kaedah pembayaran dan bukan untuk mendapatkan kredit. Pada masa yang sama, nisbah NPL bagi hutang kad kredit terkumpul juga lebih rendah pada 3.7% (akhir tahun 2005: 4.6%).

[1] Nisbah pembayaran balik = [(Jumlah perbelanjaan + pendahuluan tunai) – baki terkumpul / (Jumlah perbelanjaan +pendahuluan tunai)]

Dasar Monetari pada Tahun 2006

TINJAUAN KESELURUHAN

Dasar monetari pada tahun 2006 tertumpu pada usaha memperoleh keseimbangan yang wajar antara mengekalkan kestabilan harga dengan mencapai paras tertinggi pertumbuhan ekonomi yang mampan. Seperti kebanyakan negara dalam ekonomi global, inflasi merupakan antara isu makroekonomi yang utama bagi Malaysia pada tahun 2006. Prestasi ekonomi global yang teguh selama beberapa tahun telah mendorong permintaan terhadap komoditi dan telah menyumbang kepada berlakunya tekanan menaik yang ketara terhadap harga sumber di seluruh dunia. Tekanan kos yang semakin hebat lantas mewajarkan pemerhatian yang lebih teliti terhadap tanda-tanda awal kenaikan harga yang lebih meluas. Walaupun tekanan menaik terhadap harga telah menyebabkan inflasi meningkat ke paras yang belum pernah dialami sejak Krisis Kewangan Asia, trend keseluruhan inflasi tidak memperoleh momentum yang memadai untuk menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi jangka sederhana mahupun menggugat kestabilan harga. Kesan daripada faktor yang didorong oleh penawaran mula reda pada separuh tahun kedua, sementara inflasi teras secara relatif kekal sederhana. Perkembangan ini mengurangkan keperluan terhadap tindak balas dasar monetari yang lebih tegas.

Dalam persekitaran yang mencabar pada tahun 2006, dasar monetari dituju ke arah memastikan kadar faedah berada pada tahap yang membolehkan Bank Negara Malaysia bertindak balas terhadap sebarang risiko kenaikan inflasi, sambil terus menyokong permintaan dalam negeri

Memandangkan pertumbuhan ekonomi kekal mampan, Bank Negara Malaysia mengambil peluang menjajarkan keadaan monetari dengan persekitaran inflasi yang lebih tinggi. Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dinaikkan dua kali, sebanyak 25 mata asas pada bulan Februari dan 25 mata asas lagi pada bulan April. Penjajaran kadar faedah mengikut keadaan ekonomi semasa ini meletakkan Bank Negara Malaysia pada kedudukan yang lebih baik untuk bertindak balas terhadap sebarang risiko kenaikan inflasi. Tidak kurang pentingnya ialah kadar faedah terus menyokong pertumbuhan sambil meminimumkan risiko daripada tempoh kadar faedah benar yang negatif dan berpanjangan.

PERSEKITARAN DASAR DAN CABARAN

Dalam mencapai matlamat dasar monetari bagi memelihara kestabilan harga dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan, dasar monetari berhadapan dengan beberapa cabaran pada sepanjang tahun 2006. Tekanan harga yang berada pada paras yang rendah dan stabil sejak beberapa tahun yang lalu muncul pada separuh tahun pertama dalam suasana harga tenaga dan komoditi yang meningkat dalam pasaran global. Kenaikan inflasi sejak bulan Mei 2004 amat dirasai memandangkan orang ramai dan ekonomi sudah biasa dengan inflasi yang rendah. Kadar inflasi harga pengguna dalam tempoh sebelum berlakunya kenaikan harga

Rajah 3.1
Kadar Inflasi Keseluruhan: 1980-2006



Rajah 3.2
Jangkaan Pasaran bagi Inflasi pada tahun 2006: Jan-06 berbanding dengan Mar-06



Sumber: Consensus Economics

komoditi pada umumnya menurun daripada paras yang tinggi akibat Krisis Kewangan Asia pada tahun 1997-98 dan penyusutan nilai ringgit yang ketara. Bagi tempoh akhir tahun 1999 hingga bulan Julai 2005, kadar inflasi kekal di bawah purata pada tahun 1980-2005 sebanyak 3.2%. Namun begitu, inflasi mula meningkat dengan beransur-ansur, dengan trendnya diselangi oleh beberapa kenaikan nyata ekoran penarikan balik subsidi minyak dan pelarasan menaik harga barangan ditadbir. Memandangkan momentum harga komoditi dalam pasaran global semakin meningkat pada awal tahun, unjuran inflasi Malaysia adalah lebih tinggi daripada inflasi purata jangka panjangnya.

Trend inflasi yang meningkat ini telah menyebabkan jangkaan inflasi meningkat pada tahun 2006. Khususnya, berikutan semakan harga bahan api pada bulan Mac 2006, pasaran kewangan menyelaras jangkaan dan meningkatkan unjuran inflasi bagi tahun 2006. Perkara yang membimbangkan ialah jangkaan berterusan yang sedemikian boleh mewujudkan tekanan menaik terhadap harga barangan dan perkhidmatan dan terhadap upah.

Kenaikan inflasi telah menurunkan kadar faedah benar. Kadar faedah telah berada pada paras terendah sejak Krisis Kewangan Asia pada tahun 1997-98. Apabila inflasi dalam negeri mula naik, kadar faedah benar menurun dan mengalami paras negatif pada suku kedua tahun 2005. Memandangkan Malaysia ialah sebuah negara yang mempunyai tabungan yang tinggi, perkara yang menjadi perhatian khusus ialah kadar pulangan benar atas tabungan yang semakin merosot. Tempoh berpanjangan bagi kadar faedah benar yang negatif dan rendah boleh menyebabkan herotan dari segi bentuk dan pengagihan tabungan serta penggunaan modal.

Pendirian dasar monetari yang akomodatif yang lebih awal berikutan krisis mata wang 1997-1998 telah menyumbang ke arah memastikan permintaan dalam negeri tumbuh dengan mampan. Prospek pertumbuhan dalam negeri terus berdaya tahan sepanjang tahun 2006, didorong oleh penggunaan dan pelaburan

Rajah 3.3
Kadar Faedah dan Kadar Inflasi



Rajah 3.4
Pelaburan Portfolio



Sumber: Sistem Laporan Imbangan Pembayaran Berasaskan Tunai, Bank Negara Malaysia

swasta yang kukuh. Walau bagaimanapun, ketidakpastian berhubung dengan prospek pertumbuhan mula muncul pada separuh tahun kedua. Walaupun penunjuk permintaan dalam negeri membayangkan daya tahan ekonomi yang berterusan, terdapat tanda-tanda bahawa persekitaran luar negeri mungkin menjadi kurang memberangsangkan. Pertumbuhan ekonomi global dan serantau dijangka perlahan pada separuh tahun kedua berikutan kesan kenaikan kadar faedah di luar negara terutamanya di Amerika Syarikat semakin jelas terbukti. Risiko geopolitik dan harga tenaga yang kekal tinggi juga meningkatkan ketidakpastian prospek pertumbuhan ekonomi global. Oleh itu, risiko inflasi perlu diseimbangkan dengan risiko prospek ekonomi yang lebih sederhana.

Peningkatan jumlah aliran modal menambah lagi cabaran kepada persekitaran dasar. Sejajar dengan trend umum serantau, aliran modal swasta, terutamanya aliran portfolio swasta, mengalir ke Malaysia berikutan prospek pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan dan jangkaan terhadap penambahan nilai mata wang ringgit. Walaupun aliran portfolio bersih agak sederhana pada tahun 2006 berbanding dengan paras yang tinggi pada tahun 2004, aliran masuk dan keluar kasar modal portfolio telah meningkat dengan ketara, dan nyata lebih besar berbanding dengan tahun-tahun kebelakangan ini.

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2006

Terdapat tanda-tanda yang jelas pada awal tahun 2006 bahawa kenaikan harga tenaga dan komoditi yang berterusan dalam pasaran global akan meningkatkan tekanan terhadap harga. Tanda-tanda juga jelas menunjukkan kos yang lebih tinggi untuk pemberian subsidi bahan api akan membawa kesan buruk terhadap kedudukan belanjawan Kerajaan. Bagi memastikan sumber digunakan dengan sebaiknya untuk keperluan pembangunan negara, Kerajaan membuat semakan menaik terhadap harga runcit bahan api dalam negeri pada bulan Mac 2006. Dengan itu, inflasi meningkat dengan ketara kepada 4.8% pada bulan Mac dan dijangka kekal pada paras yang tinggi sehingga akhir tahun. Walau bagaimanapun, magnitud kesan pusingan kedua atas inflasi masih tidak jelas pada masa itu.

OPR dinaikkan untuk menjajarkan kadar faedah dengan persekitaran inflasi semasa yang lebih tinggi

Kenaikan inflasi mendorong penjajaran semula kadar faedah mengikut keadaan semasa. Walaupun OPR dinaikkan sebanyak 30 mata asas kepada 3% pada bulan November 2005, keadaan monetari tidak dijajarkan mengikut keadaan harga yang tinggi. Perkara utama yang dipertimbangkan ialah sama ada kejutan harga yang didorong oleh penawaran akan merangsang pusingan kedua kenaikan harga. Tumpuan dasar monetari bukan untuk bertindak menangani kejutan awal yang didorong oleh penawaran, tetapi untuk mengurangkan tekanan permintaan dan kesan pusingan kedua terhadap

Rajah 3.5
Tinjauan bagi Pertumbuhan KDNK Benar pada akhir 2005 (peratus perubahan tahunan)



Sumber: IMF, WEO Sept 2005
* Indonesia, Malaysia, Filipina dan Thailand
** Ekonomi Perindustrian Baru
a anggaran
u unjuran

Rajah 3.6
Keluaran Benar dan Potensi pada awal 2006*



* Anggaran keluaran potensi pada bulan Mac 2006

Jadual 3.1
Keputusan Dasar Monetari Pada Tahun 2006

Pernyataan Dasar Monetari Tarikh Disiarkan	Kadar Dasar Semalaman (%)
20 Januari	3.00
22 Februari	3.25 ↑
26 April	3.50 ↑
22 Mei	3.50
28 Julai	3.50
25 Ogos	3.50
26 September	3.50
24 November	3.50

inflasi. Berdasarkan data yang diperoleh pada pertengahan tahun, Bank Negara Malaysia merumuskan bahawa pemangkin inflasi berpunca terutamanya daripada faktor yang didorong kos dan sedikit sahaja bukti tentang kesan pusingan kedua. Kadar kenaikan inflasi teras secara relatif juga adalah sederhana. Tambahan pula, tidak terdapat tanda-tanda tekanan upah yang luar biasa. Berdasarkan pemerhatian ini, Bank Negara Malaysia mengunjurkan inflasi akan mencapai puncak pada separuh tahun pertama dan akan menjadi sederhana selepas itu.

Dari segi prospek pertumbuhan ekonomi, penilaian melalui penunjuk serentak dan penunjuk pelopor pada awal tahun memperlihatkan bahawa ekonomi dijangka mengekalkan momentum pertumbuhannya pada tahun 2006 berikutan keadaan permintaan dalam dan luar negeri yang menggalakkan. Pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat yang teguh, yang disokong oleh pemulihan di Eropah dan Jepun, dijangka menerajui pertumbuhan di negara perindustrian utama dan seterusnya memberi dorongan kepada peningkatan yang berterusan dalam kitaran elektronik global dan harga komoditi. Pertumbuhan serantau juga dijangka terus kukuh dengan sektor elektrik dan elektronik serantau berkembang sejajar dengan kitaran elektronik global yang meningkat. Sementara itu, pertumbuhan pendapatan dijangka menyokong permintaan dalam negeri melalui penggunaan dan pelaburan swasta yang meningkat.

Ukuran keluaran potensi yang dipantau Bank Negara Malaysia menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia berkembang hampir kepada potensi pertumbuhannya. Peningkatan produktiviti yang berterusan dan pertambahan stok modal dan tenaga kerja dijangka memperluas lagi kapasiti pengeluaran ekonomi, seterusnya meningkatkan paras pertumbuhan ekonomi yang dapat dikekalkan tanpa mendorong tekanan harga.

Dalam persekitaran ini, Bank Negara Malaysia mengambil peluang untuk menjajarkan kadar faedah mengikut keadaan ekonomi semasa. Kadar faedah telah berada pada paras yang terendah dalam jangka masa yang agak lama. Penjajaran kadar faedah ini membolehkan dasar monetari berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk bertindak terhadap risiko inflasi yang lebih tinggi. Kadar faedah benar yang negatif dalam tempoh yang lama juga akan mendedahkan ekonomi kepada risiko herotan yang lebih tinggi. OPR dinaikkan sebanyak 25 mata asas pada bulan Februari dan 25 mata asas lagi pada bulan April. Dengan mengambil kira kenaikan 30 mata asas pada bulan November 2005, OPR telah meningkat sebanyak 80 mata asas secara kumulatif kepada 3.5%, setelah kekal pada 2.7% sejak pengenalan Rangka Kerja Kadar Faedah Baru pada tahun 2004[1].

[1] Sebelum Rangka Kerja Kadar Faedah Baru diperkenalkan pada bulan April 2004, Kadar Campurtangan 3-bulan Bank Negara Malaysia merupakan kadar faedah Dasar. Ia diselaraskan pada bulan Mei 2003, apabila pihak Bank menurunkan kadar tersebut daripada 5% kepada 4.5%.

Berikutan kenaikan ini, keputusan telah dibuat pada bulan Mei untuk mengekalkan kadar faedah. Penilaian prospek ekonomi keseluruhan ketika itu menunjukkan trend asas ekonomi masih tidak berubah. Ekonomi Malaysia dijangka dapat mengekalkan momentum pertumbuhannya berdasarkan keadaan dalam dan luar negeri yang memberangsangkan. Aktiviti penggunaan dan pelaburan swasta yang mantap menunjukkan bahawa permintaan dalam negeri akan dapat dikekalkan. Sementara itu, pertumbuhan yang berterusan di Amerika Syarikat dan China, pemulihan yang bertambah kukuh di Jepun dan kawasan euro, serta momentum jualan global separa konduktor yang mampan menunjukkan permintaan luar negeri kekal kukuh. Walaupun tekanan kos masih wujud, hasil pemantauan menunjukkan kesan harga pusingan kedua dan tekanan inflasi yang berpunca daripada permintaan adalah terbatas. Seperti yang diunjurkan, inflasi mula menjadi sederhana pada bulan Mei, manakala inflasi teras terus stabil. Dengan trend yang menggalakkan ini, MPC membuat keputusan untuk tidak menaikkan OPR dalam mesyuaratnya pada bulan Mei.

Inflasi terus menjadi sederhana pada separuh tahun kedua berikutan luputnya kesan pelarasan harga dan ketiadaan tekanan harga yang baru. Harga minyak dan komoditi antarabangsa yang lebih lemah serta persaingan global yang meningkat, di samping kenaikan upah dan harga yang sederhana dalam ekonomi dalam negeri telah menyumbang ke arah mengekalkan trend penurunan inflasi. Tekanan permintaan juga kekal lemah seperti yang dicerminkan oleh penyederhanaan inflasi teras. Menjelang suku keempat, peserta pasaran kewangan menurunkan ramalan mereka bagi inflasi tahun 2006 sejajar dengan laporan inflasi yang lebih rendah, manakala ramalan inflasi purata tahun 2007 pada akhir bulan Disember 2006 adalah kurang daripada 3%. Inflasi sebenar yang lebih rendah adalah hasil daripada jangkaan inflasi yang tegar yang menerima hakikat bahawa kenaikan inflasi hanya bersifat sementara dan disebabkan terutamanya oleh faktor penawaran. Rekod pencapaian dasar monetari dalam menangani inflasi ialah faktor penyumbang kepada menegarkan dan menstabilkan jangkaan inflasi.

Pelarasan pasaran terhadap perubahan OPR adalah lancar dan seperti yang diramalkan. Ini merupakan perkembangan penting memandangkan pelarasan menaik kadar dasar adalah yang pertama sejak Rangka Kerja Kadar Faedah Baru diperkenalkan pada tahun 2004, apabila penetapan kadar faedah runcit dinyahkawal selia. Pada umumnya, pelarasan kadar pinjaman lebih responsif berbanding dengan pelarasan kadar deposit. Tindak balas kadar deposit yang lebih perlahan disebabkan terutamanya oleh mudah tunai yang

Rajah 3.7
Inflasi Keseluruhan, Teras dan Berpunca daripada Tolakan Kos



Rajah 3.8
Purata Jangkaan Pasaran bagi Inflasi pada tahun 2006 dan 2007



Sumber: Consensus Economics

Rajah 3.9
BLR Bank Perdagangan



Rajah 3.11
Wajaran ALR bagi Pinjaman Baru Yang Diluluskan oleh Bank Perdagangan



*Tidak termasuk pinjaman bagi tujuan pembelian rumah kediaman dan kad kredit

mencukupi dalam sistem kewangan. Meskipun berlaku kenaikan OPR, inflasi yang lebih tinggi menyebabkan kadar deposit benar menjadi negatif. Namun begitu, apabila inflasi mula menurun pada separuh tahun kedua, kadar benar deposit tetap kembali menjadi positif pada bulan Oktober.

Meskipun kadar pinjaman meningkat, kadar itu masih hampir pada paras paling rendah dalam sejarah. Tambahan lagi, kadar pinjaman purata wajaran atas pinjaman baru bagi sektor isi rumah dan perniagaan terus berada di bawah kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank, meskipun BLR meningkat. Keadaan ini mencerminkan persaingan yang berterusan dalam pasaran pinjaman.

Dengan situasi mudah tunai yang mencukupi dalam persekitaran kadar faedah yang rendah, keadaan monetari dan kewangan dalam negeri terus menyokong sektor swasta. Saluran dan instrumen alternatif untuk pembiayaan membolehkan akses kepada bentuk pembiayaan yang lebih pelbagai. Persaingan yang lebih sengit di kalangan pemberi pinjaman telah mendorong bank untuk menawarkan pilihan pembiayaan yang menarik. Di sebalik trend pinjaman bank yang sederhana, terdapat beberapa faktor penting yang perlu diamati. Pertama, operasi perniagaan dan aktiviti pelaburan semakin bergantung pada pembiayaan daripada dana dalaman dan pasaran modal. Pergantungan pada dana dalaman sedikit sebanyak menjelaskan ketidakselarasan antara kadar pertumbuhan aktiviti pembiayaan yang lebih perlahan, dengan pertumbuhan yang mampan dalam aktiviti pelaburan swasta. Kedua, pembiayaan sektor isi rumah menyelaras secara beransur-ansur ke tahap yang lebih mampan selepas meningkat dengan pesat dalam tahun-tahun

Rajah 3.10
Kadar Simpanan Tetap Bank Perdagangan



Rajah 3.12
Penunjuk Pinjaman Perniagaan Terlicin*



* Penunjuk dilicinkan menggunakan purata bergerak terpusat berganda 6-bulan

Rajah 3.13
Penunjuk Pinjaman Isi Rumah Terlicin*



* Penunjuk dilicinkan menggunakan purata bergerak terpusat berganda 6-bulan

kebelakangan ini. Ekoran ketidakpastian dalam pasaran kereta, pinjaman bagi pembelian kereta penumpang yang merupakan penyumbang utama pertumbuhan pinjaman pada tahun 2004 dan 2005, turut menjadi sederhana. Ketiga, meskipun pertumbuhan kredit menurun, permintaan dalam negeri kekal berdaya tahan. Penggunaan isi rumah disokong oleh pendapatan yang meningkat dan prospek guna tenaga yang stabil. Sementara itu, pelaburan oleh sektor perniagaan kekal utuh, diperkukuh sebahagiannya oleh aliran tunai korporat dan pelaburan langsung asing (Foreign Direct Investment, FDI) yang mantap. Trend yang meningkat dalam permohonan dan kelulusan pinjaman, khususnya kepada sektor perniagaan, membayangkan trend pembiayaan akan pulih pada masa depan.

Dari segi kadar pertukaran asing, ringgit mengalami pergerakan dua hala yang lebih ketara berikutan peralihan kepada rejim kadar pertukaran asing yang lebih fleksibel. Sehingga kini, pengukuhan beransur-ansur dalam kadar pertukaran ringgit secara umum sejajar dengan mata wang rakan dagangan utama Malaysia dan mencerminkan kekukuhan asas-asas makroekonomi Malaysia. Selepas lebih daripada satu setengah tahun, jelas bahawa ekonomi negara telah mendapat manfaat daripada rejim kadar pertukaran asing yang lebih fleksibel. Dalam menghadapi perubahan struktur serantau dan global, fleksibiliti pergerakan dua hala yang diberikan oleh rejim kadar pertukaran asing semasa membolehkan fleksibiliti dasar yang lebih tinggi untuk menangani kejutan luaran yang mungkin berlaku. Bukti awal menunjukkan bahawa penambahan dalam nilai kadar pertukaran benar secara beransur-ansur menggalakkan mereka yang dalam sektor perdagangan untuk membuat pelarasan selanjutnya bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Pelarasan struktur seumpama itu telah mengangkat Malaysia ke tahap lebih tinggi dalam rantaian nilai pengeluaran, lantaran meningkatkan lagi daya saing Malaysia secara keseluruhan. Akhirnya, mata wang yang lebih kukuh telah menyumbang kepada pengurangan tekanan harga yang berpunca daripada inflasi yang diimport.

Namun begitu, seperti mana-mana ekonomi kecil yang terbuka dengan dasar pentadbiran pertukaran asing yang liberal, perkembangan global dan aliran modal boleh menjadi cabaran kepada pengurusan kadar pertukaran asing. Bagi Malaysia, aliran modal dua hala yang kukuh, membolehkan keadaan pasaran pertukaran asing yang teratur sepanjang tahun 2006. Tekanan menaik terhadap ringgit yang berpunca daripada aliran masuk ekoran perdagangan antarabangsa, FDI dan pelaburan portfolio telah diimbangi oleh aliran keluar ekoran pembayaran balik dan prabayaran hutang luar negeri, penghantaran balik keuntungan dan dividen yang besar oleh syarikat bukan pemastautin, serta pelaburan luar negeri oleh pemastautin. Berhubung dengan pelaburan luar negeri oleh pemastautin, terdapat pertambahan dalam pelaburan luar negeri kerana syarikat pemastautin mengambil peluang daripada kedudukan kewangan mereka yang bertambah baik untuk meneroka pelaburan strategik di luar negeri. Jumlah aliran keluar melalui penghantaran balik keuntungan dan dividen, dan pelaburan luar negeri berjumlah RM29 bilion atau 5.3% daripada KDNK pada tahun 2006.

Dengan pelbagai negara mencapai tahap keterbukaan ekonomi dan kewangan yang lebih tinggi ketika instrumen dan pasaran kewangan menjadi semakin canggih, perkembangan dalam pasaran global memberikan kesan yang lebih besar terhadap keadaan monetari dan kewangan dalam negeri. Apabila ekonomi dan sistem

kewangan menjadi lebih bersepadu dengan sistem global maka magnitud, saluran dan kepantasan transmisi risiko merentas negara juga menjadi lebih mencabar. Keadaan ini telah mewujudkan peluang kerjasama serantau yang lebih rapat antara bank pusat untuk mengumpul sumber-sumber mereka bagi mempertingkatkan rangkaian pengawasan dan menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan serantau. Rencana berikut menerangkan beberapa inisiatif yang sedang dilaksanakan secara giat oleh bank pusat serantau, termasuk Bank Negara Malaysia.

Inisiatif Terpilih Bank Pusat yang sedang Dijalankan bagi Menggalakkan Kerjasama Serantau

Inisiatif Pasukan Petugas EMEAP

- Penubuhan Pasukan Petugas Kerjasama Kewangan Serantau di Asia pada bulan Februari 2006 merupakan perkembangan yang penting dalam bidang kerjasama serantau pada tahun 2006. Inisiatif ini mencerminkan usaha yang lebih intensif untuk merangsang kerjasama yang lebih mendalam antara bank-bank pusat serantau dengan matlamat utamanya untuk menggalakkan kestabilan makroekonomi dan kewangan dalam rantau ini, dan seterusnya mencapai pertumbuhan dan kestabilan serantau yang saling memperkukuh. Fokus inisiatif ini adalah pada enam mandat kerjasama, iaitu pemantauan makro dan pengurusan risiko serantau; pengurusan dan penyelesaian krisis; pembangunan dan integrasi pasaran dan infrastruktur kewangan; pembinaan kapasiti; perkongsian maklumat, kepakaran dan pengalaman; dan komunikasi.

Inisiatif Chiang Mai

- Usaha yang ketara telah ditumpukan pada pengurusan dan penyelesaian krisis, khususnya pembangunan dan pengukuhan selanjutnya bantuan kendiri dan pengaturan sokongan serantau. Inisiatif Chiang Mai (Chiang Mai Initiative, CMI) menandakan satu langkah penting ke arah menggalakkan bantuan kendiri dan pengaturan sokongan serantau di kalangan negara ASEAN+3[1] bagi mencapai matlamat untuk memastikan kestabilan monetari dan kewangan serantau.

- CMI telah dilancarkan pada 6 Mei 2000 oleh Menteri-Menteri Kewangan ASEAN+3 untuk melengkapi kemudahan kewangan antarabangsa yang sedia ada, dan dengan itu dapat menyediakan sumber kewangan tepat pada masanya kepada negara anggota yang menghadapi keperluan imbangan pembayaran sementara dan mudah tunai jangka pendek. CMI mempunyai dua komponen, iaitu Pengaturan Swap ASEAN (ASEAN Swap Arrangement, ASA) dan rangkaian pengaturan swap dua hala (bilateral swap arrangement, BSA).

- Bagi memperkukuh lagi sokongan bantuan kewangan kendiri serantau, negara ASEAN+3 telah bersetuju untuk bekerjasama dalam merumuskan rangka kerja yang lebih maju bagi pengaturan sokongan mudah tunai serantau, dan seterusnya mencapai matlamat jangka panjang CMI untuk mempunyai komponen pengaturan swap pelbagai hala. Sehubungan dengan itu, satu pasukan petugas telah dibentuk untuk mengkaji beberapa pilihan dan langkah progresif untuk mewujudkan CMI sedemikian. Rangka kerja cadangan itu bertujuan menggalakkan pengumpulan dan penggunaan sokongan mudah tunai secara lebih berkesan dan cekap dalam kalangan negara anggota.

[1] Negara ASEAN terdiri daripada Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand, Cambodia, Lao PDR, Myanmar dan Vietnam. Negara "+3" terdiri daripada Jepun, Korea dan Republik Rakyat China.

- Malaysia telah melaksanakan tiga perjanjian BSA dengan Jepun, Korea dan RR China di bawah CMI. Jumlah BSA tersebut ialah USD4 bilion. Secara kolektif, rangkaian BSA yang merangkumi 16 perjanjian dalam kalangan lapan negara ASEAN+3 mempunyai jumlah terkumpul sebanyak USD77 bilion pada akhir tahun 2006 berbanding dengan USD58.5 bilion pada akhir tahun 2005.

- Perkembangan terbaru ini turut menekankan keperluan untuk meningkatkan kerjasama dalam kalangan negara serantau dalam bidang pengawasan makroekonomi dan kewangan bagi membolehkan pengesanan risiko yang lebih awal dalam rantau ini. Oleh itu, rantau ini telah memulakan beberapa siri usaha untuk menggalakkan pengawasan yang lebih ketat , khususnya dalam memperlengkap BSA di bawah CMI. Pada bulan Mei 2006, Menteri-Menteri Kewangan ASEAN+3 bersetuju supaya langkah-langkah diambil untuk terus memperkukuh kapasiti pengawasan serantau bagi membantu proses dialog dasar di bawah proses Kajian Semula Ekonomi dan Dialog Dasar ASEAN+3 (Economic Review and Policy Dialogue, ERPD). Menteri-Menteri Kewangan ASEAN+3 bersetuju membentuk Kumpulan Pakar (Group of Experts, GoE). GoE yang terdiri daripada beberapa pakar profesional serantau, akan berfungsi sebagai sebuah badan bebas penilaian ekonomi bagi rantau ini. Pakar-pakar itu akan mengenal pasti dan membuat kajian mendalam tentang isu ekonomi dan kewangan yang merupakan kelemahan dan menjadi kebimbangan dalam rantau ini, khususnya dalam bidang dasar makroekonomi, dasar fiskal, sektor luar negeri (kewangan perdagangan dan antarabangsa) dan dasar monetari.

- Di samping itu, Menteri-Menteri Kewangan ASEAN+3 juga bersetuju untuk membentuk Kumpulan Kerja Teknikal bagi Pemantauan Ekonomi dan Kewangan (Technical Working Group on Economic and Financial Monitoring, ETWG) untuk memperkukuh proses pengawasan dalam rantau ini. ETWG akan memainkan peranan penting dalam membangunkan Sistem Amaran Awal untuk membantu pengesanan awal kemunculan risiko dalam sistem. ETWG juga dijangka membantu meningkatkan dan memperkukuh pembinaan kapasiti dan keupayaan pengawasan negara anggota.

OPERASI MONETARI PADA TAHUN 2006

Pelaksanaan dasar monetari sepanjang tahun 2006 tertumpu pada pengurusan keadaan mudah tunai dalam melaksanakan keputusan dasar monetari dan mengekalkan keadaan yang teratur dalam pasaran wang dan pertukaran asing. Operasi dasar tertumpu pada pengurusan mudah tunai lebihan yang besar dalam sistem antara bank, terutamanya berikutan aliran masuk yang besar berpunca daripada perdagangan antarabangsa dan kemasukan pelaburan portfolio. Mudah tunai agregat meningkat pada tahun itu dengan jumlah mudah tunai lebihan yang disterilisasikan oleh pelbagai instrumen dasar monetari berasaskan pasaran Bank Negara Malaysia, meningkat daripada RM163.7 bilion pada 31 Disember 2005 kepada RM207.5 bilion pada 31 Disember 2006. Kebanyakan mudah tunai lebihan ini disterilisasikan melalui pasaran wang konvensional yang mencakupi 79.6% daripada jumlah operasi, sementara bakinya melalui operasi monetari dalam pasaran wang Islam.

Peminjaman langsung kekal sebagai instrumen monetari utama untuk mencakupi 74.4% daripada mudah tunai lebihan yang disterilisasikan. Jenis peminjaman ini merupakan instrumen dasar monetari yang sangat fleksibel kerana peminjaman baru boleh dikendalikan dalam had waktu yang singkat melalui lelongan berbilang harga yang kompetitif menerusi platform Sistem Automatik Sepenuhnya bagi Penenderan (Fully Automated System for Tendering, FAST). Tempoh matang bagi peminjaman ini juga fleksibel, iaitu dari semalaman sehingga 6 bulan, dengan tempoh kematangan purata jumlah peminjaman kekal singkat, iaitu antara 20-30 hari. Dalam pasaran

Rajah 3.14
Instrumen Monetari (Pada akhir tahun 2006)



wang antara bank Islam, penempatan di bawah prinsip Al-Wadiah Yad-Dhamanah (jagaan dan disimpan dengan selamat) umumnya, dijalankan pada tahap kefleksibelan yang sama. Bank Negara Malaysia juga meningkatkan penggunaan urus niaga belian balik (repo) sebagai satu kaedah untuk mensterilisasikan mudah tunai lebihan. Penggunaan repo yang lebih meluas dapat dilaksanakan dengan ketersediaan sekuriti cagaran, terutamanya Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS), daripada pelabur keinstitusian utama melalui pemberian pinjaman sekuriti menerusi Program Penjaga Sekuriti Institusi (Institutional Securities Custodian Program, ISCAP) Bank Negara Malaysia.

Perkembangan penting dalam operasi pasaran wang Islam ialah terbitan sulung Bank Negara Malaysia Sukuk Ijarah pada 16 Februari 2006 dengan saiz terbitan sebanyak RM400 juta. Instrumen ini pada hakikatnya merupakan tuntutan terhadap aliran pembayaran pajakan daripada penjualan dan pengaturan pajakan semula. Wadah khas, iaitu Bank Negara Malaysia Sukuk Berhad telah ditubuhkan untuk menerbitkan Sukuk Ijarah. Perolehan daripada terbitan ini digunakan untuk membeli sekumpulan aset Bank Negara Malaysia yang telah dikenal pasti, yang kemudiannya dipajakkan kepada Bank Negara Malaysia dan bayaran sewa diagihkan kepada para pelabur sebagai pulangan dua kali setahun. Apabila Sukuk Ijarah ini matang, yang juga serentak dengan tarikh akhir tempoh pajakan, Bank Negara Malaysia Sukuk Berhad akan menjual balik aset ini kepada Bank Negara Malaysia pada harga yang ditetapkan terlebih dahulu. Sukuk Ijarah menambah kepada kepelbagaian instrumen pasaran wang di Malaysia dan menyumbang kepada pembangunan jangka panjang pasaran sukuk Islam yang dinamik dan komprehensif di Malaysia.

Usaha penting untuk menambah keluasan instrumen dasar monetari Bank Negara Malaysia ialah pengenalan Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes, BNMN). Susulan pindaan kepada Akta Bank Negara Malaysia 1958 yang berkuat kuasa 19 Oktober 2006, Bank Negara Malaysia boleh menerbitkan instrumen baru ini untuk mengurus mudah tunai dalam pasaran kewangan konvensional dan secara Islam. BNMN tertakluk kepada had yang fleksibel bergantung kepada paras rizab antarabangsa semasa yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia. Instrumen ini boleh diterbitkan sama ada dalam format bersandarkan kupon atau diskaun terhadap nilai muka dengan tempoh matang sehingga tiga tahun. Nota Monetari Konvensional juga boleh diterbitkan dengan membuka semula terbitan sedia ada dan menambahkan saiz terbitan yang dibuka semula itu. Terbitan sulung BNMN dikendalikan pada bulan Disember 2006 dengan nilai terbitan sebanyak RM1 bilion. Sejumlah RM6 bilion BNMN diterbitkan pada tahun 2006 berdasarkan format diskaun terhadap nilai muka, yang kesemuanya mempunyai tempoh matang kurang daripada satu tahun. Pada masa hadapan, BNMN mungkin akan memainkan peranan lebih besar sebagai instrumen dasar monetari memandangkan kefleksibelan instrumen ini, kedalaman pasaran sekunder, dan paras ambang terbitan yang lebih besar yang diberikan kepada Bank Negara Malaysia melalui pindaan pada Akta tersebut.

PEMBERITAHUAN DASAR MONETARI

Pada tahun 2006, Bank Negara Malaysia telah mengambil beberapa inisiatif untuk meningkatkan pemberitahuan keputusan dasar monetari dan

ketelusan proses membuat keputusan dasar monetari. Jadual mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) bagi tahun 2006 telah diumumkan kepada orang ramai lebih awal sejak tahun 2005. Begitu juga, jadual mesyuarat bagi tahun 2007 diumumkan pada bulan November 2006. Selain itu, sejak bulan April 2006, Pernyataan Dasar Monetari (Monetary Policy Statement, MPS) disiarkan pada hari yang sama mesyuarat MPC diadakan. Pemakluman jadual mesyuarat MPC yang lebih awal di samping penyiaran MPS yang tepat pada masanya telah membantu mengurangkan ketidakpastian di kalangan peserta pasaran berhubung dengan waktu keputusan dasar monetari dibuat dan pengumumannya. Penyiaran MPS yang lebih kerap juga meningkatkan pemahaman pasaran tentang isu-isu yang diambil kira oleh Bank Negara Malaysia, dan dengan itu penting dalam membentuk jangkaan pasaran dan orang ramai. Yang penting, kandungan MPS digunakan untuk memberi isyarat penilaian MPC tentang imbangan risiko kepada kestabilan harga dan pertumbuhan ekonomi. Melalui ucapan, temu bual dan saluran komunikasi lain, pegawai kanan Bank Negara Malaysia berusaha mengembangkan dan menegaskan pandangan MPC yang telah membolehkan peserta pasaran memperdalam pemahaman mereka tentang pertimbangan yang mempengaruhi keputusan pendirian dasar monetari.

Prospek dan Dasar

PROSPEK EKONOMI ANTARABANGSA

Prospek prestasi global agak optimistik. Pertumbuhan global pada tahun 2007 diramal terus melebihi 4% bagi tahun kelima berturut-turut. Pertumbuhan sebanyak 4.5% dijangka pada tahun 2007 (5.0% pada tahun 2006) dengan tekanan inflasi terus berkurang dan pertumbuhan perdagangan dunia menjadi sederhana sedikit. Pelarasan dalam pasaran perumahan di AS dijangka memberi kesan yang lebih meluas terhadap penggunaan secara beransur-ansur. Pemulihan di Jepun akan berterusan, walaupun pada kadar yang lebih berperingkat, manakala prospek bagi kawasan euro kini nampak lebih cerah berikutan tanda-tanda pemulihan yang menyeluruh di negara anggota utama. Biarpun kadar pengembangan permintaan luar negeri lebih sederhana, dengan sokongan yang semakin meningkat daripada permintaan dalam negeri, terutamanya di RR China dan India, pertumbuhan di rantau Asia dijangka kekal menggalakkan.

Rajah 4.1
Pertumbuhan Dunia, Perdagangan Dunia dan Pertumbuhan di Negara Perindustrian Utama (2006-2007)



a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan global pada tahun 2007 dijangka berterusan melebihi 4% bagi tahun kelima berturut-turut. Pertumbuhan di AS diramal sederhana manakala pemulihan di Eropah dan Jepun dijangka berterusan. Pertumbuhan di rantau Asia akan disokong oleh permintaan dalam negeri. Aliran modal yang kukuh ke rantau Asia akan terus memberi cabaran kepada pengurusan monetari

Di **AS**, prospek kelemahan berlanjutan dalam pasaran perumahan masih wujud berikutan bahagian pelaburan harta tanah kediaman kepada KDNK kekal melebihi purata beberapa tahun yang lalu, manakala penawaran lebihan berterusan sebagaimana ditunjukkan oleh inventori perumahan dan kadar kekosongan rumah milik individu yang tinggi. Keadaan ini mungkin menyebabkan kesan limpahan kepada aktiviti penggunaan dan sektor ekonomi yang lain pada awal tahun 2007. Permintaan import juga mungkin terjejas secara lebih menyeluruh, ekoran penyederhanaan permintaan dalam negeri. Hasil unjuran ini akan menyumbang kepada pengurangan ketidakseimbangan luar negeri AS yang merupakan isu kebimbangan utama yang dikaitkan dengan pelarasan ketidakseimbangan global.

Kesan penyederhanaan pertumbuhan ekonomi AS kepada momentum pertumbuhan global pada tahun 2007 bergantung terutamanya pada kemampanan pemulihan di Eropah dan Jepun dan kekukuhan sumber pertumbuhan dalam negeri di negara Asia yang lain. Walau bagaimanapun, meskipun negara-negara ini bergantung pada permintaan luar negeri untuk menyokong

pertumbuhan dan pemulihan, bahagian eksport Eropah dan Jepun ke AS telah menurun dengan ketara (Kesatuan 15 negara Eropah: 24% pada tahun 2000 kepada 20% daripada jumlah eksport pada tahun 2006; Jepun: 30% pada tahun 2000 kepada 23% daripada jumlah eksport pada tahun 2006). Dari segi permintaan dalam negeri, ekonomi **kawasan euro** nampak lebih berupaya untuk mengekalkan pengembangannya. Keadaan pasaran pekerja dijangka terus bertambah baik sejajar dengan aktiviti ekonomi yang lebih kukuh dan perjanjian upah yang lebih tinggi, lalu menyokong perbelanjaan pengguna. Pemulihan di Jerman juga dijangka menyumbang kepada permintaan global, seperti yang dicerminkan oleh trend import Jerman daripada ekonomi di luar kawasan euro yang meningkat dengan kukuh.

Rajah 4.2a
Bahagian Eksport EU15 Mengikut Destinasi



Sumber: World Trade Atlas

Rajah 4.2b
Bahagian Eksport Jepun Mengikut Destinasi



Sumber: World Trade Atlas

Walau bagaimanapun, di **Jepun**, terdapat kebimbangan yang berterusan tentang prospek pemulihan yang lebih kukuh dalam penggunaan swasta. Aktiviti penggunaan yang meningkat perlu disokong oleh trend yang kekal meningkat bagi pertumbuhan upah dan pendapatan. Namun begitu, kekukuhan perbelanjaan pelaburan dijangka berterusan memandangkan syarikat Jepun berada dalam kedudukan yang baik untuk mendapat manfaat daripada pengembangan permintaan serantau dan global yang berterusan.

Dengan permintaan luar negeri yang dijangka sederhana lembap, terutamanya pada separuh pertama tahun 2007, ekonomi negara serantau diunjurkan berkembang pada kadar yang kurang pesat sedikit pada tahun 2007. Permintaan dalam negeri dijangka memainkan peranan yang penting dalam menampan kesan penyederhanaan dalam permintaan luar negeri. Selain itu, fleksibiliti dasar monetari dan fiskal berikutan tekanan inflasi yang menurun dan peningkatan kedudukan fiskal negara serantau akan terus menyokong pertumbuhan permintaan dalam negeri. Perkembangan ini terbukti berikutan pendirian dasar monetari Indonesia, Thailand dan Filipina yang lebih akomodatif. Aktiviti penggunaan yang lebih tinggi juga semakin disokong oleh paras pendapatan yang bertambah dalam keadaan

Rajah 4.3
Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar



a Anggaran
r Ramalan
Sumber: Pihak berkuasa negara

pasaran pekerja yang bertambah baik seperti yang dilihat pada tahap pengangguran yang lebih rendah dan upah benar yang meningkat. Perkembangan terkini memperlihatkan pemulihan dalam trend pelaburan. Beberapa projek infrastruktur besar sudah diumumkan atau telah mula beroperasi. Antara projek tersebut termasuk penempatan semula pusat pentadbiran dan pengembangan bekalan perumahan awam di Korea, pembinaan tempat peranginan bersepadu di Singapura, dan projek infrastruktur awam di Thailand dan Filipina.

Trend terkini juga membayangkan bahawa industri separa konduktor global yang merupakan sektor eksport utama di rantau ini, dijangka mencatat setahun lagi pertumbuhan yang menggalakkan dengan unjuran pertumbuhan sebanyak 9.5–10%. Permintaan terhadap keluaran elektronik dengan ciri-ciri yang lebih moden telah memacu peningkatan teknologi dalam industri separa konduktor, seterusnya mendorong kepada pengeluaran mikropemproses, pemproses grafik dan cip memori yang berprestasi tinggi. Sistem operasi Microsoft baru, iaitu Windows Vista dijangka menyokong jualan segmen komputer peribadi pada separuh kedua tahun 2007 ekoran peningkatan dalam permintaan. Sementara itu, dalam pasaran komoditi secara luas, meskipun terdapat beberapa pembetulan baru-baru ini, penunjuk membayangkan permintaan dan harga secara umumnya akan kekal pada tahap yang tinggi.

Di **RR China**, usaha mengimbangkan semula pertumbuhan ke arah penggunaan swasta daripada pelaburan dan aktiviti berkaitan eksport kekal sebagai tumpuan utama penggubal dasar. Pertumbuhan KDNK di RR China dijangka berkurang dengan sederhana pada tahun 2007 memandangkan eksport yang lebih perlahan dan langkah dasar yang diambil untuk mengawal pelaburan yang berlebihan dan menggalakkan usaha mengimbangkan semula ekonomi. Projek infrastruktur yang sedang dilaksanakan yang berkaitan dengan pembangunan luar bandar dan beberapa acara penting seperti Sukan Olimpik 2008, Ekspo Sedunia Shanghai dan Sukan Asia Guangzhou 2010 akan terus menyokong pertumbuhan pelaburan yang kukuh.

Inflasi global telah mula menjadi stabil dalam keadaan harga minyak yang menurun. Namun begitu, keadaan permintaan yang mendasari komoditi kekal kukuh, terutamanya di rantau yang pesat berkembang, yang membayangkan bahawa harga akan terus diberi sokongan dalam jangka yang lebih panjang. Melangkah ke hadapan, meskipun harga minyak yang menurun dan pertumbuhan global yang semakin perlahan pada amnya mungkin akan menyebabkan sedikit kelegaan monetari, tindak balas dasar monetari dijangka berbeza berdasarkan kepada keadaan dan kedudukan negara masing-masing.

Pasaran kewangan global berkembang dengan ketara, didorong oleh pengembangan aliran modal dan pertumbuhan pengantara kewangan baru. Perkembangan ini menyebabkan turun naik pasaran berlaku dan kemungkinan berlaku kesilapan peletakan harga bagi risiko merentas beberapa kelas aset dan pasaran. Aliran masuk modal yang kekal kukuh juga mencetus tindakan dasar oleh pihak berkuasa monetari tertentu di rantau ini. Peningkatan yang besar dalam perdagangan mata wang *carry trade* dan derivatif serta tahap pengintegrasian pasaran kewangan global yang meningkat, menyebabkan risiko berlakunya pelarasan yang mengejut dan besar dalam pasaran kewangan dan harga aset. Pasaran masih mudah terjejas akibat pembetulan yang mendadak yang boleh dicetuskan oleh perubahan jangkaan yang ketara. Perkembangan terbaru pada akhir bulan Februari dan awal bulan Mac dalam pasaran ekuiti global, serantau dan dalam negeri mencerminkan kemungkinan berlakunya kontagion. Walaupun begitu, kapasiti untuk menyerap turun naik dari semasa ke semasa akan bergantung pada daya tahan dan asas-asas ekonomi terbabit.

Meskipun pertumbuhan global dijangka kekal menggalakkan pada tahun 2007, beberapa risiko utama mampu menjejaskan prospek ini. Satu daripada risiko tersebut ialah penyederhanaan ekonomi AS yang lebih ketara daripada jangkaan. Walaupun harga minyak merosot daripada paras tertingginya baru-baru ini, perkembangan geopolitik berupaya mengubah trend ini secara tiba-tiba dengan implikasi terhadap pertumbuhan global yang lebih perlahan dan memperbaharui

tekanan inflasi. Tambahan lagi, walaupun perkembangan baru-baru ini membayangkan bahawa defisit akaun semasa AS akan pulih, risiko pelarasan yang tidak teratur masih wujud. Di samping itu, sebarang kejadian yang menyebabkan aliran keluar kedudukan *carry trade* boleh menyumbang kepada perkembangan yang menjejaskan kestabilan sistem kewangan antarabangsa.

EKONOMI MALAYSIA PADA TAHUN 2007

Ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2007, dengan KDNK benar meningkat 6%, disokong oleh pertumbuhan global yang mampan dan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan. Kadar pertumbuhan ini adalah sejajar dengan peningkatan dalam kapasiti produktif berikutan pengukuhan pemulihan pembentukan modal. Pada tahun 2007, pelaburan, terutamanya pelaburan swasta, dijangka memainkan peranan utama mengekalkan pertumbuhan kerana permintaan dalam dan luar negeri yang kukuh, dan tahap penggunaan kapasiti yang tinggi mendorong syarikat menambah kapasiti. Aktiviti pelaburan oleh sektor awam juga dijangka meningkat dengan kukuh apabila bermulanya kerja projek infrastruktur dan projek lain di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Pelaburan di peringkat firma juga dijangka mendapat manfaat daripada pengurangan cukai pendapatan korporat yang diumumkan pada Bajet 2007, sementara lebihan mudah tunai dalam sistem kewangan akan memastikan sumber pendanaan mencukupi.

Tahun 2007 juga menyaksikan pertumbuhan yang menyeluruh dengan sektor perlombongan dan pembinaan dijangka mencatat pertumbuhan positif setelah menguncup pada tahun 2006. Sektor pembinaan terutamanya mendapat manfaat daripada perbelanjaan awam yang lebih tinggi dan juga permintaan yang kukuh dalam segmen harta tanah bukan kediaman. Bagi sektor perlombongan, pertumbuhan didorong oleh pemulihan pengeluaran gas asli selepas kerja menaikkan taraf loji MLNG2 selesai. Di samping itu, medan minyak Kikeh di Sabah yang ditemui pada tahun 2004 dijangka memulakan pengeluaran pada suku keempat tahun ini.

KDNK benar dijangka meningkat 6% pada tahun 2007, disokong oleh pertumbuhan global yang mampan dan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan

Momentum pertumbuhan pada tahun 2007 dipengaruhi oleh faktor luar dan dalam negeri. Ekonomi global dijangka meningkat dengan lebih sederhana pada separuh tahun pertama, mencerminkan pertumbuhan di AS yang dijangka lebih perlahan dalam tempoh tersebut. Selain itu, industri elektronik global dijangka menyaksikan permintaan terus stabil pada separuh tahun pertama sementara produk baru akan merangsang permintaan pada separuh tahun kedua. Bagi sektor dalam negeri, beberapa perkembangan penting dijangka memberi kesan kepada pertumbuhan terutamanya pada separuh tahun kedua. Ini termasuk pelaksanaan projek awam yang lebih pesat, permulaan pengeluaran di medan minyak Kikeh dan peningkatan ketara ketibaan pelancong berikutan Tahun Melawat Malaysia 2007 semasa kemuncak pelancongan musim panas. Berdasarkan faktor-faktor ini, ekonomi Malaysia dijangka menikmati pertumbuhan lebih kukuh pada separuh tahun kedua.

Inflasi dijangka kekal rendah pada sepanjang tahun. Selepas mengalami peningkatan pada tahun 2006 berikutan pengurangan sebahagian subsidi minyak dan lain-lain, inflasi dijangka menurun pada tahun 2007. Tekanan harga daripada keadaan permintaan dijangka kekal rendah memandangkan pertumbuhan ekonomi yang lebih seimbang pada tahun 2007. Selain itu, harga minyak dan tenaga yang lebih rendah mengurangkan inflasi yang diimport. Hasil daripada faktor-faktor ini, kadar inflasi purata bagi tahun 2007 dijangka berada pada jurang antara 2 - 2.5%.

Akaun semasa dijangka mencatat lebihan, didorong oleh lebihan perdagangan dan pertambahan perolehan perkhidmatan daripada sektor pelancongan. Aliran masuk pelaburan langsung asing dijangka kekal tinggi. Namun begitu, aliran masuk ini akan diimbangi oleh aliran keluar yang kukuh yang merupakan ciri ekonomi yang sangat terbuka. Tahap hutang luar negeri bagi Malaysia dijangka menurun memandangkan sektor awam terus mencatat pembayaran balik bersih untuk obligasi luar negerinya. Prestasi sektor perdagangan, minyak dan gas, dan kewangan yang kukuh juga membolehkan pelabur langsung asing menghantar balik keuntungan dan dividen yang tinggi ke pejabat induk di negara asal. Selain itu, pelabur dan syarikat Malaysia dijangka semakin meningkatkan usaha mempelbagaikan portfolio mereka dengan melabur di luar negara. Aliran dua hala yang memberangsangkan ini menambah baik asas-asas ekonomi Malaysia sambil mempertingkatkan integrasi ekonomi dengan ekonomi serantau dan global.

Keadaan Permintaan Dalam Negeri

Aggregat permintaan dalam negeri dijangka kekal berdaya tahan dengan kadar pertumbuhan sebanyak 7.4% pada tahun 2007. Sektor swasta akan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan. Sementara itu, sektor awam dijangka memainkan peranan yang lebih penting ekoran pelaksanaan projek pelaburan awam di bawah RMKe-9.

Pelaburan swasta khususnya akan menjadi pemacu utama pertumbuhan dan dijangka meningkat 10.4%, disebabkan perbelanjaan modal yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan, perkhidmatan, dan minyak dan gas. Pengurangan cukai pendapatan korporat kepada 27% yang diumumkan pada Bajet 2007 juga akan merangsang perbelanjaan modal swasta. Perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan didorong terutamanya oleh usaha meningkatkan kecekapan dan menambah kapasiti, khususnya dalam projek dengan nilai ditambah yang lebih tinggi, yang menggunakan tahap teknologi dan tenaga kerja berasaskan pengetahuan yang lebih tinggi. Bagi sektor perkhidmatan, perbelanjaan modal dalam subsektor utiliti, telekomunikasi dan pengangkutan dijangka kekal tinggi. Perbelanjaan tertumpu pada pembangunan loji janakuasa dan penambahbaikan projek yang berkaitan dengan air, peningkatan kualiti rangkaian telekomunikasi dan penyediaan kemudahan jalur lebar tambahan. Dalam sektor pengangkutan, pembekal perkhidmatan perkapalan dan udara dijangka berbelanja untuk menambahkan bilangan kapal dan pesawat udara. Sementara itu, perbelanjaan modal dalam sektor minyak dan gas dijangka lebih tinggi dengan penemuan medan minyak dan gas baru pada tahun-tahun kebelakangan ini serta juga aktiviti carigali dan kajian yang berterusan di kawasan laut dalam.

Menyedari pentingnya peranan yang dimainkan oleh sektor awam dalam menggalakkan pelaburan sektor swasta, Kerajaan memperkenalkan beberapa inisiatif pelaburan

Jadual 4.1
KDNK Benar mengikut Perbelanjaan (1987=100)

	2006*a*	2007*r*	2006*a*	2007*r*
	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK benar (mata peratusan)	
Permintaan dalam negeri[1]	**7.4**	**7.4**	**6.8**	**6.8**
Perbelanjaan sektor swasta	7.6	7.2	4.7	4.5
Penggunaan	*7.0*	*6.4*	*3.5*	*3.3*
Pelaburan	*9.7*	*10.4*	*1.2*	*1.3*
Perbelanjaan sektor awam	7.2	7.7	2.1	2.3
Penggunaan	*7.9*	*4.1*	*1.2*	*0.6*
Pelaburan	*6.5*	*11.4*	*1.0*	*1.7*
Perubahan dalam stok			**-0.5**	**-0.1**
Eksport barangan dan perkhidmatan bersih	**-5.0**	**-9.6**	**-0.4**	**-0.8**
Eksport	6.3	6.3	7.7	7.6
Import	7.2	7.4	8.1	8.4
Keluaran Dalam Negeri Kasar Benar	**5.9**	**6.0**	**5.9**	**6.0**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
[1] Tidak termasuk stok
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam bagi menarik pelabur asing dan tempatan. Khususnya, Inisiatif Pembiayaan Swasta (Private Financing Initiatives, PFI) telah diperkenalkan, yang dengannya Kerajaan mengenal pasti projek untuk dilaksanakan, sementara sektor swasta mendapatkan dana dan melaksanakan projek tersebut. Ini akan menyaksikan penyertaan swasta yang lebih meluas dalam projek sektor awam. Dana Pemudahan PFI berjumlah RM5 bilion disediakan untuk menyokong projek RMKe-9 yang dilaksanakan oleh sektor swasta. Projek yang dilaksanakan melalui mekanisme ini termasuk pembinaan sekolah, kuarters dan bangunan pejabat kerajaan. Pelaksanaan projek RMKe-9 juga dijangka merangsang perbelanjaan modal dalam sektor pembinaan. Hasil daripada projek baru ini dan projek jalan raya yang bermula pada tahun 2006 dan sedang dilaksanakan, aktiviti pembinaan dijangka meningkat dengan ketara pada separuh kedua tahun 2007.

Rajah 4.4
KDNK Benar dan Penggunaan Swasta



r Ramalan

Sumbangan sektor awam kepada pertumbuhan dijangka terus meningkat pada tahun 2007 disebabkan terutamanya oleh pelaburan awam yang lebih tinggi. **Pelaburan awam** dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 11.4% didorong oleh perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi untuk projek RMKe-9. Peruntukan Kerajaan Persekutuan bagi perbelanjaan pembangunan dalam sektor perkhidmatan ekonomi adalah terutamanya untuk meningkatkan sektor pertanian, menyediakan sokongan untuk pertumbuhan perindustrian dan pembangunan infrastruktur. Dalam sektor perkhidmatan sosial, sebahagian besar perbelanjaan adalah untuk menyediakan perkhidmatan asas seperti pendidikan dan kesihatan dan pembangunan projek perumahan. Bagi menggalakkan pembangunan antara wilayah yang lebih saksama, tumpuan akan diberikan pada projek pelaburan di Koridor Ekonomi Utara, Koridor Ekonomi Timur dan Wilayah Pembangunan Ekonomi Johor Selatan.

Selain daripada pelaburan yang dibuat terus oleh Kerajaan Persekutuan, pelaburan awam juga mendapat sokongan daripada perbelanjaan modal terancang yang kukuh oleh perusahaan awam bukan kewangan (PABK). Tenaga Nasional Berhad dijangka meneruskan pelaburan dalam infrastruktur transmisi dan pengedaran bekalan elektrik, serta penambahan kapasiti penjanaan kuasanya. Telekom Malaysia Berhad juga akan menaikkan taraf infrastruktur komunikasi. Dalam sektor minyak dan gas, sebahagian besar perbelanjaan modal PETRONAS adalah bagi segmen minyak dan gas huluan, dengan kerjasama syarikat yang mempunyai kontrak perkongsian pengeluaran dengannya.

Penggunaan swasta dijangka kekal berdaya tahan dengan peningkatan sebanyak 6.4% pada tahun 2007. Berikutan pertumbuhan yang mampan terdapat peningkatan peluang pekerjaan pada tahun-tahun kebelakangan ini, sektor isi rumah dijangka menikmati pertumbuhan pendapatan dan prospek peluang pekerjaan yang lebih baik. Di samping itu, harga komoditi yang tinggi merangsang pendapatan dan perbelanjaan luar bandar dengan ketara. Trend yang sama dijangka berterusan pada tahun 2007. Selain daripada pertumbuhan pendapatan yang mampan, kadar inflasi yang lebih rendah, persekitaran pembiayaan yang kondusif dengan

Rajah 4.5
Penunjuk Hutang Isi Rumah



kadar faedah yang rendah dan stabil, serta kadar tabungan yang tinggi ialah antara faktor yang memberi sokongan terhadap kemampanan penggunaan sektor isi rumah. Khususnya, kedudukan kewangan sektor isi rumah secara relatif kekal kukuh, seperti yang ditunjukkan oleh paras hutang yang stabil dan bebanan khidmat bayaran hutang yang berkurang. Hasilnya, pertumbuhan penggunaan dijangka kekal mantap, melebihi pertumbuhan KDNK keseluruhan bagi tahun kelapan berturut-turut.

Peningkatan yang mampan dalam permintaan pekerja memastikan ekonomi beroperasi menghampiri guna tenaga penuh, dengan **kadar pengangguran** kekal pada 3.5%. Hasilnya, upah dijangka meningkat pada tahun 2007. Kaji Selidik Persekutuan Majikan Malaysia terkini menunjukkan secara purata gaji dijangka meningkat 5.5% bagi eksekutif dan 5.4% bagi bukan eksekutif. Namun begitu kenaikan gaji purata bagi eksekutif dalam industri yang memerlukan pekerja berkemahiran lebih tinggi seperti insurans, perbankan dan pelaburan; perkhidmatan perniagaan dan khidmat runding; pendidikan; industri makanan dan minuman serta berkaitan bahan kimia; serta ICT, media dan pengiklanan, berkemungkinan meningkat lebih tinggi daripada purata industri sebanyak 5.5%. Bagi industri-industri ini, majikan dijangka menawarkan kenaikan gaji sehingga 6.8%. Sementara itu, peningkatan produktiviti yang begitu ketara pada tahun-tahun kebelakangan ini, dijangka lebih kukuh memandangkan lebih banyak syarikat melaksanakan upah yang dikaitkan dengan prestasi dan produktiviti di samping meningkatkan penjenteraan dan automasi bagi mencapai kecekapan yang lebih tinggi. Selain itu, **penggunaan awam** dijangka meningkat dengan lebih sederhana sebanyak 4.1% pada tahun 2007, terutamanya untuk perbelanjaan bagi bekalan dan perkhidmatan. Peningkatan itu disebabkan sebahagiannya oleh penekanan Kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian bagi menyokong aktiviti sektor swasta.

Prospek Mengikut Sektor

Dari segi pengeluaran, pertumbuhan dijangka menyeluruh, mencerminkan pengembangan dalam kesemua sektor ekonomi. Sektor perkhidmatan dan perkilangan akan terus memacu pertumbuhan dengan berkembang pada kadar yang lebih tinggi daripada pertumbuhan KDNK keseluruhan. Sektor perkilangan akan dipacu oleh industri berasaskan sumber dan disokong oleh sektor elektronik dan elektrik (E&E). Kesan positif daripada kempen penggalakan pelancongan sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 (TMM 2007) dan peningkatan sumbangan daripada aktiviti baru dijangka memberi manfaat kepada sektor perkhidmatan. Sementara itu, sektor pertanian dijangka terus berkembang, mencerminkan peningkatan dalam pengeluaran kesemua tanaman utama, meskipun pada kadar yang lebih sederhana. Sektor perlombongan dan pembinaan dijangka pulih dan mencatat

Jadual 4.2
KDNK Benar mengikut Sektor (1987=100)

	2006*a*	2007*r*
	Perubahan tahunan (%)	
Pertanian	6.4	3.2
Perlombongan	-0.2	2.8
Perkilangan	7.0	6.6
Pembinaan	-0.5	3.0
Perkhidmatan	6.5	6.3
KDNK Benar	**5.9**	**6.0**

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia
Bank Negara Malaysia

pertumbuhan yang positif. Sektor perlombongan akan disokong oleh kapasiti baru yang mula beroperasi manakala sektor pembinaan akan dibantu oleh kesan positif daripada pelaksanaan projek pembangunan di bawah RMKe-9.

Pertumbuhan **sektor perkilangan** dijangka berterusan pada 6.6% (2006: 7%). Walaupun sektor elektronik dan elektrik mungkin mengalami sedikit penyederhanaan pada separuh pertama tahun 2007 kerana jangkaan penyederhanaan dalam ekonomi AS, pertumbuhan akan disokong oleh industri lain. Khususnya, industri berasaskan sumber dan industri yang berkaitan dengan sektor pembinaan dijangka memberi sokongan pada tahun itu, didorong terutamanya oleh permintaan serantau yang mampan dan aktiviti dalam negeri yang lebih menyeluruh.

Dalam sektor E&E, terdapat sedikit tanda-tanda yang menunjukkan permintaan AS terhadap komputer dan komponen yang berkaitan dengan komputer semakin lembap menjelang akhir tahun 2006. Memandangkan AS merupakan destinasi eksport utama bagi keluaran E&E Malaysia, penyederhanaan ekonomi AS yang dialami sekarang dijangka memberi sedikit kesan terhadap eksport Malaysia. Di samping itu, terdapat tanda-tanda yang menunjukkan peningkatan yang sedikit dalam inventori bagi keluaran tertentu, seperti telefon bimbit tanpa wayar 3G dan komputer bernilai tinggi.

Berdasarkan keadaan di atas, didapati bahawa penilaian terhadap sektor E&E Malaysia dijangka akan tumbuh dengan sederhana pada separuh pertama tahun 2007, sejajar dengan trend dalam ekonomi AS. Sektor ini dijangka meningkat dengan kukuh pada separuh tahun kedua, disokong oleh permintaan global yang lebih pesat terhadap sistem pengoperasian yang baru, iaitu Windows Vista. Memandangkan hanya peratusan kecil komputer yang sedia ada di dunia yang dapat menyokong sistem baru ini (dianggarkan sebanyak 15%), kebanyakan pengguna akan sama ada menambah baik perkakasan komputer mereka yang sedia ada atau membeli komputer baru. Peningkatan pemerolehan sistem pengoperasian baru ini dijangka merangsang permintaan terhadap komputer dan komponen separa konduktor yang berkaitan, seperti produk memori dan pemacu cakera keras. Sektor E&E juga dijangka terus mendapat manfaat daripada segmen keluaran lain disebabkan kitaran elektronik global yang menaik sekarang ini dijangka berterusan pada tahun 2008.

Permintaan kukuh terhadap industri berasaskan sumber tertentu seperti bahan kimia, keluaran getah dan produk petroleum akan memberi sokongan kepada sektor perkilangan pada tahun 2007. Prestasi industri kimia dijangka lebih baik disebabkan dorongan daripada loji biodiesel baru yang akan mula beroperasi pada tahun 2007. Pertumbuhan industri keluaran getah juga dijangka terus teguh, disokong oleh permintaan yang berterusan terhadap sarung tangan getah dan peralihan dalam industri tayar kepada keluaran yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi berikutan harga input yang lebih stabil. Pengeluaran produk petroleum dijangka didorong oleh permintaan yang lebih tinggi, manakala industri berkaitan pembinaan pula akan disokong oleh pelaksanaan projek RMKe-9.

Sektor perkhidmatan dijangka terus menjadi pemacu pertumbuhan utama yang akan menyumbang 3.7 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan. Pertumbuhan akan didorong terutamanya oleh perkhidmatan pengantara, manakala segmen perkhidmatan akhir diunjurkan berkembang pada kadar yang sederhana, sejajar dengan aktiviti penggunaan swasta pada tahun 2007. Dalam segmen perkhidmatan pengantara, subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan akan memainkan peranan yang dominan dalam menjana pertumbuhan, dipacu terutamanya oleh sektor pertumbuhan baru. Yang penting, kemasukan peserta baru dalam kewangan Islam dan bank pelaburan yang baru dibentuk dijangka menjana aktiviti yang lebih banyak dengan pelancaran produk dan perkhidmatan inovatif yang baru bagi menarik pelbagai kelas pelanggan termasuk pelanggan asing. Pada tahun 2007, inisiatif untuk mempromosikan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa juga dijangka menjadi lebih giat.

Segmen perkhidmatan perniagaan dijangka mendapat manfaat daripada peningkatan aktiviti berikutan bermulanya operasi syarikat IT baru, dan perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga yang baru, yang telah diberi status Koridor Raya Multimedia (MSC) pada tahun 2006. Sejajar dengan strategi yang digariskan dalam Strategi 886 Perkhidmatan Maklumat, Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Malaysian Information, Communications and Multimedia Services 886 Strategy, MyICMS 886), dalam beberapa tahun akan datang, industri IT dijangka terbabit dalam pembangunan kandungan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Ini bagi memastikan penawaran produk mencukupi untuk pendidikan, hiburan, permainan dan e-perkhidmatan. Tambahan pula, permintaan terhadap perkhidmatan profesional dan kemahiran yang terpilih seperti perkhidmatan pelukisan pelan, kejuruukuran, kejurubinaan dan kejuruteraan juga dijangka meningkat berikutan peningkatan dalam aktiviti pembinaan dan pelaburan yang ketara dalam sektor minyak dan gas.

Subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi juga dijangka mencatat pertumbuhan lebih kukuh. Khususnya, pertumbuhan dalam industri telekomunikasi akan menjadi lebih ketara dipacu oleh peningkatan kemampuan dan ketersediaan telefon selular multimedia dengan ciri-ciri yang lebih maju dalam keadaan liputan rangkaian data berkelajuan tinggi yang lebih luas. Sementara itu, segmen pengangkutan dijangka mendapat manfaat daripada peningkatan jumlah ketibaan pelancong sempena TMM 2007, dan juga pengembangan kapasiti dan usaha promosi oleh syarikat penerbangan domestik.

Segmen perkhidmatan akhir dijangka berkembang pada kadar yang sederhana sejajar dengan aktiviti penggunaan swasta pada tahun 2007. Sebahagian daripada kesan itu akan diimbangi oleh peningkatan aktiviti berkaitan dengan pelancongan memandangkan sebanyak 240 acara dan aktiviti telah diatur sempena TMM 2007. Di samping itu, kesan limpahan daripada pelaksanaan projek RMKe-9 dijangka dapat menjana aktiviti yang lebih banyak dalam sektor perkhidmatan.

Sektor pertanian dijangka berkembang 3.2%, mencerminkan peningkatan dalam pengeluaran kesemua tanaman utama. Biarpun pertumbuhan pada separuh tahun pertama, khususnya pengeluaran minyak sawit mentah dan tanaman yang sangat bergantung pada pengairan, dijangka mengalami sedikit penyederhanaan kerana keadaan kering yang luar biasa akibat fenomena cuaca *El Nino*, kesan ini dijangka bersifat sementara. Sektor pertanian dijangka tumbuh dengan lebih kukuh pada separuh tahun kedua. Pengeluaran getah dijangka terus berkembang sebanyak 3.2% kepada 1.30 juta tan pada tahun 2007, didorong oleh harga yang menggalakkan. Teknik pembiakbakaan yang bertambah baik dan permintaan dalam negeri yang kukuh juga dijangka menghasilkan pengeluaran ternakan yang lebih banyak pada tahun 2007.

Sektor perlombongan dijangka berkembang 2.8%, disokong oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi. Pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) dijangka berpurata 722,500 tong sehari (barrels per day, bpd), disokong oleh permulaan operasi di medan minyak baru di Kikeh, iaitu di luar pesisir Sabah pada suku keempat tahun 2007. Loji Kikeh dijangka mengeluarkan 60,000 bpd minyak mentah pada peringkat permulaan sebelum meningkat kepada 120,000 bpd menjelang suku pertama tahun 2008. Pengeluaran gas asli juga dijangka meningkat 2.2% apabila loji MLNG2 beroperasi sepenuhnya pada separuh tahun kedua berikutan langkah meningkatkan kapasiti. Peningkatan pengeluaran adalah untuk memenuhi kontrak jangka panjang dengan Jepun dan Korea.

Selepas merosot selama tiga tahun berturut-turut, nilai ditambah **sektor pembinaan** dijangka pulih kembali didorong terutamanya oleh segmen kejuruteraan awam. Memandangkan projek di bawah RMKe-9 akan ditawarkan tender dan dilaksanakan, kesan ini dijangka dapat dilihat dalam aktiviti sebenar yang akan menyokong pemulihan yang beransur-ansur dalam segmen kejuruteraan awam. Pertumbuhan juga dijangka dijana daripada aktiviti pembinaan yang berkaitan dengan

sektor minyak dan gas. Sektor pembinaan akan dipertingkatkan lagi oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam segmen bukan kediaman kerana permintaan terhadap ruang pejabat dan peningkatan dalam penawaran ruang perniagaan dijangka meningkat. Pada tahun 2007, 10 kompleks membeli-belah baru dijangka mula operasi di Lembah Kelang. Sementara itu, segmen kediaman dijangka terus berkembang. Pelancaran kediaman dijangka dalam jumlah yang kecil dan tertumpu terutamanya di lokasi utama dan segmen khusus.

Imbangan Pembayaran

Dari segi sektor luar negeri, lebihan akaun semasa diramal kekal besar pada 16.3% daripada KNK, mencerminkan lebihan dalam akaun dagangan yang terus tinggi dan akaun perkhidmatan yang bertambah baik. Eksport dan import kasar dijangka berkembang masing-masing sebanyak 8.2% dan 9.8%. Pertumbuhan yang kukuh dalam eksport keluaran perkilangan berasaskan sumber akan mengehadkan sebahagian daripada pertumbuhan yang lebih sederhana dalam eksport E&E. Pertumbuhan eksport komoditi dijangka mampan, disokong oleh harga minyak sawit yang lebih tinggi. Paras eksport pertanian dan mineral yang berterusan tinggi yang mempunyai kandungan import yang rendah, akan terus memberi sokongan kepada lebihan perdagangan. Perolehan pelancongan yang lebih tinggi sempena kempen Tahun Melawat Malaysia 2007 akan menyumbang kepada penambahbaikan akaun perkhidmatan. Dalam akaun kewangan pula, aliran masuk pelaburan langsung asing juga akan memperkukuh keseluruhan imbangan pembayaran.

Eksport perkilangan dijangka berkembang 8.1% sejajar dengan trend dalam perdagangan global. Meskipun pertumbuhan lebih sederhana ekonomi AS dijangka menjejaskan sedikit permintaan terhadap keluaran elektronik, khususnya komputer dan komponen pada separuh tahun pertama, namun, keluaran elektrik dan elektronik akan terus kekal sebagai penyumbang terbesar perolehan eksport. Pertumbuhan sederhana dalam jumlah eksport akan diimbangi sebahagiannya oleh harga separa konduktor yang lebih stabil, selepas trend harga menurun pada tahun 2006. Pertumbuhan eksport akan terus

Jadual 4.3
Imbangan Pembayaran

	2006*a*	2007*r*
	RM bilion	
Barangan	135.0	137.7
Akaun perdagangan	108.2	109.4
Eksport (% perubahan tahunan)	*10.3*	*8.2*
Import (% perubahan tahunan)	*10.8*	*9.8*
Perkhidmatan	-7.4	-6.7
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**127.7**	**131.0**
Pendapatan	-19.8	-22.1
Pindahan semasa	-16.6	-16.2
Imbangan akaun semasa	**91.2**	**92.7**
% daripada KNK	***17.3***	***16.3***
Akaun kewangan	-39.9	-
Kesilapan dan ketinggalan	-26.0	-
antaranya:		
Pengurangan nilai rizab hasil daripada penilaian semula pertukaran asing	*-6.9*	-
Imbangan keseluruhan	**25.3**	**-**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
a Anggaran
r Ramalan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 4.4
Perdagangan Luar Negeri

	2006*a*		2007*r*	
	RM bilion	Perubahan tahunan (%)	RM bilion	Perubahan tahunan (%)
Eksport kasar	**589.0**	**10.3**	**637.2**	**8.2**
antaranya:				
Perkilangan	473.2	10.1	511.7	8.1
Pertanian	42.1	12.5	53.1	26.0
Mineral	56.8	8.6	55.1	-3.0
Import kasar	**480.8**	**10.8**	**527.8**	**9.8**
antaranya:				
Barangan modal	65.3	7.4	71.0	8.9
Barangan pengantara	335.5	8.8	361.5	7.7
Barangan penggunaan	27.9	13.4	30.6	9.7
Imbangan perdagangan	**108.2**		**109.4**	

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Bank Negara Malaysia

disokong eksport keluaran berasaskan sumber, dengan eksport bahan kimia dijangka kukuh disebabkan permintaan yang mantap terhadap keluaran biodiesel dari Kesatuan Eropah.

Eksport **komoditi pertanian** dijangka terus mencatat pertumbuhan dua angka pada tahun 2007, didorong terutamanya oleh perolehan yang lebih tinggi daripada minyak sawit. Jangkaan kenaikan yang tinggi akan berpunca daripada peningkatan harga minyak sawit, sementara jumlah eksport akan dikekang sebahagiannya oleh peningkatan permintaan dalam negeri daripada pengeluar biodiesel yang berasaskan minyak sawit. Harga minyak sawit dijangka meningkat kepada RM2,200 setan, dirangsang oleh permintaan yang kukuh daripada RR China dan pengeluar biodiesel dalam keadaan bekalan global yang terhad, disebabkan faktor yang berkaitan dengan cuaca. Sementara itu, harga eksport getah dijangka menjadi sederhana daripada paras yang sangat tinggi yang dicatatkan pada tahun 2006. Ia dijangka dipengaruhi oleh harga getah tiruan yang lebih rendah sejajar dengan trend harga minyak.

Eksport mineral akan dipengaruhi oleh perolehan yang lebih rendah daripada minyak mentah berpunca terutamanya daripada harga minyak mentah. Harga eksport minyak mentah Malaysia diramal berada pada purata USD58 setong pada tahun 2007 (2006: USD68 setong). Harga minyak mentah dijangka menurun selepas mengalami kenaikan harga yang kukuh selama empat tahun berturut-turut, terutamanya disebabkan jangkaan peningkatan dalam bekalan global khususnya daripada pengeluar bukan OPEC. Kesan ini sebahagiannya akan diimbangi oleh eksport LNG yang lebih tinggi, selaras dengan permulaan operasi penuh di loji MLNG 2 selepas penutupan berperingkat-peringkat bagi tujuan meningkatkan kapasiti pada tahun 2006. Harga LNG juga dijangka lebih tinggi, iaitu pada RM1,150 setan ekoran jangkaan permintaan yang lebih tinggi dalam pasaran LNG global.

Pertumbuhan **import** dijangka berpunca daripada pertumbuhan yang berterusan dalam import barangan pengantara dan barangan modal. Pertumbuhan import barangan pengantara akan disokong oleh permintaan yang mampan terhadap komponen yang diimport, sejajar dengan pengembangan dalam pengeluaran perkilangan. Import barangan modal dijangka mengukuh sejajar dengan aktiviti pelaburan yang lebih tinggi. Pertumbuhan import barangan modal akan disokong oleh pengembangan kapasiti dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan minyak dan gas. Import barangan modal yang lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan dijangka diterajui oleh serahan kapal dan pesawat udara baru bagi memenuhi permintaan yang meningkat daripada eksport komoditi dan pengembangan pelancongan serantau. Pertumbuhan import barangan modal juga akan disokong oleh peningkatan dalam aktiviti cari gali dan pembangunan dalam sektor minyak dan gas berikutan penemuan telaga minyak dasar laut dalam yang baru.

Defisit **akaun perkhidmatan** dijangka bertambah baik kepada 1.2% daripada KNK. Aktiviti promosi yang agresif dengan sasaran pada pelancong jarak sederhana dan jarak jauh sempena TMN 2007, dijangka meningkatkan perolehan pelancongan. Perkembangan industri perkongsian perkhidmatan dan pembangunan produk baru dalam sektor ICT akan terus mendorong pertumbuhan eksport komputer dan perkhidmatan maklumat. Sementara itu, pembayaran untuk pengangkutan dijangka lebih tinggi sejajar dengan jumlah perdagangan yang meningkat. Aliran keluar yang lebih besar dalam perkhidmatan lain turut dijangkakan berikutan peningkatan dalam permintaan terhadap perkhidmatan profesional terutamanya untuk sektor minyak dan gas serta penaikan taraf rangkaian pengangkutan.

Defisit **akaun pendapatan** diramal mampan pada 3.9% daripada KNK, mencerminkan keuntungan dan dividen yang terakru kepada syarikat multinasional daripada pelaburan mereka di Malaysia. Unjuran pendapatan pelaburan yang terakru kepada pelabur asing pula disebabkan oleh prestasi eksport industri E&E serta minyak dan gas. Trend yang meningkat dalam pendapatan yang terakru kepada pelabur asing menunjukkan Malaysia sebagai lokasi yang menarik dan menguntungkan bagi pelaburan langsung asing. Sementara itu, keuntungan dan

dividen yang mampan yang terakru kepada syarikat Malaysia daripada pelaburan di luar negeri akan mengurangkan defisit dalam akaun pendapatan.

Akaun kewangan dijangka disokong oleh aliran masuk dana asing yang berterusan untuk pelaburan, khususnya modal jangka panjang. Pelaburan langsung asing (FDI) dijangka kekal tinggi, sebahagian besarnya daripada perolehan tertahan oleh syarikat multinasional sedia ada beroperasi di Malaysia, dan juga daripada aliran FDI baru ke dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan minyak dan gas. Aktiviti penggabungan dan pengambilalihan yang lebih tinggi serta pelaksanaan projek pembangunan di bawah RMKe-9 juga dijangka menarik aliran masuk FDI. Aliran FDI ke dalam sektor perkilangan dijangka kekal ketara berikutan paras FDI yang diluluskan oleh MITI yang lebih tinggi pada tahun 2005 dan 2006 (masing-masing RM17.9 bilion dan RM20.2 bilion). Sebahagian besar aliran masuk ini akan disalurkan ke dalam industri elektrik dan elektronik yang mempunyai nilai ditambah lebih tinggi, industri bahan kimia dan keluaran kimia serta keluaran logam asas. Pelaburan dalam sektor minyak dan gas dijangka kekal besar berikutan jangkaan peningkatan aktiviti huluan dalam cari gali dan pengeluaran, diterajui oleh syarikat minyak swasta asing yang beroperasi di Malaysia melalui usaha sama dengan PETRONAS. Pembangunan sektor kewangan yang pesat, khususnya subsektor perkhidmatan kewangan Islam berikutan liberalisasi, dan minat yang bertambah oleh syarikat multinasional global untuk menubuhkan operasi perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan sumber luar akan mendorong aliran masuk FDI yang lebih tinggi ke dalam sektor perkhidmatan. Sementara itu, **pelaburan luar negeri** oleh syarikat Malaysia diramal kekal besar, mencerminkan minat berterusan syarikat Malaysia untuk mengembangkan dan mempelbagaikan operasi mereka di luar negeri. Selain pelaburan dalam bidang baru, terdapat juga aliran keluar modal untuk memperoleh kepentingan dalam perniagaan sedia ada di luar negeri. Kebanyakan pelaburan ini dijangka disalurkan ke dalam sektor perkhidmatan terutamanya subsektor kewangan, telekomunikasi dan utiliti, dan juga sektor minyak dan gas, perkilangan dan pembinaan.

Prospek Inflasi pada Tahun 2007

Inflasi yang didorong oleh harga tenaga yang lebih tinggi pada awal tahun 2006, menurun sejak itu dan dijangka terus menjadi sederhana pada tahun 2007. Kadar inflasi purata secara keseluruhan dijangka sederhana kepada 2-2.5% bagi keseluruhan tahun. Inflasi dijangka menjadi lebih rendah lagi pada tahun 2007 berbanding dengan tahun 2006, dan tekanan harga dijangka dapat dibendung. Dalam jangka pendek, faktor penyumbang utama kepada kadar inflasi yang rendah ialah luputnya kesan pelarasan menaik dalam harga runcit keluaran petroleum yang berlaku pada tahun 2006. Di samping itu, harga tenaga global telah menurun daripada tahap tertinggi, dan sekiranya berkekalan, akan menyumbang dalam pengurangan tekanan kos. Yang penting, trend yang sederhana dalam inflasi yang dilihat pada separuh kedua tahun 2006 telah membendung jangkaan inflasi orang ramai bagi tahun 2007.

Dalam jangka masa sederhana, syarikat-syarikat dijangka terus membuat pelaburan baru yang akan menambah kapasiti produktif ekonomi, dan dengan itu memastikan pertumbuhan akan berterusan tanpa tekanan harga yang tidak wajar. Tambahan pula, tekanan harga akan terus dibendung oleh peningkatan tekanan kompetitif yang berpunca daripada peningkatan integrasi negara dengan kegiatan ekonomi dan kewangan antarabangsa. Sekiranya tiada pelarasan terhadap harga ditadbir, keadaan inflasi secara relatif, berkemungkinan berada pada tahap yang agak rendah pada tahun 2007.

Meskipun terdapat jangkaan yang inflasi akan lebih rendah pada tahun 2007, tiga perkembangan penting mungkin menyebabkan tekanan menaik terhadap harga pengguna pada tahun itu. Pertama, pertumbuhan yang menggalakkan berserta peningkatan dalam penggunaan faktor-faktor mungkin mencetuskan tekanan upah yang lebih tinggi daripada yang dijangka lalu menimbulkan risiko peningkatan dalam harga umum. Namun begitu, jangkaan

Rajah 4.6
Harga Semerta dan Harga Niaga Hadapan West Texas Intermediate (WTI)



peningkatan produktiviti pekerja akan membantu membendung kos unit pekerja. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia akan terus memantau perkembangan dalam pasaran pekerja dengan rapi.

Kedua, kadar inflasi barang makanan yang harganya turun naik boleh juga dipengaruhi jika bekalan makanan terganggu akibat keadaan cuaca buruk pada tahun itu. Misalnya, banjir besar di Johor pada akhir bulan Disember 2006 dan awal 2007 menjejaskan bekalan makanan dan mendorong kepada kenaikan harga makanan. Namun demikian, kesannya lebih bersifat sementara dan akan beransur-ansur hilang apabila bekalan makanan kembali normal.

Sumber ketidakpastian ketiga bagi prospek inflasi ialah perubahan harga tenaga global. Turun naik harga minyak pada tahun-tahun kebelakangan ini agak keterlaluan dan prospek kenaikan baru tidak boleh diabaikan berdasarkan penetapan harga semasa dalam pasaran kontrak niaga hadapan minyak. Pada bulan Februari 2007, International Energy Agency, (IEA) mengingatkan bahawa permintaan terhadap minyak yang tinggi dalam keadaan bekalan yang ketat akan membuat harga minyak kekal tinggi dalam jangka masa sederhana. Seperti yang berlaku pada tahun-tahun sebelum ini, kejutan terhadap harga tenaga akan memberi kesan langsung kepada kos input pengeluar dan kos pengangkutan.

Namun begitu, risiko-risiko tersebut diimbangi oleh pengembangan kapasiti yang lebih teguh dan kemungkinan peningkatan produktiviti, yang dijangka memberikan tekanan menurun terhadap inflasi. Kadar inflasi barangan import juga akan menjadi lebih lemah memandangkan inflasi global secara umum dijangka lebih rendah pada tahun 2007 berbanding dengan tahun 2006. Khususnya, penyederhanaan kadar inflasi yang ketara di kalangan rakan dagangan Malaysia akan mempercepat kejatuhan harga pengguna dalam negeri. Secara keseluruhan, pada masa laporan ini ditulis, risiko prospek inflasi berbanding dengan unjuran utama secara relatif dinilai berada pada tahap yang seimbang.

DASAR MONETARI TAHUN 2007

Sejajar dengan matlamat dasar monetari, Bank Negara Malaysia akan terus menggalakkan kestabilan harga dan pertumbuhan ekonomi yang mampan pada tahun 2007. Keputusan dasar monetari akan terus tertakluk pada perkembangan penilaian Bank Negara Malaysia terhadap keadaan makroekonomi dalam negeri dan global serta prospek terhadap inflasi dan pertumbuhan ekonomi.

Meskipun terdapat jangkaan pertumbuhan global akan menurun sedikit pada separuh pertama tahun 2007, pertumbuhan ekonomi global dan perdagangan dunia pada tahun 2007 secara keseluruhan lebih cenderung untuk meningkat masing-masing pada kadar melebihi 4% dan 6%. Pemacu pertumbuhan dalam negeri dijangka kekal kukuh, didorong oleh momentum dalam pelaburan swasta dan penggunaan swasta yang berdaya tahan. Permintaan sektor awam juga akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi. Prospek guna tenaga dijangka kekal positif dan menyokong pertumbuhan pendapatan dan sentimen pengguna.

Secara relatif, prospek inflasi adalah rendah dan dijangka tidak akan memberi cabaran dasar yang ketara. Inflasi dijangka lebih rendah berbanding dengan tahun 2006. Ekonomi Malaysia dijangka beroperasi hampir pada keluaran potensi (Artikel Khas), dengan jurang keluaran kekal kecil pada tahun itu. Dengan

Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia

Keluaran potensi ialah trend paras keluaran yang selaras dengan kapasiti produktif agregat sesebuah ekonomi. Ia mengesani arah pertumbuhan ekonomi yang mampan berdasarkan input produktif yang tersedia. Dari segi konsep, pertumbuhan dalam keluaran potensi ditentukan terutamanya oleh pengembangan dan penggunaan tanpa inflasi terhadap modal fizikal dan tenaga pekerja, dan juga kadar kemajuan teknologi serta peningkatan dalam kecekapan dan produktiviti ekonomi keseluruhan. Oleh itu, kemampanan pertumbuhan ekonomi jangka panjang banyak bergantung pada pelaburan dalam modal fizikal dan penggunaan modal fizikal itu dengan cekap, peningkatan saiz dan produktiviti tenaga pekerja, dan peningkatan dalam persekitaran ekonomi umum.

Anggaran terkini bagi Malaysia menunjukkan keluaran potensi meningkat 6.3% pada tahun 2006, dengan jurang keluaran[1] dianggarkan pada purata yang positif sebanyak 0.4% daripada keluaran potensi. Dengan peningkatan dalam produktiviti dan pengembangan stok modal dan tenaga pekerja yang berterusan sepanjang tahun, jurang keluaran telah mengecil dan tidak wujud menjelang separuh kedua tahun 2006, menyebabkan ekonomi Malaysia berkembang hampir-hampir pada tahap potensi pada akhir tahun 2006.

Jadual 1
KDNK Sebenar dan Keluaran Potensi

Tempoh	KDNK Sebenar	Keluaran Potensi	Pelaburan	Pekerja	Jurang Keluaran
	Perubahan tahunan (%)				(% drpd. keluaran potensi)
1992-1999	6.7	6.7	4.5	3.1	0.1
2000	8.9	4.6	25.7	4.3	2.2
2001	0.3	3.9	-2.8	1.6	-1.3
2002	4.4	3.4	0.3	3.5	-0.4
2003	5.5	6.3	2.7	3.6	-1.1
2004	7.2	5.4	3.1	4.0	0.6
2005	5.2	4.9	4.7	4.1	0.8
2006*a*	5.9	6.3	7.9	2.2	0.4

a Anggaran

Rajah 1
KDNK Sebenar dan Potensi: Pertumbuhan Seimbang



r Ramalan

Secara keseluruhan, prestasi ekonomi Malaysia sejak tahun 2000 bercirikan tiga perkembangan yang jelas. Pertama, arah pertumbuhan ekonomi Malaysia secara relatif seimbang. Meskipun terdapat beberapa kejutan luaran terhadap rantau ini dan ketidakseimbangan global yang meningkat, ekonomi tidak mengalami sebarang kitaran deflasi atau inflasi yang besar, seperti yang ditunjukkan oleh sisihan yang sederhana antara keluaran sebenar dengan keluaran potensi pada tempoh tersebut. Ini mencerminkan daya tahan ekonomi Malaysia yang semakin kukuh. Kedua, tempoh itu juga menyaksikan Malaysia beralih ke arah ekonomi yang lebih dipacu oleh produktiviti daripada dipacu faktor. Berbanding dengan sedekad sebelumnya, pertumbuhan produktiviti kini mencakup bahagian yang lebih besar dalam pengembangan keluaran potensi keseluruhan. Ini menunjukkan tahap produktiviti telah bertambah baik.

[1] Jurang keluaran ialah perbezaan antara paras keluaran sebenar dengan keluaran potensi dan jurang itu diukur sebagai peratusan daripada keluaran potensi. Jurang keluaran positif menunjukkan keluaran sebenar melebihi keluaran potensi, manakala jurang keluaran negatif menunjukkan sebaliknya.

Akhirnya, ekonomi Malaysia juga menyaksikan pemulihan dalam aktiviti pelaburan mulai separuh kedua tahun 2003 dan seterusnya, khususnya dalam sektor swasta. Perkembangan yang menggalakkan ini telah menyumbang kepada pertumbuhan keluaran potensi selanjutnya pada tahun-tahun kebelakangan ini (Rajah 2), dengan itu mengembangkan kapasiti produktif ekonomi, dan seterusnya menggalakkan aktiviti ekonomi ke tahap yang lebih tinggi dalam tempoh yang terdekat.

Rajah 2:
Pemulihan Pelaburan Menyumbang kepada Pertumbuhan Keluaran Potensi yang Berterusan



Melangkah ke hadapan, keluaran potensi ekonomi dijangka berkembang melebihi 6% pada tahun 2007 dengan jurang keluaran kekal sangat kecil sepanjang tahun. Pertumbuhan keluaran potensi akan didorong oleh pengembangan stok modal dan tenaga pekerja yang berterusan. Keseimbangan pengembangan ini dijangka berterusan pada masa hadapan disokong oleh pemulihan aktiviti pelaburan seterusnya dan peningkatan daya tahan dan produktiviti ekonomi.

pelaburan yang berterusan oleh sektor swasta dan awam, kapasiti produktif ekonomi akan terus berkembang. Ini menunjukkan bahawa meskipun permintaan akan terus meningkat, ia dijangka tidak akan menyebabkan tekanan yang tidak wajar atas harga. Selain faktor dalam negeri, persekitaran global juga secara relatif dijangka terus menggalakkan disebabkan harga minyak dan komoditi yang lebih rendah. Yang penting, jangkaan inflasi dijangka terus tegar.

Namun begitu, terdapat risiko dan ketidakpastian pada masa depan yang mungkin memberi kesan ketara terhadap persekitaran dasar. Hala tuju dan turun naik harga minyak dalam pasaran global boleh menjadi perkara yang perlu diberi perhatian serius. Walaupun unjuran semasa meramalkan ekonomi dunia akan berkembang pada kadar yang perlahan sedikit, terdapat kemungkinan pertumbuhan ekonomi akan menjadi lebih pesat daripada anggaran semasa, dengan itu menimbulkan tekanan permintaan. Sebaliknya, risiko pembetulan dalam pasaran perumahan AS akan menjejaskan penggunaan dalam ekonomi AS, yang berkemungkinan menjejaskan perdagangan dunia dan pertumbuhan ekonomi dunia.

Aliran modal berpotensi memberikan cabaran kepada pengurusan dasar monetari bagi kebanyakan ekonomi serantau pada tahun 2007. Sebagai ekonomi kecil yang terbuka dengan dasar kawalan pertukaran asing yang liberal, aliran modal perlu dipantau dengan rapi bagi

mengelakkan keadaan turun naik yang ketara dalam pasaran kewangan dan ekonomi. Oleh itu, pengawasan yang intensif secara berterusan akan dijalankan. Negara kini berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk menangani keadaan turun naik sedemikian. Strategi untuk meliberalisasikan akaun modal secara beransur-ansur dan berperingkat-peringkat akan diteruskan.

Pengendalian dasar monetari pada tahun 2007 akan terus menjurus kepada mengimbangi antara keperluan untuk memastikan kadar faedah kekal pada tahap yang membolehkan Bank Negara Malaysia bertindak balas kepada sebarang risiko kenaikan inflasi, sementara pada masa yang sama kekal kondusif bagi pertumbuhan permintaan dalam negeri yang mampan. Pada tahap kadar faedah semasa, dasar monetari kekal akomodatif. Bank Negara Malaysia akan terus menilai perkembangan ekonomi dalam dan luar negeri dan akan menyelaraskan pendirian dasar monetarinya mengikut keperluan keadaan.

Liberalisasi Dasar Pentadbiran Pertukaran Asing

Malaysia sentiasa mengambil pendekatan yang berstruktur dalam membuat kajian semula dasar pentadbiran pertukaran asing berdasarkan kesediaan ekonomi. Sejak beberapa tahun yang lalu, dasar pentadbiran pertukaran asing telah diliberalisasikan secara progresif, bertujuan meningkatkan daya saing Malaysia melalui penurunan kos menjalankan perniagaan, peningkatan kecekapan sistem penyampaian pengawalseliaan, penyediaan ruang yang lebih luas bagi pengurusan risiko kepada perusahaan perniagaan di samping memelihara kestabilan kewangan dan ekonomi.

Sejajar dengan matlamat strategik negara dan disokong oleh kemajuan yang dicapai daripada liberalisasi terdahulu, Bank Negara Malaysia mengumumkan liberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing selanjutnya berkuat kuasa 1 April 2007 seperti yang berikut:

(a) Bagi memberi lebih fleksibiliti kepada bank tempatan berlesen menjalankan perniagaan mata wang asing, peraturan pentadbiran pertukaran asing diliberalisasikan seperti yang berikut:

(i) Memansuhkan had kedudukan terbuka bersih bank tempatan berlesen yang ketika ini dihadkan pada 20% daripada modal asas bank.

(ii) Memansuhkan had yang dikenakan atas bank tempatan berlesen bagi akaun mata wang asing yang disenggara oleh pemastautin.

(iii) Membenarkan bank pelaburan di Malaysia menjalankan perniagaan mata wang asing tertakluk kepada kajian semula pengawalseliaan yang menyeluruh atas kapasiti dan keupayaan bank pelaburan berkenaan.

(b) Untuk menambah bilangan pelabur dalam aset dan produk kewangan ringgit, peraturan pentadbiran pertukaran asing diliberalisasikan seperti yang berikut:

(i) Memberi fleksibiliti tambahan kepada syarikat broker saham dan bank kustodian bukan pemastautin untuk memperoleh kemudahan overdraf ringgit daripada bank tempatan berlesen bagi mengelak kegagalan penyelesaian pembayaran kerana kelewatan yang tidak disengajakan, dengan:

- Melupuskan had kemudahan overdraf sebanyak RM200 juta sebelum ini; dan
- Memperluas skop penggunaan kemudahan overdraf meliputi instrumen ringgit

yang dijelaskan melalui Sistem Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities (RENTAS) dan Bursa Malaysia. Sebelum ini, penggunaan kemudahan ini hanya terhad kepada saham yang diniagakan di Bursa Malaysia.

(ii) Memansuhkan had atas bilangan pinjaman harta tanah kediaman atau komersial yang diperoleh bukan pemastautin. Sebelum ini, bukan pemastautin dibenar memperoleh sehingga tiga pinjaman harta tanah daripada pemastautin untuk membiayai pembelian atau pembinaan harta tanah kediaman atau komersial di Malaysia.

(iii) Membenarkan bank tempatan berlesen melantik cawangan luar negeri kumpulan mereka untuk bertindak sebagai perantara bagi memudahkan penyelesaian pembayaran sebarang aset ringgit pelanggan bukan pemastautin mereka.

(iv) Membenarkan syarikat bukan pemastautin menggunakan hasil daripada penyenaraian saham melalui Tawaran Awam Awal di Papan Utama Bursa Malaysia, di luar negeri.

(v) Melupuskan sekatan atas bank luar pesisir Labuan untuk berurus niaga dalam produk kewangan ringgit bagi pihak pelanggan bukan pemastautin.

(c) Bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan, meningkatkan kecekapan perniagaan dan mempromosikan Malaysia sebagai pusat originasi, peraturan pentadbiran pertukaran asing diliberalisasikan seperti yang berikut:

(i) Menambah had pinjaman mata wang asing yang boleh diperoleh syarikat pemastautin daripada bank tempatan berlesen dan bukan pemastautin, serta melalui terbitan bon mata wang asing di dalam negeri kepada jumlah agregat bersamaan RM100 juta daripada jumlah bersamaan RM50 juta berdasarkan kumpulan korporat sebelum ini. Dana yang diperoleh boleh digunakan untuk tujuan domestik atau pelaburan luar negeri.

(ii) Membenarkan pemastautin melindung nilai bayaran balik pinjaman mata wang asing sehingga amaun penuh komitmen asas yang kukuh.

(iii) Meningkatkan fleksibiliti kepada individu dan syarikat pemastautin untuk melabur dalam aset mata wang asing seperti yang berikut:

- Meningkatkan had bagi individu pemastautin yang mempunyai pinjaman ringgit domestik untuk melabur dalam aset mata wang asing sehingga RM1 juta dalam satu tahun kalendar daripada had sebanyak RM100,000 sebelum ini; dan
- Meningkatkan had bagi syarikat pemastautin yang mempunyai pinjaman ringgit domestik untuk melabur dalam aset mata wang asing sehingga RM50 juta dalam satu tahun kalendar daripada had sebelum ini sebanyak RM10 juta berdasarkan kumpulan korporat; dan
- Membenarkan syarikat pemastautin menggunakan hasil daripada penyenaraian saham melalui Tawaran Awam Awal di Papan Utama Bursa Malaysia, untuk pelaburan di luar negeri.

(iv) Meningkatkan had bagi pelabur institusi pemastautin untuk melabur dalam aset mata wang asing seperti yang berikut:

- Syarikat pengurusan amanah saham: sehingga 50% daripada nilai aset bersih (NAV) yang dilanggan oleh pemastautin, daripada had 30% daripada NAV sebelum ini;
- Syarikat pengurusan dana: sehingga 50% daripada dana pelanggan pemastautin yang mempunyai kemudahan kredit domestik, daripada had 30% sebelum ini; dan
- Syarikat insurans dan pengendali takaful: sehingga 50% daripada NAV berkaitan pelaburan yang dipasarkan, daripada had 30% daripada NAV sebelum ini.

(v) Membenarkan syarikat pemastautin memberi pinjaman dalam mata wang asing, menggunakan hasil daripada penyenaraian saham di bursa saham luar negeri kepada syarikat pemastatutin lain dalam kumpulan korporat yang sama.

(vi) Memansuhkan sekatan atas pembayaran dalam mata wang asing antara pemastautin untuk penyelesaian pembayaran produk kewangan mata wang asing yang ditawarkan dalam negeri.

(vii) Membenarkan individu pemastautin membuka dan menyenggarakan akaun bersama mata wang asing untuk sebarang tujuan. Sebelum ini, individu pemastautin dibenarkan menyenggarakan akaun bersama mata wang asing hanya untuk tujuan pendidikan dan pekerjaan di luar negeri.

Maklumat lanjut tentang liberalisasi ini terkandung dalam Tambahan.

DASAR FISKAL TAHUN 2007

Matlamat Bajet 2007 ialah mempertingkatkan asas makroekonomi dan menggalakkan pembentukan struktur ekonomi yang secara keseluruhan lebih seimbang, menerusi penekanan terhadap bidang aktiviti ekonomi dalam negeri yang baru. Oleh itu, dasar fiskal tahun 2007 tertumpu pada usaha mendorong sektor swasta memainkan peranan yang lebih besar dalam pembangunan ekonomi, serta menjana sumber pertumbuhan baru dalam sektor intensif teknologi dan pengetahuan.

Pungutan hasil yang dijangka lebih tinggi membolehkan Kerajaan Persekutuan merancang peningkatan dalam perbelanjaan sambil mengurangkan defisit fiskal kepada 3.4% daripada KDNK pada tahun 2007. Peruntukan perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi adalah untuk menyokong inisiatif Kerajaan menjana nilai ditambah pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi, membangunkan tenaga kerja mahir dan berpengetahuan serta melaksanakan program bagi mengurangkan ketidakseimbangan sosioekonomi dan jurang serantau.

Di samping peruntukan bajet, Kerajaan turut menyediakan pelbagai insentif untuk membangunkan industri yang potensi pertumbuhannya tinggi, termasuk ICT, bioteknologi, pertanian moden, industri makanan halal, pelancongan dan kewangan Islam. Bagi menarik pelaburan langsung asing dan menggalakkan pelaburan swasta, Kerajaan juga terus mempertingkatkan persekitaran yang mesra perniagaan dengan memperkukuh sistem penyampaian khidmat awam dan menambah baik insentif dan cukai yang sedia ada. Cukai pendapatan korporat khususnya, dikurangkan sebanyak dua mata peratusan dalam dua peringkat, iaitu kepada 27% bagi tahun taksiran 2007 dan 26% bagi tahun taksiran 2008.

Falsafah fiskal yang berhemat terus diberi penekanan dalam Bajet 2007 untuk memastikan fleksibiliti fiskal dalam konteks mencapai pertumbuhan jangka panjang yang

Jadual 4.5
Kewangan Kerajaan Persekutuan

	RM bilion		Perubahan Tahunan %	
	2006*a*	2007*B*	2006*a*	2007*B*
Hasil	123.5	134.8	16.2	9.1
Jumlah perbelanjaan	143.5	157.5	11.9	9.7
Perbelanjaan mengurus	*107.7*	*113.0*	*10.2*	*4.9*
Perbelanjaan pembangunan kasar	*35.8*	*44.5*	*17.3*	*24.3*
Terimaan balik pinjaman	0.8	2.5		
Imbangan keseluruhan	**-19.1**	**-20.2**		
% daripada KDNK	**-3.5**	**-3.4**		
Sumber pembiayaan:				
Peminjaman dalam negeri bersih	17.8	-		
Peminjaman luar negeri bersih	-3.1	-		
Harta boleh jual[1] dan pelarasan	4.4	-		

[1] Tanda campur (+) menunjukkan pengeluaran harta boleh jual terkumpul
[a] Awalan
[B] Bajet

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

mampan. Defisit fiskal dijangka menurun secara beransur-ansur untuk mencapai kedudukan fiskal yang kukuh, yang akan memberi fleksibiliti kepada Kerajaan untuk bertindak balas terhadap perubahan keadaan ekonomi.

Dari segi pembiayaan, Kerajaan akan terus bergantung pada sumber dalam negeri bagi membiayai defisit fiskal, memandangkan tabungan dalam negeri yang tinggi dan keadaan mudah tunai yang mencukupi. Pinjaman luar negeri akan ditentukan terutamanya oleh keperluan untuk memperkukuhkan kehadiran di pasaran antarabangsa dan membentuk penanda aras bagi terbitan sekuriti sektor swasta.

Rajah 4.7
Imbangan Fiskal dan Hutang Kerajaan Persekutuan



a awalan *B* Bajet

Tadbir Urus dan Pembangunan Organisasi

TINJAUAN KESELURUHAN

Pada tahun 2006, amalan tadbir urus dan pembangunan organisasi Bank Negara Malaysia terus ditingkatkan untuk memastikan organisasi ini berkembang dan berupaya menghadapi cabaran yang timbul daripada persekitaran dalam dan luar negeri yang dinamik. Langkah ini juga sejajar dengan kemajuan Bank yang berterusan ke arah mencapai matlamat yang dihasratkan. Bidang keutamaan berikut terus diberi tumpuan oleh Bank.

- Meningkatkan kapasiti dan keupayaan dalaman secara berterusan bagi **mencapai misi Bank menggalakkan kestabilan sistem monetari dan kewangan, dan memupuk sektor kewangan yang kukuh lagi progresif, yang akan menyokong dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi demi kepentingan negara**;
- Membentuk organisasi yang dipacu oleh prestasi dan berfokus kepada strategi; dan
- Mengekalkan suasana bekerja yang menyokong pekerja berpengetahuan dan menggalakkan budaya kerja berprestasi cemerlang.

Perubahan ekonomi global dan landskap kewangan yang pantas, dan pembangunan sistem kewangan Malaysia yang bertambah pesat terus mengubah skop perbankan pusat. Meskipun fungsi monetari dan pengawalseliaan kekal utama kepada mandat teras Bank, iaitu mengekalkan kestabilan monetari dan kewangan, Bank telah meluaskan peranan pembangunannya bagi membantu membentuk landskap ekonomi dan kewangan. Bagi mencapai matlamat ini, Bank memberi tumpuan terhadap hasil strategik yang khusus yang amat penting bagi mengekalkan kestabilan kewangan dan pertumbuhan ekonomi dalam persekitaran semasa dan akan datang yang pesat berubah dan semakin tidak menentu.

Bagi memastikan matlamat yang dihasratkan dan hasil strategik tercapai dengan jayanya, Bank memulakan program yang berfokus untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan dalam bidang tadbir urus, pengurusan tenaga mahir, latihan dan pembelajaran, pengurusan pengetahuan, dan pengurusan teknologi maklumat dan komunikasi.

Tadbir Urus

Rangka kerja Tadbir Urus Korporat Bank mempunyai tiga tonggak utama, iaitu **kebebasan** berdasarkan peranan yang ditetapkan; **kebertanggungjawaban** berdasarkan keperluan untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan yang optimum dalam melaksanakan peranan yang ditetapkan melalui penggunaan sumber yang ada dan memantau prestasi dan mengurus risiko yang berkaitan; dan **ketelusan** untuk memastikan kejelasan tindakan yang diambil kerana ia memberi impak terhadap pelbagai pihak berkepentingan Bank.

Sementara fungsi penggubalan dasar Bank Negara Malaysia adalah mandat Jawatankuasa Pengurusan yang dipengerusikan Gabenor dan dianggotai oleh tiga Timbalan Gabenor dan tujuh Penolong Gabenor, tanggungjawab terhadap pentadbiran am hal ehwal dan urusan Bank terletak pada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah terdiri daripada mereka yang berintegriti tinggi dan terkemuka daripada industri dan sektor awam. Jawatankuasa Audit Lembaga dipengerusikan oleh seorang pengarah bebas. Pada tahun 2006, Lembaga Pengarah mengadakan 12 mesyuarat bulanan manakala Jawatankuasa Audit Lembaga bermesyuarat sebanyak empat kali. Isu-isu penting berhubung dengan tadbir urus korporat dan pembangunan organisasi Bank dipertimbangkan dalam mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah juga diberi taklimat menyeluruh tentang semua perkara dasar yang berkaitan dengan kestabilan monetari dan kewangan, dan juga pengurusan sistem pembayaran negara. Lembaga Pengarah turut meluluskan rancangan urusan dan belanjawan tahunan Bank.

Jawatankuasa Pengurusan, yang merupakan badan eksekutif tertinggi dalam Bank, dipengerusikan oleh Gabenor. Jawatankuasa ini bermesyuarat seminggu sekali untuk mempertimbangkan perkara dasar yang berkaitan

dengan sektor kewangan, ekonomi, dan urusan Bank. Jawatankuasa Pengurusan disokong oleh beberapa jawatankuasa dasar yang juga dipengerusikan oleh Gabenor. Jawatankuasa ini termasuk Jawatankuasa Pengurusan Rizab, Jawatankuasa Dasar Monetari, Jawatankuasa Dasar Kestabilan Kewangan, dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Kesemua jawatankuasa dasar itu menyediakan forum bagi perbincangan silang fungsian, dan dengan itu memastikan dasar dilaksanakan secara konsisten. Kemahiran, pengalaman luas dan pengetahuan Jawatankuasa Pengurusan secara kolektif, bersama-sama dengan rangka kerja undang-undang di bawah Akta Bank Negara Malaysia, memberikan Bank kuasa autonomi dalam mempertimbangkan, menetapkan, dan melaksanakan matlamat dasarnya.

Pada tahun 2006, Menteri Kewangan mengesahkan pewujudan jawatan tambahan bagi Timbalan Gabenor, sejajar dengan peruntukan Akta Bank Negara Malaysia. Tiga Penolong Gabenor baru turut dilantik pada tahun 2006 menjadikan bilangannya tujuh orang. Suatu penambahbaikan khusus ialah peletakan fungsi pengawalan dan penyeliaan di bawah Timbalan Gabenor yang berasingan, dan penstrukturan semula jabatan-jabatan di bawah fungsi pengawalan dan penyeliaan. Penstrukturan semula ini bertujuan mewujudkan rangka kerja pengawalseliaan yang lebih terselaras bagi sektor kewangan, meningkatkan pengkhususan fungsian dalam Bank, dan menyediakan hubungan Bank dengan sektor kewangan dan pasaran yang lebih berkesan. Perubahan dalam tadbir urus ini juga menonjolkan usaha Bank yang berterusan untuk memperbaik ketangkasan pengurusan dan meningkatkan integritinya sebagai sebuah institusi pengawalseliaan dan pembentukan dasar.

Satu lagi aspek penting tadbir urus ialah pengurusan kewangan yang mantap dalam hal ehwal kewangan. Bank menjalankan kajian semula sebanyak dua kali setahun terhadap rancangan urusan dan belanjawannya untuk memastikan pengagihan dana yang wajar. Penglibatan Bank yang lebih aktif dalam projek pembangunan telah mewujudkan keperluan baru dari segi maklumat kewangan. Pada tahun 2006, satu projek selama dua tahun dimulakan untuk membangunkan Sistem Pengurusan Kewangan yang dipertingkatkan bagi menggantikan sistem sedia ada yang diperkenalkan pada tahun 1980an. Selanjutnya, Bank melaksanakan Dasar dan Prosedur Pemerolehan yang telah disemak, pada bulan Ogos 2006, sebagai satu kaedah untuk meningkatkan kawalan dalaman, dan dalam usaha untuk menjadi lebih berhemat dalam pengurusan perbelanjaan. Garis panduan pemerolehan baru ini bukan sahaja meningkatkan sekatan dan imbangan dalam pemerolehan barangan dan perkhidmatan, bahkan turut menambah baik cara pemerolehan dan penetapan harga yang kompetitif.

Dalam menggalakkan lebih ketelusan dalam langkah-langkah dasar yang dilaksanakan, Bank terus menerbitkan secara tetap analisis data ekonomi melalui buletin bulanan dan suku tahunan, dan juga melalui laman webnya. Laporan Tahunan Bank mengandungi penjelasan yang komprehensif tentang semua keputusan dasar utama yang diambil sepanjang tahun di samping data prestasi ekonomi dan kewangan yang relevan.

Bank memberikan satu taklimat kepada Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dengan membentangkan penilaiannya terhadap ekonomi negara dan sektor kewangan. Turut dibentangkan dalam majlis yang sama ialah isu-isu kewangan dan ekonomi yang strategik yang lain, dan cabaran yang dihadapi negara serta cadangan dasar yang penting. Selain itu, bagi mengekalkan ketelusan hala tuju dasarnya, Bank meningkatkan usaha bagi memastikan orang ramai dan pihak berkepentingan utama yang lain, mendapat maklumat terkini tentang perkembangan dalam sistem kewangan melalui kenyataan akhbar dan taklimat khusus.

Strategi dan Pengurusan Prestasi

Matlamat strategi dan pengurusan prestasi organisasi adalah untuk memastikan supaya Bank mempunyai fokus dan kejelasan tentang apa yang ingin dicapai, strategi yang tepat untuk mencapai matlamat tersebut, dan sumber diselaraskan dengan cara yang paling cekap dan berkesan untuk tujuan itu. Matlamat Bank adalah berpandukan fungsi terasnya, iaitu memastikan

kestabilan monetari, sistem kewangan, dan sistem pembayaran. Satu Forum Strategi menyokong proses ini dengan menyediakan platform untuk membincangkan keberkesanan Bank dalam mencapai hasil yang dihasratkan, dan bagaimana kapasiti dan keupayaan perlu dipertingkatkan supaya prestasi organisasi bertambah baik.

Proses strategi dalaman dan pengurusan prestasi memainkan peranan yang penting dalam:

- Membolehkan pengurusan kanan memantau pelbagai isu prestasi organisasi;
- Memudahkan dialog silang fungsian yang lebih kerap tentang strategi;
- Memastikan usaha pembangunan kapasiti dan keupayaan adalah sejajar dengan fokus strategik Bank; dan
- Menggalakkan lebih banyak perkongsian tenaga mahir penting dan maklumat merentas fungsi dan peranan di Bank.

Pengurusan Tenaga Mahir

Usaha merealisasikan hasrat strategik Bank menjadi hasil yang boleh diukur disokong oleh rangka kerja yang mengurus permintaan terhadap tenaga mahir, bekalan tenaga mahir, dan prestasi kakitangan. Kesemua usaha ini membolehkan Bank menggalakkan lebih **kejelasan dalam organisasi tentang peranan dan harapan prestasi** merentas pelbagai peringkat dalam Bank.

Bank, sebagai organisasi yang berorientasikan prestasi, memberi penekanan terhadap keperluan untuk membezakan Agregat Pampasannya (Gaji Asas Tahunan, dan Insentif dan Manfaat Jangka Pendek) berasaskan merit prestasi. Bank melaksanakan struktur penggredan kumpulan jawatan dan struktur gaji yang luas, yang baru sejajar dengan peranan kakitangan yang telah disemak. Skim baru ini dikuatkuasakan mulai 1 Mei 2006, dan merangkumi pelarasan gaji kakitangan berdasarkan prestasi, di samping ganjaran yang dibezakan mengikut prestasi. Bank turut memperkenalkan peringkat pakar (specialist ladders) bagi fungsi perbankan pusat yang penting, seperti bidang aktuari, pengurusan risiko, ekonometrik dan dasar monetari, dan Syariah serta ahli strategi portfolio. Matlamat pewujudan peringkat pakar adalah untuk memastikan supaya Bank terus kompetitif dalam menarik, membangunkan, dan mengekalkan tenaga mahir dalam bidang-bidang penting tersebut. Keperluan untuk menambah bidang kepakaran atau teknikal ke dalam peringkat pakar akan dikaji dari semasa ke semasa.

Kajian semula keperluan tenaga mahir yang sedang dijalankan dilengkapi model Kompetensi Tingkah Laku yang telah disemak bagi jawatan Eksekutif Kanan ke atas. Langkah ini bertujuan memupuk kemahiran dan amalan kerja baru di Bank. Penerapan kompetensi tingkah laku, fungsian, dan teknikal yang sesuai akan memberi lebih kejelasan kepada kakitangan tentang fungsi mereka masing-masing, di samping menyediakan 'kompas pembangunan' yang memandu arah kemajuan seseorang kakitangan dalam Bank.

Dimensi yang semakin penting dalam pengurusan tenaga mahir Bank ialah Program Biasiswa Bank. Program ini merupakan antara strategi untuk membina kumpulan tenaga mahir dalam jangka panjang untuk memenuhi keperluan Bank. Berikutan itu, Bank menambah bilangan biasiswa yang ditawarkan sebanyak 85 peratus (daripada 91 biasiswa pada tahun 2005 kepada 168 biasiswa pada tahun 2006). Langkah ini bagi memenuhi keperluan tenaga mahir Bank yang akan datang. Pada asasnya, tumpuan biasiswa Bank adalah pada bidang pengajian yang berkaitan dengan disiplin teras perbankan pusat, dan juga apa-apa bidang kompetensi baru yang dikenal pasti. Usaha untuk membangunkan kumpulan tenaga mahir dalam jangka panjang yang lebih teguh telah diperkukuh oleh sistem pengurusan penggantian yang mengambil kira keperluan untuk kepimpinan dan kemahiran teknikal, dalam hubungannya dengan pengurangan yang dijangkakan. Pengurusan penggantian ini dilengkapi oleh program pembangunan kepimpinan Bank yang cukup rapi. Usaha Bank ini telah diiktiraf dengan penganugerahan *Annual Corporate Xchange University Award For Excellence and Innovation in Corporate Learning, di Orlando, Florida*, satu anugerah peringkat di dunia di bawah kategori pembangunan kepimpinan. Bank merupakan

bank pusat pertama yang menerima anugerah seumpama itu.

Bank mempunyai jumlah kakitangan sebanyak 2,488 orang pada bulan Disember 2006, iaitu pertambahan sebanyak 6% sejak bulan Disember 2005 (jumlah kakitangan sebanyak 2,345). Terdapat pengurangan kakitangan sebanyak 5% berikutan persaraan dan peletakan jawatan. Dengan nisbah 72:28 kakitangan Eksekutif berbanding dengan kakitangan Bukan Eksekutif, Bank terus memberi penekanan terhadap peningkatan tenaga mahir profesional, selain bahagian kakitangan peringkat 'eksekutif' yang lebih besar.

Pengurusan Pengetahuan

Penekanan yang diberi terhadap Pengurusan Pengetahuan (Knowledge Management, KM) terus memberi manfaat yang besar kepada Bank. Penggunaan teknologi dan peningkatan proses yang sistematik membolehkan penerapan amalan KM, dan pembabitan pihak berkepentingan luar yang lebih luas. Penerapan amalan KM dalam budaya kerja Bank semakin giat dijalankan. Ini bertujuan meningkatkan produktiviti, mempertingkatkan pembelajaran bagi kakitangan, dan meningkatkan kerjasama dengan pihak berkepentingan.

Pengetahuan yang mudah diperoleh, mudah diakses dan digunakan semula kekal sebagai saranan nilai KM yang utama bagi Bank dalam usaha mempertingkatkan prestasi. Bagi mencapai hasrat ini, Hab Pengetahuan yang dilancarkan pada bulan Februari 2006 membolehkan pengenalpastian, pemerolehan, perkongsian dan penyimpanan secara sistematik Aset Pengetahuan Strategik (Strategic Knowledge Assets, SKA) di seluruh Bank. Dengan menyediakan akses kepada aset pengetahuan Bank yang lebih baik bagi kakitangan, Hab Pengetahuan membolehkan masa respons yang lebih pantas, mengurangkan pertindihan, dan menyediakan lebih banyak peluang untuk idea baru dilahirkan. Hab Pengetahuan ini, pada masa akan datang, dijangka mengubah budaya Bank menjadi budaya yang lebih bekerjasama, dan dengan penyatuan dari sudut pandangan, akan meningkatkan nilai modal intelek Bank. Pertumbuhan yang mampan dari segi kandungan bahan pengetahuan yang disimpan dan digunakan semula dilihat sebagai langkah positif bagi meningkatkan pengetahuan yang mudah diperoleh dalam Bank.

Usaha Bank dalam menggalakkan Organisasi Berasaskan Pengetahuan telah mempertingkatkan kerjasama horizontal melalui penyertaan yang lebih giat dalam pasukan kerja silang fungsian, amalan komuniti, dan kumpulan bantuan rakan sekerja. Pelbagai cara seperti kajian semula selepas tindakan (after-action-reviews) dan bercerita semakin disepadukan ke dalam proses kerja untuk memperoleh dan berkongsi pengetahuan. Bagi mempertingkatkan kerjasama horizontal selanjutnya, satu Pameran Pengetahuan dianjurkan pada bulan November 2006. Pelbagai inisiatif dipamerkan melalui ceramah, pertunjukan multimedia, permainan dan aktiviti interaktif yang menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif bagi kakitangan Bank.

Pusat Pengurusan Pengetahuan dan Pusat Pembangunan Sumber Manusia digabungkan pada bulan Ogos 2006 sebagai mengiktiraf sinergi antara KM dengan Pembelajaran. Langkah ini membolehkan KM dan proses pembelajaran yang lebih bersepadu, dan dengan itu meningkatkan perkhidmatan kepada kakitangan Bank. Tambahan pula, usaha yang diambil untuk meningkatkan pengurusan tenaga mahir turut menggalakkan pembangunan kompetensi baru, dan justeru itu jenis aset pengetahuan baru.

Tahun 2006 turut memperlihatkan permulaan usaha membangunkan Portal Organisasi (Enterprise Portal, EP) Bank. EP ini membolehkan pengetahuan diakses mengikut masa nyata, tanpa mengira waktu dan tempat. EP juga menyediakan platform bekerjasama untuk membantu kakitangan berhubung antara satu sama lain, di samping menyokong kerjasama yang lebih cekap dengan industri. Bagi menyokong persekitaran bekerjasama yang semakin meningkat, di peringkat dalaman mahupun luaran, rangka kerja pengurusan kandungan turut dibangunkan untuk mentadbir urus kualiti kandungan dari segi kejituan,

ketepatan masa dan integriti, serta kecekapan aliran kandungan di Bank.

Usaha baru yang sedang dilaksanakan termasuk pengukuran modal intelek sebagai satu kaedah menyaring lebih banyak nilai daripada alat dan amalan pengurusan pengetahuan.

Pengurusan Latihan dan Pembelajaran

Strategi pembelajaran dan pembangunan tertumpu pada rumusan pembelajaran berkualiti, di samping penerapan pembelajaran haluan-kendiri (self-directed) melalui pembangunan rancangan pembelajaran peribadi. Rancangan pembelajaran ini memberi lebih penekanan kepada kakitangan untuk bertanggungjawab terhadap pembangunan diri mereka sendiri. Pembangunan rancangan pembelajaran jabatan yang melengkapi usaha itu telah meningkatkan kebertanggungjawaban jabatan terhadap pemerolehan pengetahuan dan kemahiran, dan telah memudahkan proses menjajarkan agenda pembelajaran dengan matlamat Bank.

Di samping itu, para penyelia turut digalakkan untuk melengkapkan diri mereka dengan kemahiran membimbing untuk mempersiapkan barisan pemimpin dalam unit mereka. Dari segi mempertingkatkan kemahiran teknikal, beberapa modul tentang pengetahuan perbankan pusat telah disesuaikan bagi pembelajaran dalam talian dengan menggunakan platform e-pembelajaran Bank. Rumusan pembelajaran fungsian di seluruh Bank turut dirangka untuk memenuhi keperluan jabatan-jabatan. Sebanyak 28 kursus fungsian dianjurkan pada tahun 2006 dengan 18 kursus merupakan kursus baru. Rumusan pembelajaran baru meliputi bidang Pengurusan Risiko, Perakaunan dan Pengkomputeran Forensik, Standard Perakaunan Antarabangsa, dan Kewangan Islam.

Pada tahun 2006, Bank menganjurkan dua sesi Program Pembangunan Kepimpinan (Leadership Development Programme, LDP) dengan kerjasama Centre for Creative Leadership (CCL) bagi pengurus terpilih yang berpotensi memikul tanggungjawab yang lebih besar. Program ini merangkumi penilaian 360 darjah tentang kesedaran diri sendiri berhubung dengan keberkesanan kepimpinan, perbincangan strategik dengan pengurusan kanan Bank tentang isu dan cabaran kepimpinan, dan dialog bersama pemimpin industri yang berjaya serta ahli akademik yang terkemuka dan diiktiraf dalam bidang kepimpinan.

Komitmen kewangan Bank terhadap pembangunan kakitangan bagi tahun 2006 mencakupi 7.8% daripada jumlah gaji kakitangan (7.6% pada tahun 2005). Secara purata, setiap kakitangan diberikan lapan hari latihan pada tahun 2006 dengan kos purata sebanyak RM6,200 setiap pekerja berbanding dengan RM5,400 pada tahun 2005.

Program Bantuan Teknikal dan Kerjasama dengan Agensi-agensi Luar

Tiga program pembelajaran utama telah dianjurkan di bawah program Pembelajaran Antarabangsa Bank sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Bank untuk meningkatkan kerjasama serantau dan antarabangsa. Antara kursus itu ialah Kursus Perbankan Pusat Asas, Kursus Asas Penyeliaan Perbankan, dan Kursus Pengawalan dan Penyeliaan Insurans. Secara keseluruhan, sebanyak 28 peserta antarabangsa dari 15 negara mendapat manfaat daripada kursus-kursus ini. Kesemua peserta luar negara ditaja di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

Pada tahun 2006, Bank menandatangani pengaturan kerjasama teknikal dengan Da Afghanistan Bank (DAB) dalam bidang pembangunan dan pembinaan kapasiti. Melalui program kerjasama teknikal ini, para pegawai daripada DAB menyertai Program Pembelajaran Antarabangsa Bank Negara Malaysia dan kursus SEACEN tentang penyeliaan perbankan dan pembangunan kepimpinan.

Bank turut menjadi tuan rumah "AITRI (ASEAN Insurance Training and Research Institute)-Toronto Centre Leadership Programme" yang pertama bagi pengawal dan penyelia insurans ASEAN. Program ini bertujuan menyediakan fokus khusus terhadap pembinaan dan peningkatan kapasiti bagi pengawal dan penyelia insurans dengan kemahiran dan kompetensi untuk membuat keputusan yang sukar dengan cepat,

melaksanakan perubahan dalam organisasi secara berkesan dan menghadapi pihak-pihak berkepentingan dalam bidang kuasa mereka dengan menggunakan kaedah Toronto Centre's ADAPT dan model Outward-Upward-Inward. Lima orang fasilitator mengendalikan program itu, iaitu empat dari Toronto Centre dan seorang dari Pusat Pembangunan Sumber Manusia Bank Negara Malaysia. Sebanyak 17 peserta menghadiri program itu, termasuk lima peserta dari Singapura, Kemboja dan Thailand.

Pengurusan ICT

ICT terus merupakan pemboleh penting dalam pencapaian matlamat yang dihasratkan oleh Bank, dan sebagai platform untuk kakitangan bekerjasama dan memanfaatkan pengetahuan baru dan proses. Pada tahun 2006, Bank melaksanakan sistem untuk memantau dan mencegah aktiviti kewangan haram. Institusi pelapor kini boleh melaksanakan obligasi mereka di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 dengan mengemukakan Laporan Transaksi yang Diragui atau Laporan Ambang Tunai melalui persekitaran dalam talian yang selamat. Bank juga memperluas keupayaan sistem sedia ada bagi membolehkan syarikat insurans mengemukakan laporan kes penipuan secara dalam talian.

Bagi memudahkan pengumpulan dan perkongsian maklumat, Bank memperkukuh arkitektur organisasinya untuk memenuhi keperluan perkembangan baru dalam landskap kewangan. Antara inisiatif itu ialah pengemukaan maklumat tentang Perusahaan Kecil dan Sederhana kini secara dalam talian, di samping sistem untuk mempercepat kelulusan permohonan produk perbankan Islam baru oleh institusi kewangan. Ini akan membantu menggalakkan peningkatan inovasi produk dan perkhidmatan yang kena pada masanya.

Pada tahun 2007, Bank akan memanfaatkan platform EP untuk mewujudkan saluran kerjasama Bank-ke-Institusi Kewangan (Bank-to-Financial Institutions, B2FI) antara Bank dengan institusi kewangan di bawah penyeliaannya. Bank juga terus berusaha untuk membolehkan kerjasama horizontal dalam organisasi dengan memperkukuh proses dalaman dan memudahkan akses kepada maklumat melalui Bank-ke-Pekerja (Bank-to-Employee, B2E) dalam platform EP ini. Apabila B2E dilaksanakan pada tahun 2007, ia akan membolehkan maklumat disampaikan kepada individu, kumpulan dan komuniti berdasarkan minat, profil tugas, dan peranan. Bank menjangkakan, pada masa akan datang, produktiviti akan terus ditingkatkan melalui pemanfaatan keupayaan bersama ini oleh sistem IT sedia ada dan juga pendedahan maklumat dan perkhidmatannya di platform EP.

Pengurusan risiko ICT memainkan peranan yang penting dalam melindungi aset maklumat Bank. Pada tahun 2006, Bank berjaya menguatkuasakan pengurusan keselamatan infrastruktur. Proses keselamatan diselaraskan, dikuatkuasakan, dan dikendalikan dengan menggunakan alat tercanggih yang menghasilkan pengurusan keselamatan, pengurusan risiko, dan respons pemulihan yang bertambah baik. Dengan pelaksanaan langkah dan kaedah yang penting ini, maklumat dan infrastruktur ICT Bank terpelihara daripada ancaman luar, meskipun berhadapan dengan banyak percubaan dalam serangan siber dan penyebaran virus/cecacing.

PENGURUSAN RISIKO DI BANK NEGARA MALAYSIA

Penerapan amalan pengurusan risiko dalam semua operasi, dasar dan inisiatif strategik adalah penting untuk menggalakkan budaya pengurusan risiko yang kukuh di Bank Negara Malaysia. Bagi menyediakan jaminan terhadap keselamatan dan kekukuhan operasi Bank, Unit Pengurusan Risiko (Risk Management Unit, RMU) terus melaksanakan pendekatan penilaian risiko serampang tiga mata yang merangkumi tiga langkah, iaitu penilaian kendiri oleh jabatan-jabatan, penilaian bebas oleh RMU atas jabatan-jabatan, dan penilaian risiko keseluruhan organisasi oleh RMU dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi memupuk amalan pengurusan risiko organisasi yang mantap.

Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko

Struktur tadbir urus pengurusan risiko merupakan bahagian yang penting dalam usaha untuk

memastikan keberkesanan amalan pengurusan risiko, dengan menyediakan sekatan dan imbangan yang mencukupi serta mempunyai kebertanggungjawaban risiko yang jelas. Berpandukan prinsip ini, Bank Negara Malaysia telah mewujudkan rangka kerja keinstitusian yang meliputi penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa pengurusan, penggarisan peranan dan fungsi, serta proses kerja yang berserta kawalan dalaman.

Badan tertinggi dalam struktur tadbir urus pengurusan risiko Bank Negara Malaysia ialah Jawatankuasa Pengurusan Risiko (Risk Management Committee, RMC), yang merupakan wadah di peringkat kepimpinan bagi perbincangan yang tetap dan berfokus tentang isu-isu risiko. RMC juga menyediakan pengawasan pengurusan risiko, dan menentukan standard serta keperluan untuk memastikan langkah-langkah kawalan risiko strategik dan operasi yang bersesuaian dilaksanakan oleh semua jabatan, termasuk semua projek. RMC dipengerusikan oleh Gabenor dan bermesyuarat empat kali setahun untuk membincangkan isu-isu risiko yang membabitkan Bank dan jabatan secara berasingan. RMU bertanggungjawab dalam memberikan penilaian tentang pengurusan risiko dan kaedah untuk menangani isu-isunya, di samping terhadap dasar pengurusan risiko, metodologi dan penerapan amalan pengurusan risiko terbaik.

Amalan Pengurusan Risiko

Pada tahun 2006, RMC meneruskan penilaian terhadap risiko, kawalan dan isu-isu risiko yang muncul di jabatan-jabatan dalam operasi dan rancangan urusan mereka untuk mengekalkan tahap kewaspadaan terhadap profil risiko Bank secara keseluruhan.

Komitmen yang ditunjukkan oleh jabatan-jabatan dalam mengkaji semula penilaian kendiri profil risiko jabatan masing-masing menunjukkan kesedaran dan kebertanggungjawaban jabatan-jabatan yang meningkat dalam menguruskan risiko proses urusan teras, perumusan dasar dan inisiatif strategik. Kemajuan yang berterusan ini penting dalam mewujudkan budaya prihatin terhadap risiko yang membabitkan pekerja di semua peringkat dan menyediakan asas yang kukuh bagi menyokong amalan pengurusan risiko organisasi. Pemisahan yang jelas dalam tanggungjawab risiko ini bertujuan menyemai sifat yang proaktif dalam mengurus risiko sambil memastikan proses pengurusan risiko berterusan dan mampu dikekalkan dan dilaksanakan dengan sendiri. Selain itu, RMU menyediakan sokongan teknikal dan memainkan peranan sebagai penyelaras dan pengawas dengan membantu jabatan-jabatan dalam pelaporan mereka kepada Pengurusan.

Pada tahun 2006, RMU menjalankan penilaian bebas terhadap jabatan-jabatan tertentu dan melaporkan terus kepada RMC. Memandangkan risiko tidak boleh lagi diurus secara bersendirian, RMU juga menilai risiko tematik atau risiko organisasi seperti pembangunan kapasiti dan pengurusan data, yang merentas sempadan fungsian untuk menangani masalah saling bergantungan, yang boleh menjejaskan pencapaian matlamat dan objektif strategik Bank. Risiko tematik ini dikenal pasti oleh RMU dan dinilai melalui perbincangan dengan jabatan yang berkaitan serta kajian semula terhadap proses yang dijalankan dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab penting Bank.

Gabungan ketiga-tiga penilaian tersebut dijangka dapat menghasilkan pandangan yang holistik terhadap profil risiko dan risiko potensi di Bank Negara Malaysia. Pendekatan ini akan menyumbang ke arah peningkatan kesedaran terhadap risiko, penjajaran organisasi dan pengukuhan kesalinghubungan di seluruh Bank. RMU juga bertanggungjawab mengkaji semula dasar pengurusan risiko melalui penandaarasan amalan terbaik global dan menyediakan sokongan teknikal kepada jabatan-jabatan.

Pada tahun 2006, Bank Negara Malaysia juga menganggotai Kumpulan Kerja Risiko Operasi Antarabangsa, yang ditubuhkan untuk bertindak sebagai pusat kecekapan Pengurusan Risiko Operasi bagi bank-bank pusat. Matlamat kumpulan ini adalah untuk berkongsi amalan terbaik, memperkenalkan rangka kerja dan metodologi baru bagi komuniti bank pusat, serta menjana nilai pengurusan risiko operasi.

Risiko Strategik dan Dasar

Risiko strategik dikaitkan dengan risiko yang terdapat dalam perumusan dan pelaksanaan perancangan dan strategi urusan Bank Negara Malaysia. Jika tidak diurus dengan berkesan, risiko ini boleh menjadi penghalang kepada pencapaian matlamat dan objektif strategik Bank. Oleh itu, lebih penekanan diberikan dalam memastikan semua jabatan mengenal pasti risiko strategik dalam proses teras mereka dan projek Bank. Jawatankuasa Pengurusan dan pelbagai Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh pengurusan kanan memainkan peranan yang penting untuk memastikan semua isu risiko yang sedia ada dan yang muncul dalam rancangan urusan ditangani. Bagi melengkapkan peranan ini, kandungan deklarasi tahunan yang merupakan alat penilaian kendiri, dan penilaian bebas oleh RMU juga dirangka untuk mengenal pasti dan menangani risiko bertahap strategik agar pihak pengurusan boleh mengurus dan membendung keseluruhan risiko Bank secara proaktif.

Risiko dasar diurus melalui rangka kerja dan proses berstruktur bagi perumusan dan pelaksanaan dasar. Komponen utama rangka kerja itu ialah jawatankuasa dalaman dan kumpulan kerja bagi perundingan dan perbincangan bersilang fungsian. Jawatankuasa peringkat tinggi termasuk Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Dasar Monetari dan Jawatankuasa Kestabilan Kewangan yang kesemuanya dipengerusikan oleh Gabenor. Kumpulan kerja dasar yang dipengerusikan oleh Penolong Gabenor dengan anggotanya terdiri daripada pengarah-pengarah jabatan yang berkenaan, membentuk forum di peringkat kerja bagi perumusan dasar. Kumpulan kerja ini memastikan semua maklumat dan kepakaran dimanfaatkan dalam merangka dan merumus dasar. Dalam kes tertentu, pihak berkepentingan luar terbabit sama dalam perundingan itu. Struktur ini berperanan memastikan mekanisme perumusan dasar Bank berkesan dalam menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan.

Risiko Kewangan

Dalam mengurus risiko kewangan Bank yang timbul daripada operasi perbendaharaannya, Bahagian Pengurusan Risiko Perbendaharaan yang bebas di Jabatan Operasi Pelaburan dan Pasaran Kewangan telah diamanahkan untuk menilai secara khusus dan menguatkuasakan dasar pengurusan risiko perbendaharaan Bank dengan melapor terus kepada Timbalan Gabenor. Pada tahun 2006, pengurusan risiko perbendaharaan di Bank Negara Malaysia terus berkembang menjadi bidang yang lebih khusus dengan menggunakan pendekatan terkini dalam teknologi risiko dan metodologi risiko, bagi mengurus secara berkesan risiko pasaran, kredit, dan operasi yang berkaitan dengan operasi pelaburan Bank. Dalam bidang risiko pasaran, Bank Negara Malaysia telah memulakan rangka kerja pelaburan baru dengan memberi lebih penekanan terhadap pengurusan risiko pasaran melalui peruntukan belanjawan untuk risiko, dan lebih fokus terhadap pulangan terlaras risiko bagi penilaian prestasi pelaburannya. Dengan wujudnya instrumen pelaburan yang lebih kompleks, Bank Negara Malaysia juga telah melabur dalam teknologi dan sistem baru untuk meningkatkan keupayaan pemantauan dan penilaian risiko pasaran. Dari segi risiko kredit, Bank Negara Malaysia mengekalkan dasar kredit yang ketat untuk memastikan pendedahan kredit yang diambil melalui strategi pelaburan Bank terus berada pada tahap yang boleh diterima, sementara rangka kerja risiko operasi perbendaharaan Bank terus diperkukuh dengan melakukan pemantauan dalam talian, dan penunjuk amaran awal.

Risiko Operasi

Ketua-ketua Jabatan terus memikul tanggungjawab langsung dalam mengurus risiko operasi dengan memastikan bahawa amalan pengurusan risiko menjadi sebahagian daripada operasi harian dan semua risiko ditangani dengan sewajarnya. Untuk melengkapi proses pengurusan risiko ini, RMU terus memainkan peranan yang proaktif, dan bekerjasama dengan jabatan-jabatan bagi memastikan risiko utama ditangani dengan sewajarnya.

Langkah-langkah penting untuk menangani risiko operasi merangkumi kawalan belanjawan, rangka kerja pemerolehan, dan fungsi audit dalaman. Kawalan belanjawan bertujuan menggalakkan perancangan dan memastikan

penggunaan sumber kewangan yang cekap dan berkesan, sementara rangka kerja pemerolehan menetapkan tadbir urus dan amalan terbaik dalam pemerolehan atau pelaksanaan projek. Fungsi audit dalaman pula bertanggungjawab untuk memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah tentang kawalan dan pematuhan, pengurusan risiko, dan proses tadbir urus di Bank Negara Malaysia.

Pengurusan Kesinambungan Perniagaan

Terdapat dua komponen peringkat tinggi dalam rangka kerja Kesinambungan Perniagaan, iaitu Jawatankuasa Pengurusan Krisis dan Kumpulan Pengurusan Krisis. Jawatankuasa Pengurusan Krisis yang terdiri daripada anggota Jawatankuasa Pengurusan, melambangkan pengiktirafan peringkat tinggi terhadap program Kesinambungan Perniagaan di Bank Negara Malaysia. Kumpulan Pengurusan Krisis pula dianggotai pengarah dari semua jabatan yang dikenal pasti sebagai penting dan kumpulan sokongan.

Penilaian berkala terhadap kemampuan Bank untuk bertindak balas terhadap krisis juga telah dibuat seperti pada tahun-tahun sebelum ini. Penilaian dibuat melalui ujian secara langsung, dan mesyuarat Kumpulan Pengurusan Krisis yang diadakan dua kali setahun untuk membincangkan isu kesinambungan perniagaan yang muncul.

Pada tahun 2006, risiko khusus yang banyak mendapat perhatian komuniti risiko ialah kemungkinan tercetusnya wabak selesema burung. Risiko luaran ini yang mencetuskan kebimbangan pada awal tahun 2006, berupaya untuk mengganggu operasi perniagaan dengan ketidakhadiran pekerja yang ketara dan berpanjangan, serta gangguan infrastruktur fizikal. Sebagai tindak balas terhadap risiko ini, Bank Negara Malaysia merumuskan Rancangan Persediaan Menghadapi Pandemik Selesema Burung untuk menyelaraskan tindak balas di seluruh Bank. Rancangan Persediaan ini mengenal pasti implikasi terhadap sektor kewangan dan ekonomi di samping menggariskan langkah yang perlu diambil dalam mengurus ekonomi, sektor kewangan, dan industri insurans serta sistem pembayaran dan penyelesaian.

RMU juga menjalankan Analisis Impak Perniagaan yang digunakan untuk menganalisis kesan potensi krisis terhadap jabatan-jabatan, selain menggariskan keutamaan, strategi, dan penyelesaian untuk mengurus kesinambungan dan pemulihan perniagaan bagi jabatan-jabatan khususnya, dan Bank secara keseluruhannya. Analisis Impak Perniagaan ini juga merupakan asas utama bagi kajian semula pengaturan berhubung dengan krisis yang sedia ada dan untuk mengenal pasti strategi pemulihan baru.

Selain itu, RMU menyertai Pameran Pengetahuan tahunan Bank Negara Malaysia untuk terus membentuk kesedaran dan pemahaman tentang Pengurusan Kesinambungan Perniagaan. Sungguhpun pelan kesinambungan perniagaan telah disediakan, kesempatan untuk menggunakannya jarang dan hampir tidak wujud bagi kakitangan yang tidak terbabit dalam fungsi kritikal. Oleh yang demikian, usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang peri pentingnya pelan ini adalah perlu. Melalui pelbagai program seperti ceramah, kuiz, teka-teki dan permainan, penghayatan kakitangan tentang pengaturan kesinambungan perniagaan dapat dipupuk dengan menggalakkan minat dan perkongsian pengetahuan berkaitan pengaturan kesinambungan perniagaan.

BANK NEGARA MALAYSIA
Struktur Organisasi



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

Saya telah mengaudit penyata kewangan Bank Negara Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2006. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2006 dan hasil operasi untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
9 MAC 2007

PERNYATAAN PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, Zeti Akhtar Aziz dan Oh Siew Nam, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan ini disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2006 dan hasil operasinya bagi tahun yang berakhir pada tarikh itu.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



ZETI AKHTAR AZIZ

PENGERUSI

8 MAC 2007
KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



OH SIEW NAM

PENGARAH

8 MAC 2007
KUALA LUMPUR

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PENGURUSAN KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA

Saya, Abdul Aziz Abdul Manaf, pegawai utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Bank Negara Malaysia dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui)
oleh penama di atas di Kuala Lumpur)
pada 8 Mac 2007.)

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
No: W 027
Nama : NG LEONG HUAT
MALAYSIA

LEE HISHAMMUDDIN ALLEN & GLEDHILL
Level 16, Menara Asia Life
189, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur.
Tel : 603-2161 2330
Fax : 603-2161 3933

Bank Negara Malaysia

Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2006

		2006	2005
		RM	RM
ASET	**Nota**		
Emas dan Pertukaran Asing	3	288,871,214,113	264,421,558,175
Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa		793,377,077	1,186,337,566
Milikan Hak Pengeluaran Khas		756,926,104	748,345,706
Kertas Kerajaan Malaysia	4	1,504,154,121	961,013,021
Deposit dengan Institusi Kewangan		4,626,624,482	2,878,873,387
Pinjaman dan Pendahuluan	5	12,924,727,795	10,295,735,304
Aset-aset Lain	6	13,551,017,533	14,940,995,292
Jumlah Aset		**323,028,041,225**	**295,432,858,451**
LIABILITI DAN MODAL			
Mata Wang dalam Edaran		37,896,029,181	34,396,746,453
Deposit oleh: Institusi Kewangan		176,459,444,828	140,606,624,541
Kerajaan Persekutuan		16,624,678,860	27,273,933,343
Lain-lain	7	2,199,409,354	4,297,159,874
Kertas Bank Negara		24,793,933,282	20,347,587,398
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas	8	736,745,411	751,127,007
Liabiliti-liabiliti Lain	9	31,668,377,651	29,551,916,821
Jumlah Liabiliti		290,378,618,567	257,225,095,437
Modal Dibenar RM200,000,000			
Modal Berbayar	10	100,000,000	100,000,000
Kumpulan Wang Rizab Am	11	9,362,550,221	8,103,080,465
Rizab-rizab Lain	12	23,186,872,437	30,004,682,549
Jumlah Modal		32,649,422,658	38,207,763,014
Jumlah Liabiliti dan Modal		**323,028,041,225**	**295,432,858,451**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Bank Negara Malaysia

Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006

	Nota	2006 RM	2005 RM
Jumlah Pendapatan	13	**4,843,406,554**	**4,989,023,000**
Tolak:			
Perbelanjaan Berulang	14	773,866,381	809,055,659
Perbelanjaan Pembangunan	15	610,070,417	619,004,191
Jumlah Perbelanjaan		**1,383,936,798**	**1,428,059,850**
Untung Bersih		**3,459,469,756**	**3,560,963,150**

Penyata Pengagihan Untung dan Rugi bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006

		2006 RM	2005 RM
Untung Bersih		**3,459,469,756**	**3,560,963,150**
Pindahan kepada Rizab-rizab Lain	16	1,000,000,000	1,000,000,000
Pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am		1,259,469,756	1,360,963,150
Amaun belum bayar kepada Kerajaan Persekutuan		1,200,000,000	1,200,000,000
		3,459,469,756	**3,560,963,150**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Nota-nota bagi Penyata Kewangan – 31 Disember 2006

1. **Aktiviti Utama Bank**

Peranan dan tanggungjawab utama Bank Negara Malaysia adalah untuk:

(a) mencapai kestabilan monetari;
(b) menggalakkan sistem kewangan yang stabil;
(c) memastikan sistem pembayaran yang efisien;
(d) mengeluarkan mata wang dalam Malaysia; dan
(e) bertindak sebagai jurubank dan penasihat kewangan kepada Kerajaan Persekutuan.

2. **Dasar Perakaunan**

Dasar perakaunan utama yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan ini dihuraikan di bawah. Dasar perakaunan ini digunakan secara konsisten untuk kedua-dua tahun kewangan yang dikemukakan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.1 **Asas Penyediaan Penyata Kewangan**

(a) Penyata kewangan ini disediakan mengikut Akta Bank Negara Malaysia 1958 (Semakan 1994), dan Standard Pelaporan Kewangan (Financial Reporting Standards, FRS) Malaysia setakat FRS Malaysia ini dianggap sesuai dengan peranan dan tanggungjawab Bank. Berdasarkan tanggungjawabnya sebagai penggubal dan pengendali dasar monetari yang berkesan, Bank berpendapat bahawa penyediaan penyata kewangan ini wajar berbeza dalam beberapa aspek daripada FRS Malaysia.

(b) Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi keperluan FRS Malaysia itu menghendaki pihak pengurusan menggunakan anggaran dan andaian tertentu yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti, dan penzahiran aset dan liabiliti luar jangka yang dilaporkan pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan pada tahun kewangan. Walaupun anggaran ini berasaskan pengetahuan terbaik pihak pengurusan tentang peristiwa dan tindakan semasa, hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat.

2.2 **Asas Pengukuran dan Perakaunan Terakru**

Penyata kewangan disediakan pada asas kos sejarah perakaunan dan pada asas terakru.

2.3 **Penukaran Mata Wang Asing**

(a) Penyata kewangan disediakan mengikut nilai Ringgit Malaysia, iaitu mata wang bagi persekitaran ekonomi utama tempat Bank beroperasi.

(b) Aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula kepada Ringgit Malaysia mengikut kadar pertukaran semasa pada tarikh lembaran imbangan. Urus niaga mata wang asing pada tahun ini telah ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran semasa mengikut tarikh nilai.

(c) Rizab Antarabangsa yang merangkumi Emas dan Pertukaran Asing, Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa dan Milikan Hak Pengeluaran Khas pada 31 Disember 2006 ialah RM290,421.5 juta, iaitu bersamaan dengan USD82,457.3 juta.

2.4 **Emas, Sekuriti, dan Pelaburan**

Emas, sekuriti, dan pelaburan dinyatakan pada kos dan peruntukan telah dibuat untuk penyusutan nilai pada 31 Disember 2006.

2.5 **Perjanjian Repo dan Repo Berbalik**

Amaun yang dipinjam di bawah perjanjian repo dilaporkan di bawah `Liabiliti-liabiliti Lain´.

Amaun yang dipinjamkan di bawah perjanjian repo berbalik dilaporkan di bawah `Aset-aset Lain´. Perbezaan antara amaun diterima dengan amaun dibayar di bawah perjanjian repo dan repo berbalik, masing-masing diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah dan pendapatan faedah mengikut asas garis lurus.

3. **Emas dan Pertukaran Asing**

	2006 RM	2005 RM
Sekuriti Asing	222,484,196,755	214,223,340,658
Deposit Asing	45,754,677,766	30,954,385,954
Baki di Bank Pusat Asing, Bank for International Settlements (BIS) dan Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF)	7,689,540,079	5,043,988,892
Lain-lain	12,942,799,513	14,199,842,671
	288,871,214,113	264,421,558,175

Berkuat kuasa pada bulan Mei 2006, tuntutan mata wang asing lain terhadap pemastautin diklasifikasikan semula daripada `Emas dan Pertukaran Asing´ kepada `Aset-aset Lain´.

4. **Kertas Kerajaan Malaysia**

	2006 RM	2005 RM
Sekuriti Kerajaan Malaysia	1,504,154,121	961,013,021

5. **Pinjaman dan Pendahuluan**
Pinjaman dan pendahuluan terdiri terutamanya daripada pendahuluan yang diberikan oleh Bank kepada institusi pelaksana di bawah seksyen 30(1) Akta Bank Negara Malaysia 1958.

6. **Aset-aset Lain**
Aset-aset lain termasuk pelaburan dalam saham dan bon sebanyak RM13,181,520,663 yang diperoleh di bawah seksyen 30(1)(j) dan seksyen 30(1)(oo)(i) Akta Bank Negara Malaysia 1958.

7. **Deposit oleh Lain-lain**
Sebahagian besar daripada deposit ini ialah deposit daripada Badan Berkanun Persekutuan.

8. **Peruntukan Hak Pengeluaran Khas**
Negara-negara anggota IMF diperuntukkan Hak Pengeluaran Khas (Special Drawing Rights, SDR) berasaskan bahagian yuran mereka kepada IMF. Peruntukan ini merupakan suatu liabiliti Bank terhadap IMF yang tidak aktif, dengan aset diterima dalam bentuk SDR daripada IMF. Jumlah bersih peruntukan terkumpul ini sebanyak RM736,745,411, iaitu bersamaan dengan SDR139,048,000.

9. **Liabiliti-liabiliti Lain**
Sebahagian besar liabiliti-liabiliti lain termasuk simpanan oleh institusi kewangan di bawah perjanjian repo.

10. **Modal Berbayar**
Seluruh modal yang dikeluarkan dan dibayar sebanyak RM100 juta dimiliki oleh Kerajaan Malaysia.

11. **Kumpulan Wang Rizab Am**

	2006 RM	2005 RM
Pada 1 Januari	8,103,080,465	6,742,117,315
Pindahan daripada Untung Bersih	1,259,469,756	1,360,963,150
Pada 31 Disember	9,362,550,221	8,103,080,465

12. **Rizab-rizab Lain**
Rizab-rizab lain terdiri daripada Rizab Turun Naik Kadar Pertukaran dan Rizab Luar Jangka.

13. **Jumlah Pendapatan**
Jumlah pendapatan terdiri daripada hasil pengurusan rizab asing termasuk faedah dan dividen, pendapatan bukan perbendaharaan dan dinyatakan pada nilai bersih setelah pelunasan/akretan atas premium/diskaun, dan kos dasar monetari.

14. **Perbelanjaan Berulang**
Perbelanjaan berulang merupakan perbelanjaan yang ditanggung dalam pengurusan dan pentadbiran operasi harian Bank.

15. **Perbelanjaan Pembangunan**
Perbelanjaan pembangunan merupakan perbelanjaan yang ditanggung terutamanya untuk membiayai projek pembangunan dan projek jangka panjang yang dilaksanakan oleh Bank, yang selaras dengan peranan dan tanggungjawab utama Bank.

16. **Pindahan kepada Rizab-rizab Lain**
Pindahan ini dibuat mengikut seksyen 7(2) Akta Bank Negara Malaysia 1958.

17. **Liabiliti Luar Jangka**
Jumlah liabiliti luar jangka pada 31 Disember 2006 ialah RM7,487,719,316. Ini terdiri daripada:
(a) sejumlah RM7,423,739,965 yang merupakan kewajipan Bank untuk membayar sepenuhnya jumlah kuota Malaysia di IMF di bawah Artikel Persetujuan dalam bentuk SDR atau mata wang boleh tukar lain; dan
(b) sejumlah RM63,979,351 yang merupakan bahagian belum dipanggil sebanyak 3,220 unit saham yang dipegang oleh Bank dalam Bank for International Settlements. Jumlah ini adalah berdasarkan nilai nominal (SDR5,000) bahagian belum dipanggil dan kadar SDR pada tarikh lembaran imbangan.

18. **Cukai Pendapatan**
Bank dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan dan cukai pendapatan tambahan seperti yang ditetapkan dalam Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 1989.

Dasar Pentadbiran Pertukaran Asing

Bank Negara Malaysia telah mengambil langkah untuk meneruskan liberalisasi dasar pentadbiran pertukaran asing bagi meningkatkan kecekapan sistem dan memberi lebih fleksibiliti dalam pengurusan urus niaga tukaran wang asing. Bank Negara Malaysia juga telah meminda Akta Kawalan Pertukaran Asing 1953 bagi mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaan termasuk peruntukan penguatkuasaan dan pengawasan berhubung dengan urus niaga tukaran wang asing.

Liberalisasi Dasar Pentadbiran Pertukaran Asing

Berkuat kuasa 1 April 2007, peraturan pentadbiran pertukaran asing diliberalisasikan untuk:

(a) Meluaskan skop perniagaan mata wang asing bank tempatan berlesen;

(b) Memudahkan pelaburan dalam aset ringgit oleh bukan pemastautin;

(c) Meningkatkan kecekapan perniagaan dan peluang pelaburan; dan

(d) Memudahkan pembangunan pasaran modal.

Meluaskan Skop Perniagaan Mata Wang Asing Bank Tempatan Berlesen

Bagi memberi lebih fleksibiliti kepada bank tempatan berlesen menjalankan perniagaan mata wang asing, peraturan pentadbiran pertukaran asing diliberalisasikan seperti yang berikut:

(a) Memansuhkan had kedudukan terbuka bersih bank tempatan berlesen yang ketika ini dihadkan pada 20% daripada modal asas bank. Had ini dimansuhkan berikutan perlaksanaan rangka kerja pengawalseliaan modal yang lebih komprehensif bagi risiko mata wang asing.

(b) Memansuhkan had yang dikenakan atas bank tempatan berlesen bagi akaun mata wang asing yang disenggara oleh pemastautin. Langkah ini bertujuan memberi kesediaan kepada bank tempatan berlesen untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan berurus dalam mata wang asing di samping menyokong inisiatif untuk mempromosikan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam.

(c) Membenarkan bank pelaburan di Malaysia menjalankan perniagaan mata wang asing tertakluk kepada kajian semula pengawalseliaan yang menyeluruh atas kapasiti dan keupayaan bank pelaburan berkenaan.

Memudahkan Pelaburan dalam Aset Ringgit oleh Bukan Pemastautin dalam Mempromosikan Malaysia sebagai Destinasi Pelaburan

Untuk menambah bilangan pelabur dalam aset dan produk kewangan ringgit, peraturan pentadbiran pertukaran asing diliberalisasikan seperti yang berikut:

(a) Memberi fleksibiliti tambahan kepada syarikat broker saham dan bank kustodian bukan pemastautin untuk memperoleh kemudahan overdraf ringgit daripada bank tempatan berlesen bagi mengelak kegagalan penyelesaian pembayaran kerana kelewatan yang tidak disengajakan, dengan:

    (i) Melupuskan had overdraf sebelum ini sebanyak RM200 juta; dan

(ii) Memperluaskan skop penggunaan kemudahan overdraf meliputi instrumen ringgit yang dijelaskan melalui Sistem Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities (RENTAS) dan Bursa Malaysia. Sebelum ini, penggunaan kemudahan ini hanya terhad kepada saham yang diniagakan di Bursa Malaysia.

Bank tempatan berlesen, dalam menawarkan kemudahan overdraf, akan terus dikehendaki memenuhi syarat-syarat berikut:

(i) Kemudahan ini tidak digunakan untuk tujuan pembiayaan dan diberikan hanya untuk penyelesaian pembayaran yang disebabkan oleh kelewatan yang tidak disengajakan atau kelewatan teknikal serta perbezaan zon masa; dan

(ii) Kemudahan ini tidak boleh melebihi dua hari bekerja dan tanpa opsyen bergulung matang.

(b) Memansuhkan had atas bilangan pinjaman harta tanah kediaman atau komersial yang diperoleh bukan pemastautin. Sebelum ini, bukan pemastautin dibenar memperoleh sehingga tiga pinjaman harta tanah daripada pemastautin untuk membiayai pembelian atau pembinaan harta tanah kediaman atau komersial di Malaysia.

(c) Membenarkan bank tempatan berlesen melantik cawangan luar negeri kumpulan mereka untuk bertindak sebagai perantara bagi memudahkan penyelesaian pembayaran sebarang aset ringgit pelanggan bukan pemastautin mereka.

Urus niaga ringgit yang dikendalikan oleh cawangan luar negeri akan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(i) Cawangan luar negeri mestilah hanya menjalankan urus niaga serah semua terus yang dipadan dengan pengaturan sandar-menyandar bagi amaun dan tempoh pemegangan dengan bank tempatan berlesen di mana tiada jurang kedudukan ringgit dalam buku cawangan luar negeri;

(ii) Pengaturan ini hanya ditawarkan kepada pelabur bukan pemastautin yang mempunyai komitmen asas yang kukuh untuk melabur dalam aset ringgit; dan

(iii) Bank tempatan berlesen akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat dengan mewujudkan kawalan dalaman dan prosedur di samping dokumentasi urus niaga cawangan luar negeri bagi tujuan audit.

(d) Melupuskan sekatan atas bank luar pesisir Labuan untuk berurus niaga dalam produk kewangan ringgit bagi pihak pelanggan bukan pemastautin untuk memperluas peranan dan skop perniagaan bank luar pesisir Labuan.

Meningkatkan Kecekapan Perniagaan dan Peluang Pelaburan untuk Pemastautin

Bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan, meningkatkan kecekapan perniagaan dan mempromosikan Malaysia sebagai pusat originasi, peraturan pentadbiran pertukaran asing diliberalisasikan seperti yang berikut:

(a) Menambah had pinjaman mata wang asing yang boleh diperoleh syarikat pemastautin daripada bank tempatan berlesen dan bukan pemastautin di samping melalui terbitan bon mata wang asing

di dalam negeri kepada jumlah agregat bersamaan RM100 juta daripada jumlah bersamaan RM50 juta berdasarkan kumpulan korporat sebelum ini. Dana yang diperoleh boleh digunakan untuk tujuan domestik atau pelaburan luar negeri.

(b) Membenarkan pemastautin melindung nilai bayaran balik pinjaman mata wang asing sehingga amaun penuh komitmen asas yang kukuh. Sebelum ini, lindung nilai untuk bayaran balik pinjaman mata wang asing dibenarkan sehingga komitmen 24 bulan. Fleksibiliti ini akan memberikan lebih kemudahan pengurusan risiko kepada sektor perniagaan di Malaysia, dan seterusnya mengurangkan vulnerabiliti negara kepada kejutan luaran.

(c) Meningkatkan fleksibiliti kepada individu dan syarikat pemastautin untuk melabur dalam aset mata wang asing seperti yang berikut:

(i) Meningkatkan had bagi individu pemastautin yang mempunyai pinjaman ringgit domestik untuk melabur dalam aset mata wang asing sehingga RM1 juta dalam satu tahun kalendar daripada had sebanyak RM100,000 sebelum ini; dan

(ii) Meningkatkan had bagi syarikat pemastautin yang mempunyai pinjaman ringgit domestik untuk melabur dalam aset mata wang asing sehingga RM50 juta dalam satu tahun kalendar daripada had sebelum ini sebanyak RM10 juta, berdasarkan kumpulan korporat.

(d) Meningkatkan had bagi pelabur institusi pemastautin untuk melabur dalam aset mata wang asing seperti yang berikut:

(i) Syarikat pengurusan amanah saham: sehingga 50% daripada nilai aset bersih (NAV) yang dilanggan oleh pemastautin, daripada had 30% daripada NAV sebelum ini;

(ii) Syarikat pengurusan dana: sehingga 50% daripada dana pelanggan pemastautin yang mempunyai kemudahan kredit domestik, daripada had 30% sebelum ini; dan

(iii) Penanggung insurans dan pengendali takaful: sehingga 50% daripada NAV dana berkaitan pelaburan yang dipasarkan berbanding dengan 30% daripada NAV sebelum ini.

(e) Membenarkan syarikat pemastautin memberi pinjaman dalam mata wang asing, menggunakan hasil daripada penyenaraian saham di bursa saham luar negeri kepada syarikat pemastautin lain dalam kumpulan korporat yang sama di Malaysia.

(f) Memansuhkan sekatan atas pembayaran dalam mata wang asing antara pemastautin untuk penyelesaian pembayaran produk kewangan mata wang asing yang ditawarkan dalam negeri.

(g) Membenarkan individu pemastautin membuka dan menyenggarakan akaun bersama mata wang asing untuk sebarang tujuan. Sebelum ini, individu pemastautin dibenarkan menyenggarakan akaun bersama mata wang asing hanya untuk tujuan pendidikan dan pekerjaan di luar negeri.

Memudahkan Pembangunan Pasaran Modal

Bagi menyokong inisiatif untuk memperluas kumpulan saham berkualiti tinggi dan mempertingkatkan kepelbagaian penawaran serta menggalakkan hubungan merentas sempadan dengan pasaran lain, peraturan pentadbiran pertukaran asing diliberalisasikan seperti yang berikut:

(a) Membenarkan syarikat bukan pemastautin menggunakan hasil daripada penyenaraian saham melalui Tawaran Awam Awal di Papan Utama Bursa Malaysia, di luar negeri; dan

(b) Membenarkan syarikat pemastautin menggunakan hasil daripada penyenaraian saham melalui Tawaran Awam Awal di Papan Utama Bursa Malaysia untuk tujuan pelaburan di luar negeri.

Pindaan kepada Rangka Kerja Pengawalseliaan

Akta Kawalan Pertukaran Asing 1953 telah dipinda bagi mengukuhkan peruntukan penguatkuasaan dan pengawasan untuk menangani perdagangan mata wang asing secara haram. Di samping itu, satu peruntukan baru telah dimasukkan ke dalam akta ini untuk mengawal terbitan dan perolehan jaminan kewangan oleh pemastautin. Pindaan akta ini yang berkuat kuasa 1 Januari 2007, termasuk perkara-perkara berikut:

(a) Tambahan amaun penalti bagi urusan dalam mata wang asing tanpa kebenaran daripada RM10,000 kepada RM1 juta dan tempoh penjara daripada tiga tahun kepada lima tahun;

(b) Tambahan kompaun sehingga 50% daripada amaun penalti bagi semua kesalahan;

(c) Membenarkan pegawai penyiasat mendapatkan maklumat dan dokumen daripada peguambela semasa penyiasatan;

(d) Tambahan tempoh tahanan barangan yang dirampas, termasuk dokumen daripada tiga bulan kepada dua belas bulan bagi memudahkan penyiasatan;

(e) Membenarkan waran geledah dikeluarkan kepada pegawai penyiasat Bank Negara Malaysia bagi memudahkan proses penyiasatan; dan

(f) Memerlukan pemastautin mendapat kebenaran terdahulu daripada Pengawal Pertukaran Wang Asing untuk mengeluarkan jaminan kewangan, kepada atau bagi pihak bukan pemastautin, atau untuk mendapatkan jaminan kewangan daripada bukan pemastautin.

Satu rangka tindakan untuk industri pengurupan wang asing telah disediakan untuk menentukan hala tuju industri dengan tujuan meningkatkan urus tadbir korporat pemegang lesen, mengukuhkan pengawasan dan penguatkuasaan Bank Negara Malaysia, memperbaiki saluran penyampaian pengawalseliaan dan menjamin perlindungan pelanggan.

Keperluan Pelaporan

Bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian pengawalseliaan, mulai suku pertama tahun 2007, hanya syarikat pemastautin berdaftar atau yang telah dibenarkan membuat pelaburan di luar negeri atau memperoleh kemudahan kredit mata wang asing melebihi jumlah bersamaan RM50 juta, diperlukan menghantar laporan suku tahunan tentang aset dan tanggungan luaran syarikat kepada Pengawal Pertukaran Wang Asing.

Maklumat lanjut tentang dasar pentadbiran pertukaran asing boleh didapati di laman web Bank Negara Malaysia, http://www.bnm.gov.my/fxadmin

Statistik Ekonomi dan Kewangan Utama

Jadual A.1
Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar 1987

	2002	2003	2004	2005	2006*a*	2007*r*
	RM juta					
Pertanian	19,064	20,109	21,107	21,626	23,009	23,746
Perlombongan dan kuari	15,810	16,720	17,372	17,504	17,465	17,955
Perkilangan	66,019	71,691	78,742	82,724	88,542	94,427
Pembinaan	7,251	7,359	7,248	7,133	7,097	7,310
Perkhidmatan	127,968	133,956	143,310	152,571	162,469	172,697
Tolak: Bayaran perkhidmatan bank tertaksir	21,073	22,622	23,461	24,296	25,215	26,122
Campur: Duti import	5,384	5,282	4,995	4,912	4,306	4,359
KDNK pada harga pembeli[1]	**220,422**	**232,496**	**249,314**	**262,175**	**277,673**	**294,373**
	Perubahan tahunan (%)					
Pertanian	2.8	5.5	5.0	2.5	6.4	3.2
Perlombongan dan kuari	4.3	5.8	3.9	0.8	-0.2	2.8
Perkilangan	4.3	8.6	9.8	5.1	7.0	6.6
Pembinaan	2.0	1.5	-1.5	-1.6	-0.5	3.0
Perkhidmatan	6.5	4.7	7.0	6.5	6.5	6.3
Tolak: Bayaran perkhidmatan bank tertaksir	19.2	7.3	3.7	3.6	3.8	3.6
Campur: Duti import	17.2	-1.9	-5.4	-1.7	-12.3	1.2
KDNK pada harga pembeli	**4.4**	**5.5**	**7.2**	**5.2**	**5.9**	**6.0**

[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.2
Pertumbuhan dalam Pengeluaran Perkilangan (2000=100)

	2003	2004	2005	2006	2004	2005	2006
	Indeks				Perubahan tahunan (%)		
Industri berorientasikan eksport	**107.9**	**123.8**	**130.8**	**140.7**	**14.8**	**5.7**	**7.5**
Jentera elektrik, perkakas, peralatan dan bekalan	104.4	124.5	128.9	139.1	19.3	3.5	7.9
Elektronik	*108.3*	*136.0*	*143.0*	*160.0*	*25.6*	*5.2*	*11.8*
Barangan elektrik	*96.8*	*102.1*	*101.3*	*98.3*	*5.5*	*-0.8*	*-2.9*
Bahan kimia dan keluaran kimia	117.2	134.9	149.7	154.5	15.1	11.0	3.2
Keluaran petroleum[1]	116.0	127.4	141.2	160.4	9.8	10.8	13.6
Tekstil, pakaian dan kasut	85.5	81.4	84.1	89.3	-4.8	3.4	6.1
Kayu dan keluaran kayu	95.7	107.9	109.6	113.8	12.8	1.5	3.8
Keluaran getah	124.2	134.3	133.8	143.4	8.1	-0.4	7.2
Pemprosesan di luar estet	118.0	121.2	131.0	138.5	2.7	8.1	5.7
Lain-lain	90.0	111.4	107.4	119.4	23.9	-3.7	11.3
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**114.0**	**119.9**	**123.2**	**132.1**	**5.2**	**2.8**	**7.2**
Barangan berkaitan pembinaan	109.8	111.2	110.7	114.2	1.3	-0.5	3.2
Keluaran galian bukan logam	*114.0*	*111.0*	*113.2*	*117.0*	*-2.6*	*2.0*	*3.3*
Keluaran asas besi dan keluli dan logam bukan ferus	*101.8*	*111.7*	*105.8*	*109.0*	*9.7*	*-5.3*	*3.0*
Keluaran makanan	118.1	120.5	129.7	138.3	2.0	7.6	6.7
Kelengkapan pengangkutan	124.0	138.5	150.2	147.9	11.7	8.5	-1.5
Keluaran logam yang direka	116.6	129.9	123.5	156.3	11.4	-4.9	26.5
Keluaran kertas	106.2	110.7	119.0	134.6	4.2	7.5	13.1
Minuman	110.9	112.4	119.3	112.9	1.4	6.1	-5.3
Keluaran tembakau	87.9	90.5	87.8	83.6	2.9	-3.0	-4.7
Jumlah	**109.1**	**123.0**	**129.3**	**139.0**	**12.8**	**5.1**	**7.5**

[1] Dalam Indeks Pengeluaran Perindustrian yang baru (2000=100), LNG telah diklasifikasikan semula sebagai keluaran petroleum (sebelum ini diklasifikasikan sebagai bahan kimia dan keluaran kimia). Dengan itu, keluaran petroleum diklasifikasikan semula sebagai industri berorientasikan eksport

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.3
Pengeluaran Komoditi Utama

		2002	2003	2004	2005	2006*a*	2003	2004	2005	2006*a*
		Jumlah					Perubahan tahunan (%)			
Minyak sawit mentah	('000 tan)	11,909	13,355	13,976	14,961	15,881	12.1	4.7	7.0	6.1
Getah[1]	('000 tan)	890	986	1,169	1,126	1,260	10.8	18.6	-3.7	11.9
Kayu balak	('000 meter padu)	20,649	21,532	21,781	22,119	21,180	4.3	1.2	1.6	-4.2
Koko	('000 tan)	48	36	33	28	32	-24.0	-7.8	-16.3	14.2
Minyak mentah (termasuk kondensat)	('000 tong sehari)	698	738	762	704	700	5.6	3.3	-7.7	-0.5
Gas asli	(juta kaki padu sehari)	4,676	5,013	5,196	5,797	5,774	7.2	3.7	11.6	-0.4
Timah padat	('000 tan)	4.2	3.4	2.7	2.9	2.4	-20.3	-18.3	4.1	-17.2

[1] Disemak mulai tahun 2000 berdasarkan kaedah pengumpulan data yang baru
a Awalan

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia
Jabatan Perhutanan (Semanjung Malaysia, Sabah & Sarawak)
Lembaga Koko Malaysia
PETRONAS
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

Jadual A.4
KNK mengikut Agregat Permintaan

	2002	2003	2004	2005	2006*a*	2007*r*
	pada Harga Semasa (RM juta)					
Penggunaan	209,022	227,277	252,088	279,957	309,197	335,494
Penggunaan swasta	*159,506*	*172,366*	*192,771*	*215,876*	*238,803*	*260,773*
Penggunaan awam	*49,516*	*54,911*	*59,317*	*64,081*	*70,394*	*74,721*
Pelaburan	83,764	87,089	91,818	98,930	110,396	126,016
Pelaburan swasta	*29,376*	*29,856*	*39,736*	*44,360*	*50,287*	*57,150*
Pelaburan awam	*54,388*	*57,233*	*52,082*	*54,570*	*60,109*	*68,866*
Perubahan dalam stok[1]	3,105	-1,658	10,552	-200	-920	-2,470
Eksport barangan dan perkhidmatan	415,040	447,846	544,956	611,082	667,597	725,820
Import barangan dan perkhidmatan	348,919	365,383	449,262	494,529	539,928	594,839
KDNK pada nilai pembeli	362,012	395,170	450,152	495,239	546,343	590,021
Pembayaran faktor luar negeri bersih	-25,061	-22,537	-24,549	-23,908	-19,825	-22,108
KNK pada nilai pembeli	336,951	372,633	425,603	471,331	526,518	567,913
	pada Harga Malar 1987 (RM juta)					
Penggunaan	132,872	143,162	156,739	169,792	182,068	192,796
Penggunaan swasta	*101,946*	*108,722*	*120,181*	*131,266*	*140,502*	*149,540*
Penggunaan awam	*30,926*	*34,440*	*36,558*	*38,526*	*41,566*	*43,256*
Pelaburan	63,249	64,960	66,996	70,175	75,745	84,025
Pelaburan swasta	*22,181*	*22,270*	*28,994*	*31,466*	*34,523*	*38,107*
Pelaburan awam	*41,068*	*42,690*	*38,002*	*38,709*	*41,222*	*45,918*
Perubahan dalam stok[1]	3,200	-1,094	5,823	-838	-2,043	-2,246
Eksport barangan dan perkhidmatan	237,904	251,463	292,476	317,693	337,821	359,026
Import barangan dan perkhidmatan	216,802	225,996	272,721	294,647	315,918	339,227
KDNK pada nilai pembeli	220,422	232,496	249,314	262,175	277,673	294,373
Pembayaran faktor luar negeri bersih	-17,253	-15,204	-15,870	-15,965	-15,743	-18,655
KNK pada nilai pembeli	203,169	217,292	233,443	246,210	261,930	275,719

[1] Termasuk perbezaan perangkaan
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.5
Jurang Tabungan-Pelaburan

	2002	2003	2004	2005	2006*a*	2007*r*
	RM juta					
Pembentukan modal dalam negeri kasar awam	54,388	57,233	52,082	54,570	60,109	68,866
Tabungan awam	48,593	60,093	73,000	70,506	101,737	111,728
Defisit/lebihan	-5,795	2,860	20,918	15,936	41,628	42,862
Pembentukan modal dalam negeri kasar swasta	32,481	28,198	50,288	44,160	49,367	54,680
Tabungan swasta	68,770	75,963	85,881	103,905	98,953	104,471
Defisit/lebihan	36,289	47,765	35,593	59,745	49,586	49,791
Pembentukan modal dalam negeri kasar	86,869	85,431	102,370	98,730	109,476	123,546
(% daripada KNK)	25.8	22.9	24.1	20.9	20.8	21.8
Tabungan negara kasar	117,363	136,056	158,881	174,411	200,690	216,199
(% daripada KNK)	34.8	36.5	37.3	37.0	38.1	38.1
Imbangan akaun semasa	30,494	50,625	56,511	75,681	91,214	92,653
(% daripada KNK)	9.0	13.6	13.3	16.1	17.3	16.3

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.6
Pasaran Pekerja: Penunjuk Terpilih

	2002	2003	2004	2005	2006*a*
	(bilangan jawatan/orang)				
Kekosongan Jawatan Baru Mengikut Industri[1]					
Pertanian, pemburuan, perhutanan dan perikanan	43,805	29,048	1,373	40,438	188,104
Perlombongan dan kuari	321	121	41	150	861
Perkilangan	75,655	34,977	17,769	112,542	348,302
Pembinaan	19,001	13,818	3,505	48,524	129,586
Perkhidmatan	24,005	18,954	18,624	63,441	154,902
Elektrik, gas dan air	*326*	*499*	*198*	*859*	*2,227*
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	*9,472*	*7,359*	*5,221*	*23,921*	*67,956*
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	*2,378*	*1,459*	*1,046*	*3,892*	*8,287*
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	*4,874*	*4,079*	*6,162*	*13,874*	*26,642*
Pentadbiran awam, pertahanan dan keselamatan sosial wajib	*6,955*	*5,558*	*1,224*	*2,497*	*3,539*
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial & persendirian			*4,773*	*18,398*	*46,251*
Tidak tersenarai di bahagian lain	-	-	8,663	39,405	12,920
Jumlah kekosongan baru	**162,787**	**96,918**	**49,975**	**304,500**	**834,675**
Pemberhentian Pekerja Mengikut Kategori Pekerja					
Pentadbiran dan pengurusan	2,239	1,755	2,072	1,712	1,245
Professional, juruteknik dan professional bersekutu	3,511	3,661	2,542	2,689	2,471
Kerja perkeranian	2,639	2,481	1,550	1,295	1,370
Pekerja perkhidmatan, kedai dan jualan	2,263	1,818	3,201	1,792	2,501
Kerja mahir pertanian dan perikanan	435	337	998	50	307
Pekerja pengeluaran[2]	15,365	11,154	9,593	8,571	7,466
Jumlah pemberhentian pekerja	**26,452**	**21,206**	**19,956**	**16,109**	**15,360**
Guna Tenaga Mengikut Industri[3] **('000 orang)**					
Pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan	1,418.0	1,413.2	1,406.9	1,401.3	1,392.4
Perlombongan dan kuari	41.6	42.2	42.6	42.7	42.6
Perkilangan	2,596.1	2,776.4	2,972.4	3,133.2	3,236.8
Pembinaan	767.3	774.6	767.3	759.6	755.2
Perkhidmatan	4,885.9	5,040.7	5,274.5	5,555.9	5,717.2
Elektrik, gas dan air	*81.7*	*85.5*	*89.9*	*93.0*	*95.0*
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	*519.5*	*548.7*	*594.3*	*630.6*	*646.4*
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	*1,672.6*	*1,698.1*	*1,786.4*	*1,927.0*	*1,986.1*
Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan	*624.4*	*657.5*	*695.0*	*734.4*	*771.0*
Perkhidmatan Kerajaan	*994.5*	*1,026.1*	*1,041.8*	*1,052.8*	*1,064.0*
Perkhidmatan-perkhidmatan lain	*993.1*	*1,024.8*	*1,067.1*	*1,118.1*	*1,154.7*
Jumlah guna tenaga	**9,709.0**	**10,047.2**	**10,463.7**	**10,892.8**	**11,144.1**
Kadar pengangguran (% tenaga kerja)[3]	**3.5**	**3.6**	**3.5**	**3.5**	**3.5**

[1] Merujuk kepada jumlah kekosongan jawatan yang dilaporkan oleh majikan melalui Bursa Buruh Elektronik
[2] Terdiri daripada pekerja dalam kerja pertukangan dan berkaitan; operator dan pemasangan loji dan mesin; dan pekerja am
[3] Merujuk kepada anggaran yang dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi
a Anggaran

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Sumber Manusia

Jadual A.7
Penunjuk Penggunaan Swasta

	2005	2006				
		S1	S2	S3	S4	Tahun
Jualan kenderaan penumpang ('000 unit)	426.9	91.9	99.9	100.0	82.4	374.2
Perubahan tahunan (%)	8.9	-9.5	-3.4	-9.7	-26.0	-12.3
Import barangan penggunaan (RM bilion)	24.6	6.4	6.8	7.4	7.4	27.9
Perubahan tahunan (%)	7.4	14.0	12.8	14.7	12.1	13.4
Kutipan cukai						
Cukai jualan (RM bilion)	7.1	1.2	1.8	1.5	1.6	6.1
Cukai perkhidmatan (RM bilion)	2.6	0.5	0.7	0.6	0.8	2.6
Wang Secara Kecil (M1)						
Perubahan tahunan (%)	8.5	5.7	10.1	11.5	13.8	13.8
Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan						
Kredit penggunaan (tidak termasuk kenderaan penumpang)						
Perubahan tahunan (%)	10.2	12.9	14.5	6.8	8.1	10.5
Perniagaan runcit, restoran dan hotel						
Perubahan tahunan (%)	16.5	7.0	-1.6	-13.7	-16.7	-6.8
Jualan runcit MRA (% perubahan tahunan)	6.2	9.6	9.2	6.8	6.0	7.5
Jumlah perbelanjaan kad kredit (RM bilion)	41.8	11.1	11.3	12.3	12.7	47.3
Perubahan tahunan (%)	13.0	12.7	15.3	14.0	11.5	13.3
Indeks Sentimen Pengguna MIER	-	90.1	104.2	107.5	110.9	-
Indeks Komposit Kuala Lumpur	899.8	926.6	914.7	967.6	1,096.2	1,096.2
Harga Komoditi						
Minyak sawit mentah (RM/tan)	1,398	1,427	1,411	1,529	1,716	1,521
Minyak mentah (USD/tong)	57	67	74	73	62	69
Getah (sen/kg)	523	689	778	760	608	709

Jadual A.8
Penunjuk Pelaburan Swasta

	2005	2006				
		S1	S2	S3	S4	Tahun
Jualan kenderaan perdagangan ('000 unit)	125.4	32.0	27.5	31.1	26.0	116.6
Perubahan tahunan (%)	31.4	25.2	-10.2	-15.0	-20.6	-7.1
Import barangan modal (RM bilion)	60.7	15.8	16.7	16.2	16.7	65.3
Perubahan tahunan (%)	9.5	27.8	7.9	-4.6	4.6	7.6
Kelulusan oleh MITI (sektor perkilangan)						
Bilangan projek	1,027	217	285	269	306	1,077
Pelaburan modal (RM bilion)	31.1	5.2	9.9	20.0	10.9	46.0
Asing	*17.9*	*3.9*	*2.9*	*7.0*	*6.5*	*20.2*
Tempatan	*13.2*	*1.4*	*7.0*	*13.0*	*4.4*	*25.8*
Pelaburan baru (% bahagian)	44.6	29.7	55.1	83.9	51.2	63.8
Pelaburan semula (% bahagian)	55.4	70.3	44.9	16.1	48.8	36.2
Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan						
Sektor perkilangan						
Perubahan tahunan (%)	4.2	-5.7	-7.8	-5.4	-3.4	-5.6
Sektor pembinaan						
Perubahan tahunan (%)	0.3	0.7	6.1	-4.3	2.2	1.1
Sekuriti hutang swasta (tidak termasuk Cagamas)						
Jumlah dana yang diperoleh (RM bilion)	35.7	6.9	8.8	7.9	8.1	31.7
Aktiviti baru	17.7	5.4	4.7	5.2	5.6	21.0
Tawaran Awam Permulaan (Bursa Malaysia)						
Jumlah dana yang diperoleh (RM bilion)	5.3	0.3	0.4	0.4	0.5	1.5
Tinjauan Keadaan Perniagaan MIER						
Indeks Keadaan Perniagaan	-	102.5	102.4	107.8	107.2	-
Kadar Penggunaan Kapasiti	-	79.8	79.8	83.2	82.4	-
Syarikat berstatus MSC						
Bilangan syarikat	258	48	60	67	132	307
Pelaburan yang diluluskan (RM bilion)	1.8	0.5	0.7	0.6	1.1	2.9

Jadual A.9
Imbangan Pembayaran

Butiran	2003			2004		
	+	-	Bersih	+	-	Bersih
	RM juta					
Barangan[1]	**397,969**	**300,207**	**97,762**	**481,240**	**376,766**	**104,474**
Akaun perdagangan	*397,884*	*316,538*	*81,347*	*481,253*	*399,632*	*81,621*
Perkhidmatan	**49,876**	**65,176**	**-15,300**	**63,717**	**72,496**	**-8,780**
Pengangkutan	10,615	24,101	-13,486	12,018	29,801	-17,783
Perjalanan	22,411	10,888	11,523	31,152	11,754	19,398
Perkhidmatan lain	16,384	29,395	-13,011	20,120	29,795	-9,675
Urus niaga Kerajaan t.d.t.l.[2]	466	793	-327	426	1,147	-721
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**447,846**	**365,383**	**82,462**	**544,956**	**449,262**	**95,694**
Pendapatan	**13,134**	**35,671**	**-22,537**	**16,023**	**40,572**	**-24,549**
Pampasan pekerja	2,201	3,161	-960	2,618	3,760	-1,142
Pendapatan pelaburan[3]	10,933	32,510	-21,577	13,405	36,812	-23,408
Pindahan semasa	**1,929**	**11,229**	**-9,300**	**1,700**	**16,333**	**-14,633**
Imbangan akaun semasa	**462,910**	**412,283**	**50,625**	**562,681**	**506,169**	**56,511**
% daripada KNK			**13.6**			**13.3**
Akaun modal			-			-
Akaun kewangan			**-12,146**			**16,791**
Pelaburan langsung			4,194			9,739
Di luar negeri			*-5,204*			*-7,833*
Di Malaysia			*9,398*			*17,572*
Pelaburan portfolio			4,168			31,965
Pelaburan lain			-20,508			-24,913
Sektor awam			*-11,201*			*2,427*
Sektor swasta			*-9,307*			*-27,340*
Imbangan akaun modal dan kewangan			**-12,146**			**16,791**
Kesilapan dan ketinggalan			**1,223**			**10,482**
antaranya:						
Penambahan (+) / pengurangan (-) nilai rizab hasil daripada penilaian semula pertukaran asing			11,927			7,997
Imbangan keseluruhan (lebihan + / defisit -)			**39,703**			**83,784**
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih[4]						
RM juta			167,812			251,596
Bersamaan USD juta			44,161			66,209
Rizab sebagai bilangan bulan import tertangguh			6.5			7.9

[1] Diselaraskan untuk penilaian dan liputan bagi asas imbangan pembayaran. Import termasuk barangan ketenteraan yang tidak dimasukkan dalam data perdagangan
[2] Termasuk urus niaga tentera asing dan pertubuhan-pertubuhan diplomatik
[3] Termasuk perolehan yang tidak diagihkan oleh syarikat-syarikat pelaburan langsung asing. Perolehan yang tidak diagihkan ini ditunjuk sebagai perolehan yang dilaburkan semula dibawah "Pelaburan Langsung" dalam Akaun Kewangan
[4] Semua harta dan tanggungan dalam mata wang asing dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan keuntungan/kerugian daripada penilaian tersebut telah diambil kira dalam akaun Bank

a Anggaran
r Ramalan
t.d.t.l. Tidak dicatat di tempat lain
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

2005			2006*a*			2007*r*		
+	-	Bersih	+	-	Bersih	+	-	Bersih
				RM juta				
536,955	**411,393**	**125,562**	**589,636**	**454,613**	**135,023**	**638,543**	**500,853**	**137,690**
533,788	*434,010*	*99,778*	*588,965*	*480,773*	*108,193*	*637,212*	*527,767*	*109,445*
74,127	**83,136**	**-9,010**	**77,960**	**85,314**	**-7,354**	**87,277**	**93,986**	**-6,710**
15,357	31,790	-16,433	16,271	34,919	-18,648	16,886	38,210	-21,324
33,500	14,051	19,449	35,324	13,717	21,607	43,368	16,980	26,388
24,842	36,518	-11,676	25,965	35,844	-9,879	26,604	37,912	-11,308
428	777	-350	401	834	-434	419	884	-465
611,082	**494,529**	**116,552**	**667,597**	**539,928**	**127,669**	**725,820**	**594,839**	**130,980**
20,346	**44,255**	**-23,908**	**30,451**	**50,276**	**-19,825**	**29,114**	**51,222**	**-22,108**
4,229	4,711	-482	4,844	5,166	-323	4,901	5,241	-340
16,117	39,543	-23,426	25,607	45,110	-19,503	24,213	45,981	-21,768
1,131	**18,095**	**-16,963**	**1,091**	**17,722**	**-16,630**	**1,046**	**17,266**	**-16,220**
632,559	**556,880**	**75,681**	**699,139**	**607,926**	**91,214**	**755,980**	**663,327**	**92,653**
		16.1			**17.3**			**16.3**
		-			-			
		-37,018			**-39,919**			
		3,771			4,343			
		-11,253			*-21,532*			
		15,024			*25,875*			
		-14,156			14,726			
		-26,633			-58,988			
		-3,150			*-8,018*			
		-23,484			*-50,970*			
		-37,018			**-39,919**			
		-25,111			**-26,045**			
		-15,496			-6,944			
		13,552			**25,251**			
		265,148			290,399			
		70,169			82,451			
		7.7			7.8			

Jadual A.10
Eksport Kasar

	2004	2005	2006*a*	2005	2006*a*	2006*a*
	RM juta			Perubahan tahunan (%)		% bahagian
Barangan Perkilangan	**390,938**	**429,873**	**473,213**	**10.0**	**10.1**	**80.3**
antaranya						
Keluaran elektronik, jentera dan peralatan elektrik	257,221	282,779	300,861	9.9	6.4	51.1
Keluaran elektronik	188,567	208,232	221,257	10.4	6.3	37.6
Separa konduktor	*89,272*	*89,967*	*93,505*	*0.8*	*3.9*	*15.9*
Kelengkapan dan komponen elektrik	*99,295*	*118,265*	*127,752*	*19.1*	*8.0*	*21.7*
Jentera dan peralatan elektrik	68,654	74,547	79,604	8.6	6.8	13.5
Keluaran elektrik pengguna	*22,249*	*22,632*	*19,099*	*1.7*	*-15.6*	*3.2*
Keluaran elektrik perindustrian dan komersial	*25,843*	*28,608*	*34,489*	*10.7*	*20.6*	*5.9*
Perkakas dan jentera elektrik perindustrian	*17,841*	*20,476*	*22,844*	*14.8*	*11.6*	*3.9*
Perkakasan elektrik isirumah	*2,721*	*2,831*	*3,172*	*4.0*	*12.0*	*0.5*
Bahan kimia dan keluaran kimia	27,836	29,718	32,893	6.8	10.7	5.6
Keluaran logam	15,969	17,157	22,817	7.4	33.0	3.9
Keluaran petroleum	13,421	16,729	21,274	24.7	27.2	3.6
Kelengkapan optik dan saintifik	11,615	12,318	13,558	6.1	10.1	2.3
Tekstil, pakaian dan kasut	10,350	10,520	11,226	1.6	6.7	1.9
Keluaran kayu	8,680	8,860	10,343	2.1	16.7	1.8
Keluaran getah	6,073	6,777	9,101	11.6	34.3	1.5
Mineral	**41,391**	**52,321**	**56,844**	**26.4**	**8.6**	**9.7**
antaranya:						
Minyak mentah dan kondensat	21,494	28,508	30,814	32.6	8.1	5.2
Gas asli cecair	17,189	20,790	23,285	21.0	12.0	4.0
Komoditi pertanian	**37,183**	**37,421**	**42,106**	**0.6**	**12.5**	**7.1**
antaranya						
Minyak sawit	20,842	19,036	21,643	-8.7	13.7	3.7
Getah	5,205	5,787	8,235	11.2	42.3	1.4
Eksport-eksport lain	**11,741**	**14,173**	**16,802**	**20.7**	**18.6**	**2.9**
Jumlah	**481,253**	**533,788**	**588,965**	**10.9**	**10.3**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.11
Eksport Komoditi Utama

	2004	2005	2006*a*	2005	2006*a*
	Jumlah dan nilai			Perubahan tahunan (%)	
Eksport komoditi (RM juta)	**78,574**	**89,742**	**98,950**	**14.2**	**10.3**
Eksport pertanian (RM juta)	**37,183**	**37,421**	**42,106**	**0.6**	**12.5**
antaranya:					
Minyak sawit					
('000 tan)	12,223	13,073	14,017	7.0	7.2
(RM/tan)	1,705	1,456	1,544	-14.6	6.0
(RM juta)	20,842	19,036	21,643	-8.7	13.7
Minyak isirong sawit					
('000 tan)	493	577	518	16.9	-10.1
(RM/tan)	2,355	2,347	1,969	-0.3	-16.1
(RM juta)	1,162	1,353	1,020	16.5	-24.6
Getah					
('000 tan)	1,108	1,128	1,143	1.8	1.3
(sen/kilogram)	470	513	721	9.2	40.5
(RM juta)	5,205	5,787	8,235	11.2	42.3
Kayu balak					
('000 meter padu)	5,312	5,759	4,772	8.4	-17.1
(RM meter padu)	402	428	474	6.4	10.7
(RM juta)	2,136	2,465	2,261	15.4	-8.3
Kayu siap digergaji					
('000 meter padu)	3,163	3,685	3,318	16.5	-9.9
(RM/meter padu)	1,119	1,099	1,306	-1.8	18.8
(RM juta)	3,541	4,051	4,333	14.4	7.0
Biji koko					
('000 tan)	9.4	9.3	13.5	-1.4	45.8
(RM/tan)	5,557	5,421	5,624	-2.4	3.7
(RM juta)	52	50	76	-3.9	51.2
Eksport mineral (RM juta)	**41,391**	**52,321**	**56,844**	**26.4**	**8.6**
antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat					
('000 tan)	18,047	17,719	16,304	-1.8	-8.0
(USD/tong)	41.24	55.93	67.82	35.6	21.3
(RM juta)	21,494	28,508	30,814	32.6	8.1
Gas asli cecair					
('000 tan)	20,525	21,948	21,534	6.9	-1.9
(RM/tan)	837	947	1,081	13.1	14.2
(RM juta)	17,189	20,790	23,285	21.0	12.0
Timah					
('000 tan)	30.1	33.6	19.4	11.7	-42.3
(RM/tan)	31,700	27,827	30,093	-12.2	8.1
(RM juta)	954	935	583	-2.0	-37.7

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.12
Pasaran Utama Eksport Barangan Perkilangan

Negara	2002	2003	2004	2005	2006*a*	2002	2003	2004	2005	2006*a*
	RM juta					% bahagian				
ASEAN	**78,981**	**82,481**	**99,086**	**110,946**	**121,973**	**26.2**	**25.3**	**25.3**	**25.8**	**25.8**
Singapura	55,917	57,367	65,516	73,872	80,201	18.5	17.6	16.8	17.2	17.0
Thailand	12,319	13,552	17,631	21,300	24,223	4.1	4.2	4.5	5.0	5.1
Indonesia	5,627	6,291	8,956	9,482	10,603	1.9	1.9	2.3	2.2	2.2
Filipina	4,249	4,346	6,037	5,287	6,005	1.4	1.3	1.5	1.2	1.3
Brunei Darussalam	869	925	946	1,005	941	0.3	0.3	0.2	0.2	0.2
Amerika Syarikat	72,116	74,918	85,586	100,045	105,739	23.9	23.0	21.9	23.3	22.3
Kesatuan Eropah[1]	**38,505**	**41,077**	**51,584**	**53,457**	**63,583**	**12.7**	**12.6**	**13.2**	**12.4**	**13.4**
Belanda	11,085	10,313	12,471	13,802	17,029	3.7	3.2	3.2	3.2	3.6
Jerman	7,071	8,053	9,267	9,992	11,087	2.3	2.5	2.4	2.3	2.3
United Kingdom	7,836	8,131	9,679	8,652	9,985	2.6	2.5	2.5	2.0	2.1
Lain-lain	12,513	14,580	20,167	21,011	25,482	4.1	4.4	5.1	4.9	5.4
Jepun	28,271	28,683	33,428	31,743	32,963	9.4	8.8	8.6	7.4	7.0
Republik Rakyat China	14,041	17,376	22,226	25,728	31,962	4.6	5.3	5.7	6.0	6.8
Hong Kong SAR	19,147	24,717	27,528	30,127	28,055	6.3	7.6	7.0	7.0	5.9
Timur Tengah[2]	5,992	7,485	10,570	12,901	15,608	2.0	2.3	2.7	3.0	3.3
Australia	5,951	7,116	9,555	10,591	11,108	2.0	2.2	2.4	2.5	2.3
China Taipei	11,216	11,610	11,867	10,247	10,601	3.7	3.6	3.0	2.4	2.2
Korea	7,797	7,123	9,199	9,308	10,276	2.6	2.2	2.4	2.2	2.2
Negara-negara Amerika Latin	3,031	2,939	4,157	4,641	5,959	1.0	0.9	1.1	1.1	1.3
Kanada	1,992	2,132	2,758	2,555	3,509	0.7	0.7	0.7	0.6	0.7
Negara-negara Lain	14,981	18,665	23,394	27,584	31,877	4.9	5.5	6.0	6.3	6.8
Jumlah	**302,021**	**326,322**	**390,938**	**429,873**	**473,213**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1] Termasuk 10 negara anggota baru mulai tahun 2004
[2] Bermula tahun 2004, Cyprus dikeluarkan dari Timur Tengah dan dimasukkan ke dalam Kesatuan Eropah
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.13
Pasaran Utama Eksport Keluaran Elektronik

Negara	2002	2003	2004	2005	2006*a*	2002	2003	2004	2005	2006*a*
	RM juta					% bahagian				
Amerika Syarikat	41,969	45,285	51,892	64,555	68,629	26.7	27.1	27.5	31.0	31.0
Singapura	33,000	32,042	33,412	35,049	34,830	21.0	19.1	17.7	16.8	15.7
Hong Kong SAR	12,641	18,005	19,607	21,649	18,657	8.0	10.8	10.4	10.4	8.4
Republik Rakyat China	7,838	9,002	10,825	13,183	17,240	5.0	5.4	5.7	6.3	7.8
Belanda	7,746	7,056	8,094	9,846	13,306	4.9	4.2	4.3	4.7	6.0
Jepun	11,226	10,465	11,208	10,273	11,432	7.1	6.3	5.9	4.9	5.2
Thailand	6,921	7,147	8,291	9,343	9,692	4.4	4.3	4.4	4.5	4.4
China Taipei	7,670	8,056	6,875	5,399	5,212	4.9	4.8	3.6	2.6	2.4
Jerman	3,804	4,535	5,159	5,153	5,125	2.4	2.7	2.7	2.5	2.3
Korea	4,555	3,455	4,437	4,179	4,250	2.9	2.1	2.4	2.0	1.9
Lain-lain	20,031	22,333	28,767	29,603	32,884	12.7	13.2	15.4	14.3	14.9
Jumlah	**157,401**	**167,381**	**188,567**	**208,232**	**221,257**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.14
Pasaran Utama Eksport Keluaran Elektrik

Negara	2002	2003	2004	2005	2006*a*	2002	2003	2004	2005	2006*a*
	RM juta					% bahagian				
Amerika Syarikat	17,430	16,354	18,163	19,005	19,071	31.7	29.5	26.5	25.5	24.0
Singapura	7,443	8,340	10,573	13,091	14,922	13.6	15.0	15.4	17.6	18.7
Jepun	7,584	6,758	7,659	7,542	6,190	13.8	12.2	11.2	10.1	7.8
Hong Kong SAR	2,483	2,398	2,551	2,987	3,423	4.5	4.3	3.7	4.0	4.3
Republik Rakyat China	1,580	2,094	2,947	3,365	3,081	2.9	3.8	4.3	4.5	3.9
Jerman	1,410	1,430	1,845	2,188	2,795	2.6	2.6	2.7	2.9	3.5
Thailand	1,558	1,643	2,305	2,544	2,647	2.8	3.0	3.4	3.4	3.3
United Kingdom	1,400	1,353	1,392	1,361	2,146	2.6	2.4	2.0	1.8	2.7
Lain-lain	14,009	15,100	21,219	22,464	25,329	25.5	27.2	30.8	30.2	31.8
Jumlah	**54,897**	**55,470**	**68,654**	**74,547**	**79,604**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.15
Pasaran Utama Eksport Bahan Kimia dan Keluaran Kimia

Negara	2002	2003	2004	2005	2006*a*	2002	2003	2004	2005	2006*a*
	RM juta					% bahagian				
Republik Rakyat China	2,294	2,930	4,020	4,001	4,261	13.3	13.8	14.4	13.5	13.0
Thailand	1,387	1,771	2,350	2,715	3,144	8.0	8.4	8.4	9.1	9.6
Jepun	1,750	2,105	3,016	3,005	3,017	10.2	9.9	10.8	10.1	9.2
Singapura	1,736	2,158	2,581	2,834	2,997	10.1	10.2	9.3	9.5	9.1
Indonesia	1,302	1,531	2,245	2,459	2,608	7.6	7.2	8.1	8.3	7.9
Hong Kong SAR	1,239	1,549	1,853	2,102	2,379	7.2	7.3	6.7	7.1	7.2
India	498	858	1,091	1,435	1,657	2.9	4.0	3.9	4.8	5.0
Korea	546	766	1,174	1,305	1,506	3.2	3.6	4.2	4.4	4.6
China Taipei	882	960	1,336	1,143	1,348	5.1	4.5	4.8	3.8	4.1
Amerika Syarikat	1,042	1,059	982	1,103	1,090	6.1	5.0	3.5	3.7	3.3
Lain-lain	4,552	5,513	7,188	7,616	8,886	26.3	26.1	25.9	25.7	27.0
Jumlah	**17,228**	**21,200**	**27,836**	**29,718**	**32,893**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.16
Pasaran Utama Eksport Minyak Sawit

Negara	2002	2003	2004	2005	2006*a*	2002	2003	2004	2005	2006*a*
	'000 tan					% bahagian				
Republik Rakyat China	1,940	2,502	2,827	2,885	3,532	17.9	20.0	23.1	22.1	25.2
Kesatuan Eropah[1]	1,478	1,647	1,862	2,135	2,582	13.6	13.2	15.2	16.3	18.4
Belanda	*847*	*974*	*1,135*	*1,364*	*1,703*	*7.8*	*7.8*	*9.3*	*10.4*	*12.1*
Jerman	*225*	*185*	*149*	*180*	*190*	*2.1*	*1.5*	*1.2*	*1.4*	*1.4*
Itali	*127*	*98*	*119*	*155*	*165*	*1.2*	*0.8*	*1.0*	*1.2*	*1.2*
Sweden	*102*	*106*	*114*	*103*	*220*	*0.9*	*0.8*	*0.9*	*0.8*	*1.6*
Lain-lain	*177*	*284*	*345*	*333*	*304*	*1.6*	*2.3*	*2.8*	*2.5*	*2.1*
Timur Tengah[2]	1,449	1,749	1,647	1,548	1,231	13.3	14.0	13.5	11.8	8.8
Pakistan	1,059	1,098	838	928	855	9.8	8.9	6.9	7.1	6.1
Amerika Syarikat	270	231	298	534	696	2.5	1.9	2.4	4.1	5.0
India	1,670	1,650	925	676	657	15.4	13.2	7.6	5.2	4.7
Jepun	434	430	458	438	498	4.0	3.4	3.7	3.4	3.5
Bangladesh	230	272	353	485	413	2.1	2.2	2.9	3.7	2.9
Korea	218	208	228	223	207	2.0	1.7	1.9	1.7	1.5
China Taipei	80	103	120	246	148	0.7	0.8	1.0	1.9	1.1
Australia	120	97	96	105	121	1.1	0.8	0.8	0.8	0.9
Lain-lain	1,909	2,500	2,571	2,870	3,077	17.6	19.9	21.0	21.9	21.9
Jumlah	**10,857**	**12,487**	**12,223**	**13,073**	**14,017**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1] Termasuk 10 anggota baru mulai tahun 2004
[2] Bermula tahun 2004, Cyprus dikeluarkan dari Timur Tengah dan dimasukkan ke dalam Kesatuan Eropah
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.17
Pasaran Utama Eksport Getah

Negara	2002	2003	2004	2005	2006*a*	2002	2003	2004	2005	2006*a*
	'000 tan					% bahagian				
Republik Rakyat China	129	207	289	386	406	13.9	21.9	26.1	34.2	35.5
Kesatuan Eropah[1]	309	306	355	320	327	33.3	32.3	32.1	28.3	28.6
Jerman	*119*	*129*	*149*	*132*	*144*	*12.8*	*13.6*	*13.4*	*11.7*	*12.6*
Perancis	*41*	*40*	*53*	*46*	*41*	*4.4*	*4.2*	*4.8*	*4.1*	*3.6*
Belanda	*15*	*12*	*20*	*28*	*21*	*1.6*	*1.3*	*1.8*	*2.5*	*1.9*
Itali	*28*	*29*	*29*	*24*	*22*	*3.1*	*3.0*	*2.6*	*2.1*	*1.9*
United Kingdom	*24*	*22*	*24*	*21*	*18*	*2.5*	*2.4*	*2.2*	*1.9*	*1.6*
Sepanyol	*17*	*17*	*24*	*13*	*11*	*1.9*	*1.8*	*2.2*	*1.2*	*0.9*
Lain-lain	*65*	*57*	*56*	*56*	*70*	*7.0*	*6.0*	*5.1*	*4.8*	*6.1*
Timur Tengah[2]	81	84	91	75	71	8.7	8.9	8.2	6.6	6.2
Iran	*45*	*48*	*55*	*40*	*45*	*4.8*	*5.1*	*4.9*	*3.6*	*3.9*
Turki	*24*	*25*	*25*	*24*	*20*	*2.6*	*2.7*	*2.2*	*2.2*	*1.7*
Lain-lain	*12*	*11*	*11*	*11*	*6*	*1.3*	*1.1*	*1.1*	*0.8*	*0.6*
Korea	59	69	64	74	67	6.3	7.3	5.7	6.6	5.8
Amerika Syarikat	81	77	74	67	64	8.7	8.1	6.7	6.0	5.6
Brazil	41	29	37	31	32	4.4	3.1	3.3	2.7	2.8
Kanada	28	14	19	17	15	3.1	1.4	1.7	1.5	1.4
Singapura	9	9	22	10	3	1.0	0.9	2.0	0.9	0.3
Lain-lain	191	151	157	148	158	20.6	16.1	14.2	13.2	13.8
Jumlah	**928**	**946**	**1,108**	**1,128**	**1,143**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1] Termasuk 10 anggota baru mulai tahun 2004
[2] Bermula 2004, Cyprus dikeluarkan dari Timur Tengah dan dimasukkan ke dalam Kesatuan Eropah
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.18
Pasaran Utama Eksport Minyak Mentah

Negara	2002	2003	2004	2005	2006*a*	2002	2003	2004	2005	2006*a*
	'000 tan					% bahagian				
India	2,462	3,396	3,081	3,496	4,463	15.2	19.0	17.1	19.7	27.3
Thailand	2,358	3,097	3,024	3,418	2,378	14.6	17.3	16.7	19.2	14.6
Australia	1,687	2,248	4,229	3,567	2,119	10.4	12.5	23.4	20.1	13.0
Indonesia	956	1,289	1,548	1,431	1,747	5.9	7.2	8.6	8.1	10.7
Singapura	203	468	890	1,638	1,478	1.3	2.6	4.9	9.2	9.1
Korea	1,838	1,271	1,316	1,389	1,433	11.4	7.1	7.3	7.9	8.8
Jepun	2,131	1,440	1,051	734	926	13.1	8.1	5.8	4.2	5.7
Filipina	511	610	406	743	471	3.2	3.4	2.3	4.1	2.9
New Zealand	604	402	205	299	424	3.7	2.2	1.1	1.7	2.6
Sri Lanka	485	425	420	358	357	3.0	2.4	2.3	2.0	2.2
Amerika Syarikat	412	937	682	314	282	2.5	5.2	3.8	1.8	1.7
Republik Rakyat China	1,723	2,013	1,036	240	79	10.6	11.2	5.8	1.4	0.5
Lain-lain	822	317	159	92	147	5.1	1.8	0.9	0.6	0.9
Jumlah	**16,192**	**17,913**	**18,047**	**17,719**	**16,304**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.19
Pasaran Utama Eksport Gas Asli Cecair

Negara	2002	2003	2004	2005	2006*a*	2002	2003	2004	2005	2006*a*
	'000 tan					% bahagian				
Jepun	10,782	12,477	12,284	13,884	12,360	71.8	72.1	59.8	63.3	57.4
Korea	2,303	2,679	4,599	4,820	5,748	15.4	15.5	22.4	22.0	26.7
China Taipei	1,857	2,101	2,834	3,054	3,306	12.4	12.1	13.8	13.9	15.4
Amerika Syarikat	-	54	299	-	-	-	0.3	1.5	-	-
Lain-lain	65	-	509	190	120	0.4	-	2.5	0.8	0.5
Jumlah	**15,007**	**17,311**	**20,525**	**21,948**	**21,534**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.20
Import mengikut Penggunaan Akhir

	2004	2005	2006*a*	2005	2006*a*	2006*a*
	RM juta			Perubahan tahunan (%)		% bahagian
Barangan modal	**55,482**	**60,734**	**65,257**	**9.5**	**7.4**	**13.6**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	48,367	53,939	56,868	11.5	5.4	11.8
Alat jentera dan perkakas untuk industri	*13,219*	*14,419*	*14,568*	*9.1*	*1.0*	*3.0*
Penjana kuasa, turbin dan motor elektrik	*4,435*	*5,198*	*5,793*	*17.2*	*11.5*	*1.2*
Alat kelengkapan pembinaan dan perlombongan	*1,117*	*982*	*1,080*	*-12.0*	*9.9*	*0.2*
Alat kelengkapan pengangkutan perusahaan	7,115	6,795	8,389	-4.5	23.5	1.7
Barangan pengantara	**287,884**	**308,335**	**335,532**	**7.1**	**8.8**	**69.8**
Makanan dan minuman, utama, khusus untuk industri	3,709	3,747	4,977	1.0	32.8	1.0
Makanan dan minuman, diproses, khusus untuk industri	5,070	4,605	5,457	-9.2	18.5	1.1
Bekalan perindustrian, t.s.t.l., utama	8,799	8,895	10,844	1.1	21.9	2.3
Bekalan perindustrian, t.s.t.l., diproses	81,176	87,704	96,471	8.0	10.0	20.1
Bahan api dan pelincir, utama	9,458	15,229	20,357	61.0	33.7	4.2
Bahan api dan pelincir lain, diproses	9,823	12,263	14,209	24.8	15.9	3.0
Alat ganti dan aksesori barang modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	160,679	163,660	172,047	1.9	5.1	35.8
Alat ganti dan aksesori elektronik dan alat kelengkapan telekomunikasi	*110,384*	*112,960*	*123,023*	*2.3*	*8.9*	*25.6*
Alat ganti dan aksesori untuk alat kelengkapan pengangkutan	9,170	12,232	11,170	33.4	-8.7	2.3
Barangan penggunaan	**22,879**	**24,600**	**27,894**	**7.5**	**13.4**	**5.8**
Makanan dan minuman, utama, khusus untuk penggunaan isi rumah	3,354	3,403	3,629	1.5	6.6	0.8
Makanan dan minuman, diproses, khusus untuk penggunaan isi rumah	5,558	5,877	6,096	5.7	3.7	1.3
Alat kelengkapan pengangkutan, bukan perusahaan	329	318	347	-3.4	9.4	0.1
Barangan pengguna, t.s.t.l.	13,639	15,002	17,822	10.0	18.8	3.7
Barangan pengguna tahan lama	*3,023*	*3,514*	*3,858*	*16.3*	*9.8*	*0.8*
Barangan pengguna separa tahan lama	*4,462*	*4,671*	*6,287*	*4.7*	*34.6*	*1.3*
Barangan pengguna tidak tahan lama	*6,154*	*6,817*	*7,677*	*10.8*	*12.6*	*1.6*
Barangan dwiguna	**9,107**	**11,308**	**12,196**	**24.2**	**7.8**	**2.5**
Bahan api dan pelincir, diproses minyak	4,740	6,424	7,292	35.5	13.5	1.5
Alat kelengkapan pengangkutan motokar penumpang	4,366	4,884	4,903	11.9	0.4	1.0
Barang-barang t.s.t.l.	**408**	**563**	**-331**	**38.0**	**-158.8**	**-0.1**
Transaksi bawah RM5,000	**6,531**	**6,608**	**7,305**	**1.2**	**10.6**	**1.5**
Import tertangguh	**382,290**	**412,148**	**447,852**	**7.8**	**8.7**	**93.2**
Eksport semula	**17,342**	**21,862**	**32,920**	**26.1**	**50.6**	**6.8**
Import kasar	**399,632**	**434,010**	**480,773**	**8.6**	**10.8**	**100.0**

a Awalan
t.s.t.l. Tidak disenarai di tempat lain
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.21
Hutang Luar Negeri dan Khidmat Bayaran Hutang

	2002	2003	2004	2005	2006*a*
	RM juta				
Hutang jangka sederhana dan panjang:					
Peminjaman kasar	**23,853**	**22,226**	**27,064**	**29,162**	**24,243**
Kerajaan Persekutuan	*10,465*	*3,190*	*1,136*	*651*	*834*
PABK	*3,655*	*5,140*	*11,545*	*6,431*	*7,106*
Sektor swasta	*9,732*	*13,896*	*14,383*	*22,080*	*16,304*
Bayaran balik dan prabayaran	**23,104**	**29,309**	**25,172**	**34,958**	**28,544**
Kerajaan Persekutuan	*2,445*	*6,854*	*1,015*	*4,154*	*3,887*
PABK	*6,942*	*12,437*	*12,645*	*13,911*	*11,741*
Sektor swasta	*13,717*	*10,019*	*11,512*	*16,893*	*12,916*
Peminjaman bersih	**749**	**-7,083**	**1,892**	**-5,796**	**-4,301**
Kerajaan Persekutuan	*8,020*	*-3,664*	*120*	*-3,503*	*-3,053*
PABK	*-3,287*	*-7,297*	*-1,100*	*-7,480*	*-4,636*
Sektor swasta	*-3,985*	*3,877*	*2,872*	*5,187*	*3,388*
Hutang terkumpul	**153,225**	**153,236**	**156,849**	**150,746**	**138,108**
Kerajaan Persekutuan	*36,283*	*37,284*	*34,654*	*30,000*	*25,005*
PABK	*64,330*	*59,535*	*62,244*	*56,233*	*48,253*
Sektor swasta	*52,612*	*56,417*	*59,951*	*64,513*	*64,850*
Komposisi mata wang (% bahagian)	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**
Dolar AS	*77.3*	*76.6*	*76.8*	*79.6*	*78.7*
Yen Japan	*14.3*	*12.9*	*12.8*	*11.7*	*11.7*
Lain-lain	*8.4*	*10.5*	*10.4*	*8.7*	*9.6*
Hutang jangka pendek:					
Hutang terkumpul	**32,435**	**33,500**	**43,737**	**46,953**	**41,285**
Sektor perbankan[1]	*21,894*	*23,321*	*35,333*	*38,871*	*28,812*
Sektor swasta bukan bank	*10,541*	*10,179*	*8,404*	*8,082*	*12,473*
Jumlah hutang luar negeri:	**185,660**	**186,736**	**200,586**	**197,698**	**179,393**
Jumlah hutang luar negeri (USD juta)	**48,858**	**49,141**	**52,786**	**51,790**	**50,302**
% KNK	*55.1*	*50.1*	*47.1*	*41.9*	*34.1*
Perubahan tahunan (%)	*7.1*	*0.6*	*7.4*	*-1.4*	*-9.3*
Jumlah khidmat bayaran hutang (termasuk pembayaran faedah hutang jangka pendek)	**27,832**	**28,627**	**24,866**	**32,800**	**31,438**
antaranya:					
Hutang jangka sederhana dan panjang					
Bayaran balik (tidak termasuk prabayaran)	**20,780**	**21,854**	**18,675**	**25,471**	**23,845**
Kerajaan Persekutuan	*2,445*	*3,861*	*1,015*	*4,154*	*3,887*
PABK	*6,942*	*10,017*	*10,713*	*10,166*	*9,666*
Sektor swasta	*11,393*	*7,976*	*6,947*	*11,152*	*10,292*
Bayaran faedah	**6,297**	**6,150**	**5,442**	**6,101**	**5,707**
Kerajaan Persekutuan	*1,692*	*1,883*	*1,758*	*1,729*	*1,678*
PABK	*3,430*	*3,287*	*2,684*	*3,182*	*2,722*
Sektor swasta	*1,174*	*979*	*1,000*	*1,190*	*1,307*
Nisbah khidmat bayaran hutang (% eksport barangan dan perkhidmatan)					
Jumlah hutang	**6.7**	**6.4**	**4.6**	**5.4**	**4.7**
Hutang jangka sederhana dan panjang	6.5	6.3	4.4	5.2	4.4
Kerajaan Persekutuan	*1.0*	*1.3*	*0.5*	*1.0*	*0.8*
PABK	*2.5*	*3.0*	*2.5*	*2.2*	*1.9*
Sektor swasta	*3.0*	*2.0*	*1.5*	*2.0*	*1.7*

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.22
Indeks Harga Pengguna

	Wajaran (%) (2000=100)	2003	2004	2005		Wajaran (%) (2005=100)[1]	2006
		Perubahan tahunan (%)					Perubahan tahunan (%)
Jumlah	100.0	1.2	1.4	3.0	Jumlah	100.0	3.6
antaranya:					*antaranya:*		
Makanan	33.8	1.3	2.2	3.6	Makanan dan minuman bukan alkohol	31.4	3.4
Minuman dan tembakau	3.1	1.6	7.8	10.5	Minuman alkohol dan tembakau	1.9	6.9
Pakaian dan kasut	3.4	-2.0	-1.8	-1.0	Pakaian dan kasut	3.1	-1.3
Sewa kasar, bahan api dan kuasa	22.4	0.9	1.0	1.2	Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	21.4	1.5
Perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah	5.3	-0.6	0.4	2.0	Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isirumah	4.3	1.1
Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan	1.8	1.7	1.4	1.6	Kesihatan	1.4	2.1
Pengangkutan dan perhubungan	18.8	1.6	0.8	4.4	Pengangkutan	15.9	11.0
					Komunikasi	5.1	-1.4
Perkhidmatan rekreasi, hiburan, pelajaran dan kebudayaan	5.9	0.6	-0.1	0.5	Perkhidmatan, pendidikan, rekreasi dan kebudayaan	4.6	0.7
					Pendidikan	1.9	1.6
					Restoran dan hotel	3.0	3.7
Pelbagai barang dan perkhidmatan	5.5	1.3	1.8	2.4	Pelbagai barang dan perkhidmatan	6.0	2.2

[1] Bermula 2006, Indeks Harga Pengguna telah disemak kepada tahun asas 2005=100, daripada 2000=100

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.23
Indeks Harga Pengeluar

	Wajaran (%) (1989=100)	2003	2004	2005		Wajaran (%) (2000=100)[1]	2006
		Perubahan Peratusan (%)					Perubahan Peratusan (%)
Jumlah	100.0	5.7	8.9	6.8	Jumlah	100.0	6.7
antaranya:					*antaranya:*		
Makanan dan binatang hidup yang boleh dimakan	14.9	-0.2	3.6	3.8	Makanan dan binatang hidup	5.3	3.2
Minuman-minuman dan tembakau	2.1	0.9	1.6	1.9	Minuman dan tembakau	1.0	3.0
Bahan mentah tak boleh dimakan kecuali bahanapi	18.0	7.5	6.6	3.0	Bahan mentah tak boleh dimakan kecuali bahan api	4.4	14.0
Minyak galian, pelicin dan bahan yang berhubungan	18.8	11.4	22.3	26.0	Minyak galian, pelicin dan bahan yang berhubungan	11.9	7.8
Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	8.5	15.7	13.2	-14.8	Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	3.8	3.0
Kimia dan keluaran kimia t.s.t.l.	4.4	1.4	4.3	2.2	Bahan kimia dan produk berkaitan t.s.t.l.	5.1	3.8
Barang perkilangan dijeniskan mengikut bahan	10.8	1.8	2.5	2.5	Barang keluaran kilang dijeniskan mengikut bahan	11.0	3.9
Alat jentera dan kelengkapan-pengangkutan	18.4	0.1	0.1	0.6	Jentera dan kelengkapan pengangkutan	50.5	7.3
Pelbagai barang keluaran kilang	3.6	0.9	0.6	1.8	Pelbagai barang keluaran kilang	6.7	6.0
Pelbagai perniagaan dan barangan yang tidak dikelaskan secara khusus dalam S.I.T.C.	0.6	0.5	0.2	0.0	Komoditi dan transaksi yang tidak dikelaskan di mana-mana dalam S.I.T.C.	0.4	13.4
Pengeluaran tempatan	79.3	6.8	10.3	7.9	Pengeluaran tempatan	65.7	9.0
Import	20.7	0.8	2.0	1.5	Import	34.3	2.2

[1] Bermula 2006, Indeks Harga Pengeluar telah disemak kepada tahun asas 2005=100, daripada 2000=100
t.s.t.l: Tidak disenarai di tempat lain
S.I.T.C: Standard International Trade Classification

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.24
Wang Secara Luas (M3)

	Perubahan tahunan					Pada akhir
	2002	2003	2004	2005	2006	2006
	RM juta					
Wang secara luas (M3)[1]	31,607	48,524	67,990	49,688	82,365	749,691
Mata wang dalam edaran[2]	1,751	2,233	2,594	1,629	3,335	33,501
Deposit permintaan	6,718	11,210	10,086	8,650	11,776	107,892
Separuh wang secara luas	23,138	35,082	55,311	39,409	67,254	608,298
Deposit tetap	*12,648*	*17,065*	*24,668*	*4,949*	*32,722*	*389,647*
Deposit tabungan	*5,590*	*5,602*	*6,129*	*1,947*	*5,195*	*75,729*
NID	*3,575*	*1,965*	*8,179*	*12,785*	*14,321*	*46,262*
Repo	*2,507*	*8,016*	*13,337*	*17,260*	*11,799*	*75,571*
Deposit mata wang asing	*-1,182*	*2,434*	*2,998*	*2,467*	*3,218*	*21,088*
Faktor Penentu M3						
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	11,538	12,949	-15,921	-5,376	9,240	-3,492
Tuntutan terhadap Kerajaan	*-867*	*3,960*	*4,536*	*-2,152*	*1,614*	*36,905*
Tolak: Deposit Kerajaan	*-12,405*	*-8,989*	*20,457*	*3,225*	*-7,626*	*40,396*
Tuntutan terhadap sektor swasta	27,737	31,287	30,602	44,423	34,714	676,084
Pinjaman	*19,288*	*21,468*	*39,753*	*44,840*	*36,779*	*596,722*
Sekuriti	*8,449*	*9,819*	*-9,151*	*-417*	*-2,065*	*79,362*
Operasi luar bersih	8,197	33,319	90,681	2,999	51,652	312,620
Bank Negara Malaysia[3]	*14,524*	*39,703*	*83,784*	*14,738*	*24,065*	*290,399*
Sistem perbankan	*-6,327*	*-6,383*	*6,898*	*-11,739*	*27,587*	*22,221*
Pengaruh lain	-15,865	-29,031	-37,373	7,642	-13,241	-235,521

[1] Tidak termasuk deposit yang disimpan sesama institusi perbankan
[2] Tidak termasuk pemegangan oleh sistem perbankan
[3] Termasuk kerugian/keuntungan penilaian semula kadar pertukaran

Jadual A.25
Bekalan Wang: Perubahan dan Kadar Pertumbuhan Tahunan

	2002		2003		2004		2005		2006	
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%
Mata wang dalam edaran	1,749	7.9	2,205	9.2	2,516	9.6	1,561	5.5	3,342	11.1
Deposit permintaan dalam bank perdagangan dan bank-bank Islam	6,595	11.3	10,827	16.6	9,649	12.7	8,194	9.6	13,759	14.7
M1[1]	8,344	10.3	13,032	14.6	12,164	11.9	9,755	8.5	17,101	13.8
Deposit lain dalam bank perdagangan dan bank-bank Islam[2]	12,686	4.5	29,487	10.0	95,937	29.6	72,261	17.2	84,938	17.3
Deposit di institusi perbankan yang lain[3,4]	10,576	9.9	6,005	5.1	-40,112	-32.5	-32,328	-38.7	-19,674	-38.5
M3[5]	31,607	6.7	48,524	9.7	67,990	12.4	49,688	8.0	82,365	12.3

[1] Terdiri daripada mata wang dalam edaran dan deposit permintaan sektor swasta
[2] Terdiri daripada deposit tabungan dan tetap, instrumen deposit boleh niaga (negotiable instruments of deposits, NID), repo dan deposit mata wang asing sektor swasta dalam bank perdagangan dan bank-bank Islam
[3] Terdiri daripada deposit tetap dan repo sektor swasta dalam syarikat kewangan, bank saudagar dan syarikat diskaun. Juga termasuk deposit tabungan dalam syarikat kewangan, NID dalam syarikat kewangan dan bank saudagar, deposit mata wang asing dalam bank saudagar dan deposit panggilan dalam syarikat diskaun. Tidak termasuk deposit yang disimpan sesama institusi perbankan
[4] Penurunan besar sejak tahun 2004 mencerminkan penyerapan syarikat kewangan ke dalam bank perdagangan
[5] Terdiri daripada M1 ditambah deposit sektor swasta dalam bank perdagangan dan bank-bank Islam dan deposit sektor swasta dalam institusi perbankan yang lain, iaitu syarikat kewangan, bank saudagar dan syarikat diskaun

Jadual A.26
Kadar Faedah (%)

	Kadar purata pada akhir tahun					Kadar purata pada akhir bulan pada tahun 2006											
	2001	2002	2003	2004	2005	Jan.	Feb.	Mac	Apr.	Mei	Jun	Jul.	Ogos	Sept.	Okt.	Nov.	Dis.
Antara bank semalaman	2.79	2.73	2.74	2.70	2.72	2.99	3.24	3.25	3.49	3.47	3.51	3.49	3.56	3.51	3.51	3.48	3.50
Antara bank 1 minggu	2.82	2.76	2.80	2.74	2.75	3.05	3.23	3.28	3.51	3.54	3.55	3.51	3.57	3.57	3.60	3.54	3.53
Antara bank 1 bulan	2.93	2.87	2.99	2.86	2.84	3.14	3.15	3.25	3.38	3.69	3.78	3.75	3.68	3.68	3.63	3.59	3.58
Bank perdagangan																	
Deposit tetap:																	
3 bulan	3.21	3.20	3.00	3.00	3.02	3.03	3.04	3.06	3.12	3.17	3.18	3.19	3.19	3.21	3.21	3.20	3.19
12 bulan	4.00	4.00	3.70	3.70	3.70	3.70	3.70	3.70	3.73	3.76	3.77	3.78	3.77	3.77	3.76	3.75	3.73
Deposit tabungan	2.28	2.12	1.86	1.58	1.41	1.42	1.43	1.44	1.46	1.47	1.47	1.46	1.46	1.46	1.46	1.48	1.48
Kadar pinjaman asas (BLR)	6.39	6.39	6.00	5.98	6.20	6.21	6.34	6.47	6.58	6.72	6.72	6.72	6.72	6.72	6.72	6.72	6.72
Bil Perbendaharaan (91 hari)	2.73	2.82	2.77	1.96	2.96	2.88	2.86	3.10	2.87	2.95	3.49	3.46	3.38	3.39	3.50	3.49	3.37
Sekuriti Kerajaan (1 tahun)	2.93	2.94	2.93	2.24	3.30	3.31	3.40	3.43	3.73	4.01	4.06	4.02	3.78	3.73	3.66	3.56	3.55
Sekuriti Kerajaan (5 tahun)	3.18	3.15	4.28	3.64	3.73	3.71	3.74	3.76	4.20	4.49	4.57	4.33	4.09	3.96	3.81	3.72	3.70
Sekuriti hutang swasta																	
AAA																	
3 tahun	3.97	3.91	3.86	4.06	3.76	4.03	4.17	4.24	4.40	4.68	4.82	4.82	4.58	4.41	4.22	4.08	4.01
5 tahun	4.49	4.50	4.35	4.81	4.29	4.45	4.54	4.57	4.73	4.98	5.12	5.09	4.86	4.66	4.45	4.32	4.26
AA																	
3 tahun	4.97	4.80	4.43	4.67	4.22	4.43	4.56	4.60	4.82	5.09	5.20	5.21	5.03	4.85	4.62	4.45	4.38
5 tahun	5.57	5.38	4.99	5.50	4.78	4.86	4.94	4.95	5.16	5.42	5.52	5.52	5.35	5.15	4.91	4.77	4.71
A																	
3 tahun	6.33	6.31	5.79	6.03	5.84	6.00	6.11	6.19	6.32	6.47	6.67	6.70	6.56	6.45	6.24	6.09	5.91
5 tahun	6.98	7.07	6.51	6.90	6.56	6.73	6.82	6.89	7.01	7.12	7.26	7.25	7.11	7.01	6.80	6.68	6.53
BBB																	
3 tahun	9.07	9.33	9.45	9.92	9.47	9.54	9.65	9.73	9.78	9.68	9.89	9.92	9.83	9.85	9.86	9.83	9.62
5 tahun	9.99	10.36	10.48	10.99	10.41	10.45	10.53	10.63	10.62	10.56	10.82	10.84	10.67	10.67	10.68	10.67	10.48
BB & ke bawah																	
3 tahun	11.59	11.62	11.35	11.96	11.79	12.05	12.15	12.14	12.14	12.21	12.40	12.53	12.33	12.37	12.22	12.22	12.03
5 tahun	12.63	12.83	12.47	13.21	12.95	13.07	13.19	13.32	13.33	13.42	13.67	13.64	13.38	13.40	13.28	13.30	13.05

Jadual A.27
Pergerakan Ringgit

	RM berbanding dengan satu unit mata wang asing[1]			Perubahan tahunan (%)		Perubahan (%)
	2005	2005	2006	2005	2006	21 Jul.'05 -
	Jul. 21[2]	Akhir-Dis.				Dis. 2006
SDR	5.5049	5.4020	5.3069	8.9	1.8	3.7
Dolar Amerika Syarikat	3.8000	3.7800	3.5315	0.5	7.0	7.6
Dolar Singapura	2.2570	2.2714	2.3028	2.4	-1.4	-2.0
100 yen Jepun	3.3745	3.2229	2.9675	14.9	8.6	13.7
Paun sterling	6.6270	6.5226	6.9315	12.2	-5.9	-4.4
Franc Swiss	2.9588	2.8825	2.8915	16.3	-0.3	2.3
Euro	4.6212	4.4867	4.6460	15.3	-3.4	-0.5
100 Thai baht	9.0681	9.2049	9.8111	6.1	-6.2	-7.6
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0385	0.0393	6.2	-2.1	-1.6
100 won Korea	0.3665	0.3739	0.3797	-1.8	-1.5	-3.5
100 peso Filipina	6.8131	7.1254	7.2027	-5.0	-1.1	-5.4
Renminbi China	0.4591	0.4686	0.4523	-2.0	3.6	1.5

[1] Kadar Dolar Amerika Syarikat ialah kadar purata belian dan jualan pada pukul 12.00 tengahari dalam Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Antara Bank Kuala Lumpur
Kadar bagi mata wang asing selain daripada Dolar Amerika Syarikat ialah kadar silang yang diperoleh daripada kadar mata wang asing tersebut berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat dan kadar RM/USD

[2] Ringgit bertukar daripada kadar pertukaran tetap ringgit berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat kepada apungan terurus berbanding dengan sekumpulan mata wang

Jadual A.28
Institusi Kredit Perumahan

	Tahun penubuhan	Objektif	Kadar pemberian pinjaman untuk pinjaman perumahan baru (%)		Bilangan cawangan	
			2005	2006	2005	2006
Bank perdagangan[1]	-		2.9[2]	4.1[2]	2,225[3]	2,120[3]
Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan	1970	Menyediakan pinjaman perumahan untuk kakitangan Kerajaan	4.0	4.0	1	1
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	1954	Koperasi yang memobilisasikan tabungan dan menyediakan perkhidmatan pembiayaan kepada ahli dan bukan ahli	7.2	7.3	106	110
Malaysia Building Society Berhad	1950	Untuk menjadi institusi kewangan yang berasaskan pengguna dengan menawarkan aktiviti pinjaman harta benda dan pengambilan deposit, ke arah mewujudkan pengurusan kekayaan untuk pelanggan yang dihargai	2.0 ~ 9.25	1.0 ~ 9.25	22	22
Borneo Housing Mortgage Finance Berhad	1958	Menyediakan pinjaman perumahan khususnya untuk kakitangan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak	3.0 ~ 8.75	3.0 ~ 8.75	2	2
Bank Simpanan Nasional	1974	Memberi tumpuan kepada perbankan runcit dan pembiayaan persendirian terutamanya untuk penabung kecil	5.5[1]	6.9[1]	390	379
Perbadanan Pinjaman Sabah	1955	Untuk meningkatkan pembangunan sosioekonomi rakyat Malaysia di Sabah melalui akses kepada kredit kewangan yang mudah	3.0 ~ 10.5	3.0 ~ 7.5	10	10

[1] Kadar pinjaman purata 12 bulan
[2] Tidak termasuk bank-bank Islam
[3] Termasuk bank-bank Islam

Sumber: Bank Negara Malaysia dan pelbagai institusi kredit perumahan

Jadual A.29
Pinjaman Perumahan Terkumpul

	2005	2006*a*	2005	2006*a*	2005	2006*a*
	RM juta		Perubahan tahunan (%)		% bahagian	
Bank perdagangan[1]	148,329	162,291	17.9	9.4	82	83
Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan	25,395	25,709	1.4	1.2	14	13
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	3,592	4,741	42.6	32.0	2	2
Malaysia Building Society Berhad	487	779	-74.0	60.0	...	...
Borneo Housing Mortgage Finance Berhad	713	721	1.0	1.2	...	...
Bank Simpanan Nasional	1,372	2,207	29.6	60.9	1	1
Perbadanan Pinjaman Sabah	221	204	-7.8	-7.6	...	...
Jumlah	**180,109**	**196,652**	**14.5**	**9.2**	**100**	**100**

[1] Termasuk bank-bank Islam
a Awalan
... Terlalu kecil

Sumber: Bank Negara Malaysia dan pelbagai institusi kredit perumahan

Jadual A.30
Pinjaman Perumahan yang Diluluskan

	2005	2006a	2005	2006*a*	2005	2006*a*
	RM juta		Perubahan tahunan (%)		% bahagian	
Bank perdagangan[1]	36,482	33,237	6.9	-8.9	84	82
Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan	4,188	4,134	2.5	-1.3	10	10
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	1,111	812	6.8	-26.9	2	2
Malaysia Building Society Berhad	902	1,084	-33.6	20.2	2	3
Borneo Housing Mortgage Finance Berhad	62	70	-30.1	12.3	...	...
Bank Simpanan Nasional	848	1,408	240.8	66.0	2	3
Perbadanan Pinjaman Sabah	8	11	35.5	33.9	...	...
Jumlah	**43,601**	**40,756**	**6.4**	**-6.5**	**100**	**100**

[1] Termasuk bank-bank Islam
a Awalan
... Terlalu kecil

Sumber: Bank Negara Malaysia dan pelbagai institusi kredit perumahan

Jadual A.31
Kewangan Sektor Awam Disatukan

	2003	2004	2005	2006*a*	2007*r*
	RM bilion				
Hasil[1]	92.6	95.0	95.0	105.3	111.0
% perubahan	*11.7*	*2.6*	*-0.1*	*10.8*	*5.5*
Perbelanjaan mengurus	83.6	101.0	106.6	117.4	124.1
% perubahan	*11.3*	*20.8*	*5.5*	*10.1*	*5.7*
Lebihan semasa PABK[2]	55.1	81.3	85.0	116.7	128.0
Lebihan semasa	**64.1**	**75.3**	**73.3**	**104.5**	**114.9**
% daripada KDNK	***16.2***	***16.7***	***14.8***	***19.1***	***19.5***
Perbelanjaan pembangunan bersih[3]	83.3	56.7	64.5	84.4	85.7
% perubahan	*20.5*	*-31.9*	*13.6*	*30.9*	*1.6*
Sektor kerajaan[4]	43.2	32.1	30.1	38.4	*45.1*
PABK	40.2	24.6	34.4	46.0	*40.6*
Imbangan keseluruhan	**-19.2**	**18.5**	**8.8**	**20.2**	**29.2**
% daripada KDNK	***-4.9***	***4.1***	***1.8***	***3.7***	***5.0***

[1] Tidak termasuk bayaran pindahan di antara sektor kerajaan
[2] Merujuk kepada 34 PABK pada tahun 2003; 30 PABK pada tahun 2004 dan berikutnya
[3] Mengambil kira bayaran pindahan dan pinjaman bersih di antara sektor awam
[4] Terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan dan badan berkanun
a Anggaran
r Ramalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK)

Jadual A.32
Negara Perindustrian Utama: Penunjuk Ekonomi Utama

	2002	2003	2004	2005	2006*a*	2007*r*
	Perubahan tahunan (%)					
KDNK BENAR						
Negara Perindustrian Utama	**1.5**	**1.9**	**3.2**	**2.6**	**2.9**	**2.5**
Amerika Syarikat	1.6	2.5	3.9	3.2	3.3	2.7
Jepun	0.3	1.5	2.7	1.9	2.2	1.9
Kawasan euro	0.9	0.8	1.7	1.4	2.7	2.4
Jerman	*0.0*	*-0.2*	*1.2*	*0.9*	*2.7*	*2.2*
United Kingdom	2.1	2.7	3.3	1.9	2.7	2.8
INFLASI						
Negara Perindustrian Utama	**1.5**	**1.8**	**2.0**	**2.3**	**2.3**	**2.3**
Amerika Syarikat	1.6	2.3	2.7	3.4	3.2	2.9
Jepun	-0.9	-0.2	0.0	-0.3	0.2	0.7
Kawasan euro	2.2	2.1	2.1	2.2	2.2	2.4
Jerman	*1.4*	*1.0*	*1.8*	*1.9*	*1.8*	*2.6*
United Kingdom[1]	1.3	1.4	1.3	2.1	2.3	2.4
	% daripada tenaga pekerja					
PENGANGGURAN						
Negara Perindustrian Utama						
Amerika Syarikat	5.8	6.0	5.5	5.1	4.6	4.9
Jepun	5.4	5.2	4.7	4.4	4.1	4.0
Kawasan euro	8.2	8.7	8.8	8.6	7.8	7.7
Jerman	*8.7*	*9.1*	*9.5*	*9.5*	*8.1*	*7.8*
United Kingdom	5.2	5.0	4.8	4.7	5.4	5.1
	% daripada KDNK					
IMBANGAN AKAUN SEMASA						
Negara Perindustrian Utama						
Amerika Syarikat	-4.5	-4.8	-5.7	-6.4	-6.4	-6.2
Jepun	2.9	3.2	3.7	3.7	3.9	3.5
Kawasan euro	0.6	0.4	0.9	-0.1	-0.1	-0.2
Jerman	*2.0*	*1.9*	*3.7*	*4.0*	*4.2*	*4.0*
United Kingdom	-1.6	-1.3	-1.6	-2.4	-2.4	-2.3
IMBANGAN FISKAL[2]						
Negara Perindustrian Utama						
Amerika Syarikat	-2.6	-3.8	-3.7	-2.9	-2.5	-2.8
Jepun	-6.7	-6.8	-5.8	-5.4	-5.2	-5.1
Kawasan euro	-2.0	-2.3	-2.4	-2.0	-1.8	-1.7
Jerman	*-1.7*	*-1.8*	*-2.3*	*-2.5*	*-1.9*	*-1.7*
United Kingdom	-1.8	-3.6	-3.2	-3.1	-3.1	-2.8

[1] Berdasarkan indeks harga pengguna terharmoni Eurostat
[2] Merujuk kepada imbangan fiskal kerajaan pusat
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: *IMF World Economic Outlook, September 2006*
Pihak berkuasa negara

Jadual A.33
Asia Timur: Penunjuk Ekonomi Utama

	2002	2003	2004	2005	2006*a*	2007*r*
KDNK BENAR	Perubahan tahunan (%)					
Negara Serantau						
Republik Rakyat China	9.1	10.0	10.1	10.4	10.7	9.8
Korea	7.0	3.1	4.7	4.0	5.0	4.4
China Taipei	4.2	3.4	6.1	4.1	4.6	4.3
Singapura	4.2	3.1	8.8	6.6	7.9	4.5 ~ 6.5
Hong Kong SAR	1.8	3.2	8.6	7.5	6.8	4.5 ~ 5.5
Malaysia	4.4	5.5	7.2	5.2	5.9	6.0
Thailand	5.3	7.1	6.3	4.5	5.0	4.0 ~ 5.0
Indonesia	4.4	4.9	5.1	5.6	5.5	5.7 ~ 6.3
Filipina	4.4	4.9	6.2	5.0	5.4	6.1 ~ 6.7
HARGA PENGGUNA	Perubahan tahunan (%)					
Negara Serantau						
Republik Rakyat China	-0.8	1.2	3.9	1.8	1.5	2.0
Korea	2.7	3.6	3.6	2.7	2.2	2.6
China Taipei	-0.2	-0.3	1.6	2.3	0.6	1.8
Singapura	-0.4	0.5	1.7	0.5	1.0	0.5 ~ 1.5
Hong Kong SAR[1]	-3.0	-2.6	-0.4	1.0	2.0	1.5
Malaysia	1.8	1.2	1.4	3.0	3.6	2.0 ~ 2.5
Thailand	0.7	1.8	2.7	4.5	4.7	1.5 ~ 2.5
Indonesia	11.9	6.8	6.1	10.4	13.3	5.0 ~ 7.0
Filipina	3.0	3.5	6.0	7.6	6.3	4.0 ~ 5.0
IMBANGAN AKAUN SEMASA	% daripada KDNK					
Negara Serantau						
Republik Rakyat China	2.4	2.8	3.6	7.2	7.2	7.2
Korea	1.0	2.0	4.1	2.1	0.4	0.3
China Taipei	8.7	9.8	5.7	4.7	5.8	5.9
Singapura	13.4	24.1	24.5	28.5	28.5	27.3
Hong Kong SAR	7.6	10.4	9.5	11.4	8.7	7.8
Malaysia	8.4	12.8	12.6	15.3	16.7	15.7
Thailand	5.5	5.6	4.2	-2.1	-0.8	-1.3
Indonesia	4.0	3.5	0.6	0.3	0.2	0.6
Filipina	-0.5	0.4	1.9	2.4	2.4	1.7
IMBANGAN FISKAL[2]	% daripada KDNK					
Negara Serantau						
Republik Rakyat China	-3.0	-2.4	-1.5	-1.3	-1.3	-1.1
Korea	3.9	1.8	0.7	0.6	t.d.	t.d.
China Taipei	-3.0	-2.5	-2.1	-1.6	-2.4	-1.9
Singapura	0.1	-1.2	-0.1	0.7	-0.6	-0.3
Hong Kong SAR	-4.8	-3.3	-0.3	1.0	3.7	1.7
Malaysia	-5.6	-5.3	-4.3	-3.8	-3.5	-3.4
Thailand	-1.4	0.4	-1.5	2.4	2.1	t.d.
Indonesia	-1.7	-1.9	-1.4	-0.5	-1.3	-1.1
Filipina	-5.3	-4.6	-3.9	-2.7	-1.0	-0.9

[1] Merujuk kepada harga komposit
[2] Merujuk kepada imbangan kerajaan pusat
a Anggaran
r Ramalan
t.d. Tidak diperoleh

Sumber: Sumber Negara
IMF World Economic Outlook, September 2006